

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 38

Isnin

31 Oktober 2016

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2017 (Halaman 29)

## **USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 28)

Usul Anggaran Pembangunan 2017 (Halaman 29)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 31 Oktober 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi menyatakan jumlah terkini *stockpile* CPO dan apakah langkah kementerian dalam menangani isu penurunan harga kelapa sawit.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Simpang Renggam, stok akhir minyak sawit negara pada bulan September 2016 adalah sebanyak 1.55 juta tan berbanding 1.46 juta tan yang tercatat pada bulan Ogos 2016. Purata stok akhir minyak sawit negara bagi tempoh bulan Januari hingga bulan September 2016 adalah sebanyak 1.82 juta tan berbanding 2.15 juta tan bagi tempoh yang sama pada tahun 2015.

Kesan daripada kejatuhan stok minyak sawit yang ketara tersebut, banyak harga minyak sawit mentah (CPO) telah menunjukkan arah aliran peningkatan di pasaran. Harga CPO mencatatkan pada RM2,862 setan pada bulan September 2016 berbanding RM2,591.50 setan pada bulan Ogos 2016. Purata harga CPO pada bulan Januari hingga bulan September 2016 dicatatkan pada RM2,556 setan berbanding RM2,150.50 setan bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini harga CPO berada di paras yang stabil iaitu RM2,802 setan. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil pelbagai langkah bagi memastikan sebarang penurunan harga minyak sawit tidak memberi kesan kepada pengguna dan industri. Antaranya termasuk:

- (i) melaksanakan program Biodiesel B7. Adunan 7 peratus CPO dan 93 peratus biodiesel petroleum di seluruh negara mulai bulan November 2014. Program B7 akan menggunakan 575,000 metrik

tan minyak sawit setahun. Penghujung tahun 2016, kerajaan akan melaksanakan Program B10, adunan 10 peratus CPO sawit dan 90 peratus diesel petroleum di sektor pengangkutan bagi meningkatkan lagi permintaan terhadap minyak sawit yang seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan harga *crude palm oil* (CPO) di pasaran;

- (ii) menyediakan dana sebanyak RM100 juta untuk Skim Insentif Tanam Semula 2015. Tujuan skim adalah untuk mengurangkan pengeluaran hasil buah sawit supaya menyumbang kepada penurunan paras stok minyak sawit dan seterusnya akan membantu peningkatan harga minyak sawit di pasaran;
- (iii) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru berdasarkan sawit seperti *tocotrienol* dan minyak sawit merah untuk dikomersialkan untuk pihak industri; dan
- (iv) memperkuatkan pasaran eksport sedia ada serta menembusi pasaran-pasaran baru melalui misi promosi dan teknikal ke luar negara. Di peringkat antarabangsa, Malaysia dan Indonesia akan bekerjasama melalui penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) bagi membangun dan memperkuatkan industri sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi akan terus meninjau langkah-langkah jangka pendek dan panjang ke arah memperkuatkan harga komoditi sawit. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Elok juga jawapan kita ringaskan macam MQT dalam masa tiga minit jawapan Yang Berhormat Menteri. Ini makan masa tujuh minit. Sila Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu kementerian memperkenalkan biodiesel B7 pada tempoh tahun mengurangkan *stockpile* CPO. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kerana kita juga sering mendengar ada suara bantahan daripada seperti BMW ataupun *Malaysian Automotive Association* (MAA) bahawa B10 diesel boleh merosakkan enjin. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menangani

masalah ini bagi meningkatkan kepercayaan ataupun *confidence* dalam pasaran? Terima kasih.

■1010

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Simpang Renggam yang membuat soalan tambahan yang begitu menarik.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan adalah untuk memperkenalkan adunan-adunan di antara biodiesel, petroleum dengan minyak kelapa sawit. Tujuan sebenarnya antara lain ialah supaya penggunaan minyak kelapa sawit itu akan bertambah. Sebenarnya dengan adanya 7 peratus B7 sekarang ini, kita telah menggunakan 575,000 metrik tan minyak kelapa sawit di dalam negara untuk diadunkan dengan minyak biodiesel. Maka tentu sekali dengan pertambahan peningkatan kepada B10 yang dirancang oleh kerajaan untuk dilaksanakan pada penghujung tahun ini juga akan menambah lebih banyak lagi penggunaan minyak kelapa sawit di dalam negara untuk dengan sendirinya akan menaikkan harga minyak kelapa sawit itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang ada bantahan-bantahan daripada pelbagai pihak, daripada *stakeholders*. Akan tetapi kementerian terus-menerus berbincang, *engaged* dengan pihak-pihak ini. Sebenarnya untuk memastikan penggunaan B10 itu ataupun Dasar B10 itu berjalan dengan lancar, MPIC telah melaksanakan banyak kajian dengan menggunakan pelbagai kereta untuk memastikan tidak ada masalah yang timbul.

Berhubung dengan BMW, kementerian masih lagi berusaha berbincang dengan BMW untuk menyelesaikan apa juga masalah yang ada. Semoga syarat-syarat yang telah ditetapkan, dikenakan oleh biodiesel oleh BMW dengan penggunaan B10 ini akan dapat diatasi menjelang hujung tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan rombongan pimpinan masyarakat wanita daripada Parlimen Rantau Panjang ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya, hasil daripada penurunan harga kelapa sawit kita tengok memberikan kesan yang besar juga kepada pendapatan FELDA dan terutama kepada peneroka FELDA. Mutakhir ini kita mendapat makluman daripada peneroka, bayaran dividen kepada peneroka daripada sebelum ini dua kali seminggu, maknanya lapan kali sebulan, telah dikurangkan kepada satu kali sebulan.

Jadi apakah puncanya? Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, adakah kerana FELDA sudah tidak cukup wang? Akan tetapi kita tengok masih lagi

berlakunya projek-projek besar seperti pembinaan stadium di Jengka, Pahang dengan menelan kos hampir RM87 juta dan juga penajaan pasukan bola sepak FELDA. Jadi, sejauh mana pertimbangan hasil FELDA ini betul-betul dimanfaatkan kepada peneroka FELDA. Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. FELDA bukan di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri ya.

**2. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah mengatasi isu yang berlanjutan dihadapi penduduk sepanjang pantai Batu Pahat, Benut. Isu hakisan pantai, isu menangani fenomena air pasang besar dan kenaikan paras air yang menyebabkan banjir kilat, dan air bertakung merosak tanaman dan kebun.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, hakisan pantai yang berlaku di daerah Batu Pahat sepanjang tiga kilometer di Pantai Senggarang hingga Tanjung Labuh – cabaran kepada pantai-pantai negara yang menerima pukulan ombak yang kuat telah menjelaskan profil pantai negara. Banyak hakisan telah berlaku yang telah mengurangkan boleh guna tanah sepanjang pesisiran pantai.

Di samping itu, isu air pasang besar juga berlaku sering dikaitkan dengan kejadian hakisan di pesisiran pantai. Di kawasan pesisiran pantai daerah Batu Pahat, paras air laut tertinggi adalah antara 3.1 meter hingga 3.3 meter. Pada keadaan air pasang ini, tidak akan menyebabkan limpahan air secara serius. Walau bagaimanapun, ada waktunya air laut melimpah bergantung kepada profil muka bumi di beberapa kawasan yang sememangnya rendah.

JPS telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi menangani masalah itu. Antaranya adalah menjalankan kerja-kerja pengorekan muara iaitu muara Sungai Perpat dan Sungai Punggur di Rengit dan kerja-kerja pemasangan tembok penahan hakisan di muara Sungai Perpat. Di samping itu kerja-kerja yang sedang dijalankan ialah kerja-kerja menaik taraf pembaikan benteng serta meninggikan benteng pesisiran pantai di daerah Batu Pahat dengan kos sebanyak RM2 juta. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan. Mutakhir ini kawasan yang paling teruk dilanda hakisan ialah kawasan daripada Punggur ke Rengit. Di kawasan Punggur, ini pusat rekreasi, seeloknya ada pemecah pantai atau pemecah ombak. Tidak cukup

dengan benteng sahaja kerana kalau ada pemecah ombak dan kawasan yang mereka sebutkan sebagai kawasan rekreasi itu akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengunjung-pengunjung.

Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian juga banyak dibuat oleh UTHM, UKM. Saya juga ingin tahu setakat mana kajian ini dimanfaatkan, bagaimana, apakah cadangan-cadangan yang mereka cadangkan itu dimanfaatkan? Kalau dimanfaatkan, setakat mana ia dimanfaatkan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Memang benar ada beberapa kawasan seperti yang saya sebutkan tadi, air melimpah ke kawasan pantai. JPS sentiasa mengambil perhatian tentang kejadian tersebut. Pada masa ini pun, JPS turut menjalankan kerja-kerja bukan sahaja pembaikan malahan kerja-kerja menahan hakisan pantai berlaku. Di antaranya ialah selain daripada pembinaan benteng ialah seperti yang saya sebutkan tadi, projek memecahkan ombak menggunakan kaedah sauh ini antaranya seperti yang telah pun dibina di Sabak Bernam, Selangor. Itu di antaranya.

Maknanya projek berjalan secara berterusan. Cuma tentang kajian yang telah dibuat oleh pihak universiti tersebut, JPS mengambil maklum dan JPS terpaksa mengambil kira semua input yang dikemukakan termasuklah tentang fenomena perubahan cuaca yang serius berlaku sekarang ini akibat daripada pemanasan global. Jadi, segala input perlu diambil kira, perlu dimasukkan supaya penyelesaian secara holistik dapat dilakukan dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, banjir kilat ini bukan beberapa bandar punya masalah sahaja. Contoh macam di Bintulu, kita mempunyai agensi di sana iaitu DID. Saya nampak ada kesusahan komunikasi bersama-sama agensi-agensi yang lain. Di Bintulu pergi Batu 5 sana, tinggal sana Batu 3, buat satu perparitan di sambung keluar pergi sungai tetapi *alignment* itu saya tidak faham kenapa tidak boleh *communicate*, dapat bersama Bintulu sama pihak *authority* dengan JKR? Sekarang ia punya perparitan itu buat serupa macam ular. Bila hujan, air tidak keluar lancar. Jadi banjir kilat.

Jadi isu begini bolehkah kementerian berbincang dengan agensi kita, bekerjasama dengan lain-lain agensi yang tersedia ada. Saya mahu tanya Timbalan Menteri, boleh atau tidak perkara ini selesai.

■1020

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, saya memang suka dengan soalan ini. Pertamanya, saya hendak bagi tahu. Yang

Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada Santubong telah pun melawat Bintulu, paling tidak pun sekali tahun ini. Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan pihak JPS melihat semula keseluruhan sistem saliran yang sedia ada. Bukan sahaja di Bintulu, malahan di seluruh negara. Terutamanya seperti yang disebut oleh pihak Yang Berhormat Bintulu tentang penyelarasan di antara JPS, Jabatan Kerja Raya dan juga jabatan-jabatan lain termasuklah pihak berkuasa tempatan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, penyelesaian terhadap isu ini, sebagiannya termasuk dalam cadangan atau draf Rang Undang-undang Sumber Air Negara. Cuma ramai pihak masih lagi keliru tentang rang undang-undang tersebut kerana mereka menganggap bahawa rang undang-undang ini lebih tertumpu kepada kawasan hulu ataupun kawasan lembangan sungai. Sedangkan rang undang-undang ini termasuklah sistem saliran air keseluruhan yang melibatkan sungai dan parit-parit yang berkaitan selain daripada perkhidmatan air. Maknanya kita cuba menyelesaikan secara holistik berdasarkan ataupun bersumberkan kepada penguatkuasaan Rang Undang-undang Sumber Air Negara yang akan *insya-Allah* diterima pakai oleh semua negeri di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Hendak tanya juga sebab negeri Batu Pahat.

**Timbalan Yang di-Pertua[Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Batu Pahat dengan Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Kita sebelah, sungai pun sama.

**Timbalan Yang di-Pertua[Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik semula pada soalan yang ditanya Yang Berhormat Batu Pahat sebab sungai Batu Pahat ini dia bersambung, dia satu sungai sahaja. Jadi kebanyakannya berada di kawasan saya. Termasuklah hakisan.

Jadi soalan tambahan saya kepada kementerian adalah saya nak tanya mengenai perancangan. Perancangan oleh pihak kementerian untuk memastikan perlindungan, pembangunan, pengurusan, pengawalan sumber air agar hakisan ini dapat kita kurangkan dan juga memberi manfaat pada semua pihak. Tidak kira lah penduduk itu berada di Batu Pahat ataupun di kawasan Parit Sulong dan memberi faedah kepada kita semua yang berada di kawasan setempat. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir soalan ini juga berkait rapat dengan penyelarasan antara sumber-sumber air di muka bumi. Khususnya seperti yang disebutkan tadi di Batu Pahat kerana kita perlu

mengurus keseluruhan, bukan sahaja sumber air malahan sistem saliran air secara holistik. Seperti yang saya sebut tadi, penyelesaian secara keseluruhan adalah pelaksanaan ataupun aplikasi kepada Rang Undang-undang Sumber Air Negara ataupun Rang Undang-undang SAN yang digubal oleh kementerian ini yang mengandungi peruntukan bagi pengurusan dan pengawal seliaan kawasan perlindungan sumber air, termasuklah kawasan saliran.

Saya hendak beri contoh. Contohnya JPS, dia ada peraturan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) tetapi peraturan ini tidak diperundangkan kerana tidak ada undang-undang yang boleh dikaitkan dengan peraturan tersebut. Pihak berkusa tempatan boleh terima, boleh guna, boleh *apply* dengan izin atau boleh mengabaikan. Selagi peraturan tersebut tidak diperundangkan. Inilah maksud di antaranya komponen yang perlu dimasukkan atau perlu seiring dengan Rang Undang-undang Sumber Air Negara seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

**3. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah tindakan kerajaan berdasarkan laporan *The State of Households* daripada Institut Penyelidikan Khazanah yang menyatakan inflasi harga makanan, 3.6 peratus secara purata lebih tinggi daripada kadar inflasi keseluruhan iaitu 2.4 peratus.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan empat pertanyaan lain iaitu daripada Yang Berhormat Dungun pada 9 November 2016, Yang Berhormat Indera Mahkota pada 10 November 2016 serta Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Selayang pada 22 November 2016 kerana ia menyentuh isu kos sara hidup dan harga barang serta langkah-langkah kerajaan dalam membantu rakyat menangani isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, laporan *The State of Households* merupakan laporan yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada bulan Ogos 2016 dengan memberi penekanan terhadap kedudukan isi rumah. Susulan daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Antaranya fokus yang diberi dalam laporan ini ialah pertumbuhan ekonomi dan pendapatan isi rumah bagi tahun 2012 hingga 2014 berdasarkan data-data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Inflasi harga makanan pada 3.6 peratus yang dilaporkan dalam laporan tersebut adalah tinggi

berbanding dengan kadar inflasi iaitu 2.4 peratus. Disebabkan oleh kenaikan harga bagi barang seperti ikan, produk tenusu, telur dan lain-lain.

Perubahan ini disumbangkan oleh pelbagai faktor seperti faktor cuaca, ekonomi global, kadar tukaran wang asing, kos import dan sebagainya yang memberi kesan kepada permintaan dan penawaran bekalan makanan. Namun kerajaan masih mempunyai kawalan dalam aspek tertentu. Antaranya ialah, memastikan barang-barang keperluan mencukupi dengan harga berpatutan. Kerajaan telah melaksanakan beberapa program bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup yang meningkat. Antaranya, membangunkan *MyFarm Outlet* sebagai pusat jualan alternatif untuk produk segar dengan jaminan kualiti dan harga yang berpatutan.

Kementerian ini juga telah mengambil langkah-langkah kawalan harga barang melalui penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan beberapa program. Antaranya seperti berikut, penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 terhadap peniaga yang cuba menaikkan harga barang dan disyaki mencatu. Pemantauan harga barang barang keperluan harian rakyat, khususnya makanan di seluruh negara setiap hari oleh pegawai pemantau harga barang. Sebarang peningkatan mendadak harga barang atau makanan akan dikesan segera bagi membolehkan kementerian mengambil tindakan serta-merta.

Tindakan seterusnya melalui kerjasama kementerian atau agensi yang berkaitan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, FAMA akan menstabilkan kawalan harga makanan seperti menambahkan bekalan makanan di pasaran. Ketiga, melaksanakan skim kawalan harga musim perayaan bagi menyekat kenaikan harga barang tertentu semasa permintaan tinggi pada musim-musim perayaan. Seperti Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas. Keempat, lain-lain inisiatif seperti Kempen Harga Berpatutan, Program Kedai Harga Patut, Kedai Rakyat 1Malaysia dan sebagainya.

Melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang disebutkan, kerajaan berharap agar kesan peningkatan kos sara hidup rakyat dapat ditangani demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat negara ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi dan saya hendak ucapkan terima kasih di atas segala usaha pihak kerajaan dalam usaha membantu mengenai perkara yang saya bangkitkan.

#### ■1030

Walau bagaimanapun, saya mendengar masih banyak lagi rungutan daripada pihak rakyat terutamanya mengenai harga barang yang ada di pasaran. Jadi, soalan

tambahan saya kepada pihak kementerian adalah mengenai status tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh KPDNKK dalam usaha untuk mengekang sebilangan peniaga yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa menaikkan harga barang dan perkhidmatan sehingga pengguna yang rasa terbeban, dan juga faktor yang kementerian kesan sebagai penyumbang utama kepada peningkatan kadar inflasi harga barang ini. Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan tambahan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan senantiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang rapi sepanjang masa dan mengambil perhatian yang berat dalam memastikan harga barang di pasaran berpatutan. Ops Catut yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bermula 15 Januari 2015 di seluruh negara merupakan langkah penguatkuasaan dalam usaha menangani isu harga barang di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Operasi diteruskan sehingga ke hari ini dan penguatkuasaannya telah dipertingkatkan ke atas perniagaan dalam negara.

Sehingga 31 Oktober 2016, sebanyak 2.1 juta pemeriksaan telah dijalankan. Daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 4,321 notis di bawah seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut kerana telah menaikkan harga atau mengenakan harga yang keterlaluan tinggi. Hasil tindakan ini, sebanyak 357 kertas siasatan telah dibuka. Sehingga kini, sebanyak 41 kes telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana sejumlah 38 kes telah selesai didakwa. Kes yang telah dijatuhkan hukuman telah dikenakan denda keseluruhan berjumlah RM764,500 manakala dua kes lagi masih dalam tindakan pendakwaan di mahkamah. Jumlah kes yang telah dikompaun pula ialah sebanyak 21 kes dan jumlah keseluruhan nilai kompaun ialah RM214,000. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan itu tadi, bukankah itu kadar inflasi ini bukan 2.4 peratus? Ia lebih daripada itu, mungkin lebih daripada 3.6 peratus. Adakah itu tindakan penguatkuasaan dan operasinya dapat menyesuaikan harga di dalam pasaran dan juga dengan inflasi yang disebutkan?

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Kadar inflasi ini sebenarnya tidak dapat dikawal oleh penguat kuasa kerana ia bergantung pada banyak faktor. Faktor-faktor seperti kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia— itu satu dan faktor-faktor lain disebabkan harga barang misalnya di peringkat awalan oleh petani-petani kita pun meningkat dan termasuklah faktor-faktor lain yang

menyebabkan kadar inflasi ini meningkat termasuk juga kos pengangkutan dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

**4. Dr. Ko Chung Sen [Kampar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan kewangan bagi meningkatkan prestasi atlet Malaysia di Sukan Olimpik sejak lima tahun yang lalu sama ada negara kita mencapai hasil setimpal dengan wang yang telah dilaburkan; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang menambahkan peruntukan untuk mencapai impian meraih pingat emas dalam Sukan Olimpik pada masa hadapan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara telah memperuntukkan sebanyak RM41.7 juta sejak tahun 2013 hingga Ogos 2016 kepada 15 jenis sukan yang dikenal pasti sebagai persediaan atlet untuk menyertai kejohanan-kejohanan kelayakan sehinggalah layak ke Sukan Olimpik Rio 2016.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pelan perancangan jangka panjang selama empat tahun tersebut, seramai 32 atlet daripada sembilan jenis sukan telah layak untuk menyertai Sukan Olimpik Rio 2016 berbanding seramai 30 atlet daripada lapan jenis sukan yang layak ke Sukan Olimpik London 2012.

Kontinjen negara telah berjaya mencatatkan pencapaian pungutan pingat yang lebih baik di Sukan Olimpik Rio 2016 dengan memenangi empat pingat perak dan satu gangsa berbanding hanya memperoleh satu pingat perak dan satu pingat gangsa di Sukan Olimpik London 2012. Syabas dan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada wira-wira negara iaitu Datuk Lee Chong Wei, Chan Peng Soon, Goh Liu Ying, Goh V Shem, Tan Wee Kiong, Pandelela Rinong, Cheong Jun Hoong dan Mohd Azizulhasni Awang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam merealisasikan impian kita untuk memenangi pingat emas pertama dalam sejarah penyertaan di Sukan Olimpik, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM70 juta bagi Program Pembangunan Podium Sukan Elit khususnya bagi persediaan atlet ke arah Sukan Olimpik Tokyo 2020 seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2017, baru-baru ini. Terima kasih.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri atas pencapaian kontinjen Malaysia di Olimpik 2016 dan Paralimpik di Rio yang merupakan pencapaian terbaik dalam sejarah penyertaan kita dalam temasya tersebut.

Malangnya, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan telah menghadiahkan atlet dan Kementerian Belia dan Sukan dengan pengurangan peruntukan sebanyak RM144 juta iaitu daripada RM930 juta kepada RM788 juta. Ini merupakan potongan sebanyak 15 peratus. Adalah sangat ironik apabila kerajaan mengurangkan peruntukan kepada KBS ketika menasarkan pingat emas pertama di Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Sukan Bukit Jalil telah dibina...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat Kampar, ini sesi soal jawab lisan ya.

**Tuan Ko Chung Sen [Kampar]:** Okey, okey. Ini soalan tambahan saya. Sekolah Sukan Bukit Jalil telah dibina pada tahun 1996 dan telah mencapai kejayaan dalam melahirkan beberapa atlet pemenang pingat hari ini.

Malangnya, sekolah seumpama yang kedua iaitu Sekolah Sukan Bandar Penawar yang dibina pada tahun 1998 di Kota Tinggi, Johor seolah-olah telah gagal. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tiga buah sekolah sukan lain sepatutnya sudah siap dibina di Perlis, Pahang dan Sabah. Sehingga kini, ini belum menjadi kenyataan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertamanya, adakah kerajaan bercadang membina lebih banyak sekolah sukan di negeri lain termasuk Perak?

#### ■1040

Keduanya, mengapakah Sekolah Sukan Bandar Penawar gagal? Apakah pengajaran daripada kegagalan ini? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat kita memang faham peraturan tetapi sengaja ambil peluang. Cuba lihat Peraturan Mesyuarat 24, banyak tentang cara-cara hendak mengeluarkan soalan dan juga soalan tambahan. Sebelum itu Yang Berhormat Menteri, saya terpandang kepada Yang Berhormat Baling, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan bola negeri Kedah juara Piala Malaysia. [Tepuk]

Di antara pemainnya adalah daripada orangnya daripada bahagian Baling sendiri, Parlimen Baling. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama RM70 juta program yang telah diperuntukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk merealisasikan impian kita memungut pingat di Sukan Olimpik Tokyo 2020. Kedua, kementerian melalui Program Podium di bawah kendalian Institut Sukan Negara telah diperuntukkan sebanyak RM75 juta setahun selama lima tahun di bawah program pembangunan sukan. Peruntukan ini merangkumi perbelanjaan bagi perancangan penyediaan atlet bagi menghadapi kejohanan di peringkat antarabangsa.

Perbelanjaan Program Podium merangkumi program latihan dalam dan luar negara, penyertaan pertandingan, emolumen, menaik taraf peralatan sains perubatan dan teknologi sukan serta aktiviti promosi. Mulai tahun 2016 sehingga Ogos 2016, perbelanjaan bagi Program Podium adalah sebanyak RM20 juta.

Kedua, mengenai sekolah sukan sama ada Kementerian Belia dan Sukan berhasrat untuk membina, sama sekali tidak kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau kita melihat dari segi sukan ini, kita melihat China, Jepun, Korea merupakan negara yang melonjak naik dalam bidang sukan. Kalau yang terbaru ini pertandingan golf wanita di Sime Darby berakhir pada hari Ahad ini. Saya melihat di dalam TV, pemainnya muda-muda belaka. Maknanya dalam belasan tahun sahaja. Akan tetapi kita tidak melihat pemain daripada Malaysia yang nampak ketara kenaikannya dari segi imej sukan ini.

Pada saya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada pemenang Olimpik dan Paralimpik di Rio. Saya ucapkan tahniah. Akan tetapi jika dibandingkan pertandingan tersebut merupakan sangat kecil kemenangan di antara acara-acara yang dilakukan. Soalan saya, apakah kerajaan bercadang untuk melakukan seperti pepatah '*'melentur buluh biarlah dari rebungnya'*'. Maknanya, dari kecil lagi kita sudah mengadakan latihan untuk meningkatkan taraf sukan kita.

Kita biasa pilih umur sudah 20 tahun lebih, 30 tahun lebih. Bajet yang saya tengok ini merupakan bajet yang agak tinggi Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan lebih RM70 juta dan kita ada biasiswa pula melalui Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM21 juta. Apakah hasrat kerajaan untuk menaikkan taraf bidang sukan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis pun panjang juga. Sila.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Lipis sendiri.

Hari ini kita lihat walaupun kita tidak setaraf dengan negara-negara lain tetapi peningkatan itu amat baik dari segi kita lihat perkembangan daripada arena sukan antarabangsa daripada London. Contohnya London kita dapat satu perak dan satu gangsa dan hari ini kita lihat Rio, peningkatan.

Kita harap di sukan Olimpik Tokyo, kemungkinan besar negara kita akan memungut pingat emas kerana hari ini kita lihat Shakila Sani merupakan atlet wanita ranking nombor satu dunia, ketika ini melalui acara Kumite Wanita 55 kilogram. Maka saya percaya dengan pelbagai rancangan yang teratur, kita akan mencapai visi dan misi seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Oleh sebab itu Kementerian Belia dan Sukan hari ini sudah mula memperkenalkan pelbagai program seperti Fit Malaysia, Hari Sukan Negara dan sebagainya dengan harapan yang begitu besar, satu ketika nanti dalam masa yang terdekat kita akan mencapai ataupun impian kita menjadi realistik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pendang saya lihat sesi soal jawab lisan ini hari-hari dia datang.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Turun, bangun, duduk, sila.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih. Soalan pendek Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mendapatkan sokongan pihak swasta bagi membantu perkembangan sukan Olimpik dan Paralimpik negara kita. Kalau sudah ada, bolehkah Yang Berhormat bentangkan siapakah dan apakah syarikat-syarikat yang telah pun menyumbang bagi perkembangan sukan di negara kita ini?

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita sedia maklum, sukan harus menjadi untuk semua. Oleh sebab itu hari ini kita lihat, kita hanya boleh berjaya apabila negara menjadi negara bersukan ataupun sukan menjadi sebagai budaya warga Malaysia. Maka kerajaan telah berbincang dengan beberapa syarikat-syarikat swasta dan keputusan belum lagi dibuat. Apabila keputusan dibuat kita akan mengumumkan secara rasmi. Terima kasih.

**5. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi melihat semula sistem pendawaian elektrik sekolah khusus di Negeri Sarawak. Ini kerana sebuah Sekolah Rendah Long Busang baru-baru ini musnah dijilat api disebabkan oleh pendawaian elektrik sekolah yang tidak teratur.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih soalan Yang Berhormat Hulu Rajang khusus untuk Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sedar risiko yang akan dihadapi oleh sekolah disebabkan sistem pendawaian elektrik yang telah menjangkau melebihi 20 tahun. Sebagai langkah awal, semua jabatan pendidikan negeri telah pun mengenal pasti sekolah yang mempunyai sistem elektrik melebihi 20 tahun.

Sehubungan dengan itu, sebanyak RM479.36 juta telah dipohon melalui Rolling Plans Kedua khusus bagi menaik taraf sistem elektrik di 2,086 buah sekolah yang mempunyai sistem pendawaian elektrik melebihi 20 tahun. Permohonan menaik taraf tersebut diangkat secara berfasa kepada agensi pusat untuk diluluskan sebelum dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam jangka satu bulan, sekolah di kawasan saya dua terbakar. Satu, 26 Julai 2016 iaitu sekolah SK Sundar yang dibina pada tahun 1964, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Selain daripada itu 14 Ogos 2016, SK Long Busang satu blok asrama budak perempuan. Akan tetapi nasib baik Tuan Yang di-Pertua, semasa kebakaran itu siang hari. Kalau tidak, habis hancur budak-budak kita.

Oleh yang demikian, soalan tambahan saya, selain daripada sistem pendawaian yang telah uzur dan tidak teratur, kebanyakan sekolah di kawasan Hulu Rajang masih berada dalam keadaan daif dan menggunakan bangunan gotong-royong yang dibina sekitar pada tahun 70-an. Bangunan-bangunan ini telah uzur dan gagal memperoleh bekalan air bersih selain dari paip. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawasan Hulu Rajang ada 31 buah sekolah rendah dan tiga buah sekolah menengah. Sejumlah 90 peratus atau 28 buah sekolah rendah masih menggunakan bekalan air dari kaedah *gravity feed*. Kebersihan airnya masih merupakan tanda tanya di kalangan masyarakat. Maklumlah 53 tahun dalam kemerdekaan masih menggunakan *gravity feed*.

Oleh yang demikian, saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian agar merayu supaya Kementerian Pendidikan dapat membantu sekolah-sekolah di kawasan saya di Hulu Rajang disediakan projek bekalan air bersih terawat misalnya menggunakan *life saver* atau sistem tapisan RO supaya pelajar-pelajar dan pendidik dan kakitangan sekolah mendapat bekalan air yang bersih dan dapat menghindarkan diri mereka daripada dijangkiti penyakit dibawa oleh air. Terima kasih.

**Tuan Chon Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ke atas soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri baru hendak jawab. Tadi seolah-olah Yang Berhormat Menteri yang menjawab fasal panjang sangat. Oleh sebab itu Yang Berhormat Kota Raja tersilap. Sila, sila.

■1050

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan keadaan sekolah yang daif di kawasan Yang Berhormat. Oleh kerana bukan sahaja bekalan air dan api sekolah yang telah menghadapi kebakaran itu juga tidak ada bekalan elektrik ya. Kita menggunakan bekalan *genset* kepada sekolah tersebut. Di bawah perancangan dan pengumuman dalam Bajet 2017, sebanyak 120 sekolah daif akan diberikan peruntukan khusus dan di antaranya 60 di Semenanjung, 30 di Sabah, 30 di Sarawak. Ini merupakan di dalam *Rolling Plan* ke-2 pada tahun 2017. Akan tetapi bukan hanya terhad kepada sekolah-sekolah yang saya umumkan ini tetapi sepanjang masa tahun-tahun yang lepas kita telah mengenal pasti lebih daripada 100 buah sekolah di Sarawak yang dikategorikan sebagai sekolah daif, bukan hanya kerana bangunan yang uzur tetapi bekalan elektrik dan bekalan air.

Jadi, mudah-mudahan dengan peruntukan yang kita perolehi ini, kita akan memperbaiki keadaan bangunan sekolah dan juga bekalan elektrik dan bekalan air yang bersih kepada sekolah. Sekian, terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin bertanya sama ada kementerian memikirkan untuk mengambil insurans kebakaran untuk semua sekolah. Oleh kerana kejadian ini mungkin berlaku lagi dan mungkin dengan adanya pengambilan takaful ataupun insurans ini, maka kita akan terpaksa *upgrade* sentiasa keadaan pendawaian sekolah-sekolah kita. Terima kasih

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas cadangan yang sangat baik daripada Yang Berhormat. Saya akan bawa balik perbincangan dalam kementerian. Terima kasih.

**6. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha membanteras penyakit *tuberculosis* (TB) dan untuk mengembalikan status Malaysia bebas dari ancaman penyakit TB seperti sebelum ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kuantan. Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan penyakit

TB, Tuan Yang di-Pertua. Penyakit TB telah lama wujud dan endemik di negara Malaysia. Jumlah kes TB di Malaysia meningkat daripada 10,800 kes pada tahun 1990 kepada 24,220 kes pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 13,420 ataupun 124 peratus dalam tempoh 25 tahun. Ini kes yang sebutkan tadi, kes-kes baru tiap-tiap tahun Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam program *End TB Strategy 2035* telah menggariskan pelbagai strategi bagi menamatkan epidemik TB pada tahun 2035. Malaysia juga turut merangka Pelan Strategik Kebangsaan Kawalan TB selaras dengan garis panduan WHO tersebut dalam usaha mengekang dan pengawal penularan TB di negara kita. Strategi utama pencegahan penyakit TB adalah pengesanan dan rawatan awal bagi semua kes-kes TB sehingga pesakit sembuh dan tidak menjangkiti individu lain.

Aktiviti pengesanan kes penyakit TB yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Pemeriksaan kahak ke atas pesakit yang mempunyai tanda dan gejala TB yang mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan. Sepanjang tahun 2015, sejumlah 549,288 orang pesakit di Jabatan Pesakit-pesakit Luar yang mempunyai tanda dan gejala TB telah diperiksa kahak;
- (ii) Pemeriksaan *x-ray* dada ke atas golongan berisiko tinggi mendapat penyakit TB iaitu ini adalah *screening programme* Tuan Yang di-Pertua. Satu, konteks kepada pesakit TB, yang kedua, pesakit kencing manis, yang ketiga, pesakit yang menjalani dialisis, penghidap sakit HIV, warga emas, perokok dan pesakit paru-paru kronik atau *chronic obstructive lung disease* Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang tahun 2015, sejumlah 275,972 golongan berisiko tinggi telah di saring dengan *x-ray* dada dan sejumlah 3,039 kes TB telah dikesan di kalangan golongan mereka ini;
- (iii) pembelian mikroskop *fluorescent*, LED dan ditempatkan di 438 pusat mikroskopi di seluruh negara;
- (iv) perolehan dua unit bas *mobile x-ray* telah ditempatkan masing-masing di Sabah satu, di Sarawak satu bagi membantu program saringan dan pengesanan penyakit TB bermula daripada tahun lepas, Disember 2015 Tuan Yang di-Pertua; dan

- (v) Pembelian perkhidmatan *outsourcing* bagi tujuan *x-ray* dada di fasiliti kesihatan swasta yang berdaftar bagi menampung kekurangan kemudahan fasiliti *x-ray* di klinik kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat bagi mencapai sasaran untuk menamatkan epidemik TB pada tahun 2035, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita ketahui langkah-langkah yang diambil itu merupakan satu langkah *in response* kepada kes yang meningkat mendadak begitu. Kita akui bahawa TB ini banyak dibawa oleh warga pendatang asing yang terutamanya daripada negara-negara yang di mana mungkin mereka tidak mengamalkan imunisasi TB itu dan mereka membawa penyakit itu apabila masuk ke negara kita. Bukan negara kita saja yang bermasalah, malah negara-negara lain seperti Amerika Syarikat juga tidak terkecuali daripada penyakit TB ini menular dengan pendatang asing membawa mereka masuk.

Kita juga tahu bahawa dalam keadaan yang mana kita sudah mengawal, berjaya mengawal penyakit ini di suatu ketika tetapi sekarang ini ia seolah-olah meningkat semula, *the last 15 years, the last 10 years*, ia meningkat semula. Soalan saya, apakah selain daripada langkah-langkah tadi, apakah dasar yang boleh kita ambil, polisi yang boleh kita ambil untuk membanteras? Contoh, sekiranya warga asing hendak masuk ke Malaysia untuk menjadi pekerja, bolehkah kita meletakkan syarat imunisasi itu sebagai syarat, *condition* untuk mereka mendapatkan permit. Sekiranya tidak, mereka tidak boleh masuk, contohnya.

Jadi, mungkin itu boleh membantu kita membendung dan mengawal selain daripada langkah-langkah reaktif iaitu kita *screening* dan sebagainya, sebab kita tahu memang susah untuk mengawal. Sebab kalau warga asing ini dia duduk dekat dalam kawasan, tempat tinggal mereka itu yang tidak ada ventilasi yang baik, mereka suka—ada perangai yang suka ludah merata. Mungkin kalau sakit batuk, tidak datang dapat rawatan awal. Mereka boleh menjangkiti, satu kajian mengatakan mereka boleh menjangkiti 10 hingga 15 orang di sekeliling mereka, terutamanya kanak-kanak. Jadi, saya kira kita perlu ada dasar yang lebih tegas. Kita perlu lindungi warganegara Malaysia daripada terdedah kepada gejala ini dan saya pohon sekiranya ada langkah-langkah tersebut yang akan diambil.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Memang kalau kita lihat perangkaan yang ada, penyakit TB ini di kalangan bukan warga Malaysia setiap tahun lebih kurang 12 peratus, 14 peratus, 13 peratus dan sebagainya. Tahun lepas 12.3 peratus daripada kes TB adalah di kalangan warga asing. Memang kita ada peraturan Tuan Yang di-Pertua, bila hendak- ini yang *legal* punya Tuan Yang di-Pertua, yang sah, yang masuk secara sah. Memang ada peraturan, dia kena *check* di negara dia, *check* dulu. Kalau dia sihat baru datang sini. Bila datang ke Malaysia dalam masa sebulan, dia kena *check* lagi sekali di bawah program FOMEMA itu dan kalau didapati memang tidak sihat, dia tidak boleh- dia tidak akan dibagi permit untuk bekerja di sini. Dalam bila ada peraturan itu pun Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang tiga peratus masih lagi kita dapati ada kes berbagai penyakitlah, termasuk TB. Makna kalau mereka ada berpenyakit memang tidak dibenarkan masuk.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, bila kes masalah ini, bila kes dikesan di kalangan daripada pendatang asing ini, terutama sekali yang paling banyak penyakit pendatang asing yang kena TB ini di Sabah, Sarawak dan juga di Selangor. Bila kes dikenal pasti, kita mulakan dengan *treatment* tetapi pada masa yang sama kita *report* kepada Imigresen dan bila dia tahu dia dapat, pihak kementerian melaporkan kepada Imigresen, dia akan hilang. Ini masalah dia. Akan hilang dan memang tidak dapat dikesan semula. Ini perkara yang- mereka bila biasanya bila kita bagi rawatan, dalam masa dua minggu dia jadi *simptom negative*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1100

Maknanya tahap kuman dalam mikro bakteria *tuberculosis* dalam kahak dia dalam masa dua minggu. Selepas itu, dia tidak berjangkit lagi sudah. Akan tetapi kalau dia hilang dia akan menjangkitkan orang lain jugalah, bila batuk dia akan berjangkit. Ini masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Biasanya kalau dia tidak hilang, kita akan bagi rawatan sehingga enam bulan dan kos kalau kes normal kos tidak begitu tinggilah cuma dalam RM250 kos ubat itu dalam masa enam bulan. Akan tetapi kalau ada kes-kes yang *resistant*, kes *resistant* Tuan Yang di-Pertua, contoh tahun lepas ada 101 kes yang *resistant* dengan ubat biasa. Hendak kena bagi rawatan ubat khas ini setahun RM20,000. Dia kena berubah selama dua tahun. Jadi satu kes RM40,000 Tuan Yang di-Pertua. Jadi kos yang tinggilah.

Walau bagaimanapun, kita usaha terus dan seperti yang saya sebut tadi memang kita sudah ada, dahulu kalau orang lama macam saya ingatlah yang ada mikro, ada *charge x-ray* mikro ini. Akan tetapi pada tahun 1974, WHO arahkan supaya

diberhentikan program mikro x-ray ini kerana didapati dia punya dos x-ray terlalu tinggi sangat, jadi diarahkan untuk *stop*. Jadi kita *stop*. Sementara itu kita buat cara inilah yang saya sebut awal tadi tentang peperiksaan kahak dan juga beri perhatian khas kepada mereka yang berisiko tinggi. Jadi usaha ini kita teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: [Bangun]**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Soalan tambahan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Penyakit TB ini pada tahun 1945 ke 1957 ia merupakan satu pembunuhan yang nombor 1 pada rakyat Malaysia. Selepas itu penyakit ini berkurangan sehingga ke tahap yang memuaskan. Akan tetapi sejak kebelakangan ini seperti mana yang kita tahu penyakit ini menjadi wabak sekali disebabkan oleh pendatang asing dan sebagainya. Akan tetapi malangnya rakyat kita ini ada yang dapat rawatan tetapi dia *default* seperti mana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Jadi saya hendak tahu soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha pihak kementerian bagi memastikan para pesakit TB yang *default* yang tidak menamatkan rawatan mereka dengan tujuan usaha ini untuk mengurangkan penularan lagi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini memang seperti yang saya sebut tadi kita buat *contact tracing*, Tuan Yang di-Pertua. Penyakit TB dia boleh berjangkit. Sebelum dia datang, kalau batuk dua minggu biasanya kita buat *test* kahak, x-ray dan sebagainya. Kalau didapati memang *confirm* kes itu memang kita buat *contact tracing*, kita *check* semua sekali. Kalau dia *default treatment*, memang kalau untuk warga Malaysia senang sedikit kerana kita boleh cari dia di mana-mana. Akan tetapi kalau pendatang asing ini memang *problem*, memang masalah dia hilang. Ini kerana dia takut kena hantar balik oleh imigresen.

Jadi, usaha ini ia tidak semudah yang kita jangkakan, memang masalah. Akan tetapi untuk kes-kes yang saya kata *contact tracing* Tuan Yang di-Pertua, kita *check* di peringkat tiga bulan, enam bulan, 12 bulan dan juga 24 bulan, yang ini kita *check*. Bermakna kalau kita tahu pendatang asing duduk di tempat ini, kemudian kita pastikan kita periksa semua sekali *contact* yang ada di kawasan itu, di tempat dia duduk itu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

7. **Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pendekatan dan pembaharuan struktur perdagangan kementerian bagi menggalakkan pengeksportan perkhidmatan syarikat tempatan pasaran global.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Datuk Seri Ong Ka Chuan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk jawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah. Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan merupakan sektor yang penting dan akan terus menjadi sumber utama pertumbuhan ekonomi negara. Pada Mac 2015 kerajaan telah melancarkan *blueprint* sektor perkhidmatan mengandungi hala tuju, dasar dan strategi bagi mengukuhkan sektor perkhidmatan selaras dengan perkembangan semasa ekonomi negara dan global. *Blueprint* ini menggariskan beberapa strategi dan pelan tindakan merentasi sektor perkhidmatan yang merangkumi strategi pengantarabangsaan, peningkatan keberkesanan mekanisme insentif pelaburan, pembangunan modal insan dan pembangunan tadbir urus sektorial.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pembangunan sektor perkhidmatan negara dilaksanakan secara terancang dan bersepadu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menubuhkan Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan pada tahun 2007 dan berperanan menyelaras strategi dan hala tuju berkaitan pembangunan sektor perkhidmatan Malaysia serta memastikan prestasi sektor perkhidmatan sentiasa meningkat menerusi dasar liberalisasi, pembangunan tadbir urus sektor sektorial, pembangunan kapasiti dan aktiviti promosi sektor perkhidmatan.

Dalam aspek strategi pengantarabangsaan dan penggalakan eksport perkhidmatan oleh syarikat tempatan ke pasaran modal, MITI melalui agensinya MATRADE telah dan sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti perkhidmatan fasilitasi rundingan kepada syarikat-syarikat perkhidmatan Malaysia yang ingin mengeksport perkhidmatan mereka ke luar negara yang telah dikenal pasti menerusi proses keterlibatan iaitu *engagement process* bersama persatuan-persatuan perkhidmatan profesional seperti Persatuan Francais Malaysia, Pertubuhan Arkitek Malaysia dan Institut Jurutera Malaysia.

Penyediaan geran-geran di bawah geran promosi eksport, dana eksport perkhidmatan dan program kerjasama antara syarikat besar dan perusahaan kecil dan sederhana. Pemberian dana eksport perkhidmatan di bawah MATRADE yang menyediakan beberapa kemudahan kepada syarikat perkhidmatan termasuk

penyediaan kajian kemungkinan *feasibilities study*, penyewaan ruang pejabat di luar negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pelaksanaan program-program oleh kerajaan yang mempromosi sektor perkhidmatan Malaysia di peringkat global, pembangunan, keupayaan penyedia, perkhidmatan rundingan serta fasilitasi kepada syarikat tempatan untuk memasuki pasaran antarabangsa dan juga penambahbaikan berterusan ke atas skim insentif sedia ada adalah dijangka sumbangan dagangan eksport sektor perkhidmatan Malaysia akan terus meningkat. Sekian.

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya juga ucapan kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas tadi. Tahniah juga diucapkan kepada kementerian atas usaha-usaha yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Yang Berhormat, soalan tambahan saya ialah apakah status terkini iaitu 150 program promosi produk tempatan yang dirancang oleh kementerian untuk tahun ini? Berapakah jumlah syarikat yang menyertai dengan jumlah hasil eksport yang dijana? Terima kasih.

**Datuk Seri Ong Ka Chuan:** Terima kasih Yang Berhormat dari Alor Gajah. Pada tahun lepas pendapatan eksport daripada sektor perkhidmatan telah mencapai RM135.7 bilion. Sebenarnya *service sector* ini adalah satu bidang yang baru *to export* ke luar negara kerana pada masa yang lepas kebanyakan negara menutup pintu mereka mungkin dari segi perdagangan barang lebih mudah tetapi untuk eksport perkhidmatan Malaysia ke luar negara memang ada rintangan-rintangan yang tertentu. Akan tetapi sejak tahun 2000 ke atas banyak perjanjian perdagangan bebas telah ditandatangani.

Melalui FDA atau perjanjian perdagangan bebas ini perkhidmatan *service* ini telah dibenarkan. Maka kita bermula melancarkan supaya bawa syarikat-syarikat daripada negara Malaysia ke pasaran antarabangsa. Untuk mencapai tujuan ini adalah satu program bersepadau antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri.

## ■1110

Di mana masa sekarang ini terdapat lebih kurang daripada pada tahun 2015, terdapat - minta maaf. Terdapat 27,122 servis sektor SME telah berjaya untuk menghasilkan perkhidmatan mereka di peringkat antarabangsa. Dan pada tahun ini adalah 300 SME juga telah berjaya di bawah bantuan kerajaan untuk menjelak kaki mereka di pasaran antarabangsa. Sekian.

**Tuan Sing Tom Hing [Kota Melaka]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, salah satu usaha kementeriannya untuk menggalakkan eksport produk-produk Malaysia ini ialah memberi persijilan *Malaysian Brand*. Saya difahamkan pada tahun kebelakangan ini, insentif atau geran atau bantuan kepada pemegang persijilan ini telah berkurang seperti memberikan bantuan geran kepada *machinery* untuk mengupgrade atau menaik taraf produk Malaysia ini. Apakah sebabnya? Bolehkah saya mendapat satu penjelasan.

**Datuk Seri Ong Ka Chuan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal adalah *service sector*. Tapi walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kota Melaka, memang geran dan fasilitasi ini memang terus diberikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Pada tahun lepas eksport kita juga meningkat telah mencapai RM7,800 bilion. Tahun ini keseluruhan kita pun dari segi eksport import pun telah mencapai satu trilion hingga bulan September. Jadi, mungkin Yang Berhormat Kota Melaka adalah mungkin perkara yang khusus, kerana kita tidak berhenti memberikan ganjaran, geran dan sebagainya kepada syarikat-syarikat kita yang eksport ke luar negara.

Kita memang galak kerana ini adalah sangat penting kepada kita, kerana pada setiap tahun kita akan mencapai, pada tahun lepas kita mencapai RM1.46 trilion. Jadi tahun ini kita mengharap melepassi jumlah ini, kita harap boleh capai RM1.47 trilion atau RM1.48 trilion. Galakan sedemikian kita tidak hentikan. Kalau Yang Berhormat Kota Melaka ada perkara yang khusus, boleh rujuk kepada saya atau kementerian saya. Kita akan sentiasa untuk bersedia untuk bantu.

8. **Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta Perdana Menteri menyatakan secara purata, berapakah penumpang yang menggunakan LRT laluan Kelana Jaya dan laluan Ampang setiap hari dari 2011 hingga 2016. Apakah peningkatan yang dicatatkan sejak pembukaan penuh stesen-stesen baru dalam sejak Jun 2016.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bayan Baru. Purata jumlah penumpang harian yang menggunakan perkhidmatan LRT laluan Kelana Jaya dari tahun 2011 hingga Ogos 2016 adalah seramai 260,918 penumpang. Sementara itu, purata jumlah penumpang harian yang menggunakan perkhidmatan LRT laluan Ampang adalah seramai 204,810 penumpang.

Jumlah penumpang ini tidak termasuk 13 stesen baru. Bagi laluan LRT Kelana Jaya dan 11 stesen baru, bagi laluan LRT Ampang di bawah Projek Sambungan

Jajaran LRT. Dengan izin, LRT *Extension Project* LEP, yang mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Jun 2016. Dengan pembukaan laluan baru ini, purata kenaikan kadar penumpang harian adalah seramai 15,404 penumpang bagi laluan LRT Kelana Jaya meliputi laluan dari stesen Putra Heights hingga stesen Gombak. Manakala laluan LRT Ampang turut menunjukkan peningkatan purata jumlah penumpang harian, seramai 2,582 penumpang meliputi laluan dari stesen Putra Heights ke stesen Sentul Timur termasuk laluan cabang ke stesen Ampang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Saya, terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang bagus dan walau bagaimanapun, saya terima banyak aduan. Selepas pembukaan stesen-stesen yang baru ini, ada banyak masalah kesesakan di stesen-stesen yang lama terutamanya di KLCC dan juga stesen Chan Sow Lin. Di mana tiap-tiap hari terutamanya *peak hours*, ia macam sardin *packed*. Di KLCC semua orang tahu sebab di sana laluan utama dan banyak penumpang, bila-bila masa saja macam sardin. Okay, *ticketing* stesen pun, *ticketing* tempat pun terlalu kecil dan semua orang kena beratur.

Jadi, ini ialah masalah yang sangat-sangat serius dan saya minta jawapan daripada Menteri bagaimana mengatasi stesen-stesen yang lama. Kedua adalah masalah *power outage* pada bulan Disember, di mana saya nampak penumpang-penumpang terpaksa berjalan di atas landasan. Okay. Landasan, masa mereka jalan hujan lagi dengan payung dan tiba-tiba ada LRT yang lalu di sebelah mereka. Ini cukup bahaya. Dan apabila kita tanya, Prasarana kata, “*ini masalah power outage*”. Kemudian kita tanya TNB, TNB kata, “*semua stesen, bukan masalah TNB kerana memang ada power*”.

Jadi saya nak minta penjelasan daripada kementerian, apakah keputusan siasatan daripada peristiwa tersebut. Sebab ia dalam satu dua minggu berturut-turut dua kali. Okey. Kalau kita dengar di Singapura, Menteri sudah *resign*. Menteri MOT *resign* sebab ada isu ini. Tetapi di Malaysia tidak apa lah, kita tidak tanya kerajaan. Kerajaan kena jawab bagaimana menyelesaikan masalah ini dan bolehkah kerajaan janji, *guarantee that this did not happen again*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, bekas Speaker negeri Perak, soalan tidak boleh digabungkan hanya satu sahaja jawab. Sila.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang di-Pertua. Saya rasa kalau keluhan itu ikhlas daripada hati bicara jawapan boleh diizinkan. Maka pertama, saya terimalah bahawa bekalan terputus dan perkara ini adalah berlaku

pertama kali dalam sejarah LRT. Maka, SPAD telah pun menaja audit teknikal bebas dan kita kena ke akar umbi mengetahui apakah masalah supaya perkara ini tidak berlaku kembali. Saya beri jaminan supaya SPAD sebagai penyelaras dan juga *regulator* kepada Prasarana dan semua yang lain akan pastikan perkara-perkara begini tidak akan berlaku.

Saya mengakui bahawa penumpang-penumpang memang menghadapi masalah. Untuk yang kedua itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya terus sahaja. Yang Berhormat Bayan Baru, sejak perkembangan transformasi pengangkutan *urban* dengan izin, kita nampak dari dulu sekarang perkembangannya begitu besar sekali kerana hasil daripada GTP dan juga ETP yang dilakukan pada tahun 2010. Greater Kuala Lumpur telah diwujudkan. Dan daripada sana kita nampak perkembangan Prasarana Greater Kuala Lumpur telah menampakkan LRT, monorel, KTM, BRT, ERT dan sekarang kita juga akan ada MRT di bawah tanah. Maka kita nampak ledakan penduduk yang begitu banyak sekali akibat ekonomi yang merudum datang ke Kuala Lumpur. Perkara *peak hour* itu memang isu besar. Itu sebab LRT ya, Prasarana dan juga SPAD telah mengadakan rasiolisasi, di mana orang yang *travel* dengan izin lebih awal akan diberi potongan tambangan. Kerana budaya kita adalah, budaya kita bergerak pada masa terdekat kepada waktu kerja dan balik cepat.

So, rasiolilasi ini waktu kerja juga pun telah diubah untuk membantu supaya ledakan *peak hour* itu tidak berlaku dengan begitu pantas dan begitu besar sekali. Maka, memang kita akan cuba sedaya, iaitu perkembangkan sistem pengangkutan kita, pelbagaiannya dan mengizinkan segala kesenggangan kepada *peak hour* itu. Tapi cubaan itu sedang berlaku, tapi budaya, sistem boleh ditukar tapi otak manusia sukar untuk ditukar. Terima kasih.

## ■1120

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang dibangkitkan, jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sangat dekat pada hati saya. Dia kata tentang kita perlu tukar otak atau fikiran orang ramai supaya bangun awal pergi naik kereta api, naik LRT, MRT datang ke pusat bandar. Saya sebenarnya ingin menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri cuba tukar otak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kerana kementeriannya yang luluskan projek yang begitu berdensiti tinggi di banyak tempat di Kuala Lumpur malah di tempat yang mana tidak ada LRT, MRT dan juga tidak ada bas macam di kawasan saya.

Jadi densiti bangunan yang semakin tinggi itu, semakin ramai orang masuk di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur akan menjadikan jalan raya kita ini lebih sesak.

Jadi mungkin pada masa yang akan datang, Jabatan Perdana Menteri kena buat satu lagi MRT, LRT di banyak tempat kerana memang penduduk yang semakin ramai. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri ini beri nasihat dan cuci otak Menteri Wilayah Persekutuan supaya dia akan fikir untuk merancang Bandaraya Kuala Lumpur ini dengan lebih baik dan lebih teratur lagi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hujahan dan bukan soalan. Itu hujahan dan bukan soalan. Perlukah Tuan Yang di-Pertua, saya jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlu Yang Berhormat.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan tujuan pelaksanaan Projek Rumah Komuniti dan bagaimanakah kepakaran jurusan kemahiran dari Politeknik dan Kolej Komuniti dapat digembleng bagi meluaskan konsep projek ini di seluruh negara terutamanya di Parlimen Sekijang.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas soalan yang berkaitan dengan Rumah Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) prihatin tentang permasalahan pemilikan rumah dalam kalangan golongan miskin atau isi rumah berpendapatan 40 peratus ke bawah (B40). Oleh itu, melalui pelaksanaan projek seperti Rumah Komuniti dan *Poli-Home*, KPT dapat membantu golongan ini untuk mencapai impian memiliki rumah sendiri dengan kos rendah dan siap dalam masa yang singkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rumah Komuniti yang dibina oleh Kolej Komuniti dan *Poli-Home* oleh politeknik bermula pada penghujung tahun 2015 bagi membantu golongan miskin di negeri Terengganu. Projek Rumah Komuniti melakar sejarah ini di Parlimen Besut apabila sebanyak 15 buah rumah fasa pertama berjaya dibina di Kampung Padang Landak, Jerteh dalam masa 22 hari dengan kos RM19,900 seunit menerusi kaedah Sistem Pembangunan Industri (IBS). Kaedah IBS ini dapat menjamin pembinaan rumah yang kukuh dan memenuhi aspek pembinaan kediaman. Projek yang diusahakan, kolej komuniti dan politeknik dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan, pejabat parlimen tempatan, institusi TVET dan syarikat pembekal komponen bahan binaan berteraskan IBS. Konsep *corporate social responsibility* dengan izin atau CSR dan *National Blue*

*Ocean Strategy* (NBOS) dengan izin dijadikan elemen utama dalam kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan kejayaan projek ini.

Dalam peringkat pembinaan projek ini, kepakaran tenaga pengajar dan kemahiran pelajar telah dimanfaatkan dalam aspek reka bentuk menggunakan teknologi IBS. Pengurusan projek pembinaan, pemasangan komponen binaan, kerja pendawaian, pemasangan perkakasan elektrik dan kemasan bagi menghasilkan rumah yang sempurna dan sedia untuk diduduki. Pensyarah atau pegawai yang terlibat akan menjalani sangkutan industri pensyarah dalam tempoh pelaksanaan, manakala para pelajar pula dikira sebagai menjalani latihan amali atau praktikal atau latihan industri.

Ilmu dan kepakaran pensyarah yang terlibat telah dicurahkan dalam memberi latihan secara *hands on* dengan izin, di tapak yang sebenar kepada para pelajar dalam membina rumah. Selain diajar secara praktikal dalam pembinaan, pelajar juga diuji oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi mendapatkan Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) tahap satu dalam beberapa skil pembinaan seperti melepa dan mengecat dan SKK yang diperoleh dapat memberi nilai tambah kepada pelajar dalam merebut peluang pekerjaan. Selain daripada pelajar kejuruteraan awam, pelajar kejuruteraan elektrik juga terlibat dalam pelaksanaan projek ini khususnya bagi kerja-kerja pendawaian dan pemasangan perkakas elektrik.

Konsep pembinaan Rumah Komuniti dan *Poli-Home* sehingga kini adalah merupakan projek rintis. Sebelum ia diperluaskan dan dikembangkan ke kawasan lain dengan penyertaan dan kerjasama pelbagai pihak, Kementerian Pendidikan Tinggi berusaha menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti sistem atau teknologi terkini yang lebih mantap untuk ditambah baik dalam pelaksanaan projek ini pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang saya kira cukup baik dan juga tahniah kepada kementerian kerana telah dapat melaksanakan program yang saya kira selain daripada memberi pendedahan kepada para pelajar di peringkat kolej komuniti, ia juga telah memberikan peluang juga kepada mereka yang dikategorikan sebagai warga miskin untuk membina rumah-rumah baru. Cuma, soalan saya kepada pihak kementerian. Apakah kementerian bercadang untuk mengadakan kolaborasi dengan syarikat-syarikat GLC dan syarikat-syarikat swasta terutamanya mereka yang terlibat dalam industri perumahan untuk turut serta menggunakan pakai sistem dan kaedah yang digunakan dalam projek komuniti ini dalam membantu pelaksanaan rumah dengan kos yang lebih rendah dan juga efektif? Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas soalan tambahan. Seperti mana yang saya sudah maklumkan bahawa pembangunan projek Rumah Komuniti dilaksanakan dengan kolaborasi dengan industri atau syarikat. Memang sehingga kini dapat peringkat mereka bentuk sesebuah Rumah Komuniti, beberapa syarikat yang mempunyai pengalaman dan kepakaran, pembinaan terutamanya dalam menggunakan teknologi *Industrialised Building System* dan ini memang saya ada sentuh dalam jawapan saya tadi. Syarikat-syarikat yang dibeli berdasarkan teknologi ini didapati adalah antara yang paling sesuai untuk diaplikasikan oleh pelajar-pelajar dalam pembinaan sesebuah rumah.

■1130

Memang politeknik dan kolej komuniti telah berkolaborasi dalam memberi latihan dan tunjuk ajar kepada pelajar untuk menyiapkan projek rumah tersebut. Seperti yang saya sudah beritahu bahawa Sijil Kecekapan Kemahiran oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia akan diserahkan kepada atau disampaikan kepada tenaga pengajar dan ingin menjalankan sambutan di industri-industri.

Di sini saya boleh menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan *the success story* tentang projek ini. [Sambil menunjukkan gambar]

**Berapa Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Tidak nampak.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Di mana sebelum penerima kunci inilah rumah asal mereka dan selepas kunci diserahkan jadi ini menyentuh hati penerima di mana pada minggu yang lalu apabila Dato' Seri Haji Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi serah kunci kepada penerima, beliau rasa amat terharu dan dia nangis. Inilah hasil pembinaan rumah komuniti yang terdiri daripada tiga bilik dan satu bilik untuk tandas dan tempat mandi. Sekian terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, soalan tambahan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya tidak menafikan usaha murni kerajaan dan kementerian ke arah untuk memperkasakan masa depan modal insan kita termasuk dengan pewujudan projek rumah komuniti, politeknik, kolej komuniti dan sebagainya.

Cuma persoalan yang ingin saya tahu, apakah tindakan susulan daripada kementerian untuk memperkasakan lagi pelajar-pelajar ini? Selepas keluar daripada institusi ini, kebanyakan mereka tidak berpasaran, tidak mendapat peluang pekerjaan, mahu bermiaga tidak ada modal untuk bermiaga. Jadi apa tindakan kerajaan ke arah untuk memperkasakan mereka ini supaya hasrat murni kita tercapai.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan atas soalan yang berkaitan dengan GE. Maafkan saya Yang Berhormat Kinabatangan. *[Disampuk]* Memang Yang Berhormat Kinabatangan lebih *handsome* dan dapat Dato' Sri. Jadi saya mengucapkan tahniah, syabas kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Soalan yang dikemukakan ada berkaitan dengan unsur *Graduate Employability* (GE). Soalan ini ada tanya yang berkaitan rumah komuniti. Jadi memang ada soalan yang berkaitan dengan *graduate employability*, dengan izin dan jawapan selanjutnya akan diberi apabila soalan ini dikemukakan. Sekian terima kasih.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 1 November 2016.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

***[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” Menyambung semula Perbahasan atas masalah **[27 Oktober 2016]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sebelum saya menjemput Yang Berhormat Kuala Pilah untuk menyambung ucapan kita tinggal lagi dua hari, hari ini dan esok untuk perbahasan di peringkat dasar. Senarai yang diserahkan kepada Tuan Yang di-Pertua seramai 35 orang. Jadi kita hadkan masa 20 minit. Sila Yang Berhormat Kuala Pilah. Yang Berhormat Kuala Pilah menyambung ucapan, Yang Berhormat Parit Sulong sabar ya.

**11.35 pg.**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Kita menyambung apa yang terputus hari itu. *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ingin izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang ini bagi saya menyampaikan perbahasan bagi penggal keempat Parlimen Ketiga Belas 2016 ini khususnya berkenaan dengan Bajet 2017. Peluang dan ruang yang diberikan ini amat saya hargai dan kepada Allah SWT dipanjatkan seluruh rasa syukur.

Kerajaan Barisan Nasional hari ini terus berada dalam keadaan kukuh dan stabil meskipun di atas landasan politik dan ekonomi yang tidak menentu. Biar

bagaimana sekalipun suasana ekonomi domestik dan luar negara, kita tidak sesaat pun lupa akan tanggungjawab dan amanah terhadap rakyat. Ini jelas disebut berulang kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2017 Jumaat lalu dalam apa yang beliau ungkapkan sebagai rakyat sentrik, *people centric*. Kerajaan ini juga yang telah membuktikan di saat suasana perjalanan ekonomi negara berdepan dengan cabaran termasuk kejatuhan nilai ringgit, kita tidak pernah sejengkal pun membiarkan hidup rakyat terumbang ambing dalam bebanan dan senantiasa berusaha untuk membantu dalam memperbaiki taraf hidup sehari-hari mereka.

Saya percaya dan amat meyakini bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan barisan pimpinan kerajaan tiada usaha yang tidak dibuat, tiada peluang yang tidak diterokai serta tiada rakyat yang tidak dibela. Semua ini adalah demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup setiap diri warga di negara tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, umum menyedari bahawa dunia kini sedang merasakan bahang ketidaktentuan ekonomi. Malaysia juga tidak terkecuali. Mengapa pula perlu ada sebilangan dari kita di Dewan yang mulia ini berterusan menuding jari ke arah kerajaan sahaja tanpa bersedia untuk berhujah dengan rasional di dalam Dewan yang mulia ini. Apatah lagi sifat biadab keluar daripada Dewan waktu pembentangan bajet itu pun menunjukkan kerakusan mereka.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas adalah pertumbuhan dalam negara kadar KDNK kita kekal tumbuh pada kadar 4.3 peratus tahun ini dan diunjur pada kadar 4.6 peratus tahun hadapan. KNDK Malaysia jauh lebih baik daripada beberapa negara yang setanding seperti Korea Selatan yang mencatat 2.7 peratus tahun 2016 dan diunjur hanya 3 peratus tahun hadapan. Begitu juga Singapura pada kadar 1.7 peratus tahun ini dan hanya 2.2 peratus tahun hadapan. Ini membuktikan bahawa dasar fiskal dan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan selama ini berada pada landasan yang tepat.

Kita tidak boleh menafikan bahawa strategi untuk mengurangkan kebergantungan terhadap hasil petroleum dengan melihat sumber hasil lain adalah satu langkah yang amat bijak. Oleh itu langkah mengekalkan GST pada kadar 6 peratus adalah demi memperkuatkan sumber pendapatan negara di samping tidak membebankan rakyat. Tuduhan-tuduhan sebelum ini mengatakan GST akan dinaikkan, itu semuanya karut belaka. Inilah dia sifat-sifat yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang.

Untuk terus memacu ekonomi negara, turut menjadi hasrat dan harapan saya agar kerajaan terus menumpukan seluruh perhatian kepada strategi sedia ada. Kita tidak boleh lemah untuk terus meningkatkan lagi kadar pelaburan langsung asing atau dengan izin *foreign direct investment* (FDI). Hanya dengan pertambahan bilangan FDI ini, ekonomi akan terus mengukuh dan sekali gus mencambahkan juga peluang pekerjaan buat rakyat Malaysia.

**■1140**

Satu usaha yang bersepadau dengan penggembangan semua agensi bertanggungjawab untuk membawa masuk lebih banyak FDI memperlihatkan kecekapan yang sangat baik. Perlu disebutkan di sini, di antara tahun 2009 sehingga 2015, kadar FDI Malaysia telah berkembang pada paras 22 peratus setahun. Ini adalah sesuatu yang amat membanggakan dan sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh kakitangan agensi-agensi yang terlibat. *These are some of the few success stories, Tuan Yang di-Pertua.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Untuk itu, adalah sangat wajar di mana peruntukan kepada agensi seperti MATRADE, MIDA, SME Corp. diberikan sehingga RM130 juta di dalam Bajet 2017 di bawah Tabung Promosi Eksport Negara bagi menggalakkan eksport khusus untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan. Antara peluang yang dimiliki oleh PKS tempatan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Nanti, akan saya bagi peluang Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Nanti dah tukar tajuk lain.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Dalam tajuk lagi. Antara peluang yang dimiliki oleh PKS tempatan adalah dengan usaha mendapatkan pensijilan halal yang dikeluarkan di negara ini dalam maksud untuk menembusi pasaran produk halal khususnya di negara-negara Islam. Tidak dinafikan Malaysia merupakan negara utama rujukan dunia untuk mendapat pensijilan halal yang lebih berwibawa berbanding dengan negara-negara Islam lain meskipun di Asia Tengah. Jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang tadi dimaklumkan, yang diberitahu oleh Yang Berhormat mengenai peruntukan dalam usaha untuk menggalakkan pengeksportan barang ke luar negara. Saya selaku Pengurus MATRADE, saya hendak juga mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat, jumlah RM130 juta itu adalah kombinasi yang ditetapkan untuk tiga buah agensi di bawah MITI itu sendiri. Sedangkan yang ditugaskan untuk membantu pengeksportan barang ke luar negara adalah MATRADE itu sendiri.

Tahun lepas kita terdapat kekurangan dari segi jumlah diperuntukkan kerana itulah banyak usaha untuk membawa lebih banyak lagi syarikat ke luar negara itu dikurangkan. Jadi bersetuju atau tidak Yang Berhormat, kalau sekiranya kerajaan mengambil kira mengenai perkara ini dalam usaha untuk meningkatkan eksport negara itu lebih banyak lagi promosi dapat dijalankan? Sehubungan dengan itu perlulah lebih banyak peruntukan itu diberikan kepada agensi yang bertanggungjawab dalam mempromosi barang produk di luar negara. Apa pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dan menyokong hasrat itu dan diharap pihak yang berwajib mengambil kira pandangan daripada Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Walau bagaimanapun, saya ada di sini juga bahawa peruntukan besar ini akan lebih bermanfaat sekiranya pelbagai syarat dan peraturan dapat dilonggarkan kepada syarikat-syarikat yang akan melabur di Malaysia di samping usaha yang lebih giat membawa produk syarikat PKS ke peringkat global. Selain daripada peruntukan ditambah, kelonggaran-kelonggaran ada beberapa peruntukan ini harus dibuat supaya mudah pelabur-pelabur kita boleh dibawa ke luar negara.

Saya menyeru agar setiap keranah birokrasi atau *red tape* yang membenggu para pelabur dan pemain industri juga dikaji semula agar Malaysia lebih kompetitif dalam usaha menggamit pelabur asing untuk membuka perusahaan berteknologi tinggi di dalam negara. Kadar tukaran asing yang menyaksikan ringgit lemah berbanding Dolar Amerika wajar dilihat secara positif untuk dijadikan kelebihan menarik FDI dan membawa produk kita ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1971, Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mengeluarkan bumiputera dari kemiskinan iaitu sebanyak 60 peratus kepada 2.2 peratus sekarang. Pada tahun 2013 pula, Perdana Menteri telah melancarkan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dan agenda tersebut berpaksikan kepada lima

teras utama. Di antara teras yang menarik perhatian saya ialah memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan bumiputera.

Apa yang membanggakan saya ialah kerajaan bukan hanya merancang semata-mata perkara tersebut tetapi pihak kerajaan telah melaksanakan rancangan tersebut dengan cemerlang. Ini telah dizahirkan melalui Bajet 2017 yang dibentangkan pada tempoh hari terdapat banyak peruntukan yang diberikan bagi memperkasakan ekonomi bumiputera. Rujuklah balik buku tebal yang diberikan kepada kita semua. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi meningkatkan peluang dan kapasiti perniagaan bumiputera melalui SME Bank.

Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan beberapa skim di dalam membantu usahawan bumiputera untuk terus berada di ekonomi yang kukuh. Antaranya adalah peruntukan kepada usahawan sebanyak RM100 juta di bawah kelolaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan RM300 juta bagi membantu usahawan kecil TEKUN termasuk skim baru TEMANITA. Bagi program keusahawanan MARA pula, kerajaan telah menyediakan RM120 juta bagi menjalankan program tersebut yang memfokuskan industri halal, usahawan belia dan latihan. Menarik untuk saya tekankan di sini, industri halal amat mempunyai permintaan yang tinggi bukan sahaja dalam negara tetapi juga di negara-negara luar bagi memenuhi pasaran di negara mereka.

Bagi melaksanakan agenda ini, kerajaan juga telah menyediakan tabung eksport yang diterajui oleh TERAJU sebanyak RM100 juta bagi menggalakkan aktiviti eksport dan golongan bumiputera ini. Melalui peruntukan-peruntukan yang telah diumumkan, telah terbukti bahawa kerajaan sangat memandang serius bagi meningkatkan ekonomi bumiputera di negara ini. Siapa kata kerajaan gagal membantu setiap inci daripada rakyat di negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam waktu yang sama, fokus kerajaan terhadap industri minyak sawit tidak harus berkurangan. Selain syarikat-syarikat besar, industri ini juga melibatkan kepada pekebun kecil yang rata-ratanya merupakan Melayu dan Bumiputera. Pada tahun lalu sahaja, industri minyak sawit telah menyumbang lebih RM60 bilion kepada pendapatan eksport negara. Angka ini bukan sedikit, sejak sekian lama industri komoditi ini telah menyumbang kepada pendapatan hasil eksport di mana kesannya juga dinikmati oleh seluruh penduduk khususnya di luar bandar.

Jumlah keseluruhan tanaman sawit di Malaysia adalah sebanyak melebihi RM5.6 juta melebihi 5.6 juta hektar di mana daripada jumlah tersebut, sebanyak 2.9 juta hektar adalah di Sabah dan Sarawak. Keluasan sebegini menunjukkan kita tidak boleh memandang ringan dan cuai terhadap industri sawit. Cabaran daripada negara-

negara pengeluar baru minyak sawit bukanlah halangan untuk menjadikan kita lemah dalam melakukan *research and development* ataupun R&D terhadap produk sawit.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah memperuntukkan geran sejumlah RM30 juta yang akan disalurkan kepada Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB) bagi merancakkan program penanaman semula kelapa sawit oleh pekebun-pekebun kecil. Di samping itu, penambahan sejumlah RM286 juta ini lagi diperuntukkan untuk pengeluaran eksport sektor perladangan termasuk sawit selain daripada getah, koko dan lada.

Satu pelan rasionalisasi makro jangka panjang diperlukan oleh pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan khususnya Lembaga Kelapa Sawit Malaysia ataupun MPOB bagi mempergiatkan kembali promosi terhadap kebaikan dan khasiat produk sawit. Sesuatu yang kita usahakan itu senantiasa ada sahaja halangan, kempen-kempen memburukkan keberkesanan sawit dan sebagainya ini menerima tentangan. Ini patut kita lawan berterusan.

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman singkat saya sebagai Duta Besar Malaysia di Kemboja menyaksikan peranan para diplomat kita yang sangat penting untuk mempromosikan negara di kalangan ahli perniagaan dan syarikat di Kemboja. Saya percaya peranan sama dimainkan oleh para diplomat kita di mana pun di dunia. Waktu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di China. Sebelum ini beberapa negara luar, kita keluar mewakili negara kita mencari pelabur-pelabur untuk datang melabur ke negara kita.

Siri kejayaan telah dicapai di persada antarabangsa dan semua ini tidak akan menjadi realiti tanpa usaha dan penat lelah para pegawai di Kementerian Luar Negeri ataupun Wisma Putra. Ingin saya uar-uarkan kepada Dewan yang mulia ini sedikit daripada kejayaan yang telah dicapai atas usaha Kementerian Luar. Paling signifikan pada saya adalah kejayaan Malaysia dilantik sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi penggal 2015-2016. Lantikan ini bukan lantikan pertama tetapi lantikan buat kali yang keempat buat Malaysia di mana kali terakhir memegang posisi ini adalah bagi penggal 1999 hingga tahun 2000. Kejayaan terkini Malaysia pada tahun ini adalah lantikan dua badan antarabangsa iaitu Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa. Saya sebutkan tadi ini sebahagian daripada kejayaan yang telah kita perolehi.

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ataupun *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dan juga Majlis Pentadbiran ataupun *Council of Administration* atau CA di dalam Kesatuan Pos Sedunia atau *Universal Postal Union*

(UPU). Malaysia telah dipilih untuk menduduki semula kerusi di Majlis ICAO bagi penggal 2016 hingga 2019 pada pemilihan yang dilangsungkan di Montreal pada 4 Oktober 2016 yang lalu. Ini adalah juga kali yang keempat Malaysia dipilih ke kerusi Majlis ICAO, telah mendudukinya selama tiga penggal berturut-turut mulai tahun 2007. Untuk makluman Dewan, Malaysia berjaya meraih 129 sokongan daripada 170 negara yang hadir ke persidangan ke-39 ICAO tersebut. Saya sebutkan ini usaha kita tuan-tuan. Bukan boleh pilih-pilih begitu sahaja. Ini hasil daripada kerja gigih warga Wisma Putra.

Kejayaan negara adalah berjaya dipilih ke kerusi Majlis Pentadbiran atau *Council of Administration* di dalam Kesatuan Pos Sedunia atau *Universal Postal Union* untuk tempoh empat tahun bagi penggal 2017 hingga 2020. Di sesi pemilihan ini juga berlangsung di awal bulan ini iaitu di Istanbul. Malaysia telah meraih 124 sokongan daripada 151 buah negara yang hadir ke kongres ke-26 UPU ini. Bukan mudah Tuan Yang di-Pertua.

Terdengar kita akan suara *cynical* yang mengatakan kejayaan ini bukan hak mutlak Kementerian Luar Negeri. Akan tetapi tiada siapa boleh menafikan tanpa usaha Kementerian Luar Negeri dan para diplomat membuka jalan mencari dan meneroka peluang yang ada, pencapaian ini pastinya mustahil untuk dicapai. Para diplomat sama ada duta besar, *council general*, *consulate*, atase-atase Malaysia telah dan akan terus berusaha untuk memastikan posisi Malaysia dalam arena global terus utuh dan diberi kepercayaan untuk mengemudi organisasi-organisasi antarabangsa pada masa yang akan datang.

Memandangkan peranan para pegawai diplomat yang semakin mencabar dan terpaksa berjauhan dengan keluarga, kerajaan sewajarnya memikirkan satu insentif khusus bagi menghargai para pegawai ini. Kerajaan baru-baru ini pun telah mengumumkan penghargaan khas RM500 kepada kakitangan awam dan RM250 kepada para pesara. Mungkin mesti difikirkan cara-cara lain untuk menghargai usaha mereka yang telah buat ini.

Masanya sudah tiba bagi kerajaan memikirkan satu insentif khas kepada para pegawai diplomat yang bertugas di luar negara. Ini termasuk penyelarasan gaji dan elaun mereka. Ini amat penting selaras dengan dasar kerajaan yang menyatakan dasar luar negara adalah kesinambungan dasar dalam negara atau dengan izin *foreign policy is an extension of the domestic policy*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Oh. Gulung, okey. Ingin saya tegaskan di sini sesebuah kerajaan itu akan kuat dengan dasar-dasar yang berkesan. Bukanlah hanya ditentukan oleh pimpinan politik tetapi juga dibantu oleh kakitangan awam yang profesional. Tugas dan tanggungjawab mereka adalah sama sekali berbeza dengan sektor swasta. Mereka adalah tiang pentadbiran kerajaan dan pelaksana yang setia kepada kerajaan. Ukuran kejayaan bukan dengan wang ringgit semata-mata tetapi apabila kita dapat melihat tanah air yang tercinta ini terus dapat dimajukan dan rakyat sejahtera di dalamnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa habis Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Inilah semangat yang pernah ditanamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu ayahanda kepada Perdana Menteri kita. Akhir kata, perpaduan sebenar kita diuji bukan ketika di waktu senang. Kekuatan sebenar kita hanyalah bermakna apabila kita dapat melepas tempoh-tempoh sukar ekonomi. Laksana pepatah titih orang tua-tua, *tidak terasah batu sepulau dan hendak bermajlis di tepi air*. Hendak mendesa di perut kenyang. Marilah kembali bahu-membahu dalam menjayakan agenda negara kita.

Semoga Bajet 2017 ini dilimpahi rahmatnya dan membawa sejahtera kepada semua rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ada lagi beberapa perkara yang saya hendak sebutkan. Akan tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan *insya-Allah* ruang lain akan saya kemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Gelang Patah.

### 11.56 pg.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang paling lama setelah berkhidmat selama lebih 43 tahun dalam 10 penggal daripada 13 penggal sejak 1969 sehingga kini kecuali dalam Parlimen Kesembilan pada November 1999 hingga 2004. Saya amat sedih untuk mengumumkan bahawa sepanjang 43 tahun ini, saya tidak pernah berasa begitu malu dan marah melihat keadaan negara yang menjadi satu-satunya cinta hati dan patriotisme, yang saya rela berkorban apa sahaja termasuk jiwa raga telah jatuh ke tahap yang begitu teruk sehingga menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen langsung tidak tersinggung apabila dunia menggelarkan negara sebagai kleptokrasi global.

[Tepuk]

Apa yang telah berlaku kepada Malaysia? Adakah para Menteri dan Ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat dan pemimpin-pemimpin negara ini telah betul-betul kehilangan moral kompas. Walaupun Ahli-ahli Parlimen bermula dengan doa sebelum setiap sidang Parlimen. Adakah doa ini telah kehilangan erti? Adakah kita telah menjadi munafik sehingga habis terlupa doa yang kita baca di setiap pembukaan sidang Parlimen sehingga kita langsung tidak terganggu atau berasa malu atau marah, negara yang dikenali dunia sebagai sebuah kleptokrasi global. Sebuah negara yang diperintah 3P iaitu pencuri, perompak, penyamun. [Tepuk]

Apa itu kleptokrasi? Ia ditakrifkan sebagai pemerintahan oleh pencuri atau sekumpulan pencuri. Adakah begini akhirnya apa yang kita cita-cita dan impikan oleh bapa-bapa merdeka dan bapa-bapa Malaysia, Tun Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Tan Sri Hussein, Tun Sambanthan, Tun Fuad, Tun Mustapa, OKK Sundang, Temenggung Jugah, Datuk Haji Openg, Ong Kee Hui, Ling Beng Siew dan James Wong ketika Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada 1963.

Adakah kita boleh berasa bangga bahawa Malaysia kini dikenali dunia sebagai negara ditadbir pencuri, perompak dan penyamun? Jika Malaysia tidak sepatutnya dikenali dunia sebagai kleptokrasi global maka pemimpin-pemimpin dan institusi-institusi Malaysia bermula dengan Kabinet dan Parlimen mesti menolak dan membantah secara jelas agar dapat didengari di seluruh dunia bahawa fitnah dan nista terhadap nama baik negara dan reputasinya adalah salah dan tidak berasas.

Jika adapun asas untuk gelaran kleptokrasi global bagi Malaysia di mata dunia maka Parlimen dan seluruh warga negara yang patriotik haruslah melibatkan diri dalam proses untuk membersihkan negara daripada kehinaan tersebut dengan menyingkirkan daripada sistem dan jabatan mereka yang bertanggungjawab ke atas kehinaan tersebut tidak kira tinggi mana pun pangkat mereka termasuk Perdana Menteri. [Tepuk]

**Seorang Ahli:** Ya betul.

#### ■1200

Bukan menjadi pilihan untuk Parlimen dan negara terus berdiam diri dan tidak berbuat apa-apa ke atas penghinaan terhadap Malaysia sebagai sebuah kleptokrasi global. Ini kerana membisu dan tidak membuat apa-apa, apatah lagi menerima sahaja gelaran ini menjerumuskan kita semua di mata komuniti dunia sebagai rakyat sebuah negara yang ditadbir pencuri, perompak dan penyamun.

Ini sebabnya kenapa saya terkejut apabila ucapan Belanjawan 2017 oleh Perdana Menteri...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Gelang Patah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai Bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kalau Yang Berhormat setuju bahawa...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Gelang patah, Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...*Injury time* akan diberi, saya beri kepada Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Mana pula ada pencuri. Pendekatan...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kalau boleh sokong kleptokrasi– Ahli Parlimen Parlimen kleptokrasi, Yang Berhormat menjadi kleptokrasi– menjadi ejen dan kleptokrasi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kerajaan, negara membangun, pendapatan KDNK stabil, defisit menurun macam mana negara yang ini ada kleptokrasi. Definisi tidak betul ini, dia tidak tahu ini. Nyanyuk, dia nyanyuk ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini sebabnya kenapa saya terkejut bahawa ucapan Belanjawan 2017 oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang berlanjutan selama hampir dua jam langsung tidak berusaha untuk menolak penghinaan kleptokrasi global itu. Malah lebih mengejutkan, Yang Berhormat Menteri bercakap tentang negara segala sesuatu malah menjadikan ucapan belanjawan yang begitu serius menjadi ucapan provokatif ala Donald Trump tetapi langsung tidak menyebut walau sepatah pun mengenai komitmen negara membanteras rasuah.

Saya begitu terkejut bahawa sejak hari pertama daripada bajet lima hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dibenarkan bertanyakan soalan tentang saman sivil DOJ di bawah *kleptocracy asset recovery initiative* untuk menyita, *forfeit* harta berkait 1MDB, berjumlah lebih USD1 bilion di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Switzerland akibat kecurian dan pengubahan wang haram dana 1MDB sebanyak lebih USD3 bilion.

Ini sebab kenapa saya memboikot sesi soalan Menteri yang diperkenalkan dalam sidang kali ini sebagai satu langkah *Parliamentary reformasi* bagi menjadikan Parlimen lebih relevan. Ini kerana bagaimana Parlimen Malaysia boleh mendakwa ia telah memajukan diri daripada menjadi Parlimen dunia ketiga menjadi Parlimen dunia pertama apabila untuk tiga sesi soalan *Ministers' Question Time* di dalam dunia

minggu. Pertama, Parlimen kali ini soalan saya kepada Perdana Menteri tentang apa langkah kerajaan untuk menafikan penghinaan terhadap negara sebagai kleptokrasi global telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua.

Mesejnya nampaknya jelas bahawa beliau ada cakap-cakap tentang reformasi, transformasi sebagaimana isu pokok kleptokrasi dan pentadbiran yang tidak demokratik tidak ditangani. Ertinya reformasi Parlimen hanya kulit sedangkan inti pati sebenar pentadbiran tidak demokratik, tidak ditangani.

Saya katakan bahawa Parlimen Malaysia telah menjadi satu *national disgrace*, Parlimen menjadi *national disgrace* kerana setelah dua minggu sidang, ia tidak bersedia untuk melakukan apa-apa bagi membersihkan negara daripada penghinaan sebagai sebuah global kleptokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hati-hati Yang Berhormat, keputusan Tuan Yang di-Pertua hanya boleh dibuat melalui usul. Jadi, kalau ucapan itu bertujuan untuk mengkritik keputusan Tuan Yang di-Pertua, ianya tidak boleh dibuat. Kita pun ada *standing order*...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini sama ada, saya tidak boleh berhajat kritik Tuan Yang di-Pertua tetapi Speaker menganggap ia sebagai kritikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kita ada peraturan mesyuarat. Keputusan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Akan tetapi itu keputusan Speaker bukan Timbalan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia *applies* Yang Berhormat, keputusan Speaker hanya boleh dikaji melalui usul.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, *I know*. Boleh kemukakan saya kepada... *[Tidak jelas]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya minta Yang Berhormat hati-hati dalam ucapan terhadap itu Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia main cakap ikut suka dia sahaja. Orang cakap bukan dia peduli.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah– bagi membersihkan negara daripada penghinaan sebagai sebuah kleptokrasi global akibat skandal kewangan mega 1MDB pada skala global, saman sivil DOJ terhadap harta berkait 1MDB bernilai USD1 bilion di bawah... *[Tidak jelas]* dan siasatan serta tindakan oleh pihak-pihak berkuasa di Switzerland, Singapura, Abu Dhabi, Australia, Luxembourg, Hong Kong dan UK terhadap skandal 1MDB.

Atau adakah tiada jalan untuk isu-isu integriti, akauntabiliti dan ketulusan dalam skandal bagi 1MDB diperintahkan oleh Parlimen Malaysia bagi mempertimbangkan jawatan dan akauntabiliti oleh Perdana Menteri dan menteri-menterinya. Adakah jawapan ini hanya mungkin didapatkan sekiranya berlaku perubahan dalam kerajaan PRU-14 dan tukar untuk tewaskan UMNO dan Barisan Nasional.

Reaksi rasmi terhadap ucapan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar dan bekas Menteri Kewangan II di Parlimen bertanyakan soalan tentang skandal mega 1MDB bukanlah sebab untuk kita mempercayai bahawa Kerajaan UMNO-BN rela untuk *bite the bullet* membiarkan Parlimen menyiasat skandal 1MDB.

Ketua Penerangan UMNO telah menolak mentah-mentah ucapan Yang Berhormat daripada Tambun dan berkata bahawa bekas Menteri Kewangan II itu langsung tidak mengatakan apa-apa perkara baru dalam siri soalannya berkaitan dengan skandal 1MDB. Saya amat terkejut dengan komen Yang Berhormat kerana saya telah mengikut kisah menyayat hati skandal 1MDB sejak sepanjang tujuh tahun lalu. Setakat yang saya tahu, inilah kali pertama Yang Berhormat daripada Tambun telah meluahkan kebimbangannya tentang skandal kewangan 1MDB di khalayak umum.

Amaran Yang Berhormat Tambun bahawa Malaysia mungkin akan terus dihantui skandal 1MDB dan soalannya berkaitan dengan masalah 1MDB yang berpunca daripada kehilangan USD4 bilion dalam Aabar BVI saman ‘Treasure’ nya USD6.5 bilion dengan syarikat *International Petroleum Investment Company* (IPIC) yang berpangkalan di Abu Dhabi serta pinjaman RM4 bilion daripada KWAP kepada SRC bukan rahsia. Walaupun baru pertama kali dibangkit oleh Yang Berhormat Tambun dalam forum awam sebegini.

Adakah Yang Berhormat .. ‘ambil - *information chief*’ mencadangkan bahawa Yang Berhormat Tambun telah memberi amaran sedemikian dan telah membangkitkan persoalan mengenai skandal 1MDB ketika berada dalam kerajaan atau UMNO sebelum meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan. Apa yang lebih mengejutkan ialah pendedahan Yang Berhormat Tambun dalam ucapan di Parlimen bahawa walaupun beliau merupakan Menteri yang paling setia dan paling profesional dengan KPI yang paling baik dalam kalangan Menteri, beliau telah difitnah dan diserang *cyber trooper* UMNO di media sosial selepas beliau meninggalkan Kabinet. Nanti nasib yang sama turut menimpa bekas Timbalan Perdana Menteri serta bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Saya juga amat terperanjat apabila Tuan Yang di-Pertua menyebutkan pada Khamis bahawa bekas Menteri ketika itu mungkin telah memungkiri sumpah simpan rahsia Kabinet ketika membahaskan Bajet 2017 di Parlimen. Saya tidak tahu bagaimana untuk menganggap komen Tuan Yang di-Pertua ini kerana ia merendahkan persepsi umum dan imej integriti serta kebebasan Tuan Yang di-Pertua daripada cabang eksekutif apabila mencadangkan bahawa tiga bekas Menteri Kabinet ini telah memungkiri ikrar simpan rahsia mereka dalam ucapan di Parlimen.

Beliau juga menampakkan turut mencadangkan kepada pihak eksekutif yang juga terutama kepada Peguam Negara dan Ketua Polis Negara untuk mengambil tindakan terhadap tiga bekas Menteri Kabinet ini di bawah Akta Rahsia Rasmi atau apa-apa undang-undang lain untuk apa yang diandaikan sebagai kesalahan yang telah dilakukan oleh bekas-bekas Menteri di dalam ucapan mereka di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Tuan Yang di-Pertua seharusnya sedar tentang kepentingan doktrin pengasingan kuasa antara eksekutif dan legislatif dan kehakiman serta bertanggungjawab khasnya sebagai Tuan Yang di-Pertua Parlimen untuk membela kebebasan dan integriti Parlimen daripada diserap atau dilanggar oleh pihak eksekutif. Mana ada di dunia ini boleh kita temukan seorang Tuan Yang di-Pertua yang mencadangkan kepada eksekutif untuk mendakwa Ahli-ahli Parlimen yang merupakan bekas Menteri Kabinet lantaran ucapan mereka di Parlimen kerana melanggar sumpah rahsia Kabinet.

Yang Berhormat ketiga-tiga bekas Menteri ini kesemuanya dilindungi keistimewaan Parlimen untuk apa yang mereka sebutkan di Parlimen kecuali dalam kes spesifik membabitkan perlanggaran Akta Hasutan yang melibatkan empat isu sensitif dan ini tidak terbabit. Malah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua sepatutnya membela tiga bekas Menteri di atas apa yang mereka ucap di Parlimen sekiranya pihak eksekutif mahu memulakan prosiding jenayah ke atas mereka seperti yang pasti akan secara tradisi dilakukan oleh mana-mana Speaker dan lain-lain Parlimen. Kenapa Tuan Yang di-Pertua melanggar tradisi Parlimen dengan terus mencadangkan supaya Peguam Negara dan Ketua Polis Negara bertindak ke atas ketiga-tiga bekas Menteri Kabinet ini.

## ■1210

Malah sekiranya salah seorang mereka melanggar hak keistimewaan Parlimen, adakah menjadi tugas Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua untuk menghalang Ahli Parlimen tersebut daripada berbuat demikian. Jika tidak, kerusi Tuan Yang di-Pertua yang akan bersalah *directional duty* kerana pengabaian tanggungjawab sekiranya tidak menghentikan seorang Ahli Parlimen daripada menyalahgunakan

keistimewaan Parlimen. Tidak sekalipun dalam keadaan ini Tuan Yang di-Pertua menghentikan mana-mana seorang bekas Menteri daripada bercakap ekoran risiko melanggar keistimewaan Parlimen. Adakah memerlukatkan apabila Tuan Yang di-Pertua pula yang beria-ia mendakwa tiga bekas Menteri mungkin telah melanggar undang-undang dalam ucapan mereka ini di Parlimen.

Ini adalah satu yang sangat tidak patut dan satu perilaku yang memang tidak sepatutnya, *very unSpeaker like*, Tuan Yang di-Pertua. Telah dilaporkan bahawa Yang Berhormat Tambun telah dipanggil oleh pihak polis lewat hari ini ekoran ucapan di Parlimen berkenaan skandal 1MDB yang menjadikan tajuk komen Tuan Yang di-Pertua bahawa beliau telah melanggar undang-undang yang kemudian menyebabkan para *hiring's* UMNO untuk membuat laporan polis terhadap Dato' Seri Haji Ahmad Husni.

Yang Berhormat Tambun wajar menarik perhatian pihak polis yang ditugaskan menyiasatnya kepada Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 dan memberi amaran kepada pegawai polis itu bahawa ia mungkin bersalah menghina Parlimen dan boleh dihukum mengikut klaus 9E, Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 yang melindungi Ahli-ahli Parlimen daripada halangan melibatkan tindakan di dalam Dewan Rakyat termasuk ucapan ketika perbahasan belanjawan kecuali jika ia telah kehilangan keistimewaan itu di bawah Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan berkaitan Akta Hasutan kerana menyuarakan, satu daripada empat isu sensitif yang tidak terpaksa dalam keadaan ini.

Dahulu ada seorang pegawai polis mahu menyiasat saya kerana apa yang saya cakap dalam Dewan ini. Saya memberikan amaran kepada beliau bahawa dia melakukan, *parliamentary contempt*, kalau dia melanggar tugas saya dan lebih baik dia balik untuk berunding dengan pegawai-pegawai yang lebih kanan ataupun bersama Peguam Negara dan beliau balik dan *back off* selepas itu. Saya mencadangkan Yang Berhormat Tambun membuat tindakan yang sama. *Ask the police back off, don't interfere Ahli Parlimen speaking in this House*. Inilah yang patut Tuan Yang di-Pertua patut buat kepada IGP, *back off don't interfere with the Parlimen*.

*[Dewan riuh]*

Sekiranya pihak polis menyiasat Yang Berhormat untuk ucapan di Parlimen disebabkan laporan polis terhadap tuduhan melanggar Akta Rahsia Rasmi ini, Parlimen harus bersidang menentang tindakan penghinaan oleh pihak polis bagi memelihara hak dan keistimewaan ini. Dalam satu *clash* antara pihak polis dan Parlimen, dalam hal keistimewaan dan penghinaan terhadap Parlimen *privileges*, Tuan Yang di-Pertua mesti melepaskan haknya untuk duduk di kerusi pengerusi dalam

mana-mana prosiding Parlimen yang melanjutkan kerana beliau mungkin sudah menjadi berat sebelah ekoran kenyataan dalam sidang media Khamis lalu.

Sebenarnya pihak polis patut menyiasat 1MDB bukannya menyiasat Yang Berhormat Tambun. Siasat 1MDB! [Dewan riuh] Adakah kita mempunyai Ahli-ahli Parlimen BN yang cukup patriotik untuk maju ke depan dan berganding tangan bersama Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang patriotik untuk menyelamatkan Malaysia daripada penghinaan sebagai sebuah kleptokrasi global. Adakah Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri berani berdiri untuk membersihkan nama Malaysia sebagai satu global kleptokrasi. Kalau tidak Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak patriotik, tidak cinta negara. [Tepuk]

Saya berada di Keningau semalam dan kita boleh tengok apa yang berlaku. Tidak ada satu impian Sabah di mana kita membuat *gravity project* RM250,000 untuk air, paip water untuk memberi bekalan kepada lima buah kampung yang akan memanfaatkan 1,500 orang. Dalam skandal *water supply scandal*, RM3.3 bilion, 60 peratus disapu oleh korupsi. Kalau ini digunakan untuk semacam projek Keningau ini. Saya terperanjat Keningau di mana Yang Berhormat Keningau sudah menjadi Ahli Parlimen 30 tahun sama ada mewakili Parlimen ataupun dewan negeri, 20 kilometer sahaja daripada Keningau, tidak ada paip water. Malu, ini malu! [Dewan riuh] Apa kemajuan? Apa pembangunan?

Kalau wang ini boleh digunakan, 60 peratus daripada RM3.3 bilion, RM2 bilion digunakan, kita boleh ada 8,000 projek yang ada, tidak ada di Keningau. Seramai 12 juta orang rakyat akan dapat nikmat. *Population* Sabah 3.5 juta sahaja. Sebenarnya tidak ada sebab kenapa tidak ada paip water untuk semua rumah *rural household* di negeri Sabah. 20 tahun dahulu sudah selesai, sekarang adalah baru 60 peratus *rural household* di Sabah ada paip water, ini malu. Ini malu yang menunjukkan bahawa tidak ada pembangunan. Saya berharap agar Ahli-ahli Parlimen Sabah dan Sarawak, 47 orang Ahli-ahli Parlimen berani berdiri untuk selamatkan Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sekarang mereka sangat mustahak oleh sebab tanpa Ahli-ahli Parlimen Sabah, Sarawak kerajaan Yang Amat Berhormat Pekan akan jatuh oleh sebab Barisan Nasional baru dapat 87 buah kerusi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada orang mabuk lah pagi-pagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Kerusi dalam...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mabuk Deepavali kah? Ini mabuk Deepavali kah apa ini?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Untuk tubuh satu kerajaan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pagi-pagi datang macam orang mabuk cakap, ini mabuk Deepavali kah?

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dan sebab itu 47 Ahli Parlimen...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, jangan kurang ajar boleh tidak Yang Berhormat Baling? Apakah mabuk-mabuk?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Rasuah dekat Pulau Pinang pergi selesaikan dulu.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Duduklah Yang Berhormat Baling.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Ada tiga perkara. Satu selamatkan Malaysia untuk mempertahankan *circular basis*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tin kosong betullah Yang Berhormat Baling.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kedua untuk menuntut, adalah *local autonomist*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Pulau Pinang rasuah tidak selesai dahulu, ini sibuk juga dengan Yang Amat Berhormat Pekan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Hei, Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini mabuk kah apa ini? Pagi-pagi sudah mabuk.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ketiga, untuk membersihkan global kleptokrasi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Masa sudah habislah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Sekian terima kasih. [*Tepuk*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Masa sudah habislah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Yang Berhormat Parit.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *point of order* Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Berikut dengan apa yang diucapkan tadi oleh Yang Berhormat Gelang Patah, saya ingin menimbulkan *Point of Order 36(10)*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Berkaitan dengan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tambun semasa membahaskan belanjawan. Ini penting kerana berkaitan dengan semua Ahli Parlimen. Di mana adalah jelas bahawa semasa bekas Menteri Kewangan II memberikan ucapan, beliau tidak dihalang oleh Tuan Yang di-Pertua. Beliau tidak diminta untuk berhenti ataupun diminta menarik balik mana-mana bahagian daripada ucapannya. Ia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *What is the point* Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** No, di sini kerana tidak dihalang, mengapa apabila sesuatu ucapan dibuat dalam Dewan yang mulia ini, IGP hendak jadi lebih besar daripada Parlimen? Siapakah IGP berbanding dengan Parlimen? Bolehkah saya mendapat arahan daripada Tuan Yang di-Pertua mengarahkan IGP tahu tempat dia? Tahu tempat dia adalah untuk lawan penjenayah, tangkap penjenayah bukan siasat Ahli Parlimen yang memberikan ucapan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau Ahli Parlimen berucap macam penjenayah kadang-kadang?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang ini kalau nak siasat, siasat mereka yang membuat ucapan dalam Parlimen.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ahli Parlimen pun berucap tak....

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau begitu bolehkah saya mendapat satu *ruling*, bolehkah saya dapat *ruling*. Adakah ucapan-ucapan yang tidak melanggar Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) di mana ia tidak melanggar apa-apa peruntukan dalam Akta Hasutan ataupun Perlembagaan Persekutuan. Adakah ini bermakna bahawa ucapan kita boleh disiasat oleh IGP? Ini melanggar peruntukan Perlembagaan. Institusi Parlimen adalah paling terunggul di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi pula, tiba-tiba...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya cukup Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Sekarang IGP lagi besar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlu berucap Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Siasat Yang Berhormat Tambun. Ini adalah perbuatan sumbang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Perbuatan sumbang yang harus diperbetulkan. Kalau saya minta, saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*. Minta dia hentikan penganiayaan ke atas Ahli Parlimen terhadap Yang Berhormat Tambun dan minta maaf kepada Parlimen!

#### ■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *No, this is not a joke.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah. *You are on standing order.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *How can... [Tidak jelas] ...a speech made by a Parliamentarian?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak ada sebarang tindakan oleh Speaker? Mengapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional - mata sudah buta, hati sudah mati...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak payah berucap Yang Berhormat. Cukuplah.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlu berucap Yang Berhormat, ya cukup. *He is on standing order* Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, tengok. Kenapa *you* diberi bagi peluang bercakap macam ini?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di sini adalah satu... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat cukup. Tidak payahlah berucap. *You are on standing order*, tidak payahlah berucap.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak boleh, ini bukan *floor* dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak boleh membuat satu...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia gunakan peruntukan undang-undang itu untuk kepentingan peribadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Untuk anak dengan ayah, mana boleh. Ini Parlimen bukan untuk anak dan ayah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Kami di sini... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Baling duduk Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Shah Alam duduk. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Baling duduk. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nak bodek pun berpada-padalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nampak sangat Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan minta saya buat *ruling* untuk memberhentikan IGP.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya rasa kita mempunyai peraturan dan IGP juga melakukan tugas mengikut peraturan Yang Berhormat. Jika ada polis *report* dibuat, tentu sekali ada siasatan yang boleh dibuat oleh IGP. Saya tidak...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu terserah kepada IGP. Mereka juga melakukan tanggungjawab melalui peraturan yang ada Yang Berhormat, melalui peraturan yang ada.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bagan minta tidak bagi disiasat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Soal kenapa tidak diberhentikan, kita mempunyai *ruling*...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Laporan 1MDB tidak disiasat pun?

**Seorang Ahli:** Diamlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Siapa bercakap itu?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Yang Berhormat Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita mempunyai *ruling on sub judice* tetapi ia bukan *blanket ruling* oleh Speaker.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya bukan sebut nama Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *The presiding Speaker* akan nilaikan ucapan Ahli-ahli sama ada ia *falls into the sub judice ruling*. Oleh sebab itu kita memerhati, kita menegur. Macam tadi saya tegur Yang Berhormat Gelang Patah supaya tidak terlanjur ucapan, supaya tidak tertakluk kepada *ruling sub judice* yang dibuat oleh Speaker. Jadi, sebab itu soal kenapa Yang Berhormat Tambun cakap tidak diberhentikan? *The presiding Speaker* memikirkan bahawa ia belum sampai ke tahap untuk diberhentikan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi, soal kedua adalah soal untuk Speaker buat *ruling* supaya IGP memberhentikan. Saya rasa saya tidak boleh buat *ruling* ke atas itu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat ini Yang Berhormat, saya tidak boleh buat *ruling*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang penting ialah ia tidak berkaitan dengan isu *sub judice*. Sungguhpun kita tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Speaker tetapi jelas sekali bahawa apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Tambun tidak merangkumi isu *sub judice*. Itu sebab Speaker tidak hentikan beliau tetapi sekarang ialah saya bukan membawa isu terhadap Speaker. Itu kita akan buat

*substantive motion*, itu perkara lain. Sekarang ialah terhadap IGP. Macam mana IGP boleh mencerobohi, mencabuli *supremacy*, keunggulan Parlimen?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya sudah kata mereka juga bertindak atas peraturan dan undang-undang yang mereka pegang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *There is a police report* Yang Berhormat, *there is a police report*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Semua boleh buat *police report*, tetapi...  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita biarkan IGP membuat tugas mereka Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau *police report* tidak diambil tindakan, pembangkang akan pusing cerita.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Jika termaktub dalam— kalau kita kena mempertahankan, kita kena mempertahankan martabat, maruah dan kuasa terunggul Parlimen dalam Perlembagaan Persekutuan. Kalau ini kita pun tidak boleh buat, sekarang ini Malaysia bukanlah negara *parliamentary democracy*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Polis ada tanggungjawab Yang Berhormat, untuk membuat siasatan terhadap apa juar laporan polis yang dibuat. [Dewan riuh]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bagan, kalau laporan polis dibuat, tidak perlu ambil tindakan?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekiranya Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita benarkan IGP buat demikian, ini bukan negara *parliamentary democracy*. Ini adalah negara polis.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu luar bidang saya Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *This is a police state.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No, there is a police report* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua, kerana ia tidak termasuk dalam empat perkara yang tidak dibenarkan diucap dalam Akta Hasutan dan Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Boleh berikan arahan kepada IGP jangan ganggu, jangan mencerobohi, jangan mencabuli kuasa Parlimen.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan siasat kalau ada *police report*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak ada *ruling* terhadap itu Yang Berhormat, tiada. Saya tidak akan buat *ruling* terhadap itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *But, there is a police report. Clear cut there is a police report.* Habis mesti kena ambil tindakan. Takkan *police report* tidak ambil tindakan?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, jika ada imuniti, apa maksud imuniti? Bolehkah pakai imuniti?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini bukan negara tidak ada undang-undang. *Come on* lah, ini bukan negara-negara yang mundurlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *By the way, there is a police report, police has the obligation to investigate.*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...*investigate for every speech.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *This is a police report.* Inilah salah gunakan *point of order*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Every speech* kita kena bagi kenyataan. Kita kena bagi... Ini tidak masuk akal. Bolehkah saya dapat *ruling from the Speaker*, apakah maksud imuniti?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, *I think* tidak perlu layanlah. *I think this is...* Tidak payah layan. Perkara ini ada *police report*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Boleh tidak? Saya boleh minta tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *your on (10). 36(10)* Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau macam itu, kita sudah buat banyak *police report* kepada Perdana Menteri tetapi Perdana Menteri tidak pernah diminta untuk berikan keterangan. Adakah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Esok kita buat *police report* atas Perdana Menteri. Kita hendak tengok polis ambil tindakan atau tidak. Kita buat *police report* terhadap MO1!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua? Kita buat *police report* atas MO1! Tuan Yang di-Pertua, kita buat *police report* ke atas MO1. Kita hendak minta IGP ambil tindakan. Boleh atau tidak boleh? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bukan saya untuk memutuskan itu Yang Berhormat ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Point of order, point of order.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa Yang Berhormat Baling, hendak bodek, bodek berpada-padalah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, *standing order* Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam bodek Yang Berhormat Bagan siang malam. Hey malulah, hey malulah... *[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Baling bodek Yang Amat Berhormat Pekan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling. *Point of order, point of order.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kamu sedar diri kamu Yang Berhormat Shah Alam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebelum hendak tuduh orang bodek, kamu bukan bodek, siap jilat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Baling memang pakar tentang jilat, jilat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak faham sekarang ini sama ada *point of order* ataupun hujah dalam Dewan sekarang ini ataupun apa yang sebenarnya? Saya tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah selesai sudah. Duduk Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau *point of order*...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tidur, tidur. Jangan tidak bangun-bangun... *[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Eh diamlah! *You shut up.* *[Tidak jelas] .... point of order. You sit down! You sit down!* Apalah bagilah saya cakap dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, *are you on point of order?*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekarang 36(10). Peraturan Mesyuarat 36(10), saya tidak tahu apa yang ada *connection*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah selesai itu Yang Berhormat. Sudah selesai sudah. Duduklah Yang Berhormat Setiu. Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Ya, Yang Berhormat Parit. *[Dewan riuh]*

## 12.27 tgh.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Status imuniti Ahli Parlimen. Biar kita semua jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita tidak perlu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar kita faham, Ahli-ahli Parlimen ada imuniti, bukan 1MDB yang ada imuniti.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Halau dia keluar! *[Tidak jelas]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang ada imuniti adalah Ahli Parlimen. Biar kita jelas supaya bila kita berucap, kita tidak akan diperlakukan seperti mana yang dilakukan sekarang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita faham, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional memang dia tidak ambil berat tentang persoalan-persoalan ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini tidak mengikut peraturan, Yang Berhormat Shah Alam. Kamu bercakap tidak ikut peraturan, itu masalahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa ini? Mujur...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa ini? *What are you talking?* Duduk yang lain-lain.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya dapatkan *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua mengenai imuniti Ahli Parlimen?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak boleh...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada ataupun tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak boleh...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada imuniti ataupun tidak? Tuan Yang di-Pertua, *please*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat ya. Saya tidak boleh bangun, selepas itu setiap perkara dalam peraturan ini saya diminta untuk mengulaskan. *I cannot see.* Saya tidak boleh *on the spot* cari satu, satu, satu. Akan tetapi dalam setahu saya, pembacaan saya terhadap *standing order*, imuniti setiap Ahli Parlimen ada tetapi tertakluk kepada perkara-perkara yang tidak boleh dicakap, yang di bawah Akta Hasutan dan sebagainya. *But, I cannot pinpoint to you where it is now, because I cannot by heart, know all these.* Jadi, imuniti ia tidak *absolute*, ia bukan mutlak. Ia tertakluk kepada tidak melanggar Akta Hasutan. Jadi, kalau setiap seorang bangun dan minta saya ulaskan setiap peraturan mesyuarat, tidak adil Yang Berhormat. Tidak adil ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya berikan sikit bantuan kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dalam Perlembagaan Persekutuan Article 63, “*No person shall be liable to any prosecutions in court in respect of anything said*”...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia ada *clause*, ada *clause in the standing order*.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yes, yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akta Hasutan ia termasuk.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** “*Sub clause (4), Clause (2), shall not apply to any person charged with an offence under the law passed by Parliament under Clause (4) of Article 10 or with an offence under the Sedition Act 1948*”. Hanya berkaitan dengan *Sedition Act*. Akan tetapi sekarang apa sebabnya Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is up to the police. It's up to the police to investigate. There is a police report made. So, it's up to the police to investigate.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, ya. No, why is the Speaker is suggesting the police to investigate. Why the Speaker is suggesting the police to investigate? Instigating the police to investigate all the speech spoken by in this House.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** No, no.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *The Speaker himself was making a suggestion...*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena mengena dengan Akta Hasutan pun. *[Dewan riuh] Nothing to do with Akta Hasutan pun, dia sebut tentang soal langgar sumpah, langgar janji...*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:**...*destroying the institution..*

*[Dewan riuh]*

■1230

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** So, Tuan Yang di-Pertua, bilakah saya boleh dapat jawapan itu?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tentang imuniti tadi kerana saya hendak tahu, kerana saya banyak berucap dalam Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak jelas, memang akan menimbulkan masalah bagi diri saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh tidak minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia very clear.

*The general rule very clear. Immunity tertakluk kepada Akta Hasutan. Federal Constitution, standing order baru Parlimen. That is very clear Yang Berhormat.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Then, why is the Speaker suggesting the investigation but the Speaker himself...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Sudah, sudah. Sudahlah tu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Suggested that it should be investigated by the police.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Now, I don't read that.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Why is the Speaker making such comment?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** You can ask the Speaker later.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Number one. Number two Speaker, apa yang dicadangkan oleh Speaker bukan atas Akta Hasutan tetapi atas pendedahan rahsia kerajaan, bukan Akta Hasutan. *There is nothing to do...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, apa juga ruling yang dibuat oleh Speaker kalau mahu dikaji, tidak setuju, buat usul berasingan. Itu sahaja. *That is the law.* Itu Peraturan mesyuarat kita Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi biarlah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** I cannot be asked here kenapa Speaker buat begitu. Kalau tidak suka, I cannot be answering on behalf of the Speaker. You don't like the ruling of the Speaker, you make a separate motion. At least that is what the law says.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** We want an explanation before we take that action.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** No, no. It is already clearly said. That the status dalam *standing order*, keputusan Speaker kalau tidak suka, kaji melalui usul. Itu sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau suka. Suka tidak suka Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak boleh bangun sekarang untuk disoal dan diperjelaskan tindakan Yang Berhormat Speaker. Kalau saya lakukan itu, bererti saya melakukan pelanggaran terhadap *standing order*. *Anything you don't like what the Speaker says*, buat usul berasingan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Before we decide on like or don't like, we want to hear the explanation.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini satu perkara *privilege*, bukan mengenai kaji semula apa keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Malahan dalam perkara ini, dia tidak ada keputusan yang dibuat. Satu kenyataan yang dibuat oleh Speaker di luar Dewan, luar Dewan. Itu bukan satu keputusan dan boleh dicabar dan patut dicabar. Sekarang masalah ialah pukul 2, Yang Berhormat daripada Tambun akan dipanggil oleh pihak polis untuk siasat ucapan beliau dalam Parlimen.

Ini berkaitan dengan keistimewaan seorang Ahli Parlimen. Satu perkara di mana Ahli Parlimen hilang imuniti ialah mengenai empat perkara sensitif di bawah Akta Hasutan. Akan tetapi dalam ucapan Yang Berhormat daripada Tambun, dia tidak sebut langsung. Dia bercakap mengenai 1MDB. Adalah 1MDB menjadi *sensitive issue* sehingga tidak boleh dibangkitkan dalam perkara ini. Oleh sebab itu, kita minta satu *ruling*, satu *ruling* oleh Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua sekarang yang mempengerusikan Dewan ini, bahawa panggilan pihak polis kepada Yang Berhormat Tambun untuk ke Ibu Pejabat Bukit Aman untuk disiasat. Itulah melanggari bukan sahaja peraturan mesyuarat tetapi *privilege Houses, privilege Members of Parliament*, itu *Parliamentary contempt* dan mengarahkan IGP tarik balik saman itu. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah putuskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kaji semula kalau perlu, sama ada inilah mengikut selaras dengan kuasa-kuasa yang ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang pukul 12, lagi satu jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah Yang Berhormat. Saya sudah putuskan tadi...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Apabila masa sudah sampai, apabila seorang Ahli Parlimen perlu dibela, perlu dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusi masa sekarang, Yang Berhormat perlu untuk membelakan. Jangan takut. Jangan cover. Berani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Berani untuk membela seorang Ahli Parlimen mengenai hak keistimewaan itu. Itu membela hak Parlimen, untuk hak Parlimen atau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Kita sudah melepaskan *doctrine of separation of powers*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah putuskan perkara itu Yang Berhormat. Saya tidak akan buat *ruling of that matter*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang patut dibuat kalau di sebelah sana ada masalah dengan Yang Berhormat Tambun atau Yang Berhormat Pagoh, patutnya satu usul dibuat untuk merujukkan Yang Berhormat Tambun kepada Jawatankuasa Khas. Penjelasan dahulu. Itulah sebab polis tidak perlu dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ini berlaku oleh agensi yang lain Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan. Mungkin keputusan saya tidak bagus, tetapi saya buat keputusan saya tidak akan buat *ruling* untuk memberhentikan IGP. Itu sahaja.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, IGP tidak ada hak untuk— Ini bukan kali pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu keputusan saya Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lembah Pantai pernah ditangkap dan disiasat dalam perkara yang sama. Ini bukan kali pertama dan kemudian kita akan lihat mungkin Yang Berhormat Pagoh, mungkin Yang Berhormat Semporna juga dipanggil. Sampai bila...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau tidak ada kes, tidak ada keslah. Macam Yang Berhormat Gelang Patah cakap tadi, dia dipanggil polis kemudian dia suruh polis berhenti. Polis berhenti. Kalau tidak ada kes, tidak ada keslah. Maknanya proses itu berjalan Yang Berhormat. Proses berjalan. Kalau polis katakan tiada tindakan lanjut, tiada tindakan lanjutlah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *The issue is* sekarang, bukan individu tetapi kemuliaan Dewan ini dicerobohi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak mengapalah, saya buat keputusan bahawa saya tidak akan buat *ruling* untuk memberhentikan IGP dalam perkara ini. Kalau keputusan itu tidak tepat, nanti boleh buat usul berasingan.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, kita di dalam Dewan ini buat cadangan supaya Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlulah cadang untuk saya kaji keputusan saya sebentar tadi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Hendak mengingatkan bahawa Dewan biasa membuat ingatan kepada IGP supaya jangan menghalang pergerakan Ahli Parlimen, pergi keluar Dewan. Ertinya kita boleh meminta dan mengarahkan IGP untuk membuat sesuatu. Bukan tidak boleh, kita biasa buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Cukuplah. Ya, Yang Berhormat Parit.

**12.36 tgh.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Pertama sekali, saya hendak mengucapkan terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk bercakap, sambung membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017.

*[Beberapa Ahli Pembangkang keluar Dewan]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dah gaduh-gaduh, balik.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:**

*Terbang tinggi si burung serindit,*

*Hinggap sebentar di dahan keras,*

*Hajat dibawa dari Parit,*

*Mohon izin turut berbahas.*

Eloklah balik semuanya.

Kedua, seterusnya ucapan setinggi-tinggi terima kasih serta tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dalam apa sahaja keadaan yang berlaku pada hari ini. Saban tahun bajet dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, sentiasa prihatin terhadap denyut nadi rakyat umpama pepatah Melayu dahulu, '*Kalau asal benda yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau*'. Hal ini telah terbukti dengan peruntukan sebanyak RM260.8 bilion dalam pelbagai bentuk insentif kepada semua golongan serta lapisan masyarakat dalam pembentangan Bajet 2017. Bajet 2017 ini juga telah memberikan banyak manfaat kepada seluruh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai bentuk kebaikan yang telah kerajaan berikan kepada rakyat. Namun, perkara baik yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ini tidak dapat diterima oleh pembangkang. Sebahagian besar Ahli Parlimen pembangkang yang menolak serta tidak dapat menerima kebaikan yang telah diberikan oleh kerajaan. Penolakan ini ditunjukkan secara jelas dan secara tidak beretika dengan perbuatan keluar dari Dewan sewaktu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan bajet pada 21 Oktober yang lalu. Sikap ditunjukkan oleh Ahli Parlimen pembangkang umpama, '*Enggang apa kepada enggang, orang apa kepada orang*'. Benar memang mudah untuk pembangkang melontarkan kata-kata, kerajaan seharusnya melakukan itu ini dan sebagainya. Hakikatnya, pembangkang sendiri pun sukar untuk melaksanakan apa yang pernah mereka janjikan.

Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun yang hendak disebutkan kepada Bajet 2017 ini, yang pasti Bajet 2017 ini merupakan satu bajet yang sangat memihak kepada rakyat. Seluruh rakyat mendapat faedah daripada bajet ini, petani, nelayan, penjawat awam, guru KAFA, guru KEMAS, imam, bilal, para belia, para usahawan dan sebagainya. Dengan kata lain, dakwa pembangkang yang mengatakan bajet ini tidak ada hala tuju adalah sesuatu dakwaan yang tidak tepat dan sangat menjengkelkan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, integriti membawa dua maksud. Pertama ialah kejujuran. Kedua ialah keadaan sempurna dan utuh, keutuhan dan ketulusan. Orang yang mempunyai integriti yang tinggi adalah manusia yang bermaruah. Sekiranya didapati bersalah, mereka bersikap profesional dengan sedia mengakui kesilapan. Pihak pembangkang sering kali menganggungkan ungkapan kerajaan seharusnya lebih telus dan berintegriti.

**■1240**

Namun perkara ini langsung tidak diperlakukan dalam barisan pembangkang itu sendiri, umpama ‘*kera menegur tahinya*’. Pada kebiasaan orang yang melakukan sesuatu kesalahan itulah yang terlebih dahulu memperkatakan tentang kesalahan-kesalahan orang lain. Saya yakin dan percaya bahawa Ahli-ahli Dewan yang mulia ini berada di barisan yang sama seperti saya bersetuju bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mempunyai nilai integriti yang tinggi. Namun begitu keadaan sebaliknya pada pihak pembangkang yang sering memperkatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak telus dan tidak mempunyai integriti.

Seterusnya, rakan-rakan sebelah sana sering kali mendesak Yang Amat Berhormat Pekan supaya melepaskan jawatan, namun adakah mereka sedar bahawa Yang Amat Berhormat Pekan tidak pula disabitkan atas apa-apa kesalahan sehingga ini ataupun sebarang tujuan di mahkamah. Namun di manakah letaknya integriti pemimpin barisan pembangkang kerana didapati ada yang bersalah tetapi tidak pun hendak melepaskan jawatan yang disandang hingga ke masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada mengingatkan bahawa setiap rakyat hendaklah sentiasa memelihara keharmonian serta kerukunan hidup bermasyarakat. Baginda juga turut mengingatkan rakyat supaya tidak menyalahgunakan media sosial dengan memuat naik serta menyebarkan kandungan berbaur hasutan, fitnah dan fahaman ekstremis. Perkara ini perlu dikawal dengan segera oleh agensi yang berkaitan kerana sekiranya lambat bertindak isu-isu ini akan menyebabkan konflik yang lebih besar.

Secara keseluruhannya pelbagai usaha serta langkah yang telah dijalankan oleh kerajaan dan mengekalkan perpaduan kaum di negara ini. Rakyat Malaysia seharusnya bersyukur dengan keamanan yang telah diperoleh selama ini. Sungguh pun terdapat perbezaan ideologi politik, seharusnya kita mengawal supaya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** ...Tidak wujud suasana tegang di antara setiap kaum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu bangun Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh bagi laluan?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Batu duduk dahulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit boleh?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Berkaitan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, umpamanya apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyeru untuk perpaduan, jadi maksudnya kalau merujuk kepada usaha-usaha untuk mengadakan kempen Bersih yang akan diadakan pada bulan November ini sepatutnya ia tidak boleh diadakan kerana dengan wujudnya demonstrasi Bersih ini akan menyebabkan wujudnya huru-hara di negara ini.

Jadi saya hendak mengajak kepada mereka yang bijaksana di sebelah sana supaya berusaha menghentikan kempen Bersih yang nampaknya tidak bersih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bersih jadi kotor.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh soal meningkatkan pengeluaran makanan dengan harga kompetitifnya. Saya sangat memuji langkah kerajaan untuk menambahkan perbekalan makanan. Cuma di tempat saya Tuan Yang di-Pertua, saya telah timbulkan di sini dua tiga kali, iaitu bagaimana petani di kawasan saya yang luasnya lebih daripada 3,000 ekar atau 3,000 hektar masih lagi pendapatan mereka di antara tiga guni ke enam guni. Jadi maksudnya kalau harapan kerajaan supaya setiap petani dapat sepuluh guni satu ekar. Akan tetapi di tempat saya tidak dapat.

Jadi kerana itu saya telah minta di sini pada sidang Parlimen yang lalu supaya kawasan padi di Parlimen Parit dimasukkan ke dalam Skim Kerian Sungai Manik ataupun dimasukkan dalam Skim IADA Seberang Perak. Dengan adanya kemasukan bendang ini ke dalam Skim IADA Seberang Perak, maka membolehkan usaha-usaha penambahbaikan dapat dilakukan. Jadi saya minta kepada pihak yang berwajib terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya dapat menimbangkan permohonan daripada petani di kawasan Parit ini.

Kedua ialah meningkatkan taraf kesihatan. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah pun meluluskan dalam Bajet 2015 pembinaan sebuah hospital di Seri Iskandar. Akan tetapi hari ini sudah hendak habis tahun 2016, hendak muncul tahun 2017 saya tidak nampak lagi usaha-usaha atau kerja-kerja pembinaan akan bermula. Jadi saya hendak minta kepada Kementerian Kesihatan atau pihak yang berkuasa supaya dapat menentukan pembinaan Hospital Seri Iskandar ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan kalau boleh secepat yang mungkin. Sebab orang-orang di kawasan saya sedang menunggu sebuah hospital yang baharu kerana peningkatan penduduk di kawasan Seri Iskandar yang baharu itu. Itu perkara yang kedua.

Perkara ketiga tentang jalan dan lampu jalan. Saya memuji usaha kerajaan kerana dengan adanya usaha untuk jalan dan lampu jalan, yang pertama dengan

adanya lampu di semua persimpangan-persimpangan maka menyebabkan kampung-kampung telah mula terang benderang dan seperti kata rakan-rakan saya yang lain, dengan adanya lampu-lampu jalan itu maka menyebabkan kampung terang benderang dan dapat mengelakkan daripada perbuatan-perbuatan jenayah yang berlaku pada masa ini termasuklah hal pencuri, merompak, dadah dan sebagainya. Jadi saya berharap supaya ini dapat diteruskan.

Cuma harapan saya Tuan Yang di-Pertua, ada kekangan kepada pembinaan jalan kampung. Pada hari ini ada kebenaran untuk membina jalan ke rumah-rumah tetapi ada pula satu lagi pandangan, arahan yang mengatakan tidak boleh dibuat jalan ke rumah-rumah. Saya hendak minta kepada kerajaan supaya hanya satu arahan sahaja iaitu membenarkan jalan-jalan dibina ke rumah-rumah di kampung-kampung kerana inilah sebenarnya nikmat kemerdekaan yang orang kampung dapat menikmati hasil daripada kemerdekaan negara. Jadi saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya projek jalan kampung ini dapat diberikan kebenaran untuk dibina ke rumah masing-masing.

Pada masa yang sama, saya hendak menyentuh juga tentang Jalan Parit - Seputeh yang pernah saya timbulkan di Dewan ini yang bukan panjang hanya sembilan kilometer yang telah pun diluluskan dalam Projek Banting - Taiping akan tetapi pelaksanaannya ialah pada tahun 2029 iaitu lagi 13 tahun dari sekarang. Saya minta kepada Kementerian Kerja Raya supaya jalan ini yang pernah lulus dalam RMKe-8 dan RMKe-9 dapat dipercepatkan. Maksudnya Kementerian Kerja Raya dapat mengarahkan kepada *main contractor* WCE supaya dapat memulakan kerja membina jalan yang tidak panjang sangat hanya dalam sejauh sembilan kilometer sahaja. Itu yang ketiga.

Keempat saya memuji langkah kerajaan untuk menyelaraskan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang diperuntukkan RM30 juta. Pada masa ini kewujudan sekolah-sekolah tahfiz dan kelas-kelas tahfiz macam gerai goreng pisang di tepi jalan. Maksudnya ditubuhkan tanpa ada satu dasar yang konkret. Saya hendak mengajak kepada Dewan ini untuk umpamanya di tempat saya. Ada tidak kurang daripada sepuluh sekolah-sekolah tahfiz yang ada yang 13 orang, ada 30 orang dan ada 22 orang, jadi maksudnya merata-rata.

Kemudian kita tidak tahu bagaimana gurunya, kelayakan gurunya, bagaimana pelajar-pelajar itu duduk, kemudahan-kemudahannya, makan macam mana dan barangnya macam mana. Jadi kalau ada satu dasar yang baik untuk sekolah tahfiz ini itu satu perkara yang sangat baik sebab mereka juga kena ikut Sistem Pendidikan Kebangsaan yang mana mereka kena ada kelulusan dalam Bahasa Malaysia. Sebab

bila mereka hendak bekerja nanti, bila mereka hendak masuk pasaran kerja nanti salah satu syaratnya adalah lulus dalam Bahasa Malaysia, kredit dalam Bahasa Malaysia.

■1250

Akan tetapi mereka ini oleh sebab mereka tidak menekankan, tidak mengutamakan, tidak mementingkan perkara ini mereka keluar sebagai seorang tahniz tetapi mereka tidak dapat untuk masuk dalam pasaran kerja yang memerlukan kelulusan Bahasa Malaysia dalam SPM. Jadi kerana itu kepada saya ingin satu langkah yang cukup baik dan pada saya ia sesuatu yang harus dilaksanakan. Maksudnya sebelum ditubuhkan hendaklah ada permohonan dan siapa yang memproses permohonan. Sekarang yang ini berlaku ialah tubuh dahulu, bina dulu selepas itu minta surat kebenaran dan sebagainya. Ini bagi saya sesuatu yang amat tidak kena dan sepatutnya diberikan perhatian oleh kerajaan. Perkara yang seterusnya...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Parit, pendek sahaja Yang Berhormat Parit boleh.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Sila, sama orangnya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit tentang tahniz ini, itu satu langkah yang baik. Cuma apa pandangan Yang Berhormat Parit, kalau saya cadangkan supaya dari segi keselamatan anak-anak tahniz ini sebab selalunya bila buat dalam keadaan yang *ad hoc* macam ini tidak ada pemantauan yang khusus dari segi keselamatan anak-anak ini terjejas khususnya dari segi keselamatan dari segi *design*. Jikalau berlaku kebakaran berlaku kematian. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Parit supaya kerajaan tegaskan dari sudut keselamatan ini?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya bersetuju, sebab mereka ini pelajar-pelajar ini kanak-kanak, umur 12 tahun hingga 16 tahun. Jadi, maksudnya keselamatan mereka harus dan wajib diberi keutamaan. Umpamanya di tempat saya, saya cerita lagi. Ada satu kelas tahniz duduk belajar di masjid lama yang tak ada kemudahan dan sebagainya. Jadi, ini cukup memberikan bahaya kepada pelajar-pelajar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sentuh tentang soal guru duka lara. Saya amat memuji langkah dan tindakan daripada Menteri Pendidikan yang memberikan pertimbangan kepada permohonan pertukaran guru-guru duka lara yang suami di Semenanjung, isteri di Sabah Sarawak, isteri ambil suami di Sabah Sarawak, isteri di Semenanjung dan sebagainya. Menteri sebenarnya pada dasarnya telah pun

bersetuju bila ada orang mohon untuk pertukaran, Menteri bersetuju diminitkan— diluluskan untuk pertimbangan, Menteri *sign*. Tiba-tiba bila sampai ke peringkat kepegawaian, yang berlaku tidak seperti minit Menteri. Mereka menangguh-nangguhkan, mereka melewati-lewatkan malah langsung kadang-kadang tindakan tidak diambil. Jadi, masa ini bertentangan dengan hasrat Menteri untuk menyelesaikan masalah guru duka lara.

Cuba kita kenangkan, kalau menantu kita, cucu kita, sedara kita yang seorang di Sabah, seorang di Sarawak, suami di Semenanjung tentulah bila masanya. Jadi akan tidak melahirkan keluarga yang bahagia. Tujuan Menteri untuk melahirkan keluarga yang bahagia. Kepada saya, Kementerian Pendidikan mestilah menimbangkan perkara-perkara ini, tak kiralah alasannya tidak ada guru ganti dan sebagainya. Kalau sekiranya hendak menunggu guru ganti, maka akan teruslah merana mereka yang terlibat. Jadi kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya kementerian, pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan akan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya kepada guru-guru duka lara ini supaya hidup mereka akan lebih bererti, rumah tangga mereka akan lebih bahagia dan akhirnya menjadikan ia sama ada guru lelaki atau guru perempuan, dia guru yang akan memberikan perkhidmatan yang baik kepada anak pelajar mereka.

Kita— kadang-kadang kita marah kepada guru-guru kerana sebagaimana-sebagainya. Akan tetapi kita tak tengok apa keresahannya, kebimbangannya yang timbul di kalangan para guru itu. Sekali lagi, saya berharap kepada Kementerian Pelajaran terutama di peringkat pegawai-pegawai supaya setelah Menteri memberikan arahan janganlah lagi di tangguh-tangguhkan supaya isu guru duka lara ini akan dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**12.55 tgh.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap mengenai bajet kali ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut dalam ucapan beliau bahawa ekonomi negara banyak bergantung pada persepsi global kepada negara kita. Jadi, salah satu persepsi global ini adalah kleptokrasi yang banyak kali dibawa oleh pihak pembangkang. Jadi, untuk menyelesaikan masalah ini saya kira kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

digantikan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru juga daripada BN— kerana kita masih lagi belum berpilihan raya. Maka, ini sudah mungkin membawa memperbaiki imej kita di negara luar.

Itu adalah realitinya apa yang sedang berlaku selagi tidak selesai isu ini, maka negara kita akan terpalit dalam jangka masa yang sangat panjang dan kita terpaksa menghadapinya dengan bersusah payah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah seorang individu sahaja, yang memerintah adalah satu kerajaan yang terdiri daripada menteri-menteri Kabinet yang ramai. Takkanlah dalam ramai-ramai pemimpin daripada kalangan parti pemerintah tidak ada orang lain yang layak menggantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu sahaja persoalannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memasukkan dahulu satu memorandum yang diberikan oleh mahasiswa tentang kekhawatiran mereka tentang bajet pemotongan peruntukan pendidikan tinggi. Mahasiswa sebenarnya khawatir kerana dalam tempoh tiga tahun ini, sektor pendidikan tinggi negara telah menghadapi pemotongan sebanyak 30 peratus dan pemotongan ini sangat dikhawatiri menjelaskan kualiti pendidikan tinggi dan negara lantas generasi anak muda serta mahasiswa yang akan terkesan. Melalui analisis yang mereka jalankan, penurunan peruntukan terhadap universiti-universiti awam seperti Universiti Malaya selaku di antara universiti pendidikan yang terkemuka di Malaysia telah mengalami penurunan bilangan pendidikan dan pembangunan sejak tahun 2014 hingga 2016.

Didapati bahawa pemotongan mendadak terhadap UM sebanyak 41.73 peratus dan pengurangan jumlah penyelidikan dan pembangunan adalah sebanyak 72 peratus. Jadi, maknanya bila bajet ini turun maka turunlah penyelidikan. Ini sudah kita lihat kesannya. Tahun lalu sebenarnya saya pun ingat semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet, Menteri Pendidikan bila ditanya selepas itu tentang jaminan bahawa pemotongan peruntukan terhadap universiti tidak akan menjelaskan universiti. Inilah yang dijawab pada ketika itu. Namun hakikatnya kelihatan berbeza dengan jaminan yang diberikan.

Oleh itu, mahasiswa meminta supaya ada jaminan bahawa pemotongan peruntukan tahun ini tidak akan menjelaskan empat perkara:

- (i) tidak ada kenaikan yuran pengajian di mana-mana universiti awam;
- (ii) tiada kenaikan yuran penginapan atau caj tambahan lain-lain;
- (iii) peruntukan penyelidikan dan pembangunan universiti tidak dikurangkan; dan
- (iv) pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur universiti tidak terbantut.

Jadi, inilah empat perkara yang ingin dilihat oleh para mahasiswa kita akibat daripada tidak berlaku akibat daripada pemotongan bajet kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.

Seterusnya, saya ingin membawa isu menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kota Rajalah walaupun menteri yang kena jawab. Tidakkah ini menunjukkan satu sikap yang meremehkan persoalan pendidikan tinggi dan meremehkan masalah masa depan rakyat—apa yang akan terkorban apabila bajet pendidikan merupakan bajet yang pertama. Tiap-tiap tahun kita lihat demi hendak memenuhi keperluan bajet Jabatan Perdana Menteri yang tiap-tiap tahun pun naik. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja walaupun turun sikit tahun ini tetapi kita lihat tetap pendidikan menjadi mangsa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jawab itu selepas *break* nanti Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Okey. Oh, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Raja, sambung perbahasan. Saya difahamkan ada 15 minit lagi, baki. Sila.

**2.32 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin menyambung balik. Walau

bagaimanapun, saya tidak akan menjawab isu pendidikan kerana *insya-Allah* nanti ada peluang dalam perbahasan kementerian nanti.

Saya teruskan dengan mengatakan bahawa dalam isu perumahan, pelbagai perkara, cara yang kerajaan adakan untuk menyediakan rumah mampu milik dan kita mengalau-alukan perkara ini. Namun, saya melihat bahawa kini sudah ada tujuh program perumahan mampu milik di dalam laporan ekonomi dan dalam ucapan Bajet 2017, Perdana Menteri mengumumkan satu lagi dana untuk memberikan pembiayaan akhir atau *end financing* khas jenis *step-up* untuk program PR1MA, untuk rumah bernilai hingga RM300,000.

Jadi, saya amat teruja sebenarnya dan dalam usaha saya untuk mencari maklumat selanjutnya, saya rasa amat menyusahkan kerana saya terpaksa membuka beberapa *website* untuk mendapatkan maklumat lanjut. Oleh itu, saya tidak tahu berapa jumlah dana sepenuhnya untuk program-program perumahan mampu milik ini, di mana lokasi mereka dan sebagainya. Apa yang saya harapkan ialah sebenarnya saya merasakan bahawa entiti-entiti yang berlainan untuk menyelesaikan satu masalah yang menyebabkan kita tidak mempunyai pandangan yang komprehensif tentang perumahan mampu milik ini.

Sepatutnya saya fikir isu perumahan mampu milik ini patut dikendalikan di bawah satu kementerian atau satu *board* atau satu suruhanjaya seperti apa yang dilakukan oleh Singapura dalam tahun 1960-an yang mana mereka ada *Housing and Development Board* yang menyelaras dan juga melaksanakan program-program rumah mampu milik untuk rakyat mereka dalam masa sepuluh tahun mereka telah berjaya untuk memberi peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah mampu milik. Kemudian, daripada segi pemantauan, saya agak bimbang kerana apabila ia dilaksanakan oleh pelbagai badan pelbagai agensi, bagaimanakah kita hendak memastikan bahawa rumah-rumah ini diterima oleh sasaran dan tidak oleh mereka yang tidak sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa minat untuk pemilikan rumah ini hanya dengan memberi subsidi dan kemudahan meminjam walaupun sasaran yang hendak dibantu itu kurang mampu dan kerajaan tidak berusaha gigih untuk menurunkan harga rumah yang dibina. Pihak swasta terus membina rumah mampu tengok oleh kebanyakan rakyat dan yang mampu dibeli oleh kumpulan sosioekonomi teratas 20% dan rumah yang dilancarkan dalam negara kita ini, 50% daripadanya atas daripada RM500,000. Jadi maknanya kita tidak akan selesai kerana wujud ketidakseimbangan ataupun ketidaksepadanan di antara permintaan rumah dengan persediaan rumah yang dibina di dalam negara kita. Bagaimana kerajaan boleh

mengadakan polisi untuk memastikan bahawa rumah yang dibina itu walaupun kita mengatakan bahawa ini adalah swasta, mereka boleh membina rumah ikut suka mereka dan sebagainya tetapi pada akhirnya rakyat dilihat tidak mampu untuk membeli rumah-rumah ini semua.

Saya juga risau kerana budaya berhutang di luar kemampuan kerana ghairah kita untuk memiliki rumah, maka mereka yang tidak mampu diberi peluang untuk mendapat subsidi dan kemudian dalam program *step-up* ataupun *end financing* ini, deposit akan diberi kepada mereka. Saya diberi tahu entah betul entah tidak, saya ingin mendengar penjelasan bahawa dalam program *step-up and end financing* ini, pembayaran bunganya sahaja hingga ke sepuluh tahun kemudian barulah peminjam ini akan bayar kemudian dalam masa mungkin 35 tahun untuk melangsai hutang rumah ini. Penggunaan Akaun 2 KWSP menyebabkan tanggungan bebanan hutang yang tinggi kepada rakyat terutamanya golongan muda yang belum berumah ini.

Kerisauan saya juga ialah satu paradigma yang mana kita perlu memiliki rumah walaupun di luar kemampuan. Sepatutnya pemikiran kita ialah pemilikan rumah berhemah. Maknanya bila kita mampu, kita beli. Jadi peranan kerajaan di sini adalah untuk memastikan rakyat mampu, bagaimana boleh kita meningkatkan pendapatan rakyat supaya mereka mampu membeli rumah, bukan mereka tidak mampu tetapi beli selepas itu hutang yang dibayar sehingga oleh dua generasi.

Jadi ini adalah antara perkara dan lagi satu saya tengok macam rumah PR1MA, dicarinya lokasi-lokasi strategik di dalam kawasan bandar. Memang inilah yang sebenarnya diingini orang, bukan kerana orang suka duduk dalam bandar. Akan tetapi rumah-rumah yang dibina di luar bandar, tidak ada kemudahan pengangkutan yang mudah sampai ke bandar tempat mereka kerja. Kalau kita lihat negara maju kadang-kadang, orang duduk jauh, berpuluhan batu daripada bandar tempat mereka kerja dan oleh sebab pengangkutannya bagus, maka rakyat boleh sampai ke tengah bandar untuk bekerja.

Saya tertarik dengan satu perkara yang saya baru tahu sebenarnya dan agak teruja tetapi mungkin kementerian dan juga arkitek, perancang bandar sudah tahu tentang idea baru yang mana kita sebenarnya patut membangunkan kawasan luar bandar. Ini kerana kita lihat sekarang ini 60% sehingga 70% rakyat kita berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dan juga untuk tinggal di bandar menyebabkan bandar menjadi sesak.

Saya mendengar satu ceramah daripada seorang arkitek dan profesor Singapura, Profesor K.S Tay yang mencadangkan bagaimana membandarkan kawasan luar bandar yang beliau istilahkan sebagai '*urbanization*'. Semua kemudahan

bandar dapat diwujudkan di luar bandar dengan mewujudkan apa yang dipanggil *modular city*. Saya rasa kita mungkin kena *explore* bahawa pembangunan sekarang ini perlu kita hijrahkan ke kawasan luar bandar dan *modular city* yang diperkatakan ini ada dalam *YouTube* dan sebagainya dapat menempatkan 100,000 orang penduduk dengan kemudahan dalam bandar dalam satu kawasan satu kilometer persegi sahaja.

■1440

Ini adalah satu perkara yang amat mengujakan kerana kita masih boleh tinggal di luar bandar dikelilingi oleh kehijauan dan juga kawasan-kawasan pertanian tetapi kita juga dapat menikmati kemudahan hidup di dalam bandar.

Perkara kedua— mungkin saya tak sempat habis. Saya nak sebut tentang Kabinet kita yang gemuk gedempol, *corpulence*. Kita ada 27 kementerian. Kita semua tahu bahawa dalam sistem *Westminister* yang kita warisi ini, kita ada tiga komponen kerajaan, eksekutif, legislatif dan kehakiman. Di sinilah konsep pengasingan kuasa dan semak imbang dalam perjalanan sesebuah negara diikuti oleh semua negara Komanwel.

Namun pada hakikatnya dalam negara kita terutamanya, kuasa eksekutif itu lebih kuat berbanding daripada kuasa legislatif. Parlimen ini sepatutnya memainkan peranan semak imbang dan memastikan pentadbiran negara, pelaksanaan polisi dan undang-undang yang digubal diikuti. Sepatutnya Parlimen ini tak ada Menteri Parlimen kerana dalam badan legislatif ini, Yang di-Pertua atau Speaker memimpin. Buktinya Parlimen ini lemah, apabila undang-undang digubal eksekutif, Parlimen hanya meluluskan. Eksekutif juga menentukan berapa lama Parlimen bersidang. Tiada kuasa sebenar. Sepatutnya eksekutif dan legislatif sama kuat, baru ada semak imbang yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai 30 juta penduduk. Tapi kita juga ada— sekarang ini kalau tak silap saya, 27 kementerian termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan kita ada 33 Timbalan Menteri, kalau kiraan saya betullah ini.

Kebanyakan kementerian ini ada beberapa kementerian yang fungsi mereka bertindih. Berbanding dengan negara-negara yang lebih besar seperti Australia dan UK, jumlah Menteri mereka dalam 20 orang, mungkin lebih kurang satu dua lagi dan India yang mempunyai 30 kali ganda lebih besar penduduknya daripada kita, mereka ada satu bilion rakyat, mereka mempunyai 33 orang Menteri sahaja. Kita ada 30 juta penduduk dan kita ada hampir 30 kementerian.

Selepas itu, saya ingin sebut di sini bahawa saya rasa— ini kalau saya tak betul tapi saya rasa— kementerian-kementerian di negara kita dicipta bukan untuk

memastikan pentadbiran yang efisien dan berkesan tetapi untuk memastikan semua parti komponen BN ada Menteri. Ya, kalau tidak, bergaduh besar.

Kabinet yang besar bukan sahaja tidak efisien, malah menelan belanja yang sangat besar. Parkinson, seorang ahli ekonomi mengatakan yang untuk proses pembuatan keputusan yang berkesan, sebuah Kabinet tidak boleh melebihi 21 orang Menteri. Negara-negara maju semua tidak mempunyai jumlah angka Menteri yang begitu ramai dan Timbalan Menteri yang ramai.

Saya nak ajak menengok kepada Kabinet kita yang gemuk gedempol ini ya. Purata orang awam mempunyai persepsi yang beban kebanyakan Menteri tidak berat bergantung pada kementerian. Tambahan pula, sesetengah kementerian ada dua Timbalan Menteri. Berlaku pula pertindihan bidang beberapa kementerian dan kita sebagai Ahli Parlimen pun sering terkeliru *what is under who*.

Saya nak bagi contoh. Misalnya, Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, *what do they have in common?* Semuanya mempunyai sasaran iaitu luar bandar dan pertanian. Tiga kementerian yang sudah tentu program-program mereka bertindih, sasaran mereka bertindih.

Lagi contoh. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Apakah tema ketiga-tiga kementerian ini? Teknologi, alam sekitar dan sumber asli. Dengan tiga kementerian ini pun kita tidak dapat mengatasi masalah air, masalah jerebu, sumber asli dan sebagainya. Jadi, kalau mungkin dikuruskan sedikit, mungkin kita boleh kurangkan belanja dan boleh masuk ke dalam bajet kita.

Kita ada Kementerian Pengangkutan tetapi kita juga ada SPAD di bawah Jabatan Perdana Menteri. SPAD sepatutnya di bawah Menteri Pengangkutan.

Kita ada Menteri Pertahanan menjaga tiga angkatan tentera tetapi kita ada pula Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Saya semak website, tugas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini adalah lebih kurang sama dengan Angkatan Tentera Laut kita. Jadi, kenapa kita *duplicate*? Walaupun ada disebut bahawa APMM ini terletak di dalam masa krisis terletak di bawah Angkatan Tentera Laut tetapi kenapa kita ada begini, dengan fungsinya yang sama? Adakah kita tidak boleh menggunakan aset dan kemudahan Tentera Laut ini untuk menjalankan tugas dan fungsi yang sama di lautan, jadi kita perlu wujudkan pula APMM? Mungkin nak bagi salah seorang Menteri di JPM ada kerja ini.

Jadi, banyak lagi saya nak sebut di sini sebenarnya. Saya nak sebut tentang *confusion* bila tidak ada *communication*, tidak ada komunikasi di antara kementerian.

Contohnya dalam isu AES dahulu, di mana Menteri Pengangkutan menswastakan pemasangan perangkap laju AES untuk menangkap pemandu laju dan terus menyaman tapi pihak polis pula juga yang duduk di bawah Kementerian Dalam Negeri meneruskan penggunaan perangkap laju.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hairan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Memang saya suka ketiga-tiga Menterinya wanita tapi saya lihat ia mempunyai dua Timbalan Menteri. Sedangkan, masalah-masalah di dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita sama seperti dahulu. Tidak ada pelebaran tugas atau *expansion of job function*, dengan izin. Tugas yang sama tapi dua orang Timbalan Menteri. Kita masih ada masalah untuk menghidupkan taska-taska untuk penjagaan anak-anak dan sebagainya.

Jadi, saya minta supaya kementerian-kementerian ini dikaji semula. Saya pun tak faham apa yang PEMANDU buat di bawah JPM. Belum lagi saya sebut tentang JPM ya. Pendidikan prasekolah Jabatan Perdana Menteri dengan PERMATanya, Tabika Perpaduan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan KEMASnya, kemudian Kementerian Pendidikan dengan prasekolahnya. Ketiga-tiganya mempunyai fungsi yang sama tetapi tiga agensi kerajaan. Bila ada tiga agensi, maknanya perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran untuk tiga kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *Insya-Allah*, saya sambung lagi kemudian, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam senarai yang ada depan saya sekarang ini ialah Yang Berhormat Kuala Pilah.

**Seorang Ahli:** Tiada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada. Kalau Yang Berhormat Kuala Pilah tiada, Yang Berhormat Parit.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena pun boleh.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Simpang Renggam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit tiada. Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena pun bersedia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Simpang Renggam.

## **2.48 ptg.**

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017. Saya mulai dengan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana membentangkan Bajet 2017 yang komprehensif, prihatin dan tepat dengan keadaan sosioekonomi semasa negara.

Saya percaya bahawa Bajet 2017 merupakan reaksi kerajaan yang peka, berwaspada dan bertanggungjawab dalam memastikan negara kita kekal teguh menghadapi cabaran dan dugaan ekonomi politik dunia dan pada masa yang sama meneruskan agenda perkembangan negara serta mensejahterakan kehidupan rakyat.

Keseimbangan elemen makro dan mikro menjadikan Bajet 2017 menepati keperluan negara dan masyarakat kita. Kesejahteraan negara dan rakyat dapat terjamin dengan kesedaran dan juga rancangan teliti oleh kerajaan untuk mempertahankan kebijakan dan kepentingan bersama. Saya berharap bajet ini dapat membimbing negara kita mengatasi tempoh yang mencabar ini dan memastikan kehidupan rakyat terbaik.

### **■1450**

Saya ingin juga mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas penjelasan beliau yang cukup jelas dan meyakinkan bagi menyangkal tuduhan atau *misconception* dengan izin, oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang mendakwa bahawa kerajaan akan bankrap atau muflis. Dakwaan tersebut telah menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat tentang ekonomi negara dan kritikan serta persoalan yang penuh dengan emosi dan tidak berasas. Saya perlu menegaskan bahawa salah faham atau salah persepsi yang disemai oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab adalah bermotif politik, pentingkan diri sendiri dan boleh memudaratkan negara. Perbuatan mereka adalah bercanggah dengan Yang di-Pertuan Agong semasa Majlis Pembukaan Sesi Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Lenggong berdiri di belakang Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Boleh Yang Berhormat Simpang Renggam?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar Yang Berhormat Simpang Renggam sebut tadi ada tuduhan yang mendakwa kononnya kerajaan pimpinan Barisan Nasional hendak bankrap. Akan tetapi saya ada juga dengar ada kerajaan negeri yang mewakili pihak

yang menuduh ini contohnya satu negeri di utara, Yang Berhormat pun faham, dia pun minta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan hendak laksanakan projek kerajaan negeri. Kalau lahir tuduhan itu benar, kenapa minta? Ini bukankah hipokrit, Yang Berhormat? Saya hendak dapat pandangan dan ulasan Yang Berhormat.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Itu memang merupakan permainan *blame game* oleh pembangkang. Di samping mereka mengutuk bahawa negara akan bankrap, di sini pula mereka meminta peruntukan.

Saya bagi contoh macam peristiwa banjir kilat yang baru melanda di Pulau Pinang ini. Mereka minta peruntukan, mereka menyalahkan Kerajaan Persekutuan bahawa kerajaan tidak peka, tidak bagi dan tidak meluluskan peruntukan RM350 juta tetapi mereka mempunyai keupayaan untuk melaksanakan projek tiga lebuh raya, projek terowong bawah dasar laut dan mampu bayar kos laporan *feasibility study* setinggi RM305 juta. Jadi, mereka cuma tahu memainkan *blame game*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar hujah Yang Berhormat Gelang Patah apabila beliau mengutuk 1MDB dengan nada yang cukup tinggi, dengan semangat yang cukup tinggi. Akan tetapi saya lihat bila beliau mengutuk bahawa Malaysia akan bankrap dengan semangat yang begitu juga. Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sejak 70-an telah pun kita sering dengar pembangkang mengutuk bahawa kerajaan akan bankrap tetapi pada hakikatnya, bukan sahaja Malaysia tidak menjadi bankrap tetapi pemimpin-pemimpin daripada pembangkang ini semakin kaya. Saya bagi contoh, antara ahli pengasas DAP...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, sedikit. Boleh?

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Sekejap, saya habiskan. Founder yang kini sudah kononnya menjadi penasihat seumur hidup DAP baru-baru ini menjualkan syarikat ladang sawit kepada FELDA dengan harga RM1.2 bilion.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sangat personal.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ada juga yang hari ini masih...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini orang lain kaya atau tidak kaya tidak ada kena mengena dengan kerajaan dan juga tidak boleh dijadikan sebagai bahan ucapan.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** ...Menikmati *pension* beberapa penggal dan anaknya mampu beli rumah banglo walaupun dengan harga

bawah pasaran. Ada lagi dari Perak Tuan Yang di-Pertua, mempunyai banglo yang digelar *White House in Ipoh* yang beliau katakan tidak sampai RM10 juta.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini bukankah Tuan Yang di-Pertua kata kalau orang itu tidak ada di Dewan, tidak boleh dibangkitkan?

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Jadi, di samping mengutuk bahawa kerajaan akan bankrap tetapi apa yang saya lihat mereka semakin kaya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Bukankah sebelum ini Tan Sri kata kalau Ahli Parlimen itu tiada di Dewan, maka dia tidak boleh dibuat dalam Dewan? *Before this, we all know who is talking about Simpang Renggam.*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *wasn't this is your ruling before, if the person is not here, we don't speak about them?*

[Dewan riuh]

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ada lagi...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *this is below the..., this is a personal attack.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau orang ada rumah banglo, apa kena mengena dengan Yang Berhormat?

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ada lagi Ketua Menteri yang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Adakah ini ucapan belanjawan yang dasar?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau Yang Berhormat ada banglo pun, saya juga tidak boleh bangkit dekat sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Simpang Renggam, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri itu tolong duduk sekejap.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Asyik-asyik Ketua Menteri. Isu ini dalam mahkamah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia mahu cari publisiti, *cheap publicity* untuk keluar dalam surat khabar.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Exactly, cheap publicity.*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya menyebut fakta.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Isu ini di dalam mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam duduk dulu dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri duduk dulu, Yang Berhormat. Untuk tidak menghabiskan masa, saya cadangkan supaya kalau ada perkataan-perkataan yang kita agak menyenggung perasaan, tolong elakkan dengan seboleh-bolehnya.

Tadi saya terbaca satu kenyataan seorang Ahli Yang Berhormat, tadi pagi dalam *Hansard* yang selalu sekarang ini digunakan perkataan yang sebut pun payah saya sebut, ‘*kleptocracy*’. Apabila saya tengok apa makna ‘*kleptocracy*’, rupa-rupanya pencuri, penyamun. Peraturan mesyuarat sebut bahawa sangkaan jahat tidak boleh. Buat tuduhan tidak berasas, tidak boleh. Jadi saya tengok lagi definisi apa itu sebenarnya ‘*kleptocracy*’ ini. Apa *characteristic* *kleptocracy*. Rupa-rupanya macam kerajaan yang diktator, tiada pilihan raya, kerajaan yang *oligarchies*, menggunakan askar, junta dan itu tidak ada *characteristic* di sini, di negara ini.

Jadi elakkan. Elakkan perkataan-perkataan yang walaupun tidak mendapat tentangan daripada sebelah. Jadi kalau saya dibuat *ruling* macam begini, macam mana saya mahu buat *ruling*? Macam mana saya mahu buat *ruling* kecuali kita semua ikut peraturan mesyuarat. Jadi kadang-kadang saya beri biar seperti begitu. Yang Berhormat Simpang Renggam, sila teruskan.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menyifatkan satu fakta. Saya bukan hendak sebut mereka sebagai *kleptocracy* tetapi penderhaka negara. Kenapa? Saya tengok ada Ketua Menteri yang sanggup melawat ke luar negara, memburuk-burukkan imej negara, mengutuk negara kita akan jadi bankrap, sepatutnya misi pertama beliau adalah memikat pelabur asing datang melabur di negara kita. Akan tetapi kita lihat tahun 2011, Ketua Menteri pergi ke Hong Kong berdepan dengan media antarabangsa mengutuk Malaysia akan bankrap tetapi apakah dia punya *mindset*? Di samping mengutuk kerajaan akan bankrap, pada masa yang sama minta orang melabur di Malaysia. Apakah jenis *mindset* ini? Kalau saya kata ini adalah kelakuan penderhaka negara, amat keterlaluan, saya bagi satu contoh lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya tengok *Malay Mail online* pada hari ini, ini ada gambar George Soros. [*Sambil menunjukkan keratan berita Malay Mail*] Saya baca Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, “A disturbing minutes of meeting containing foreign plans under a so-called ‘Malaysia Programme’ have surfaced on whistleblower site, DC Leaks. Titled “Malaysia Programme— Portfolio Review Outcome Summary,” it outlined continued efforts by the Open Society Foundation

(OSF) to influence domestic politics through the polls. A substantial part of the document detailed strategies for the 2018 general election, with plans to mobilize minority groups and rural youths among others. OSF is chaired by the controversial billionaire and philanthropist George Soros, whom the document states has 'a personal interest in elections'.

Lagi saya skip sedikit, saya baca. "The three-page document mentioned the phrase 'free and fair elections', a rallying cry for several non-governmental organizations (NGOs) with an anti-government stance. The foreign involvement referred to as 'intervention' began shortly after Dato' Sri Najib Razak replaced Tun Ahmad Abdullah Badawi in 2009"

#### ■1500

*OSF has watched election closely started working on General Election in 2010 after Najib replaced Badawi. The grant making aspect was perceived to be the most successfull intervention.*

Tuan Yang di-Pertua, amat ketara ada campur tangan daripada luar negara dalam politik Malaysia dan saya mohon kerajaan siasat betul-betul. Tingkah laku seperti ini boleh saya sifatkan sebagai penderhaka negara. [Dewan tepuk] Tuan Yang di-Pertua, ini amat serius semua bukti dalam *DC Leaks* ini..

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Simpang Renggam...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, saya dengar Yang Berhormat Simpang Renggam sebut tadi dana asing masuk ke dalam negara. Adakah betul juga sebagaimana yang ada satu laporan *DC Leaks* ini yang mendedahkan *Open Society Foundation* ini dia mula berperanan pada 2010 di Malaysia atas nama pilihan raya Bersih ini dan Merdeka Centre ini. Adakah badan-badan ini juga, Malaysia Centre, sorry dan *Malaysiakini* ini yang disebut juga mendapat dana-dana seumpama ini?

Ini satu pendedahan yang berbahaya. Ini campur tangan secara langsung dalam negara. Ini berbahaya. Kalau ini, apakah Yang Berhormat Simpang Renggam berpandangan siasatan mesti dibuat, pihak yang terlibat mesti dibawa ke pengadilan kerana membawa campur tangan asing ke dalam negara suatu yang memang

menderhaka kepada sistem demokrasi negara ini. Apa pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam, saya cuma hendak merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi ada campur tangan daripada pihak asing. Saya cuma hendak minta pandangan bagaimana dengan RM2.6 bilion di dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan, terima kasih.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Lenggong dengan Yang Berhormat Rasah. Mereka ini tidak faham. Ini satu tindak menumbangkan kerajaan. *[Dewan riuh]* Menumbangkan kerajaan dan bukan saya cakap syok sendiri. Maria Chin, kononnya Penggerusi Bersih, Lady Bersih sendiri yang mengakui pernah menerima dana daripada OSF.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Bukan saya yang cakap. Jadi itu satu bukti yang cukup jelas bahawa ada campur tangan daripada luar negara dalam politik Malaysia.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Simpang Renggam, siapa, sini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Yang Berhormat Simpang Renggam, setuju atau tidak ataupun minta pandangan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam. Memang dalam itu hari perbahasan, saya sudah sampaikan macam mana kita hendak kawal kita punya, jaga kita punya ekonomi negara kita semua. Tadi saya cuma sedih saya tertarik dengar.

Pembangkang bila dia hendak tuduh sama Barisan Nasional, itu orang ada dalam Dewan kah tidak ada Dewan, dia boleh tuduh. Bila kita tuduh sama pembangkang, tidak boleh tahan. Dia sudah panas, macam-macam dia akan alasan. Yang Berhormat Seputeh pun sama, kalau dia hendak hentam orang dia boleh suka hati punya. Tadi pagi dia marah sama itu Menteri Wilayah tetapi Menteri Wilayah tidak ada, dia pun balun habis-habisan. Kenapa ada *double standard* sebagai cakap pembangkang mahu *world class* standard punya Ahli Parlimen. Saya tanya pandangan Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Simpang Renggam..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Bintulu ada banyak banglo dan banyak harta tanah, kenapa tidak tanya dia mana duit dia datang. *[Dewan riuh]*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Seputeh, saya boleh cabar sama kita bagi *list* sama saya, kalau tidak ada, *you jangan bertanding PRU akan datang*. *You* satu, sebagai manusia pandai temberang, tipu punya wakil rakyat dalam Malaysia. *[Dewan tepuk]* Kalau ada saya hendak letak jawatan, kalau tidak *you jangan bertanding*. Boleh?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan..

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Cabar salah orang lah, kongkalikung kamu.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Nasihat saya kepada pembangkang...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kamu boleh hantar laporan sama saya.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Ini, bila satu jari tuding pada orang lain, tiga tuding balik pada diri sendiri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Seputeh ini memang kongkalikung cakap punya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Itulah nasihat saya kepada pembangkang dan saya hari ini saya baru tahu, kenapa pembangkang tidak setuju dengan Akta Dana Politik kerana mereka takut dengan pelaksanaan akta ini akan menyekat sumber dana mereka dalam apa sahaja aktiviti yang akan dianjurkan oleh mereka bagi menumbangkan Kerajaan Malaysia.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Simpang Renggam minta penjelasan. Sekejap.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *Enough lah, enough.* Cukuplah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekejap, minta penjelasan. *This is one more point.*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya tinggal 4 minit sahaja lagi. Saya alih ke isu lain. Saya...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penting, penting sebab ini tentang pengaruh kuasa asing, penting. Penting.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *It's okay.* Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke isu lain sebab masa tidak cukup.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak apa takut, tidak apa.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya ingin sentuh sedikit tentang PTPTN. Seperti mana yang diketahui, PTPTN merupakan sebuah perbadanan yang ditubuhkan pada tahun 1997 yang bermatlamat untuk memberikan peluang kepada anak-anak muda yang ingin melanjutkan pendidikan mereka di institusi pengajian tinggi yang mengenakan yuran yang mahal. Hanya Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa tindakan PTPTN yang menyenaraikan nama penghutang dalam sistem CCRIS agak tidak wajar kerana ia akan menjelaskan kemampuan mereka mendapatkan pinjaman bank.

Saya berpendapat bahawa tindakan ini akan menghindari golongan graduan untuk membina kehidupan mereka seperti membeli rumah dan kereta. Oleh itu saya berharap agar kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang lain untuk menuntut hutang tanpa langkah yang dinyatakan di atas. Kalau kerajaan kita mahu peka dalam isu ini, membantu pelajar-pelajar, marilah kita bantu mereka sehingga memasuki masyarakat dan saya ingin mencadangkan, kalau boleh potongan KWSP dijalankan dan tidak menyenaraihitamkan dengan sistem CCRIS.

Satu lagi mengenai isu GST. Saya difahamkan dengan aduan ke atas rebat GST oleh sesetengah syarikat yang perlu mengambil masa lama 3 bulan. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini telah membebankan syarikat-syarikat yang berkenaan kerana kelambatan dalam rebat GST akan menyebabkan mereka menghadapi masalah *cash flow* dan aliran tunai ataupun masalah kewangan dan saya berharap bahawa kerajaan, terutamanya pihak kastam akan mengambil tindakan secepat mungkin untuk menyelesaikan masalah ini dengan secara berkesan kerana ia telah pun lama wujud dan saya pernah membangkitkan isu ini pada sesi persidangan yang lepas.

Sementara itu, saya mendapati bahawa wujudnya ada kes-kes di mana terdapat syarikat-syarikat yang pulangan mereka tidak mencecah RM500,000 tetapi digalakkan untuk mendaftar dan menyumbang kepada GST. Apabila mereka lambat menghantar penyata GST dan didenda, saya percaya bahawa syarikat-syarikat yang menyumbang kepada GST secara sukarela ini patut diberikan tempoh penangguhan yang lebih panjang untuk membolehkan mereka menghantar penyata GST.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mewujudkan sistem baru kepada kumpulan syarikat penyumbang GST secara sukarela ini supaya

menggalakkan lebih banyak syarikat di bawah ambang pulang RM500,000 untuk mendaftar dan menyumbang kepada GST. Jadi memandangkan masa tidak mengizinkan, saya mengakhiri ucapan saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam *list* Yang Berhormat Bayan Baru. Dalam *list* Yang Berhormat Bayan Baru, sila.

### **3.09 ptg.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Bajet 2017. Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan kisah satu pekan bernama Nogales.

#### **■1510**

Pekan Nogales dipisahkan kepada utara dan selatan dengan pagar persempadanan Amerika Syarikat dan Mexico. Utara Nogales itu terletak di dalam Santa Cruz County Amerika Syarikat, Selatan Nogales terletak di Mexico, di Sonora.

Apa yang menarik di antara utara dan juga selatan ini adalah di utara, pendapatan seisi keluarga itu adalah RM10 ribu satu bulan tetapi di selatan, dia RM3 ribu sahaja seisi keluarga sebulan. Di utara Nogales, hampir semua penduduk dewasa adalah graduan daripada sekolah menengah dan banyak yang masuk universiti. Akan tetapi di selatan itu, dia banyak yang tidak habis sekolah. Di utara Nogales, penduduk boleh hidup dengan aman tanpa waswas. Di selatan, jenayah cukup tinggi, rompakan berleluasa dan penuh dengan rasuah. Penduduk pekan ini terdiri daripada bangsa yang sama, agama yang sama, tradisi yang sama, cara hidup yang sama. Jadi, mengapa ada perbezaan yang begitu besar? Ini disebabkan oleh kesimpulan daripada satu golongan sosiologis yang telah membuat kajian antara di utara iaitu di kawasan sempadan Amerika Syarikat, mereka mempunyai institusi kerajaan yang bersih, institusi demokrasi yang hebat dan ahli politik yang bersih. Di selatan pula kerana ada banyak rasuah, ahli politik yang *corrupt* dan institusi kerajaan tertunduk kepada ahli politik yang rasuah.

Jadi saya tahu ramai tidak suka terutamanya daripada sebelah sana, yang tidak suka kita sebut tentang Singapura dan Malaysia. Keadaan yang sama lebih kurang kerana kita dengan Singapura adalah lebih kurang bangsa yang sama, tradisi sama, sejarah yang sama. Akan tetapi di Singapura kita tahu bahawa pada tahun 1990, Singapura telah menjadi dikategorikan sebagai *high income nation* tetapi

Malaysia sehingga Wawasan 2020, tidak semestinya boleh sampai. Sekarang, Perdana Menteri bangkitkan TN, Transformasi Nasional 2050 pula.

Jadi apakah, kenapa kita relevan ini kepada Malaysia? Ini kerana kita tahu bahawa dua hari yang lalu, ada seorang lelaki namanya Shukri bin Saad. Shukri bin Saad ini dia seorang yang berasal dari Pulau Pinang. Dia terjun, dia bunuh diri daripada jambatan Pulau Pinang yang kedua. Kenapa? Dia kata, sebelum dia terjun, dia telah tulis satu *Facebook posting*. Dia kata dirinya tertekan oleh kerajaan yang zalim dan beliau akan didakwa kerana menjual rokok seludup bernilai RM360 sahaja. Kerana RM360, beliau dihadapkan ke mahkamah dan pada hari yang dia *on the way* ke mahkamah, dia membuat keputusan untuk bunuh diri dan dia terjun daripada jambatan Pulau Pinang yang kedua.

Saya cukup sedih hati ya. Dia kata, saya mengaku salah. Perkara itu salah tetapi hukuman tidak setimpal. Pengarah yang mencuri jutaan ringgit, tetapi kemudiannya dibebaskan dengan jaminan. Dia juga kata, “*Celaka punya pimpinan kerajaan sekarang. Berniaga kedai runcit kampung sahaja, bukan untung besar pun. Margin cukup nipis, dibebani dengan cukai GST lagi. Memang kerajaan sekarang zalim*”, katanya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kalau negara kita adalah negara yang bersih, kerajaan yang bersih dan memberi keadilan dan juga institusi kerajaan yang baik, maka rakyat akan dibela. Akan tetapi kalau kita ada masalah, pelbagai masalah rasuah dan sebagainya, tidak ada *rule of law*, maka inilah yang terjadi.

Pada 20 Julai 2016, ini satu tarikh yang penuh dengan sejarah dan sejarah yang buruklah. Pada hari ini, Peguam Negara Amerika Syarikat, Loretta Lynch mengumumkan tindakan undang-undang menuntut kes rahsia raksasa melibatkan 1MDB, ‘*Malaysia Official 1*’, Riza Aziz iaitu anak Perdana Menteri dan juga Jho Low iaitu kawan baik Perdana Menteri. Jadi pada hari ini, Malaysia secara rasmi tergolong dalam negara kleptokrasi. Jadi, ini adalah sesuatu yang serius kerana apabila Amerika Syarikat ambil tindakan mahkamah terhadap 1MDB...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:**

[Bangun] Boleh saya mencelah? Penjelasan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya tidak cukup *time*. Minta maaf ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:**

Dengarlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dia, apa ini- Kejap, kejap. Saya habiskan, nanti saya bagi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Jangan jauh sangat. Saya hendak sentuh yang tadi itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak apa, tidak apa. Boleh. Apabila Amerika Syarikat membuat tindakan mahkamah tetapi polis di Malaysia, mereka kata belum memanggil Jho Low. Apabila saya tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri pula jawab bahawa itu adalah rahsia. Adakah mereka sudah panggil Jho Low dan juga Riza Aziz? Dia kata itu rahsia. Saya pernah tanya MACC (SPRM), adakah mereka telah memanggil Jho Low dan Riza Aziz? Saya amat terkejut kerana SPRM kata, SPRM tidak terlibat dalam siasatan 1MDB.

So kalau kes yang paling besar, kes kleptokrasi yang paling besar di Malaysia atau di Amerika Syarikat pun, kenapa SPRM tidak buat siasatan. Jadi, saya minta kerajaan jawab ya. Juga satu isu adalah Peguam Negara Switzerland, dua kali minta bantuan daripada Kerajaan Malaysia tetapi Peguam Negara kata tidak terima permintaan. Saya juga minta Yang Berhormat Menteri jawab kenapa berlaku *miss communication* atau *lost in translation*.

Apabila Singapura tutup *Falcon Bank*, denda UBS dan bank sendiri, DBS dalam kes 1MDB. Bank Negara kata kes 1MDB tutup. Jadi, apa yang terjadi? Saya minta juga Yang Berhormat Menteri jawab isu ini. Itu adalah pertanyaan-pertanyaan daripada rakyat. Apabila kita jumpa dengan rakyat, mereka tanya kita, apa yang telah berlaku. Itulah, saya tidak boleh jawab. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Yang Berhormat Bayan Baru, saya telah dimaklumkan bahawa *Allahyarham* Shukri yang disebut tadi bukan sahaja, *I mean* beliau telah mengaku bersalah dan telah dijatuhan hukuman di mahkamah tetapi bukan sahaja begitu. Saya difahamkan bahawa kerajaan membuat rayuan supaya denda yang dikenakan RM4 ribu itu ditambah lagi. Jadi dalam kes ini, kita nampak betapa munafiknya sistem keadilan kita terhadap seorang peruncit kecil yang telah mengaku bersalah, bukan saja dihukum tetapi dinaikkan, dibuat rayuan supaya dinaikkan denda dan hukuman. Akan tetapi kepada pemimpin-pemimpin, pembesar-pembesar negara, berkali-kali dapat melepaskan diri daripada sistem penghakiman. Boleh saya dapatkan pandangan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya minta kerajaan jawab kerana ketidakadilan itu terlalu nyata kerana ada yang kes yang beratus ribu ringgit, beratus juta ringgit itu dijumpai dekat pegawai kerajaan, tetapi dia akan *bail*, lepas itu disambungkan kerja. Tidak ada tindakan daripada kerajaan. Akan tetapi satu kes RM360 dikenakan RM4 ribu dan diminta

naikkan lagi hukuman. So, inikah erti keadilan? *Where is the-* / tidak boleh jawablah. Saya minta Yang Berhormat jawab.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Baik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Daripada segi- Okey, sekejap ya. 1 minit cukup ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Saya hendak tanya, banding tadi dengan Malaysia. Daripada segi *transparency, corruption index*, Malaysia nombor 54, Indonesia nombor 88, China nombor 3, Thailand nombor 78. Jadi macam perbandingan, so kita pun sebelah juga dengan Singapura. Jadi perbandingan itu *I think misleading*, tidak betul.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kalau Yang Berhormat Kota Tinggi hendak banding dengan Zimbabwe, itu lagi hebatlah. Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Daripada segi makro ekonomi. Anggara pendapatan negara sekarang adalah RM220 bilion dan kalau kita tengok bajet, dia nampak cantiklah *on paper*. Akan tetapi kita diperincikan, RM215 bilion daripada RM220 bilion itu adalah untuk *operation cost (OPEX)* dan kita terpaksa meminjam lebih kurang RM40 lebih bilion atau 98% adalah OPEX daripada pendapatan kita. So, kita terpaksa meminjam RM48 bilion dalam bentuk pinjaman untuk *development*, untuk pembangunan. Jadi boleh dikatakan negara kita adalah, *we are feel*, kita mungkin terpaksa menanggung hutang yang sangat tinggi.

## ■1520

Ini bukan hari pertama Perdana Menteri meminjam duit. Saya hendak tunjukkan, apabila Perdana Menteri ambil tampuk pimpinan daripada Menteri Kewangan yang dulu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi, hutang negara RM266 bilion tetapi sekarang tahun 2016, *quarter* yang kedua, kita telah mencapai RM655 bilion. Kita telah tambah lebih kurang RM400 bilion tambahan hutang. *Off-budget spending* di mana Perdana Menteri ada banyak mengumumkan projek-projek yang raksasa. Contohnya MRT Sungai Buloh, MRT I – RM23 bilion, okey? MRT II – RM32 bilion, LRT III – RM9 bilion, okey? LRT Ampang dan Kelana Jaya *extension* – RM8 bilion. Landasan Berkembar Gemas – Johor Bahru – RM7 bilion. HSR, *high speed rail* kepada KL-Singapura – RM55 bilion dan yang terbaru *East Cost Rail* – RM50 bilion. Ini telah akan menambah RM184 bilion lagi ke dalam kewangan negara.

Kedua adalah *mega highway projects*, DUKE fasa 2. DUKE fasa 2 – RM1.18 bilion, SPE – RM3.74 bilion, KIDEX – RM2.4 bilion, DASH – RM4.2 bilion, EKVE – RM1.6 bilion, WCE – RM6 bilion, SUKE – RM5.3 bilion dan *Pan Borneo Highway* – RM29 bilion dan tambahan yang itu adalah projek lebuh raya iaitu *total* RM53.42 bilion.

Perdana Menteri tambah lagi, Menara Warisan – RM7 bilion, Projek Taman Tugu – RM650 juta, 1MDB – RM42 bilion.

Semua, kesemua ini projek-projek mega dan juga pinjaman hutang sejak dia menjadi Menteri Kewangan adalah *total* kepada RM681 bilion. RM681 bilion di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Pekan. Jadi, apakah ini akan memberi tekanan kewangan kepada negara kerana walaupun ada yang dijalankan oleh swasta tetapi kita mungkin terpaksa ada berlakunya *financial crisis* dan sebagainya. Duit kita kerajaan terpaksa *bail out*, okey? Ada yang *direct grant* daripada kerajaan. Ada pula yang hutang daripada kerajaan apabila projek-projek ini dijalankan. Jadi, kalau berlaku sesuatu, maka *worst case scenario* kerajaan terpaksa tanggung RM681 bilion.

Jadi saya nampak bahawa kalau kita pinjam wang, kita harapkan sesuatu yang lebih baik. Akan tetapi kalau kita tengok hakikatnya, pertumbuhan negara, GDP di bawah Yang Amat Berhormat Pekan, empat peratus sahaja selama lapan tahun *on average*. 15 peratus daripada 14 juta pekerja layak membayar cukai. Yang lain, 85 peratus berpendapatan terlalu rendah yang mereka tidak layak, tak payah bayar cukai.

Tujuh juta penerima BR1M, okey? Sejumlah 200,000 graduan tidak dapat kerja. Berpuluhan ribu pekerja dibuang kerja. Hutang isi keluarga *89 percent from GDP*. Jadi kita nampak bahawa kalau kita pinjam duit, kita mahu rakyat yang dapat manfaat tetapi sekarang lepas pinjam, duit itu rakyat tak rasa apa-apa. Okey? Akan tetapi kita nampak pekerjaan pergi kepada Bangla, pergi kepada pekerja asing.

Jadi kita minta supaya kerajaan boleh kaji semula peminjaman, pinjam hutang ini bukan sesuatu yang bagus. Dalam keadaan hutang negara yang begitu raksasa saya teringatlah seorang Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang boleh menjaga kewangan, boleh bayar balik hutang lebih awal tetapi kita mahu kerajaan boleh ambil iktibar daripada dapat pelajaran daripada Datuk Seri Anwar.

Saya juga ingin minta kerajaan jawab juga semua projek yang saya telah bangkitkan tadi setiap satu bagaimana mereka membiayai projek-projek tersebut. Adakah dia membiayai dengan geran kerajaan atau dia bon, *international bond* atau dan sebagainya, sukuk dan sebagainya. Saya minta jawab kepada semua projek yang saya sudah bangkitkan tadi.

Isu yang ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah *purpose political financing law*. Menteri ingin membawa undang-undang *political donation* dan *expenditure*. Antaranya mereka ingin mansuhkan had perbelanjaan parti-parti politik dalam negara. Saya rasa ini adalah *very bad idea* kerana cadangan RUU ini *is a big joke*. Menteri ini tidak mempunyai *moral authority* atau *moral high ground* untuk membawa rang undang-undang ini. Biarlah selesaikan dengan isu 1MDB dulu. Jawab siapa Pak Arab

yang buat *donation* ya dan *I think this is just a big joke*. Sebenarnya Jawatankuasa Parlimen Dalam Penambahbaikan Proses Pilihan Raya telah mencadangkan bahawa Malaysia menggunakan *German model state finance for political parties*.

Maksudnya kerajaan memperuntukkan satu jumlah wang yang kecil untuk membiayai aktiviti politik. Ini sekali gus akan menyelesaikan rasuah politik, kronisme, nepotisme dalam politik. Maka saya cadangkan, kerajaan tubuhkan satu jawatankuasa yang daripada semua pihak Barisan Nasional dan juga Pakatan Harapan untuk adakan perbincangan dalam isu ini.

Isu keempat adalah Kementerian KTAK. Saya difahamkan bahawa *feed-in tariff* untuk solar yang begitu popular akan dihentikan pada tahun 2017. Ia disambung dengan *net metering*. Saya ingin minta Menteri jelaskan rasional menghentikan *feed-in tariff* dan juga apa rancangan *net metering* tersebut.

Saya juga ingin, tadi saya terima memorandum daripada pelajar-pelajar universiti. Mereka kata, IPTA, potongan bajet kepada IPTA kalau kita bandingkan dengan tahun 2015, sebenarnya potongan itu 30 peratus dan bagaimana universiti boleh *cope* dengan drastik 30 peratus *cut* dalam dua tahun sahaja? Bukan sahaja pemotongan bajet satu masalah. Begitu juga dengan pemotongan *intake*. Sebenarnya pelajar pemotongan *intake*, kalau kita bandingkan dengan tahun 2014, dia pemotongan sebanyak 6.58 peratus, *about six percent, 6.58 percent*. Jadi, dia *double jeopardy*. Pelajar yang *now* masuk ke universiti, dulunya dia layak, sekarang tak layak, tak boleh masuk. Dia terpaksa pergi ke kolej swasta. *It's like* kerajaan tak cukup duit, dia *push away student* ke universiti swasta.

Saya minta supaya kerajaan jawab juga kes *shooting, shooting case* terhadap Bill Kai Yong, seorang aktivis Sarawak yang dibunuhi dengan senjata. Dibunuhi dengan pistol dan juga satu kes lagi OUG, sekarang dan juga ada kes-kes yang berlaku di merata tempat di Malaysia termasuk di Bayan Baru juga ada *shooting case*. Dia sekarang satu pistol lebih kurang RM1,000 sahaja dan kita, kalau mereka bayar RM2,000 boleh bunuh seseorang. Jadi saya rasa ini adalah kes yang serius dan saya minta kerajaan ambil tindakan yang sangat serius.

Akhir sekali saya hendak bangkitkan dengan isu banjir di Bayan Baru. Kita minta RM2.5 juta sahaja daripada KKR untuk memperluaskan enam *culvert* di bawah Jalan Sultan Azlan Shah yang merupakan punca masalah banjir. Jalan Sultan Azlan Shah adalah Lebuhraya Persekutuan yang terletak di bawah jagaan KKR dan ia perlu dilakukan oleh KKR. Jangan sebab RM2.5 juta sahaja, bukan RM2.6 bilion pun untuk naikkan taraf *culvert* sahaja belum menyelesaikan masalah banjir. Saya juga minta peruntukan tebatan banjir daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk

projek tebatan banjir di sekitar Bayan Baru kerana ini *long neglected*. Sudah lama tidak dibuat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Itu sahaja daripada saya...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh, Yang Berhormat Bayan baru? Sikit sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Parit Sulong.

## ■1530

### 3.30 ptg.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih sebab beri saya peluang untuk sama-sama berbahas untuk membincangkan mengenai apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan terima kasih juga kerana memberi saya peluang untuk berbahas pada petang ini. Saya pun kadang-kadang pelik jugalah dengan sebelah sana. Peliknya sebab bila pembentangan tempoh hari, semua lari keluar. Berderet-deret semua keluar. Selepas itu bila waktu perbahasan, hendak minta macam-macamlah pula. Lebih pula daripada kami ini. Yang itu tengok. Ada yang pakai, tahu lah daripada Kedah. Baru hari ini tahu daripada Kedah. Selalunya pakai oren diam-diam. Luar sahaja macam harum manis. Okey, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa yang 'makcik' merepek ini?—'makcik'. [Ketawa]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Eh! Terasalah pula. Saya tidak ada cakap apa-apa pun, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana dia boleh terasa pula? Saya tidak ada cakap apa-apa pun.

Okey, macam ini. Projek rakyat sentrik yang baru-baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya tengok merupakan satu langkah yang paling baik oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan liputan dan juga kualiti prasarana asas utiliti terutamanya di negara kita ini. Saya tengok dalam Bajet 2017 ini, ia merupakan satu mekanisme terbaik untuk terus memberikan bantuan kepada rakyat terutamanya yang berada di kawasan luar bandar. Jadinya saya selaku Ahli Parlimen kawasan luar bandar, saya merasakan bahawa segala perancangan penambahbaikan dan penaiktarafan infrastruktur di kawasan luar bandar ini secara tidak langsung akan mampu untuk mengubah landskap dan meningkatkan kualiti

kehidupan rakyat terutamanya ke arah yang lebih baik daripada sebelum ini. Selaras dengan konsep *public happiness* yang diperkenalkan melalui pembentangan bajet baru-baru ini.

Saya juga menyambut baik inisiatif dan usaha berterusan pihak kerajaan untuk membaiki dan menaik taraf infrastruktur seperti pemasangan lampu jalan kampung dan juga lampu LED di kawasan-kawasan kampung. Saya hendak bagi contoh di kawasan Parlimen Parit Sulong itu sendiri. Kita mempunyai 58 kampung induk, kita mempunyai 226 kampung rangkaian di mana keseluruhan ataupun kebanyakan kampung ini masih lagi memerlukan bantuan lampu jalan kampung memandangkan apa yang ada sekarang ini, bukan tidak ada diberikan oleh pihak kerajaan.

Ada, tetapi kita mengharapkan penambahan. Kalau kita menganggarkan bahawa satu buah kampung itu memerlukan tiga ataupun lima batang lampu sebagai lampu tambahan, *insya-Allah* ia akan menambahkan lagi peningkatan dari segi keselamatan dan lain-lainnya terutamanya di kawasan yang kerap kemalangan maut di kawasan Parlimen saya.

Jadinya, kerana itulah saya hendak memohon daripada pihak kementerian terutamanya daripada KKLW, daripada JKR kalau ia berkaitan dengan JKR untuk memantau keperluan yang diperlukan terutamanya yang berkaitan dengan lampu-lampu tambahan ini.

Jadinya, saya juga hendak menyentuh mengenai usaha kerajaan yang mana sebenarnya kawasan saya ini adalah kawasan yang *prone* kepada bencana ataupun kerap berlaku bencana. Minggu lepas sebagai contoh, terjadi ribut yang mana telah memusnahkan 105 buah rumah yang telah terlibat. Akan tetapi, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan yang begitu proaktif membantu dan begitu prihatin dalam usaha untuk membantu mengurangkan bebanan terutamanya kami wakil-wakil rakyat di samping sumbangan diberikan oleh wakil rakyat itu sendiri, pihak kementerian juga melalui Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengarahkan supaya pegawai untuk turun sesama lain. Itu tidak termasuk banjir lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kawasan saya juga kawasan yang sentiasa apabila kekerapan hujan itu berlaku, maka ia akan terjadi banjir. Banjir termenung dan banjir...  
[Disampuk]

Jadi, saya minta supaya pihak KKLW dan juga agensi lain supaya dapat melihat perkara ini supaya dapat membantu mengurangkan lagi bebanan masyarakat setempat terutamanya yang ditimpa oleh bebanan bencana ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit mengenai *Startup and SME Promotion*. Tahun depan tahun 2017, kita telah diisyiharkan sebagai

tahun *Startup* dan juga *SME Promotion*. Jika kita lihat pencapaian SME sejak tahun kebelakangan ini telah menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan, 98 peratus daripada syarikat yang didaftarkan... [*Disampuk*]—sudah tadi cerita. Daripada syarikat ini, terdiri daripada syarikat-syarikat SME. Jadinya, saya melihat bajet yang diumumkan ini memang sangat wajar kerana SME telah membuktikan bahawa mereka adalah salah satu daripada komponen utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Jadinya tahun lepas telah merekodkan sumbangan sebanyak 35.9 peratus daripada jumlah KDNK negara. Peratusan ini adalah satu rekod yang sangat baik. Selain daripada itu, tahun 2017 ini digelar sebagai tahun ekonomi digital di mana platform *online* seperti *Facebook*, *Instagram* dan juga *e-Commerce*, dijadikan ataupun digunakan secara meluas oleh peniaga-peniaga *online*. Jadinya perkhidmatan teksi juga kini telah *digitalized* dengan izin seperti penggunaan perkhidmatan Uber dan GrabCar yang telah diperkenalkan dan digunakan secara meluas.

Sehingga kini, perkhidmatan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan kepada rakyat Malaysia dan menjadi salah satu daripada alternatif kepada pendapatan sampingan. Tambahan, inisiatif daripada pihak kerajaan memperkenalkan rebat sebanyak RM4,000 untuk pembelian kereta Proton Iriz dapat mengurangkan lagi kos bagi golongan B20 yang ingin mencuba alternatif ini sebagai salah satu daripada sumber pendapatan. Jadinya, selain daripada bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian yang berkaitan. Apakah lagi bentuk bantuan ataupun jaminan kerajaan terhadap pemandu teksi yang mungkin akan ada yang terjejas pendapatannya dengan Skim Bantuan Uber yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan itu.

Selain daripada itu, saya hendak bertanya juga kepada pihak kerajaan mengenai status kelengkapan infrastruktur bagi menyokong ekonomi digital.

Okey, sekejap sahaja. Tinggal setengah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua 'Makcik' Yang Berhormat Parit sulung, terima kasih bagi laluan. Ini soal...

**Seorang Ahli:** Tarik balik, tarik balik.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh tidak apalah panggil 'makcik'.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu 'amo'. Soal teksi. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Parit Sulong soal pemandu-pemandu teksi di negara kita ada juga yang apabila tengah malam dia penat, ada yang sudah pening-pening, mungkin ada juga yang terhidu apa yang patut dimakan, yang

membuat kepentingan kereta tidak tahu jalan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk membuat satu undang-undang yang ketat bagi pemandu supaya tidak terlalu lama memandu sebab kadang-kadang dia hendak cari makan.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih, terima kasih. Duduklah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Dari pagi sampai tengah malam.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Duduk, duduk, duduk. Itu kita biar Yang Berhormat Menteri sahajalah jawab. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Terima kasih 'uncle'. 'Uncle' Yang Berhormat Putatan, terima kasih banyak. Sila duduk, sila duduk. Okey, jadi kita biarlah kita biarkan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Seterusnya saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan mengenai...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Parit Sulong. Adinda. Adinda Yang Berhormat Parit Sulong, sikit. Sikit, sikit sahaja.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak apa, tidak apa. Sudah tidak cukup masa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, adinda bukan makcik.  
[Ketawa]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Bagi menyokong- Banyak lagi hendak bercakap ini mengenai ekonomi digital yang saya kira sangat penting sekarang ini. Jadinya bilakah kelengkapan internet berkelajuan tinggi ini akan siap sepenuhnya sebab *last year* pun kita ada sebut juga mengenai perkara ini. Tahun ini juga ada. Jadi, saya hendak tahu bilakah kelengkapan internet berkelajuan tinggi ini akan siap sepenuhnya dan adakah alternatif lain untuk menjana pendapatan disediakan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat luar bandar melalui platform eRezeki dan eUsahawan yang memerlukan kelajuan internet yang tinggi.

Seterusnya, saya hendak membuat satu cadangan kepada pihak kerajaan terutamanya mengenai pembangunan usahawan dalam industri kreatif dan profileman. Memang saya hendak memuji langkah kerajaan untuk merancakkan lagi industri kreatif dan profileman di negara ini. Cuma saya hendak bagi contoh. Ada beberapa negara lain, bagaimana negara Korea. Mereka ini cukup bijak dalam menyusun strategi profileman mereka berdasarkan *ecotourism* yang terdapat di negara mereka.

■1540

Jadinya seperti '*Winter Sonata*' disebabkan '*Winter Sonata*' maka semua orang pun pergi ke negara tersebut ke Pulau Nami dan untuk menikmati keindahan.

Seterusnya mereka juga ada ‘*Train to Busan*’ menayangkan bagaimana kereta api berteknologi tinggi, menunjukkan kecanggihan teknologi di Korea.

Jadi saya hendak mencadangkan agar pendekatan seperti ini kita adaptasikan di Malaysia iaitu mempopularkan satu-satu tempat dengan memberi bantuan kemudahan kewangan berdasarkan lokasi untuk merancakkan lagi *ecotourism* di tempat-tempat menarik di Malaysia ini. Ataupun mungkin kita boleh panggil geran berdasarkan geografi. Kalau ianya dilakukan, saya percaya ianya secara tidak langsung akan menarik minat lebih ramai lagi orang untuk mengenali Malaysia. Pada waktu yang sama filem itu akan dijual, diterbitkan dengan lebih rancak lagi.

Ini mengenai *crowdfunding* Tuan Yang di-Pertua. *Crowdfunding* ini adalah satu medium perolehan modal yang boleh dijana daripada dana awam. Akan tetapi mereka ini kebanyakannya adalah baru lagi ataupun *startup companies*. Di luar, memang di barat memang banyak sudah dibuat, telah dilakukan seperti Fundable, IndieGoGo, SeedInves dan Kickstarter.

Akan tetapi untuk di Malaysia ini saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan ada satu langkah lain dalam usaha untuk membantu syarikat-syarikat yang telah diberikan *license* untuk membuat *crowdfunding* ini. Saya melihat kempennya selama 90 hari yang dibenarkan oleh pihak kerajaan itu, mungkin pihak kementerian adakah ingin melaksanakannya dengan memandangkan kesedaran mengenai kaedah *crowdfunding* ini masih rendah lagi. Mungkin 90 hari itu kurang memberi impak kepada mereka yang berminat untuk *invest* melalui *crowdfunding* ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap mengenai bagaimana – saya hendak mencadangkan kepada pihak MOSTI terutamanya, kalau kita buat perbandingan tahun 1991 bagaimana KDNK negara di Korea sama dengan negara kita tetapi sekarang kita memang jauh ke belakang. Jadinya peningkatan ekonomi Korea ini kita tengok berpacu kepada pengetahuan sains dan teknologi tinggi. Jadinya tidak terhenti setakat itu, jadi saya hendak pohon supaya Yang Berhormat Menteri MOSTI untuk menjelaskan langkah-langkah yang hendak diambil oleh pihak MOSTI dalam usaha untuk membantu negara berganjak daripada ekonomi berasaskan komuniti sahaja tetapi dengan penuh strategi. Begitu juga maklumkan kepada kita semua mengenai strategi yang disusun oleh MOSTI untuk mempersiapkan negara ini untuk menyahut pendekatan ekonomi kolaboratif agar ekonomi menjadi kompetitif dekat negara Malaysia ini.

Seterusnya mengenai hal ehwal wanita ini. Saya hendak minta juga perhatian daripada pihak kementerian untuk melihat semula mengenai pusat-pusat kebajikan warga tua di Malaysia ini kerana golongan ini memang memerlukan penjagaan rapi.

Saya ingin mencadangkan agar lebih banyak lagi rumah warga emas dapat ditubuhkan di Malaysia ini. Saya harap juga pihak kementerian dapat juga mendidik dan membuat satu kelas kemahiran yang betul-betul profesional kepada mereka yang betul-betul terlatih agar mereka itu menjadi golongan yang terlatih dan berpengalaman untuk membantu warga-warga emas itu nanti.

Saya harapkan, sekali lagi saya hendak ucapan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana begitu peka dan begitu prihatin apa yang terjadi terutamanya di kawasan saya dan telah mengarahkan YKN untuk turun padang. Akan tetapi saya dimaklumkan bajet untuk YKN ini amat kurang.

Saya hendak melihat ataupun saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. adakah pihak kementerian bercadang untuk memohon dalam mungkin bajet tambahan untuk membolehkan terutamanya mereka yang ditimba bencana ini mendapat bayaran ataupun mendapat pampasan secara segera terutamanya dalam cuti panjang kadang-kadang memang kita perlukan kewangan ini.

Lagi satu saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian juga memikirkan satu cara lain sekiranya terjadi bencana-bencana. Mungkin pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun kementerian yang berkaitan boleh untuk melantik kontraktor di kawasan setempat untuk membuat kerja-kerja baik pulih secara serta-merta bagi membolehkan masyarakat yang terkena bencana ini dapat kembali hidup dengan selesa.

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, lagi satu mengenai Rancangan Makanan Tambahan. Bajet untuk tahun lepas kalau kita bandingkan dengan tahun ini ada kekurangan RM123 juta untuk Rancangan Makanan Tambahan. Jadinya saya hendak tanya kenapa ini berlaku? Mungkin ada terlepas pandang sebab kalau hendak ikutkan mereka ini makanan asas. Jadi makanan asas ini adalah diberikan kepada pelajar-pelajar.

Jadi saya minta pihak kementerian untuk melihat semula. Saya harap dapatlah difikirkan semula untuk dimasukkan sebab ia cuma kekurangan 20 hari setahun. Jadinya mungkin terlepas pandangan jumlahnya pun tidak banyak. Jadinya saya kira pihak kementerian boleh memikirkan ataupun buat semula sebab tidak banyak. Ianya akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang memang memerlukan Rancangan Makanan Tambahan ini. Jadinya dengan itu Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Parit Sulong mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**3.46 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mula dengan satu hal di mana kes-kes seksual terhadap kanak-kanak. Saya rasa perkara ini yang telah wujud di negara ini. Saya difahamkan Richard Hauckle di mana telah mendapat 22 *life sentences* di UK. Akan tetapi itu bukan satu perkara yang luar biasa. Akan tetapi yang luar biasa untuk saya dan peguam-peguam negara ini adalah di mana saya difahamkan penyiasatan terhadap beliau telah bermula pada tahun 2014 oleh Australia. Selepas itu dia kena buat penyiasatan di UK dan dijatuahkan hukuman baru-baru ini.

Soalan saya adalah apa yang dibuat oleh polis di negara ini? Macam mana mereka tidak tahu kerana saya difahamkan lebih dari 200 kes yang terlibat adalah kanak-kanak yang seumur sehingga enam bulan. Apa yang dibuat? Adakah mereka pihak polis PDRM ketahui mengenai perkara tersebut? Apakah tindakan yang telah diambil? Bukan sahaja dalam perkara ini tetapi terhadap orang-orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan ada tiga Menteri yang mungkin disiasat oleh PDRM. Sangat cepat dan deras mengambil tindakan mengatakan mereka telah berkata dalam *speech* mereka di Parlimen. Saya harap *the Parliamentary Privileges is not eroded*. Saya harap Tuan Yang di-Pertua akan memberi pandangan dan arahan kepada pihak-pihak berkenaan bahawa apa yang mereka sebut di Parlimen dirangkumi dengan *Parliamentary Privileges* yang sedia ada mengikut peraturan mesyuarat dan mengikut *Federal Constitution*. Kalau saya tengok kepada apa yang di – ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Tadi saya dan beberapa rakan di Pakatan Harapan ini pergi tunjuk *solidarities support* kepada Ahli Parlimen Tambun. Ini kerana hak dan kebebasan beliau sebagai Ahli Parlimen untuk membuat ucapan di Dewan Rakyat ini telah pun dicabuli oleh pihak PDRM. Saya rasa sangat kesal Yang Berhormat Ipoh Barat, tiada seorang pun Barisan Nasional Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional pergi sana bagi *support*. Ini kerana Yang Berhormat Tambun walaupun bukan lagi Menteri Kabinet tetapi dia adalah salah seorang Ahli Parlimen. Sebagai Ahli Parlimen walaupun beliau daripada UMNO, kami di sini turut bagi dia sokongan kerana apa yang dilakukan oleh Ketua Polis Negara itu memang salah, mencabuli hak kebebasan Ahli Yang Berhormat untuk berucap di Parlimen. *[Dewan tepuk]*

Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang semua duduk dengan selesa di sini ini harus saya rasa malu kerana orang sendiri dicabuli, haknya dicabuli oleh polis tetapi tidak bagi sokongan. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya *salute* sama Yang Berhormat Seputeh berani pergi bila Ahli-ahli Parlimen UMNO takut hendak pergi lebih-lebih lagi satu di antara mereka yang terlibat. Saya harap lagi dua Menteri tidak ada apa-apa masalah mengenai perkara ini.

**■1550**

Saya rasa ini adalah satu perkara yang kita perlu halusi dengan sedalam-dalamnya yang *speeches* kita dalam Parlimen macam mana Ahli-ahli Parlimen boleh diheret ke PDRM, ke Bukit Aman.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, sedikit sahaja, tumpang sedikit ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Walaupun saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tetapi adakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya bahawa tindakan polis atau mana-mana pihak yang menghalang dan melakukan penyiasatan ke atas ucapan tiga orang bekas anggota Kabinet ini dalam hal yang berbangkit mengenai 1MDB menunjukkan polis mengakui benar apa yang dibangkitkan oleh ketiga-tiga bekas Menteri itu tetapi ia adalah rahsia?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat tetapi saya hairan bila kita sentuh mengenai 1MDB, tiba-tiba dengan cepat tindakan diambil oleh PDRM untuk *cover up*. Saya rasa tiga orang bekas menteri itu yang telah mengatakan mengenai 1MDB ada unsur-unsur yang betul yang tidak boleh dinafikan. Sebenarnya saya harap pihak polis mengelak untuk membongkar cerita yang benar dalam hal ini. Saya harap Parlimen akan mengambil tahu mengenai perkara ini dan tindakan diambil dan beri satu syor kepada Ahli-ahli Parlimen supaya *there's two demon speak* dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, sikit ya. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Ipoh Barat, sebenarnya Parlimen ini pada tahun 2010 telah meluluskan apa yang dipanggil *Whistleblower Protection Act 2010* yang mana kalau dilihat dalam akta itu dinyatakan bahawa antaranya ialah *to combat corruption*, dengan izin. Jadi setujukah dengan saya bahawa dengan tindakan terbaru ini ke atas Yang Berhormat Tambun dan mungkin juga kepada Yang Berhormat daripada Pagoh, ini menunjukkan bahawa seolah-olah *Whistleblower Protection Act* ini tidak lagi dapat menjamin perlindungan hatta kepada Ahli Parlimen? Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya Yang Berhormat Sepang, kita ada macam-macam akta di negara ini tetapi *no protection, no freedom to speak*. *Whistleblower Act* adalah satu di antara akta yang sedia ada dan perlu diambil kira semasa perbicaraan dan sebagainya. Saya harap apa yang terjadi kepada seorang di antara tiga orang Menteri itu tidak akan menyebabkan lain-lain Menteri yang berani untuk menyuarakan perkara yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat. *I got to respond to this* kerana saya terbaca apa juga yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah tadi. *Last week* saya ada buat kenyataan akhbar *on Thursday*. Antara lain apa yang saya sebut ialah saya kata melalui kenyataan akhbar ini saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau berhujah dalam Parlimen perlu ingat akta-akta yang ada kaitan dengan perbahasan yang mengekang dengan *complete freedom of speech*. Saya bagi contoh *Official Secret Act* dan Akta Hasutan dan Peraturan Mesyuarat 36(12). Yang itu pendirian saya konsisten, sering kali saya mengingatkan kerana saya tidak mahu berlaku perkara-perkara begini.

Untuk *elaborate* lagi kepada *point* itu, pendapat saya lagi ialah ada juga dalam sistem demokrasi ini apa yang disebut *collective responsibility in collective decision*. Dalam sesuatu mesyuarat— saya pernah menjadi Ahli Kabinet— kalau saya tidak bersetuju, saya tidak sebut apa-apa dan kena rekod bahawa tindakan saya itu adalah bersetuju kerana *collective responsibility, collective decision*. Itu yang saya sebut pada hari itu. Akan tetapi, jangan putar belit apa yang saya cakap seolah-olah saya yang mencetuskan idea itu supaya mengambil tindakan. Jangan putar belit. Dan saya ingatkan kepada pengamal sosial media ataupun *press conventional*, jangan suka putar belit.

Jadi saya ingatkan lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu apabila kita berhujah, mesti kita ingat tanggungjawab kita. Bukan sahaja tanggungjawab kepada diri sendiri, kepada masyarakat dan sedemikianya. Jangan kita tengok tanggungjawab itu kepada sudut pandangan kita sahaja. Mesti secara keseluruhan. Bagi saya, apa pun boleh disebut tetapi ingat peraturan mesyuarat, ingat implikasi-implikasi yang negatif. Itu sahaja. Sila.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin beralih mengenai siasatan tempatan yang akan diadakan di seluruh negara oleh SPR mulai hari esok.

Tuan Yang di-Pertua, esok kawasan saya yang mana kita telah memberi bantahan telah diarahkan untuk membuat *representative* esok. *In principal, nothing is*

wrong tetapi kita semua Ahli Parlimen takkan ke sesi itu kerana sesi penyiasatan itu diadakan semasa Parlimen bersidang. *I think this is common sense.* Mungkin *civil servants* yang menjalankan tindakan tersebut yang mana saya mendapat surat dan kita semua akan hadiri kebanyakannya— saya difahamkan 880 lebih bantahan telah dibuat. Ramai di antara atau kesemua Ahli Parlimen telah membuat beberapa rekomendasi dan penyiasatan itu, *inquiry* itu akan dibuat semasa Parlimen bersidang. Soalan saya, bukankah mereka pihak-pihak yang menganjurkan perkara ini dapat tahu bahawa Parlimen bersidang, Parlimen berfunction, takkan ia perlu diadakan semasa Parlimen bersidang? Nombor satu.

Kedua, SPR semestinya tahu mengenai sesi kita *many months ago or many moons ago* dan ini berlaku. Saya nampak beberapa sekatan yang dikenakan dalam surat yang dihantar dari mereka sangat menyusahkan kami. Satu di antaranya adalah— saya sendiri telah menelefon SPR mengatakan bahawa ada sesi Parlimen, saya pohon agar ia ditangguhkan. Saya telah dikatakan tidak dibenarkan dan dirujuk kepada surat tersebut dan mengatakan bahawa ini adalah pandangan mereka. Jika tidak menghadiri, kita akan menjalankan penyiasatan tanpa pihak yang membuat bantahan dan jika tidak menghadiri, boleh membuat bantahan secara bertulis. *The whole idea of oral representation is defeated.* Ini satu perkara.

Satu lagi adalah di mana tidak boleh menggunakan *recording*, tidak boleh menggunakan *hand phone* di tempat di mana penyiasatan dibuat. Saya rasa *what is so secrecy* di dalam hal ini? Sebenarnya *there must be openers*. Sebenarnya kalau SPR ingin seluruh negara mengetahui apakah bantahan-bantahan yang dibuat oleh beberapa orang supaya lebih perkara itu dibawa, disalurkan secara siaran langsung kepada pihak-pihak yang ingin mengetahui apakah asas bantahan. *That will be more participation* dari rakyat. Ini nampaknya *there is 'ada udang di sebalik batu'*, nampaknya ingin mempercepatkan proses tersebut. Dengan bantahan atau tidak bantahan, mereka nampaknya telah membuat keputusan apa yang mereka niat untuk buat. Saya harap pihak-pihak berkenaan akan mengambil tahu apa yang saya bangkitkan perkara ini.

Saya hanya mendapat surat ini pada hari Rabu lepas di mana semasa saya berada di Parlimen, mereka hantar dengan faks ke *office* saya dan katakan hari esok untuk *inquiry*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas berdiri di belakang sana.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, pandangan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya

menerima aduan bahawa SPR telah pun menolak beberapa bantahan yang telah dikemukakan atas alasan nombor IC atau nama ataupun ada satu dua yang bukannya pengundi tetapi jumlah pengundi melebihi satu ratus pengundi yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia tetapi ditolak kerana atas alasan teknikal.

Saya hendak mendapat pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, sebenarnya kalau ada satu ratus orang pengundi yang telah membuat bantahan, haruslah sikap SPR ialah untuk mendengar bantahan yang telah dikemukakan dan yang penting ialah adakah bantahan itu berasas, bukan mencari perkara-perkara teknikal untuk menolak sebanyak yang boleh.

#### ■1600

Setujukah Yang Berhormat Ipoh Barat? Ini kerana kita hendak satu SPR yang bertindak atas merit. Kalaupun tidak ada bantahan pun kalau sesuatu bantahan itu berasas ataupun SPR telah membuat sesuatu tindakan yang tidak betul, yang berlaku banyak kali. Di Setiawan dahulu dia masuk di salah satu kawasan, kali ini dia keluar sesuka hati. Itu pun tanpa bantahan pun SPR mesti melakukan perkara yang patut mengikut prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan. Setuju tidak?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Setuju Yang Berhormat Beruas. Saya rasa kalau ditolak secara teknikal, saya rasa mungkin boleh pergi ke mahkamah untuk mengambil tindakan. Sebenarnya saya apabila mereka memerlukan hanya 100 tandatangan, saya telah mendapat lebih dari 300 tandatangan *because of the worry that it will be rejected on some technical ground.*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan SPR perlu lebih telus dan *transparent*. Setuju kah dengan pandangan saya. Saya telah menulis kepada Pengarah SPR untuk mendapatkan peta terperinci kawasan-kawasan yang telah atau akan dipindahkan. Akan tetapi saya dapat maklum balas, ia tidak dapat dibekalkan. Bukankah ia satu kehendak. Kawasan-kawasan itu mana yang dipinda, mana yang tidak dipinda, kami langsung tidak tahu. Macam mana hendak bantah?

Kalau ada dengan *paper* yang lebih terperinci, jalan mana, ke mana, itu akan menyenangkan kami membuat bantahan dengan secara bernas. Betul tidak?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju. Mereka tidak ingin *make it easy for you. Make it very difficult. The whole idea, the whole process of enquiry it just a bluff, to just do it for the sake of doing.* Saya akan hadir ini esok, *it doesn't matter rain or shine.* Akan tetapi untuk Yang Berhormat Ipoh Timur, saya rasa mungkin kita kena cari satu jalan yang lain untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cukup masa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan mengenai PDRM juga. Empat bulan dahulu kami telah mendapat satu perintah di Mahkamah Persekutuan mengarahkan Ketua Polis Negara untuk menangkap seorang bernama Muhammad Ridzuan. *The conversion of religion* di mana saya mewakili bagi pihak isteri yang mana pada permulaannya pada tahun 2014, IGP enggan menjalankan tugas tersebut walaupun ada perintah daripada Mahkamah Tinggi mengatakan dia ada dua perintah. Satu daripada Syariah Court, satu di sivil. Maka dia *confuse*.

*Now, he is no more confuse because the court has made it very clear* telah memberi arahan. Akan tetapi sehingga hari ini orang itu tidak dapat dikenali, tidak tahu di mana dia ada. Polis tahu. *Handphone* yang sama digunakan oleh Muhammad Ridzuan untuk sembilan tahun. Mustahil untuk polis tidak tahu mengenai perkara tersebut. Kenapa keengganan mengambil tindakan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan seksyen 7 dan seksyen 28A *Civil Law Act*. Nampaknya ada sesuatu yang tidak kena. Mengikut Akta Kerja, *retirement age* adalah 60 tahun tetapi Akta *Civil Law* adalah 55 tahun. *The amount taken for to provide content section and quantum* dalam kes-kes *accident*. Ini nampaknya *artificially has been amended in 1984*, tidak ada seimbang dan selari dengan yang terkini di mana dikehendaki dari segi undang-undang *retirement age is 60*. Akan tetapi untuk *calculation of dimension* dan sebagainya hanya 55 tahun. Saya harap perkara itu diambil kira. Saya bangkitkan perkara ini banyak kali yang mana *uneasiness* dan *unfair to the whole system*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga ambil tahu apakah terkini mengenai *the Rome Statute of the International Criminal Court* yang mana pada tahun 19 Mac 2011 Kabinet Malaysia telah bersetuju untuk kita menjadi anggota *International Criminal Court*. Dua tahun dahulu *Arms Trade Treaty* juga telah ditandatangani oleh kerajaan. Akan tetapi sehingga kini belum lagi konvensi itu diratifikasi. *International Criminal Court* saya bangkitkan beberapa kali, kerajaan telah katakan *it is in the final process, final process*. Ini tahun keenam selepas Kabinet meluluskan untuk menjadi anggota. Tahun ke-12 sebelum kali pertama saya bangkitkan perkara ini dalam Parlimen. Saya harap tindakan diambil dalam perkara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua mengenai menghapuskan kematian mandatori di negara, *death penalty*. Di mana lebih kurang satu setengah bulan ada satu sesi perjumpaan di antara NGO-NGO di mana saya juga telah diajak untuk datang memberi pandangan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Syor-syor telah dibuat dan antaranya adalah *mandatory death penalty*. *The Death Penalty*

Project telah dibuat oleh ‘HUDs’ yang disetujui oleh kerajaan pada dasarnya. Saya hendak tanya, bilakah rang undang-undang itu akan dibawa?

Berkaitan dengan ini, adalah yang mana dua bulan dahulu kerajaan telah mengatakan bahawa *one holistic approach on the blue print for the Indians* dalam negara ini nampaknya tidak ada inisiatif yang betul-betul. Setiap kali sebelum pilihan raya, ada inisiatif untuk perkara *blueprint for the Indians*. Jadi ini bukan kali pertama. Setiap kali sebelum pilihan raya mengadakan perkara yang sama.

Akhir sekali saya hendak tanya, apakah terjadi kepada janji kerajaan untuk membawa undang-undang untuk menghalang *unilateral conversion* dalam negara ini untuk menghalang pengambilan anak-anak yang umur kurang daripada 18 tahun menukar agama mereka. Kerajaan telah bersetuju untuk membawa undang-undang tersebut. Saya hendak tanya, bila dan kenapa ia belum lagi membawa undang-undang tersebut supaya kita ada lebih diskusi mengenai perkara itu supaya *there will be more meaningful* dalam *presentation* tersebut. Itu sahaja untuk sementara. *Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Rajang.

#### **4.06 ptg.**

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2017 berfokuskan dan berpaksikan kepada menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemat perbelanjaan *inclusive*, menyejahterakan kehidupan rakyat seluruh di bandar ataupun di luar bandar. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan kepimpinan beliau sentiasa ditohmah dan dicaci oleh sebilangan kecil kumpulan yang tidak bertanggungjawab, namun perjuangan demi nadi dan denyutan rakyat akan diteruskan bagi memastikan rakyat Malaysia terus terbela di bawah kepimpinan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, menghargai penjawat awam di bawah Bajet 2017 ini Perdana Menteri sangat prihatin terhadap 1.6 juta penjawat awam yang memerah keringat selama 60 tahun bagi melihat Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menjadi contoh kepada kebanyakan negara lain di Asia.

Justeru, kemudahan cuti belajar dengan gaji dibayar penuh bersama biasiswa yang sebelum ini hanya kepada kumpulan pengurusan dan profesional, kini akan diberi juga kepada kumpulan pelaksana. Ini merupakan satu transformasi oleh kerajaan bagi melihat lebih ramai penjawat mempunyai kelayakan akademik tertinggi setanding dengan negara-negara lain di seluruh dunia ini. Tidakkah kita sendiri melihat bagaimana 1.6 juta penjawat awam ini menikmati inisiatif-inisiatif yang telah disediakan oleh kerajaan kita?

Fasiliti kesihatan di Hulu Rajang Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memperuntukkan sebanyak RM4.5 bilion untuk membiayai operasi Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia, klinik kesihatan dan juga klinik desa di luar bandar. Justeru itu, saya menyeru dan merayu agar melihat dan menyemak semua permohonan pembinaan hospital pakar di Kapit serta membina klinik kesihatan di Long Busang Belaga yang telah diumumkan sejak tahun lalu.

Saya juga memohon supaya pihak kementerian dapat menambah bilangan mesin dialisis di Hospital Kapit, Klinik Song, klinik di Belaga dan klinik di Sungai Asap. Ini selaras dengan kadar pertambahan jumlah pesakit yang kian meningkat setiap tahun.

Status Klinik Bot Bergerak 1Malaysia di kawasan Hulu Rajang Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman pihak kementerian, bot klinik bergerak tersebut tidak mengikut spesifikasi seperti bot ekspres awam yang digunakan untuk melalui Jeram Pelagus. Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya merayu supaya pihak kementerian dapat membina sebuah bot sama dengan spesifikasi dengan bot ekspres awam untuk mengelakkan tragedi bot karam berlaku di kawasan saya di Hulu Rajang.

Pendidikan rendah dan menengah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperuntukkan sebanyak RM570 juta bagi membangunkan semula 30 buah sekolah daif negeri Sarawak.

#### ■1610

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada Kementerian Pendidikan bahawa dua buah sekolah pada pagi tadi iaitu SK Long Busang dan SK Lepong Gaat disimpan dalam senarai 30 buah sekolah yang daif seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tadi.

Saya menyeru kepada kementerian juga supaya dapat membina baru sekolah usang yang dibina pada tahun 60-an dan 70-an seperti SK Nanga Balang di Sungai Gaat, SK Nanga Setapang di Sungai Gaat, SK Nanga Kain, SK Nanga Tawau, SK Sepiling, SK Entulu, SK Mujong, SK Bebangan, SK Meluan, SK Uyan yang terletak di kawasan Baleh, SK Telawan, SK Long Urun, SK Segaham, SK Epot, SK Lusong Laku yang terletak di daerah Belaga. Saya menyeru pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dapat datang turun padang untuk melihat sendiri keadaan sekolah-sekolah yang telah saya sebut tadi.

Memperkasakan pendidikan tinggi, Tuan Yang di-Pertua. Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Sudah terang lagi bersuluh bahawa pemuda-pemudi dalam negara kita merupakan individu yang bakal memacukan pentadbiran negara pada masa hadapan. Dalam mencapai status negara maju pada tahun 2020, pelbagai

cabaran sengit yang harus ditempuhi oleh negara dan hal-hal ini perlu dipikul oleh golongan belia dalam negara kita kerana merekaalah merupakan nadi kepada bangsa Malaysia. Ungkapan ini bukan hanya bermain di bibir sahaja, namun diterjemahkan melalui dana yang cukup besar bagi institusi pengajian tinggi.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana meneruskan pemberian biasiswa sebanyak RM4.3 bilion untuk pelajar-pelajar yang layak bagi meneruskan pengajian tinggi mereka. Saya menyeru kepada pihak kementerian supaya dapat memberi peluang yang sama rata Tuan Yang di-Pertua, tidak mengira agama mahu pun bangsa untuk meneruskan pelajaran mereka ke peringkat universiti.

Tanah adat NCR bumiputera negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat tertarik dengan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk Negeri Sarawak bagi meneruskan Projek Native Customary Rights Land. Sebagai wakil rakyat, saya mewakili masyarakat kaum Dayak dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang prihatin kepada permintaan masyarakat peribumi di Sarawak khususnya. Dengan adanya dana ini, saya menyeru kepada semua masyarakat peribumi di Sarawak, rebutlah peluang dan memohon tanah NCR mereka didokumentasikan.

Keselamatan dan ketenteraman awam, Tuan Yang di-Pertua. Isu keselamatan negara haruslah dipandang serius. Kesejahteraan bangsa hidup aman sentosa. Bahagian Kapit, Sarawak adalah kuasa yang terbesar di negeri Sarawak, lebih besar dari negeri Pahang dan mempunyai empat buah pusat pentadbiran daerah, Kapit, Song, Bukit Mabung dan Belaga. Dua buah pusat pentadbiran, *sub district*, Sungai Asap dan Nanga Merit. Ia bersempadan dengan negara Indonesia, banyak lorong tikus di persempadan tersebut.

Oleh yang demikian, saya memohon daripada sejumlah peruntukan, RM8.7 bilion untuk PDRM itu dapat disalurkan untuk membina Pos Kawalan Long Busang di Belaga, Pos Kawalan di Long Singut di kawasan Baleh dan Pos Kawalan Bukit Mabung di Daerah Bukit Mabung, Baleh, Kapit dan sebuah balai polis di BRS, Sungai Asap, Belaga.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan Malaysia yang telah memberikan peruntukan membina jalan Program Jiwa Murni ATM bagi menaikkan taraf jalan pedalaman negeri Sarawak. Di kawasan saya, Jalan Mejawah ke Pekan Belaga sudah siap pada dua tahun yang lalu. Jalan fasa dua, Belaga ke Nanga Berit, Kapit sepanjang 150 kilometer sedang dalam proses pembinaan sekarang. Justeru itu, saya mohon satu lagi, jalan Program Jiwa Murni ini dari Jalan Nanga Mujong ke Rumah Tunku Nanga Sepilok, Sungai Gaat sepanjang 60

kilometer. Saya juga memohon KKLW untuk menyemak semula permohonan saya, iaitu jalan dari Rumah Juntan ke Rumah Nanga Sut, Kapit sepanjang 12 kilometer. Mohon dipertimbangkan.

Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili rakyat-rakyat, rakan-rakan negeri Sarawak ingin merakamkan sekali lagi jutaan tahniah kepada atlet Sarawak seperti Pandelela Rinong. Semasa sukan SUKMA di Sarawak baru-baru ini, seorang atlet dari Belaga iaitu Jonathan Liptak telah mendapat pingat perak dalam acara 100 meter pecut. Walaupun tiada fasilitet sukan di daerah Belaga, saya mohon dan merayu kepada Kementerian Belia dan Sukan dapat menaiktarafkan stadium di Kapit dan membina baru sebuah stadium di Belaga bagi mencungkil bakat-bakat baru di bidang sukan yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa nanti.

Memperkasakan Program TVET. Peruntukan sebanyak RM4.6 bilion di bawah projek 2017 diagih untuk mentransformasikan latihan teknikal dan vokasional. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya sekurang-kurangnya dua buah institut sedemikian didirikan di kawasan Parlimen Hulu Rajang dan Parlimen Kapit.

Kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, kuasa autonomi negeri Sarawak. Di kesempatan ini juga saya ingin menarik perhatian semua Ahli Dewan, di mana Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem pernah menyatakan hasrat Sarawak berunding bersama Kerajaan Persekutuan berhubung rundingan kuasa autonomi. Justeru itu, saya selaku Ahli Parlimen Negeri Sarawak, turut ingin membawa suara Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Segala yang dituntut sekarang adalah sebagai inisiatif konkret yang mendapatkan kembali hak kepentingan Sarawak serta hak anak Sarawak sebagaimana termaktub dalam perjanjian apabila Sarawak setuju membentuk Gagasan Malaysia pada tahun 1963. Autonomi dan kuasa pentadbiran yang dituntut ini adalah demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Sarawak sendiri. Justeru itu, saya menyeru agar pihak Kerajaan Persekutuan memandang serius akan perkara ini dan seterusnya bakal memberi berita gembira kepada rakyat negeri Sarawak menjelang PRU ke-14 ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh Yang Berhormat Hulu Rajang?

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Okey.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soal Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nombor satu, terima kasih dan tahniah kepada penduduk-penduduk di Sarawak kerana terutama sekali anak-anak watan dan *natives* di Sarawak

telah pun memilih Dayak sebagai rumpun yang menyatupadukan rakyat di Sarawak, terutama sekali *natives* yang bukan beragama Islam. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat atas keprihatinan Kerajaan Pusat, soal bagaimana kita dianggap sebagai ‘lain-lain’, di semua borang kerajaan, terutama sekali borang pendaftaran di Jabatan Pendaftaran dan borang-borang yang lain lagi, yang mengklasifikasikan kita sebagai ‘lain-lain’. Tahniah kerana masyarakat di Sarawak telah pun terlibat.

Yang Berhormat, saya menghadiri satu konvensyen *Momogun National Congress* di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu pada hari Rabu yang lalu dan telah pun membuat satu persetujuan dan menukar nama istilah daripada ‘lain-lain’ itu, di mana Sabah dikenali sebagai *natives for indigenous community of Sabah* telah pun memeterai persetujuan untuk menggunakan istilah Momogun. Kalau kita lihat di borang-borang itu, kita lihat Melayu ada, Cina ada, India ada tetapi Sabah, Sarawak di gelar sebagai lain-lain.

Adakah Yang Berhormat, ini satu permintaan kita supaya menghormati dan memberikan hadiah kepada masyarakat kaum-kaum di luar bandar, di negeri Sabah dan negeri Sarawak? Bolehkah Yang Berhormat setuju dengan saya, di Sarawak kita anggap sebagai Dayak dan di Sabah kita pakai Momogun, bukan lagi titik-titik. Di Sabah kita ada 30 etnik dan pada masa konvensyen itu, ada 20 yang bersetuju kecuali ada satu dua yang tidak bersetuju.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Putatan. Itulah kehendak rakyat di negeri Sarawak.

#### ■1620

Sekarang dengan konsep dan prinsip 1Malaysia, kita mempunyai satu semua sama rata. Jadi saya mohon kepada kementerian berkenaan, Jabatan Perdana Menteri, *cancel* nama lain-lain dan buat nama Dayak seperti nama di Sarawak. Seperti mana yang dikatakan di negeri Sabah, *sik* membangun. Simpankan ucapan Yang Berhormat Putatan dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Petronas juga perlu memandang serius akan isu pengambilan kerja yang telah diusulkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Ini merupakan perkara lama yang telah dibincangkan secara kolektif di peringkat pusat, namun perlaksanaan di peringkat akar umbi adalah tidak seperti yang diputuskan. Justeru itu, saya turut ingin menyuarakan suara hati rakyat Sarawak agar isu ini diberikan perhatian segera serta keutamaan hanyalah perlu diberikan kepada rakyat Sarawak.

Saya menaruh harapan yang sangat tinggi membawa suara Sarawak, khususnya masyarakat di kawasan pendalaman agar peruntukan yang lebih besar dapat disediakan dan pembangunan infrastruktur jalan luar bandar, prasarana pembangunan sekolah di kawasan pendalaman, peningkatan kemudahan kesihatan di kawasan pendalaman. Permintaan ini sejajar dengan sokongan yang telah ditunjukkan oleh rakyat lebih 50 tahun menyokong kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang menang pada pilihan raya besar negeri Sarawak yang baru-baru ini telah membuktikan bahawa suara keramat negeri Sarawak adalah untuk Kerajaan Barisan Nasional dulu, kini dan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pemimpin di waktu dan ketika ini memastikan negara yang kita sayangi terus dipandu oleh nakhoda yang hebat. Saya pasti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin yang cukup kental melalui perjalanan yang berlaku ini dengan ‘ketuanan’ ekonomi dunia yang tidak menentu. Barisan penyokong kerajaan akan sentiasa memberi kaki dan tangan agar dapat bersama dalam menyelami perjuangan murni kita ini. Dengan akhir kata perbahasan saya ini, Hulu Rajang mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu.

#### 4.22 ptg.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 21 Oktober yang lalu. Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini sebagai salah seorang daripada Ahli Parlimen dari negeri Kelantan, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atau junjung kasih kepada Majlis Raja-raja yang telah pun membuat keputusan memilih untuk melantik Kebawah Duli Sultan Muhammad Ke-V, Sultan Kelantan untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-15.

Kami amat percaya dan yakin bahawa sebagai seorang Sultan yang berjiwa rakyat, Tuanku Sultan Kelantan mampu untuk menjadi Ketua Negara yang boleh menyatukan rakyat pelbagai kaum dan juga mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 21 Oktober baru-baru ini yang berjumlah RM262.8

bilion dengan pembahagian sebanyak RM46 bilion adalah untuk pembangunan dan juga kontingensi sebanyak RM2 bilion. Bagi saya, ia merupakan bukanlah satu bajet yang mempunyai perkara-perkara baru ataupun tidak ada perkara-perkara baru yang dibentangkan dalam bajet ini YANG mana hasil utama yang kita lihat adalah datangnya daripada cukai yang berjumlah RM180.85 bilion ataupun 82.2 peratus dengan pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan, kita memahami apabila sebuah kerajaan itu menyediakan satu bajet untuk tahun tertentu, walaupun mereka mengemukakan perkara-perkara yang mungkin pada pandangan mereka adalah baik, tetapi kerajaan itu di samping bersedia ataupun bergembira dengan pujian-pujian daripada perkara-perkara yang positif yang diberikan dalam bajet itu, mereka juga perlu bersedia untuk menerima cadangan-cadangan, kritikan-kritikan dan juga pertanyaan-pertanyaan tentang perkara-perkara yang kita anggap negatif yang terbit daripada penyediaan bajet yang dikemukakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah disebutkan dalam pelbagai keadaan masalah ekonomi negara dipengaruhi oleh masalah ekonomi global dan ini merupakan alasan yang boleh kita bertoleransi, tetapi saya berpandangan jika keadaan ekonomi negara juga disebabkan oleh masalah ketirisan dan juga masalah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, maka kita tidak mempunyai kompromi melainkan untuk menyatakan tentang dan juga pandangan serta pertanyaan supaya kerajaan boleh memberikan penjelasan kepada pihak rakyat seluruhnya.

Saya ingin memfokuskan perbahasan saya mengenai isu rasuah. Tuan Yang di-Pertua, rasuah di dalam negara kita ini nampaknya masih berada pada tahap yang lama ataupun tidak banyak berubah. Jika kita melihat kepada *Index Transparency* atau *Transparensi Indeks* bagi negara kita juga nampaknya ia semakin menurun berdasarkan kepada *Indeks Persepsi Rasuah*. Pada tahun 2015, tahun lepas kita telah menurun sebanyak empat mata iaitu kita berada di tangga yang ke-54 berbanding sebelum itu pada tangga yang ke-50 pada tahun 2014. *Transparency International* (TI) dalam laporan yang dikeluarkan pada Januari 2016 telah meletakkan negara kita Malaysia dari sudut *transparency internationalnya* di belakang negara-negara yang kita boleh anggap lebih kurang membangun daripada kita. Antaranya negara Bhutan di kedudukan 27, Botswana di kedudukan 28, Jordan di kedudukan 45, Namibia di kedudukan 45 dan juga Rwanda pada tangga 44, kita berada di tangga 54.

Oleh sebab itulah kalau diperhatikan, ini kajian yang dibuat oleh pihak kerajaan sendiri iaitu di dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengklasifikasikan

rasuah kepada tiga sektor utama. Pertama, rasuah dalam penguatkuasaan. Kedua, rasuah perolehan. Ketiga, yang disebut *grand corruption*. Saya ingin mengambil dua sektor sahaja iaitu penguatkuasaan dan perolehan yang mana ia masih menunjukkan berada di satu tahap yang serius.

Negara, sebagaimana yang kita sedia maklum kerugian beratus-ratus juta ringgit akibat daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa penjawat awam dan juga GLC. Tindakan penguatkuasaan SPRM pada tahun ini sehingga sekarang, kita lihat ia menunjukkan satu tahap perbuatan rasuah yang dikira amat serius dalam perkhidmatan awam yang melambangkan peraturan-peraturan atau SOP yang dikeluarkan oleh perkhidmatan awam mahupun undang-undang rasuah adalah tidak berkesan sama sekali.

Saya ambil contoh pada awal tahun ini, negara kita dikejutkan dengan suatu Ops Bauksit di Kuantan, Pahang yang mana ia melibatkan kesalahan rasuah pihak penguat kuasa Pejabat Tanah dan Galian di Pahang yang mengakibatkan alam sekitar termasuk sungai dan laut negeri Pahang, terutamanya di Kuantan tercemar dengan debu dan juga sisa-sisa bauksit. Lebih lapan orang pegawai telah ditahan sehingga ada wang yang banyak berjumlah jutaan ringgit dijumpai di dalam mesin basuh di dalam rumah beberapa orang pegawai tersebut.

Selang sebulan kemudian Tuan Yang di-Pertua, SPRM telah membongkar pula kes yang melibatkan pegawai di Kementerian Belia dan Sukan yang telah menyeleweng wang dari Tabung Amanah Sukan berjumlah RM100 juta. Dalam akaun pegawai tersebut yang hanya berpangkat Setiausaha Bahagian (SUB) sahaja, dijumpai sebanyak RM8 juta di dalam akaun beliau.

#### ■1630

Beliau didapati hidup mewah dengan berbelanja besar. Membeli antara lain jam-jam tangan mewah bernilai jutaan ringgit, beg-beg tangan mewah, berbelanja keluar negara dengan menaiki kapal terbang beberapa kali melalui kelas pertama atau *first class* bersama keluarga yang mana dilaporkan setiap orang berbelanja sebanyak RM81,000 bersama-sama empat orang lain ahli-ahli keluarga. Kes ini amat mengejutkan kerana ia berlaku semasa di bawah empat orang ketua setiausaha yang sebelum itu di kementerian ini yang tidak nampak akan perbuatan pegawai ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pula kita dikejutkan dengan empat lagi kes berprofil tinggi hasil daripada usaha SPRM kita yang membongkar isu-isu skandal rasuah ini. Pertamanya, seorang Pengarah Pengurusan Projek DBKL didapati menyalahgunakan kuasanya sehingga memperoleh 31 unit rumah kondominium dan

*apartment.* Selain itu beliau juga mempunyai tidak kurang daripada RM3 juta di dalam akaun peribadinya.

Kemudian sebagaimana kita dengar seorang pengarah iaitu Pengarah JKR Melaka mempunyai wang rasuah berjumlah hampir RM6 juta yang dijumpai di dalam akaun dan juga yang berbentuk tunai, wang telah dijumpai bersepah-sepah di dalam rumah dan ada juga di dalam bumbung rumah.

Kemudian, kita juga berdepan dengan satu kes yang melibatkan Pengurus Bank Rakyat dan pengarah urusan bank tersebut dituduh pecah amanah jenayah berjumlah RM15 juta. Kononnya untuk mencetak buku yang bernilai tidak sampai RM5 juta. Ini menyebabkan Bank Rakyat dan juga duit rakyat hilang dalam bentuk yang telah diamanahkan kepada bank tersebut.

Kemudian dua orang pegawai Petronas dan empat orang pengarah syarikat telah ditangkap oleh SPRM kerana menipu Petronas berjuta-juta ringgit. Baru-baru ini kita dikejutkan pula dengan satu kes yang amat bukan sahaja terkejut, memilukan perasan kita sebagai rakyat. Dua orang pegawai kanan Jabatan Air Negeri Sabah didapati mempunyai wang tunai berjumlah difahamkan sekitar RM53 juta tersimpan di dalam rumah selain daripada berpuluhan juta ringgit di dalam akaun di dalam dan luar negara.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya cukup bersetuju dengan apa yang sedang disampaikan oleh Yang Berhormat Kota Bharu mengenai amalan rasuah yang telah berlaku di peringkat pegawai-pegawai atasan, pegawai-pegawai bawahan dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kota Bharu, tidakkah Yang Berhormat Kota Bharu memikirkan bahawa masalah ini menjadi lebih rumit dan lebih meruncing apabila pemimpin-pemimpin utama juga turut disabit atas dakwaan rasuah, salah guna kuasa dan tidak ada apa-apa tindakan. Kalau kita ikut pepatah Melayu—maaf, pepatah Cina...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Pepatah Cina.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, pepatah Cina ya. Yang Berhormat Kota Bharu pun tahu kan?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Iaitu ikan itu busuk mula daripada...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kepala dan ekor.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kepalanya kan?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lalu apa pandangan Yang Berhormat Kota Bharu berhubung dengan itu?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Okey, terima kasih. Soalan saya jangkalah daripada sahabat saya Yang Berhormat Shah Alam. Saya bersetuju dengan...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Apabila kita bercakap mengenai rasuah, amalan rasuah dan juga undang-undang rasuah ini sendiri apabila dilaksanakan ia tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja, rakyat sama ada pemimpin ataupun rakyat biasa— ikan bilis, ikan jerung semuanya tertakluk kepada undang-undang. Saya bersetuju sangat, semua kes melibatkan peringkat tertinggi perlu disiasat dan diambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun Yang Berhormat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Ya, boleh?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Okey.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya juga bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu tersebut. Cuma persoalan sekarang ialah IPR kita satu masa kepada angka 53 turun kepada 50 dan kembali kepada angka 54. Sedangkan *target* kita untuk menghadapi tahun 2020, kerajaan menasarkan untuk sampai ke angka 30. Jadi persoalan saya, apakah mekanisme yang ada, yang diperlakukan hari ini mampu meletakkan Indeks Pencegahan Rasuah ini ke angka 30? Seperkara lagi, adakah Yang Berhormat Kota Bharu bersetuju dengan saya bahawa sepatutnya SPRM yang begitu bekerja kuat hari ini sepatutnya tidak berada di bawah Jabatan Perdana Menteri? Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pengkalan Chepa, saya bersetuju dengan cadangan itu. Bagi saya indeks yang dikatakan angan— bukan angan-anganlah hasrat kerajaan untuk mencapai ke tangga 30 boleh dicapai dengan syarat kerajaan memang mempunyai *political will* dan juga kesungguhan untuk memerangi rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk daripada hasil ucapan saya tadi, saya ingin merujuk kepada beberapa petikan di dalam akhbar. Saya tidak mahu ambil akhbar dalam media sosial dan sebagainya, ini akhbar arus perdana. *[Sambil menunjukkan senaskah akhbar Utusan Malaysia]* Dalam akhbar *Utusan Malaysia* yang bertarikh 21 Oktober 2016 di muka hadapan tertera satu berita yang cukup besar, *"Ketirisan subsidi kerajaan berjumlah RM900 juta"*. Ini yang dilaporkan, yang melibatkan gas cecair petroleum dan sebagainya yang telah diselewengkan dan disalahgunakan. Dalam akhbar *Utusan Malaysia* juga yang bertarikh 25 Oktober, di muka hadapan juga menunjukkan satu tajuk berita *"Kes rasuah di Sabah dokumen siasatan setinggi bangunan dua tingkat"*. Yang melibatkan kes ini dilaporkan di dalam akhbar-akhbar *mainstream* atau media arus perdana.

Jadi dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya beberapa langkah diambil untuk benar-benar menunjukkan kerajaan serius untuk memerangi rasuah ini. Pertamanya, kerajaan perlu memastikan SPRM mempunyai kekuatan ataupun *strength* yang dipertingkatkan. Di mana pada masa ini SPRM mempunyai seramai 1,600 orang kakitangan. Daripada itu 600 orang sebagai pegawai penyiasat, 300 orang sebagai pegawai perisikan. Sedangkan jumlah anggota perkhidmatan awam adalah RM1.6 juta. Jadi oleh sebab itu SPRM perlu diperkuatkan lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 1.6 juta orang.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Seramai 1.6 juta orang iaitu anggota perkhidmatan awam berbanding dengan 1,600 orang kakitangan SPRM tidak berpadanan.

Keduanya, saya juga mencadangkan supaya kesungguhan SPRM dalam membanteras rasuah ini hingga mendapat pengiktirafan *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) kerana mengamalkan 33 *best practices* dengan izin di dalam mencegah rasuah iaitu mengamalkan dan melaksanakan amalan terbaik. Mencegah rasuah perlu diiktiraf oleh kerajaan. Kerajaan perlu telus dan terbuka dalam menunjukkan *political will* yang tinggi sehingga mahu melihat masalah rasuah dalam negara kita ini dapat dikurangkan. Bayangkanlah berapa banyak lagi kes-kes seumpama di atas belum lagi dapat dikesan kerana keanggotaan yang tidak mencukupi di pihak SPRM.

Begini juga dalam bajet pada tahun 2017, kita dapati bahawa bajet untuk SPRM telah dikurangkan dari tahun 2015 sebanyak RM251 juta, tahun 2014 RM294 juta tetapi untuk tahun ini hanyalah RM216 juta sahaja. Ini merupakan satu potongan

kepada bajet yang tidak sepatutnya dibuat terhadap SPRM yang mempunyai tugas yang begitu banyak sekali.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyeru kepada kerajaan supaya kerajaan dapat memperkenalkan undang-undang yang dipanggil *Misconduct in Public Office* (MIPO) yang merupakan undang-undang jenayah terhadap penjawat awam yang mereka ini menyebabkan negara kerugian akibat perbuatan mereka yang cuai atau sengaja cuai dalam melaksanakan tugas yang mana apabila mereka ini disiasat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, tiada keterangan yang mencukupi.

Namun jelas pegawai itu menyebabkan kerugian kepada kerajaan. Undang-undang ini boleh mengatasi masalah kes sebagaimana *finding* atau dapatan Ketua Audit Negara yang rata-rata tidak dapat dibuktikan kesalahan rasuah. Kesalahan ini bukan sahaja hanya untuk penjawat awam tetapi juga termasuk ahli-ahli politik yang berada dalam pentadbiran kerajaan.

#### ■1640

*Independent Commission Against Corruption* (ICAC) Hong Kong sebagai contohnya telah menggunakan pakai peruntukan MIPO ini sejak begitu lama dan mereka telah berkesan sangat untuk membanteras masalah rasuah dalam negara mereka. Undang-undang ini saya difahamkan sudah dicadangkan oleh SPRM sebelum ini namun kerajaan masih lagi tidak bersetuju dengan pelbagai alasan untuk dilaksanakan.

Perkara yang kelima ialah saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya sebarang cadangan daripada SPRM untuk tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai-pegawai awam perlu disegerakan atas kesalahan mereka melakukan kesalahan berbentuk rasuah termasuklah membuang kerja. Perkhidmatan awam Malaysia adalah yang mempunyai segala peraturan yang banyak dan kita ada *general order*, kita ada pekeliling perkhidmatan awam ada peraturan-peraturan kewangan namun didapati banyak tidak diendahkan dan tidak dikuatkuasakan dan yang menyedihkan, saya difahamkan terlalu banyak kuasa budi bicara ataupun *cover up* yang dilakukan untuk kes-kes aduan-aduan rasuah ini.

Sebagai contohnya terlalu banyak sekarang ini banyak tender-tender terhad, tender-tender yang mana pegawai-pegawai yang *in chargenya* adalah terhad dan mereka ini melaksanakan tanggungjawab itu dalam bentuk yang boleh disifatkan melaksanakan tindakan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan sedikit mengenai apa yang saya bangkitkan adalah persoalan sebelum

ini iaitu mengenai perkhidmatan teksi dan Uber. Saya ingin pihak kerajaan mengkaji semula cadangan untuk me/legalizekan perkhidmatan Uber dan Grab ini kerana ia jelas menjelaskan pendapatan dan mata pencarian pemandu-pemandu teksi. Sebagai contohnya pemandu teksi biru yang membawa teksi setiap hari perlu membayar sewa sebanyak RM100 dalam sebulan RM3,000. Pagi tadi saya naik teksi daripada *airport* ke Parlimen pemandu teksi menunjukkan pendapatannya kadang-kadang hanya RM2,000 ataupun RM2,600 yang perlu bayar kepada teksi adalah RM3,000 sebulan. Ini perkara yang cukup penting yang saya harap kerajaan dapat mempertimbangkan perkara ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

#### **4.42 ptg.**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ucapan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari di Dewan yang mulia ini. Bagi mencapai pelaksanaan dan pencapaian yang berkesan, suka saya berkongsi di Dewan yang mulia ini mengenai beberapa isu yang saya rasa amat perlu untuk memberikan perhatian agar pencapaian kerajaan agar lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan pekerja asing yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha industri perabot. Sebagai pengurus Majlis Kayu-kayan Malaysia, saya telah menerima banyak rintihan daripada pengusaha-pengusaha industri perabot mengenai kekurangan pekerja asing yang dihadapi oleh mereka pada masa kini. Menurut Majlis Perabot Malaysia industri berasaskan kayu-kayan tidak lari daripada menghadapi masalah isu kekurangan pekerja asing untuk mengembangkan dan meningkatkan kemampuan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini industri berasaskan kayu adalah industri penting yang menyumbangkan kepada ekonomi Malaysia. Dasar Perindustrian Kayu-kayan Negara ataupun NATIP telah menetapkan sasaran eksport bagi pendapatan tahunan produk berasaskan kayu kepada RM53 bilion pada tahun 2020 dengan pendekatan kepada aktiviti hiliran yang ditambah nilai. 60 peratus daripada eksport RM31.8 bilion dijangkakan akan disumbangkan oleh industri perabot dan perabot hiliran yang lain.

Di antara produk yang berasaskan kayu, perabot merupakan penyumbang utama kepada eksport negara dengan sasaran RM16 bilion menjelang tahun 2020.

Pada masa ini, negara kita mengeksport perabot kepada melebihi 160 negara dengan tiga segmen yang terbesar adalah kepada Amerika Syarikat, Jepun dan Australia.

Tuan Yang di-Pertua. Malaysia merupakan negara kelapan terbesar dan eksport perabot di dunia. Nilai eksport dalam telah meningkat daripada RM8.01 bilion pada tahun 2014 kepada RM9.14 bilion pada tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 14.1 peratus. Menurut Majlis Perabot Malaysia, pengusaha industri perabot yakni dengan mata wang US Dolar yang semakin kukuh. Oleh itu, Malaysia dijangka dapat menyaksikan pertumbuhan dua angka tahun ini.

Situasi kini, pengusaha-pengusaha perabot telah menerima banyak tempahan. Namun, mereka tidak mampu menampung permintaan disebabkan kekurangan pekerja untuk menyiapkan tempahan. Maka, mereka terpaksa menolak dan membatalkan tempahan yang boleh membawa pendapatan kepada negara. Untuk menjana pertumbuhan yang dijangka ini, bekalan pekerja asing menjadi kunci utama bagi industri perabot. Memandangkan industri perabot menekankan kualiti produk yang mempunyai nilai tinggi, pekerja asing diperlukan untuk meletakkan kemasan terakhir pada produk perabot yang boleh memenuhi permintaan tinggi pasaran negara maju seperti Jepun, Amerika dan Kesatuan Eropah.

Walaupun kerajaan menekankan peri pentingnya automasi di dalam sektor pembuatan. Akan tetapi, dalam sektor perabot kerajinan dan nilai seni yang tinggi diperlukan di mana automasi tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana tidak dapat menghasilkan kemasan yang bermutu tinggi. Oleh yang demikian, pengusaha-pengusaha perabot telah membuat permohonan supaya pekerja asing dari Bangladesh boleh diambil semula bagi industri perabot.

Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya bersama Menteri Perusahaan MPIC telah mengadakan lawatan ke Muar kerana Muar merupakan pengeksport perabot terbesar di Malaysia. Ia hampir 60 peratus. Saya dan Menteri MPIC telah melihat sendiri betapa seriusnya kekurangan pekerja asing di kilang-kilang perabot di mana ketiadaan pekerja asing mengakibatkan kilang-kilang terpaksa berhenti beroperasi dan tinggal beberapa orang pekerja sahaja. Saya difahamkan perkara ini telah lanjut hampir dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, menurut Majlis Perabot Muar mereka memerlukan seramai 20,000 pekerja Bangladesh di Muar untuk pengusaha-pengusaha kilang yang dikatakan lebih kurang 600 kilang di Muar. Akan tetapi, kerajaan baru-baru ini telah atau hanya meluluskan seramai 8,000 orang pekerja asing yang diambil dalam industri perabot di Muar. Adalah difahamkan bahawa sesetengah

pengusaha perabot telah membayar levi sebanyak RM1,850 untuk pengambilan setiap pekerja asing. Namun, sehingga sekarang pekerja asing tidak datang-datang lagi.

Tuan Yang di-Pertua. Jikalau isu kekurangan pekerja asing dalam industri perabot tidak diselesaikan maka pengeluaran tidak mampu memenuhi permintaan pembeli dan seterusnya akan menjadikan sumber pendapatan negara. Maka, sasaran NATIP tidak akan tercapai menjelang tahun 2020. Selain daripada itu, pengusaha-pengusaha juga terpaksa berhenti pengeluaran dan sebagainya mungkin terpaksa berpindah ke negara lain dan ini adalah satu kerugian yang amat besar kepada negara. Apatah lagi, boleh dikatakan kesemuanya pengusaha-pengusaha perabot di Malaysia ini adalah daripada pengusaha-pengusaha orang tempatan.

Oleh yang demikian, saya memohon pertimbangan dan bagi pihak pengurusan perabot merayu kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menyemak semula dasar supaya pekerja tidak mahir Bangladesh dapat dibawa masuk ke Malaysia untuk memenuhi keperluan industri perabot dan saya ingin tahu bilakah 8,000 pekerja asing yang telah dibayar levi boleh dibawa masuk ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua. Isu selanjutnya berkaitan kekurangan bilangan anggota bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas. Pada masa ini, Balai Bomba Pekan Nanas mempunyai dua buah jentera dengan seramai 28 orang anggota. Pada sesuatu masa dengan kitaran tiga pusingan bertugas bermakna seramai lapan orang anggota akan bertugas dan akan bergerak jika ada kes yang dilaporkan. Hal ini bermakna, walaupun terdapat dua buat jentera ataupun kenderaan bomba tetapi hanya sebuah yang akan digerakkan.

Kejadian kebakaran berlaku pada 22 Oktober 2016, baru-baru ini amatlah malang sekali. Di mana lokasi kebakaran melibatkan tiga buah rumah kediaman yang hanya terletak dalam 100 meter dari Balai Bomba Pekan Nanas tidak dapat dibantu kerana keadaan tersebut telah menimbulkan kemarahan orang ramai dengan membuat pelbagai andaian negatif dan menjadikan imej jabatan dan kerajaan. Ini disebabkan pada masa yang sama, difahamkan jentera atau kereta bomba dan anggota penyelamat telah bergerak ke Gelang Patah atas satu panggilan kecemasan dan pada ketika itu hanya tinggal seorang anggota penyelamat sahaja yang berada di balai berkenaan.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya meminta tindakan segera oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menambah keanggotaan pasukan penyelamat di Pekan Nanas bagi membolehkan semua jentera di Balai Bomba dan Penyelamat Pekan Nanas dapat digerakkan apabila

menghadapi apa jua kecemasan. Pengalaman daripada kejadian tersebut sewajarnya dijadikan iktibar agar tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu selanjutnya saya ingin bangkitkan adalah pembetungan perumahan atas air di Kukup Laut dan Kampung Air Masin. Isu ini pernah saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini di sesi Parlimen. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada 18 Mac 2012 yang lalu, Yang Amat Berhormat Mantan Menteri Besar Johor telah menyampaikan hak milik blok kediaman kedai dan chalet kepada penduduk di kawasan Perkampungan Kukup Laut, Air Masin Pontian yang merupakan penempatan atas air yang unik sejak puluhan tahun dahulu.

Hari ini dianggarkan terdapat lebih 360 buah rumah di kawasan Kampung Air Masin dan Kukup Laut dan terdapat lagi sekitar 30 buah penempatan di Jalan Benteng Kampung Melayu, Kukup. Walaupun perkampungan tersebut telah mendapat geran hak milik tetapi oleh sebab perkampungan tersebut merupakan penempatan atas air maka terdapat banyak kemudahan asas seperti sistem kumbahan yang tidak sempurna dan tidak memuaskan.

Perkampungan Kukup Laut merupakan destinasi pelancongan yang popular dan berkembang pesat. Setiap hujung minggu dan cuti sekolah, belasan bas pelancong datang ke perkampungan tersebut untuk merasai pengalaman tinggal di chalet atau di perumahan atas air selain daripada menikmati makanan laut yang lazat. Oleh itu sistem kumbahan yang dapat menjamin keselesaan dan kesejahteraan pelancong selain penduduk tempatan amatlah diperlukan sesuai dengan peranannya sebagai destinasi pelancongan selain daripada itu menjadi pintu masuk antarabangsa melalui Jeti Antarabangsa Kukup.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat dan penekanan terhadap pendidikan telah meningkatkan kesedaran rakyat terhadap pelbagai topik khususnya terhadap kesihatan dan juga isu-isu alam sekitar. Sehubungan dengan itu sistem kumbahan dan pembetungan perumahan atas air di kawasan Kukup menjadi buah mulut di kalangan rakyat masa kini.

Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah bersetuju dengan satu pelan tindakan pembangunan sistem pembetungan yang lebih menyeluruh dibangunkan bagi penyediaan *infrastructure* kemudahan rawatan kumbahan. Saya difahamkan bahawa pihak kementerian tersebut telah memohon peruntukan penyediaan kajian dan tapak sistem pembetungan di perkampungan tersebut. Sehubungan dengan itu saya meminta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dapat memuktamadkan kajian menyeluruh kaedah dan pendekatan sesuai bagi menaiktarafkan sistem kumbahan dan sanitasi agar dapat

dibina sebuah sistem kumbahan yang mesra alam dan menjadi contoh kepada penempatan sedemikian yang ada di seluruh negara.

Saya juga difahamkan bahawa Menteri Pelancongan telah melawat perkampungan atas air Kukup pada 12 Mac 2015 yang lepas. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri meluangkan masa mengunjungi ke Kampung Kukup yang indah ini. Ingin saya gunakan kesempatan ini untuk memohon agar Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga dapat menyalurkan peruntukan yang sesuai bagi membangunkan dan menambah baik kemudahan prasarana pelancongan di kawasan berkenaan bagi meningkatkan mutu dan suasana selesa di destinasi pelancongan ini.

Sebagai contoh, tandas awam dengan sistem sanitasi yang baik adalah di antara keperluan pelancongan yang sangat diperlukan. Keperluan sebuah sistem kumbahan dan pembetungan yang moden serta menepati ciri-ciri kesihatan yang baik amat diperlukan di kawasan penempatan ini. Beberapa tahun yang lepas kajian berhubung dengan keperluan pembetungan di kawasan penempatan tersebut telah dibuat namun sehingga hari ini belum ada tindakan yang konkret diambil oleh mana-mana pihak. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini kenaikan harga rumah semakin tinggi dan tidak setara dengan pertambahan pendapatan yang tinggi menyebabkan banyak keluarga berpendapatan sederhana semakin terbeban tidak dapat memiliki rumah tersendiri. Isu berhubung dengan keluarga rakyat terutamanya pembelian rumah mampu milik terikat dengan syarat permohonan pinjaman perumahan yang ketat dan ditolak oleh pihak bank. Halangan tersebut dalam pembelian rumah adalah bayaran muka ataupun deposit 10 peratus yang diperlukan untuk memeterai perjanjian jual beli.

Berdasarkan gaji, pembelian biasanya boleh mendapat 90 peratus margin pinjaman daripada harga asas rumah dan membayar ansuran bulanan. Namun ramai pembeli khususnya bagi rumah pertama terdiri daripada pasangan muda yang tidak mempunyai simpanan yang mencukupi bagi membayar deposit 10 peratus itu.

Tuan Yang di-Pertua, pemaju perumahan dan pembeli rumah amat berterima kasih kepada kerajaan kerana mengambil kira keperluan rakyat dengan menuuhkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) dengan memperuntukkan RM200 juta sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2016, yang mana diharapkan dapat memenuhi keperluan pembelian berwajib daripada kumpulan yang berpendapatan

rendah dan sederhana yang menghadapi masalah yang membiayai pembayaran wang pendahuluan pembeli rumah pertama mereka.

Tuan Yang di-Pertua golongan pembelian rumah kos rendah atau sederhana rendah sebelum mereka ditawarkan rumah, mereka pada kebiasaannya telah menyewa rumah dan bayaran bulanan lebih kurang RM300 hingga RM500 sebulan. Akan tetapi apabila mereka dapat tawaran pembelian rumah kos rendah atau kos sederhana didapati bank telah meluluskan permohonan pinjaman kerana tidak mempunyai dokumen sokongan yang mencukupi.

Oleh yang demikian saya memohon dan berharap Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia dapat menimbangkan cadangan untuk melonggarkan syarat-syarat pinjaman untuk pembelian rumah kos rendah, kos sederhana rendah mahupun rumah mampu milik. Sehubungan dengan itu juga, apakah langkah-langkah yang wajar diambil untuk menangani kadar penolakan pinjaman oleh pihak bank yang terlalu tinggi kepada permohonan pinjaman perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah pertumbuhan ekonomi sejak beberapa tahun dahulu menjadikan laluan Pekan Nanas ke Johor Bahru saban hari bertambah sesak hasil pembangunan di kawasan tersebut dan limpahan pembangunan Wilayah Iskandar. Maka isu kesesakan kenderaan di laluan Pekan Nanas–Johor Bahru menjadi aduan utama yang diterima oleh Pusat Khidmat Ahli Parlimen Tanjung Piai dan telah beberapa kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sejak saya diberi mandat untuk menjadi wakil rakyat pada PRU-12, namun sehingga hari ini tindakan pelaksanaan yang telah diambil oleh Kementerian Kerja Raya masih tidak berpuas hati. Aduan demi aduan dan kajian demi kajian telah kedengaran namun sehingga hari ini hasil kajian masih tidak memuaskan walaupun sepuluh tahun telah berlalu.

Tuan Yang di-Pertua terkini saya difahamkan bahawa Jabatan Kerja Raya Daerah Pontian telah mencadangkan sebuah laluan alternatif dari Jalan Sawah ke Ulu Choh bagi mengatasi kesesakan lalu lintas yang disebabkan *penetrate* di Bandar Pekan Nanas yang menjadi sebab utama kesesakan kerana setiap kenderaan yang ingin ke Johor Bahru ataupun yang perlu melalui Bandar Pekan Nanas yang telah sedia sempit dan sesak.

Laluan alternatif yang dicadangkan ini mempunyai jalan asas dan melibatkan kos yang tidak terlalu tinggi berbanding dengan cadangan lain seperti *bypass* sebelum ini walaupun cadangan *bypass* memberi impak yang lebih baik. Dalam Bajet 2017 terdapat peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk membina dan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung, jambatan akan meningkatkan jaringan perhubungan

kampung, pekan dan bandar. Oleh yang demikian, saya memohon Kementerian Kerja Raya supaya pelaksanaan jalan alternatif ini dapat disegerakan memandangkan isu kesesakan kenderaan di laluan Pekan Nanas–Johor Bahru menjadi topik yang sentiasa panas serta menjadi peluru pihak pembangkang untuk menembak pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman dan aduan yang diterima lampu isyarat yang terlambat banyak adalah satu punca utama berlakunya kesesakan kerana terdapat lima lampu isyarat yang perlu ditempuh pengguna jalan raya hanya dalam jarak perjalanan empat kilometer sahaja dalam kawasan Bandar Pekan Nanas. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengulangi cadangan saya dalam sesi bahas yang lepas kepada Kementerian Kerja Raya supaya sistem lampu isyarat di persimpangan Sekolah Kebangsaan Batu 24 ditukarkan kepada persimpangan bulatan atau dengan izin, *roundabout* bagi memberikan laluan yang lebih lancar.

#### ■1700

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan isu berkaitan dengan perkhidmatan syarikat Telekom Malaysia Berhad. Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa penswastaan umumnya dikatakan kepada perkhidmatan yang lebih cekap, lebih pantas dan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas dan aduan rakyat di kawasan Parlimen saya, ini bukanlah situasi sebenar apabila kita merujuk kepada perkhidmatan syarikat Telekom Malaysia Berhad pada masa ini.

Perkhidmatan Telekom khasnya perkhidmatan internet di kawasan Pekan Nanas sejak kebelakangan ini terdapat rungutan yang banyak daripada orang ramai. Kelewatian beberapa hari sebelum aduan diambil tindakan seperti gangguan perkhidmatan ataupun terputus perkhidmatan internet seolah-olah sudah menjadi satu norma kerja yang bukan menggambarkan sesebuah perkhidmatan penswastaan yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman telefon pintar ini dengan perkembangan pesat perniagaan atas talian, maka keperluan perkhidmatan internet yang berkesan dan jaringan yang stabil amatlah diperlukan. Perbincangan mengenai perniagaan atas talian tidak dapat dipisahkan dengan generasi muda pada hari ini. Kelompok ini adalah penyumbang utama yang terlibat dalam perniagaan atas talian dan merupakan kelompok terbesar pengundi pada pilihan raya akan datang. Keyakinan generasi muda sekarang kepada kerajaan bergantung kepada sejauh mana keperluan mereka dicapai dan masalah mereka ditangani dengan berkesan. Jika terlalu banyak kelemahan yang gagal diatasi, sudah pasti kesan negatif kepada kerajaan akhirnya akan terjelma pada masa pilihan raya.

Oleh yang demikian, saya memohon Kementerian Komunikasi dan Multimedia menyatakan mengapakah situasi perkhidmatan internet yang lemah ini masih gagal diatasi walaupun ini bukan kali pertama dibangkit di Dewan yang mulia ini?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu Telekom juga, saya berharap terutamanya taman-taman baru yang dibina perlu memenuhi ataupun perlu menunggu masa yang panjang untuk mendapatkan talian perkhidmatan. Jadi, jika bekalan air dan elektrik menjadi syarat wajib untuk mendapatkan kelulusan menduduki bangunan CFO, sampai masanya penyediaan prasarana telefon talian tetap dimasukkan sebagai komponen yang sama memandangkan keperluan tersebut sudah menjadi keutamaan dalam kehidupan harian.

Berikutan persoalan tersebut, saya memohon Kementerian Komunikasi dan Multimedia dapat memberikan penjelasan dan perancangan bagi mengatasi isu berkaitan perkhidmatan telefon talian tetap dan pencapaian internet khasnya dalam kawasan Parlimen Tanjong Piai.

Telah lebih daripada 30 tahun syarikat Telekom Malaysia Berhad diswastakan, namun masih jelas nampak ketiadasaingan dalam pasaran. Akibatnya, TM menikmati monopoli tanpa persaingan dan tidak risau kehilangan pelanggan walaupun telah membekal perkhidmatan internet yang kurang memuaskan. Rungutan dan aduan seperti jaringan internet yang tidak stabil, kerja pemasangan alat komunikasi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Ya, sikit lagi. Yang lambat serta perkhidmatan pasif kepada pelanggan tidak patut wujud pada zaman ini. Oleh itu, saya cadangkan supaya pemasangan alat komunikasi dilakukan dengan cepat, kerja-kerja pemasangan tidak dimonopoli oleh syarikat dan kerajaan perlu memberikan peluang kepada syarikat lain untuk berkhidmat. Sekian sahaja, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

### **5.03 ptg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Bajet 2017.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini, kita difahamkan RM214.8 bilion adalah perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion pula untuk perbelanjaan pembangunan. Saya berasa amat kesal... *[Disampuk]* Sekali lagi, hanya 18 peratus dari Bajet 2017 diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Satu peratusan yang tidak

mencukupi jika kita betul-betul hendak menambah baik ekonomi negara kita. Saya percaya ini bukan sebab yang dikatakan perbelanjaan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pembangunan negara dengan perancangan rapi dan teratur demi keperluan dan...[Tidak jelas] ...akan dapat menggerakkan sektor swasta bersama memajukan negara kita. Yang sepatutnya kita kena berbelanja berhemah ialah perlu mengambil tindakan yang lebih serius dan berkesan terhadap mengawal dan mengurangkan perbelanjaan mengurus yang setiap tahun jika kita melihat Laporan Ketua Audit telah membongkar begitu banyak kelemahan, kebocoran, ketirisan, rasuah, perolehan yang tidak perlu atau perolehan dengan harga yang jauh tinggi dari harga sebenarnya.

Apa yang telah terjadi pada sebut harga daripada beberapa pembekal yang dikatakan diamalkan oleh jabatan-jabatan dan kementerian? Bukankah ini senang sahaja mendapatkan satu *list* harga barang perolehan untuk menjadi rujukan atau menjadi panduan? Saya minta Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan perbuatan ini daripada berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita amat-amat mengalu-alukan pelaburan dari negara asing, akan tetapi pelaburan-pelaburan yang mega atau pun besar kita perlu berhati-hati. Pelaburan mega dari negara asing, kerajaan perlu menjalankan kajian dengan telus dan bertanggungjawab. *Details* projek perlu diumumkan terlebih dahulu supaya ia boleh mendapat maklum balas atau pandangan dari semua pihak terutama dari pihak-pihak yang akan terlibat dan terjejas secara langsung atau tidak langsung daripada projek tersebut.

Kerajaan juga perlu menjelaskan asas pertimbangan untuk meluluskan projek ini seperti syarat-syarat yang dikenakan, apakah sekatan demi kebaikan negara, penglibatan di antara pelabur asing dan juga pelabur tempatan dalam projek ini, bagaimanakah impak terhadap alam sekitar dan impak sosial kepada penduduk tempatan, apakah impak terhadap kehidupan rakyat jelata, peluang pekerjaan dan peluang perniagaan akan wujud dari pelaburan asing ini, apakah tujuan pelaburan yang sebenar dari negara asing dan apakah *consideration* mereka jika tidak ingin negara kita menjadi tong sampah sekali lagi seperti kes Lynas— projek yang ditolak oleh negara lain kita terima sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Melaka Gateway satu projek *offshore development of artificial island*, dengan izin, projek dengan kos RM40 bilion yang dikatakan akan siap keseluruhannya pada tahun 2025. Projek ini ditawarkan kepada KAJ Development Sdn. Bhd. sebagai *master developer*. Projek ini satu projek pembangunan campuran di

atas tiga pulau tambak laut dan satu pulau sedia ada. Saya kemukakan satu pertanyaan jawab lisan pada sidang kali ini minta Menteri MITI memberikan butiran-butiran projek yang akan dibina dalam Melaka Gateway dan berapakah keluasan tambak laut perlu dan juga peluang pekerjaan boleh ditawarkan kepada rakyat tempatan. Soalan saya telah ditolak oleh Yang di-Pertua atas sebab Peraturan Mesyuarat 23(1)(q)(i)—Senarai Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, projek Melaka Gateway tadi sudah *dilaunching* atau dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingat MOA dia juga diwitness di hadapan Menteri Persekutuan iaitu Menteri MITI dan Menteri Pengangkutan, Ketua Menteri Melaka dan juga diumumkan telah *recognize*, dengan izin, sebagai *a national project and a part of Economic Transformation Program (ETP)*. Dengan jelasnya, ini bukan hanya satu projek negeri sahaja. Satu projek yang bernilai RM40 bilion, perlu bertanggungjawab bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Saya harap Menteri dapat menjelaskan tentang keraguan ini.

#### ■1710

Saya juga minta Menteri Alam Sekitar memberitahu kepada Dewan yang mulia ini- sebab pada tahun lepas, semasa saya bangkit tentang satu persoalan *Melaka Gateway*, saya difahamkan belum lagi mereka menjalankan kajian *details EIA* dan juga kajian impak sosial. Selepas itu, saya tidak dapat sebarang maklumat tentang adakah kajian ini telah dijalankan dan adakah Kementerian Alam Sekitar telah puas hati dengan semua *finding of the EIA Rort*.

Saya juga ingin tahu tentang projek ini, apakah akan memberi kebaikan atau hasil kepada perniagaan tempatan? Sebab, difahamkan pembangunan tiga-tiga pulau utama laut dikatakan akan membawa pembangunan campuran iaitu bukan hanya *commercial property* dan juga *maritime tourism*, tapi ia akan bawa satu *target* iaitu ia akan bawa lebih pelancong ke Melaka. Akan tetapi setakat ini pertanyaan-pertanyaan dan keraguan daripada rakyat Melaka iaitu tentang projek pulau yang keempat yang dikatakan akan membina satu *deep-sea port* dengan mengadakan *ship building* iaitu bina kapal dan *ship maintenance repair* dan juga *refuel* untuk *container valve*.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, selain daripada *commercial* dan *ship building*, adakah lain-lain *consideration* telah diambil kira? Adakah *deep-sea port* ini juga akan *cater for military* macam *arbitrary* punya *requirement* iaitu, adakah *refuel* atau bengkel memperbaiki *vessels military*? Itu satu keimbangan daripada rakyat Melaka iaitu satu projek mega ini, apakah *consideration* selain daripada yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, ini *one of the project China-“One Belt, One Road”*, salah satu projek keutamaan negara China? Akan tetapi apa

yang kita rasa selain daripada *commercial trade*, adakah sebab-sebab tertentu seperti *military consideration*? Adakah *foreign policy consideration* telah diambil kira dalam projek ini, satu *investment* RM30 bilion oleh negara China? Kita tidak mahu...  
[Disampuk] Ya sila.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dikupas oleh Yang Berhormat Kota Melaka yang menanyakan sama ada selain kegunaan komersial untuk pelabuhan dan *deep-sea port*, sama ada, ada pertimbangan yang lain yang termasuk *military*.

Saya ingin mengupas dari segi geopolitik serantau. Oleh sebab sekarang kita nampak di kalangan negara-negara anggota ASEAN di mana Cambodia, Laos dan akhir-akhir ini Filipina telah pun menunjukkan kecenderungan daripada segi berpaktat dengan negara China, saya nak tanya juga sama ada Malaysia juga terburu-buru untuk menyertai gagasan sedemikian supaya kita telah menimbulkan satu suasana yang barangkali boleh jadi tegang kalau konsep asal ASEAN iaitu sebagai *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* iaitu ZOPFAN itu, akan tergugat jejas oleh sebab kita terlalu cenderung kepada negara China yang bertitik tolak daripada kepentingan pelaburan, namun kita menggadaikan kedaulatan negara-negara ASEAN khususnya daripada segi ZOPFAN yang saya katakan tadi?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka yang mengizinkan saya mencelah sedikit. Saya rasa terpanggil untuk menimbulkan satu isu penting yang melibatkan pelaburan daripada negara China iaitu projek terbaru yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *East Coast Rail Line*. Difahamkan *East Coast Rail Line* ini sepanjang 600 kilometer akan menelan belanja duit rakyat RM55 bilion. Saya sudah kira, jika angka ini yang diumumkan oleh kerajaan adalah benar, bererti satu kilometer *railway* akan menelan belanja RM92 juta, satu meter *railway* akan menelan belanja RM92,000. Ini bermaksud, satu meter *railway* menelan belanja RM92,000. Adakah *railway* itu dibuat daripada emas, daripada berlian, ataupun daripada cincin?

Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Kota Melaka setuju supaya satu siasatan ataupun satu *select committee* patut diwujudkan oleh Dewan yang mulia ini supaya duit rakyat tidak digunakan untuk *bailout certain individual* yang terlibat dengan skandal terbesar dunia dan memastikan supaya projek itu benar-benar membawa manfaat kepada rakyat kita? Setujukah Yang Berhormat Kota Melaka? Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, saya memang setuju dengan kedua-dua Ahli Parlimen daripada Taiping dan Jelutong. Masuklah dalam ucapan saya dan kita minta Menteri memperjelas dan menjawab tentang ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya soalan berkait dengan isu yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Kota Melaka iaitu berkait dengan pelaburan China di Malaysia. Saya ingin memberi satu misalan atau *example* iaitu negara *Cambodia* di mana kita dapati negara China berbelanja ataupun melabur berbilion-bilion wang di *Cambodia* dan secara tidak langsung menyokong pimpinan Kerajaan Hun Sen, dan *quid pro quo* untuk pelaburan itu ialah Hun Sen ataupun Presiden Hun Sen, Presiden *Cambodia*, terpaksa mengikuti dasar luar negara China. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Kota Melaka, adakah kemungkinan seperti itu berlaku di Malaysia di mana Malaysia terpaksa mengikuti arahan daripada China? Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Memang pun ini satu yang saya merasa ragu iaitu, apakah keistimewaan yang kita telah dipilih atau adakah kita sudah longgarkan tentang syarat-syarat atau sekatan-sekatan yang kita perlu ambil untuk kebaikan negara kita? Saya mahu dimasukkan juga untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ya, pandangan daripada Yang Berhormat Klang.

Selain ini, yang saya merasa masih tidak boleh terima iaitu kita Nampak, kita mengalu-alukan pelaburan dari negara asing tetapi kita nak tahu betul-betul kah ia akan menghasilkan ataupun membantu ekonomi negara kita terutama ekonomi tempatan?

## ■1720

Saya bagi satu contoh di Pekan Jasin, satu kilang kaca yang terbesar, saya ingat di rantau ini yang dilabur oleh negara China juga. Satu kilang yang melibatkan ribuan ekar dan dikatakan sudah mula beroperasi pada bulan Oktober dan dikatakan satu hari ada beribu tan kaca diproses tetapi ia akan dihantar balik ke negara China. Kilang ini hanya untuk memproses, jadi bahan mentah ini daripada mana? Ada dikatakan juga yang ia datang daripada negara China. Mungkin kita ada dapat dari Sarawak atau dari mana, saya belum pastikan tetapi saya diberitahu bahan mentah daripada negara China, diproses di sini dan dihantar balik *in product* kepada negara China untuk dipasarkan. Apakah terjadi dengan kita? Satu kilang yang begitu besar.

Saya hendak tahu, apakah kebaikan yang telah dibawa kepada negeri Melaka selain daripada kita jual tanah negeri. Itu sahaja. Mungkin kita dapat satu pendapatan yang besar.

Saya juga ada diberitahu oleh pembekal-pembekal *hardware* dan lain-lain *shop*, apakah mereka mendapat perniagaan daripada kilang ini? Langsung tidak. Hanya *premix* dan *piling* yang dibuat oleh *local*, yang lain semua negara China yang hantarkan. Dia *supply*, dia akan *send* dia punya *technician engineer* dan pekerja mereka. Saya difahamkan baru-baru ini, Imigresen dapat tangkap beberapa orang pekerja dari China yang dikatakan mereka tidak dapat pas atau permit kerja yang sebenar iaitu mungkin mereka tidak lagi memperoleh permit kerja yang sah oleh pihak kementerian atau pihak Imigresen.

Sebab itu saya bersama-sama dengan rakan Ahli Yang Berhormat iaitu kita mengalu-alukan pelabur asing iaitu termasuk negara China. Kita tidak bagi *special preference* kepada mana-mana negara tetapi kita sudah ada tentukan syarat-syarat untuk pelabur asing, berapakah saham yang pelabur tempatan perlu pegang dan apakah sekatan, apakah keperluan oleh tempatan. Saya hendak tahu dalam projek seperti *Melaka Gateway*, adakah satu program yang telah diaturkan supaya untuk membantu nelayan-nelayan yang terlibat dan terjejas dalam kehidupan mereka akibat daripada projek tambak laut.

Saya juga hendak tahu, daripada alam sekitar sebab satu *sanctuary* burung yang begitu lama, begitu unik di depan *Portuguese Settlement* juga telah dirosakkan oleh projek tambak laut. Apakah yang terjadi? Kita izinkan ini jugakah? Bagaimana pula dengan *heritage Portuguese Settlement*, satu *heritage* di Melaka. Mereka sudah hilang dengan *the front sea view*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ini semua akibat dengan projek mega. At the expense of our *local*, satu peninggalan rakyat tempatan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Kota Melaka, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa dah habis dah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya. Dengan itu saya ucapkan terima kasihlah, yang lain kita boleh ambil bahagian semasa Peringkat Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**5.24 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana berikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Bajet 2017 yang bertemakan, “Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh.”

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali izinkan saya untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tan Sri Pandikar Amin Mulia di atas inisiatif transformasi Parlimen dengan pelaksanaan *Ministers' Question Time* (MQT). Saya berharap agar kaedah pelaksanaan ini dapat menekankan kepada aspek ketepatan masa agar ia lebih fokus dan terarah dan wajar dipanjangkan kepada sesi soal lisan dan juga perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia pada hari ini, saya mengakui bahwasanya semangat dan keyakinan saya bertambah teguh setelah Yang Amat Berhormat Pekan selaku pemimpin membentangkan Bajet 2017 yang begitu menjiwai hasrat rakyat dan negara dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu. Saya amat yakin dan percaya bahawa kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan telah menjalankan amanah sebaik mungkin dan mengambil kira semua aspek dalam pembangunan ekonomi demi kesejahteraan rakyat sebelum membentangkan peruntukan yang berteraskan menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemah perbelanjaan inklusif, mensejahtera kehidupan rakyat seluruh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya kongsikan dan nyatakan ialah pertamanya saya ingin mengucapkan perasaan gembira dan terima kasih saya, terutamanya apabila Yang Amat Berhormat Pekan telah mengumumkan pembinaan sebuah UTC dan tiga buah RTC di Selangor dalam Bajet 2017. Peruntukan sebanyak RM100 juta telah diberikan untuk membangunkan pusat berkenaan yang mana ia saya lihat bertujuan untuk memberikan manfaat kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan yang disediakan. Saya juga menyeru agar pihak kementerian dapat menyegearkan juga selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Pekan ini supaya RTC Kuala Selangor dapat disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menambah baik pelaksanaan ini, saya ingin mencadangkan agar UTC dan RTC ini juga dapat memfokuskan kepada aspek pembangunan usahawan dan perniagaan dengan menempatkan kesemua agensi yang memberikan khidmat pembiayaan dan juga nasihat perniagaan di bawah satu

bumbung yang boleh saya lihat sebagai satu peranan *one-stop centre*. Terutamanya, bagi memudahkan urusan orang ramai, terutamanya generasi muda yang ingin bergiat dalam bidang usahawan, khususnya dalam mendapatkan khidmat-khidmat agensi yang menawarkan tawaran pembiayaan.

Selain daripada itu juga, saya melihat bahawa di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seperti MARA telah berjaya membangunkan Pusat Mara Digital di Menara MARA dan juga *Anggerik Mall* di Shah Alam yang mana saya lihat mungkin dengan pengumuman penubuhan RTC ini, mungkin saya mencadangkan juga *Anggerik Mall* yang ada di Shah Alam itu dinaiktarafkan sebagai UTC, khususnya bagi negeri Selangor. Setidaknya ia juga akan memberikan satu kemudahan bagi semua agensi, terutamanya agensi-agensi Persekutuan digabungkan di bawah satu bumbung dan diberikan perkhidmatan sebagai *one-stop centre* kepada rakyat Selangor, terutamanya bagi mendapatkan kemudahan di bawah, khususnya Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada fokus atau inisiatif bajet yang telah dibentangkan bagi meringankan beban golongan belia. Tuan Yang di-Pertua, denyut nadi generasi belia tidak boleh kita pandang sepi oleh kerajaan apabila kerajaan mengumumkan pembinaan 10,000 unit rumah sewa untuk golongan belia pada kadar yang lebih rendah dengan tempoh maksimum sewaan sehingga lima tahun. Perkara ini amat penting bagi membantu, khususnya generasi muda meringankan beban yang ditanggung oleh golongan belia disebabkan kos sara hidup di bandar kian meningkat saban tahun. Bagi menjamin kehidupan persaraan belia yang lebih selesa, saya juga dapat melihat bahawa kerajaan telah menyediakan Skim Persaraan Awal ataupun PRS dengan inisiatif dinaikkan kepada RM1,000 melibatkan peruntukan sebanyak RM165 juta.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti sebagaimana yang telah ada sebelum ini iaitu Skim Perumahan Transit yang mana saya lihat satu inisiatif yang sangat baik. Cuma saya lihat mungkin boleh diperbesarkan kepada mungkin daripada Skim Perumahan Transit kepada Skim Perumahan Transit SOHO ataupun Skim Perumahan SOHO yang mana saya lihat penting bagi menambahkan lagi pemilikan generasi muda untuk memiliki rumah. Setidaknya pada awal tahun pertama, tahun kedua atau tahun ketiga selepas mereka bekerja sebagai contoh. Ini secara tidak langsung dapat memberikan satu harapan kepada generasi muda, khususnya di bandar supaya setidaknya mereka boleh menyiapkan diri mereka, terutama apabila mereka berkahwin ataupun mereka baru sahaja memulakan pekerjaan.

**■1730**

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjurus kepada insentif kepada golongan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, khususnya apabila saya ingin menjurus kepada kejayaan *agropreneur* dan juga pemberian elaun sara hidup nelayan. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah diucapkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani apabila terus berjaya meningkatkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian menerusi inisiatif dan galakan yang diberikan oleh pihak kementerian. Ini kerana saya lihat ini sangat penting terutamanya apabila kita ingin mengeluarkan khususnya golongan-golongan usahawan tani agar ia secara tidak langsung boleh mengurangkan, khususnya masalah pengangguran apabila generasi muda keluar daripada universiti ataupun institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta yang ada.

Perkara ini harus digerakkan dengan serius kerana kita harus menjadikan dengan inisiatif yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, setidak-tidaknya program Agropreneur Muda ini akan sedikit sebanyak mengisi ruang khususnya bagi generasi muda yang berminat dan untuk menceburi bidang usahawan tani untuk mereka dikembangkan minat mereka dengan bantuan-bantuan seumpama ini. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap juga agar inisiatif ini dapat diletakkan dan dikembangkan khususnya apabila dengan adanya skim Agropreneur Muda ini dapat dikembangkan juga di peringkat akar umbi sama ada menggunakan UTC atau RTC ataupun pejabat-pejabat pertanian yang ada di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan kerana meneruskan pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM200 sehingga RM300 sebulan kepada 57,000 orang nelayan di seluruh Malaysia [Tepuk] Sungguhpun nilai yang diberikan itu tidak mampu untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan, namun sedikit sebanyak ia mampu meringankan beban mereka. Susahnya nelayan, tetapi nelayan tetap ke laut. Walau tengkujuh yang melanda, rakyat masih inginkan makanan ikan ataupun ikan untuk mereka nikmati. Jadi sehubungan dengan itu, saya lihat ini satu inisiatif yang sangat baik, setidak-tidaknya untuk memastikan bahawa golongan nelayan terbelia khususnya di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mencadangkan iaitu apabila kerajaan telah membentangkan bajet demi memastikan kemajuan negara dan kelestarian rakyat, ia sangat teruja dan juga mengujakan. Namun demikian, ada juga yang menyatakan bahawa, adakah bajet ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan efisien dan telus. Ini kerana daripada segi dasar dan juga program sangat

cantik, tetapi bagaimana daripada segi pelaksanaan sehingga ke akar umbi supaya akhirnya rakyat benar-benar mengetahui dan faham bahawa bajet yang telah dibentangkan ini sebenarnya adalah bajet untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan dapat mewujudkan setidak-tidaknya satu jawatankuasa bertindak bagi memantau setiap pelaksanaan bajet yang bertujuan bagi memastikan bahawa segala mekanisme pengagihan, pelaksanaan dan prestasi pengurusan bajet agar aspirasi kerajaan dapat direalisasikan dengan cemerlang. Maksudnya ialah dengan adanya mungkin jawatankuasa di peringkat Kabinet dan sebagainya adalah untuk memastikan bahawa setiap sen dan juga ringgit yang dibelanjakan ataupun diberikan benar-benar dipastikan ia akan diterjemahkan ke setiap akar umbi khususnya rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepada elemen yang seterusnya dalam konteks bajet ini ialah bagi mewujudkan sebuah kaedah ataupun daripada segi perbelanjaan politik, khususnya daripada segi pembiayaan politik. Saya lihat, saya menyokong penuh cadangan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) untuk memperkenalkan akta sumbangan dan juga perbelanjaan politik bagi meningkatkan ketelusan akauntabiliti dan pematuhan integriti oleh parti-parti politik dalam memperoleh dana bagi tujuan politik.

Harus diingat bahawa cadangan ini bukanlah sesuatu yang baru bahkan ia telah dicadangkan sebelum ini oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada tahun 2009, tetapi saya difahamkan ia telah ditolak oleh pihak pembangkang. Perkara ini juga telah dilaksanakan oleh negara-negara luar seperti Amerika dan Perancis. Walaupun demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bilakah akta ini akan diperkenalkan atau dibawa ke dalam Parlimen? Ini kerana bagi saya, ini sangat penting terutama sekali untuk memastikan bahawa rakyat boleh menilai sejauh manakah dana-dana ini dibelanjakan ataupun menjadi satu kaedah bagi memastikan ketelusan bagi rakyat untuk memahaminya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya amat tertarik dengan cadangan pembiayaan dana politik ini supaya diteluskan. Cuma saya minta pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor, apa kata kalau kita bermula dengan geran daripada kerajaan dulu supaya

setiap parti politik yang memenangi Kerusi ataupun peratus undian yang dia dapat itu, boleh diberi geran untuk aktiviti politik dan juga untuk pilihan raya? Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor bermula dengan kerajaan bagi geran dulu?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar atas cadangan tersebut. Pada hemat saya, yang paling penting sekali ialah bagaimana akta ini benar-benar menterjemahkan prinsip akauntabiliti dan juga perbelanjaan. Saya lihat syor-syor yang telah dinyatakan oleh Menteri yang berkenaan sama ada ia adalah syor ataupun ia akan diterjemahkan dalam akta yang akan diperdengarkan. Jadi bagi saya, yang paling penting saya masih lagi menunggu lagi akta tersebut dan saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bilakah akta tersebut akan dibawa ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjurus kepada mengenai isu rasuah. Sebagaimana saya lihat, sebagaimana yang Ahli-ahli Parlimen yang lain telah menyatakan terutama sekali baru-baru ini negara digemparkan dengan kes salah guna kuasa dan rasuah yang melibatkan projek infrastruktur membabitkan Jabatan Air Negeri Sabah bernilai RM3.3 bilion sehingga menjelaskan kepercayaan rakyat terhadap kakitangan kerajaan, sekali gus memberikan imej negatif kepada kerajaan.

Dengan semua itu, saya ingin menggesa agar kerajaan menangani isu rasuah dan ketirisan menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) menerusi bidang impak sistem keselamatan menyeluruh. Saya menggesa agar sistem sedia ada seperti seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dan *Myprocurement* iaitu Sistem Maklumat Perolehan Kerajaan dipertingkatkan bagi memastikan kerajaan mampu memberikan perkhidmatan terbaik demi menjamin kesejahteraan rakyat dan juga negara.

Ini bukan hanya diterjemahkan di peringkat Kerajaan Persekutuan, tetapi perlu digerakkan juga di semua kerajaan negeri yang ada di seluruh Malaysia. Ini setidak-tidaknya dapat memberikan satu keyakinan kepada orang ramai termasuk pelabur sehingga boleh memberikan, khususnya impak yang positif kepada usaha untuk membawa masuk pelabur asing bagi merancakkan lagi ekonomi negara.

Ini kerana bagi saya, saya juga ada terbaca satu laporan yang telah diberikan kepada saya kerana dalam penilaian impak sosial, sama ada benar ataupun tidak, mungkin pihak Kementerian KPKT boleh memberikan ulasan kepada saya kerana saya ada terbaca mengenai syarat pertukaran dan juga kegunaan tanah Lot 68054, Mukim Tanjong Dua Belas, Kuala Langat yang terletak di dalam kawasan Paya Indah Wetlands. Ini kerana saya lihat ia telah memberikan satu konotasi kepada saya sama ada benar Kerajaan Negeri Selangor memberikan penilaian impak sosial di dalam

memberikan kelulusan pertukaran syarat tanah bagi kegunaan tanah Lot 68054, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat yang terletak di dalam kawasan *Paya Indah Wetlands*.

Saya difahamkan kawasan tersebut telah diletakkan sebagai warisan dunia menerusi Perjanjian Ramsar yang bertujuan untuk menyediakan rangka kerjasama antarabangsa dalam pemeliharaan habitat tanah lembap yang ditandatangani Malaysia pada tahun 1995 dan ia telah diwartakan sebagai rizab tanah lembap di bawah Kanun Tanah Negara. Menurut sumber daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, terdapat lebih kurang 213 spesies burung yang boleh didapati di *Paya Indah Wetlands* yang turut menerima kunjungan burung hijrah saban tahun.

Pada tahun 1994, mantan Menteri Besar ketika itu iaitu Tan Sri Muhammad atau Mat Taib telah meluluskan pemilikan tanah seluas 619 hektar kepada Syarikat Salak Park.

#### ■1740

Sungguhpun wujud usaha pertukaran status tanah tersebut oleh syarikat terbabit, namun ia gagal kerana tidak mendapat persetujuan kerajaan negeri ketika itu dan ia kekal begitu selama 22 tahun. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat mantan Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim, pada 26 Februari 2014, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat 8/2014 telah menolak permohonan Salak Land Development Sdn. Bhd. untuk menukar tanah tersebut daripada status pertanian kepada komersial. Justeru itu timbul persoalan mengapa Menteri Besar ketika ini telah meluluskan permohonan pertukaran status tanah terbabit daripada pertanian kepada tanah berstatus pembangunan dan pemilikan tanah terbabit juga telah bertukar milik daripada Syarikat Salak Land Development Sdn. Bhd. kepada Syarikat Gamuda Berhad dengan harga RM784 juta.

Di sini saya ingin bertanya, di manakah, apakah status tanah tersebut, dan apakah dengan pertukaran khususnya tanah tersebut boleh menyebabkan ekosistem yang ada di kawasan tersebut? Ini kerana alam merupakan khazanah yang tidak ternilai dan jika dibandingkan dengan nilai keuntungan yang bakal diperolehi. Oleh sebab itu, ia harus dijaga demi mengekalkannya sebagai warisan sejagat untuk dikecapi oleh generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada soal kawalan harga barang dan menangani isu subsidi diesel. Terbaru, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengumumkan akan melaksanakan rasionalisasi subsidi minyak masak yang telah menimbulkan kegusaran dan juga kekecohan apabila jangkaan harga minyak masak akan dinaikkan ataupun ditambah

pula dengan sikap peniaga yang menyorokkan stok minyak masak sedia ada bagi mengaut keuntungan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan harus bertindak segera agar tidak timbul keadaan yang panik sehingga menyebabkan bekalan minyak masak berkurangan di pasaran. Sasaran harus ditetapkan oleh pihak KPDNKK agar tindakan awal dapat diambil bagi membendung kenaikan harga barang yang saya lihat ada kalanya boleh menyebabkan keresahan rakyat.

Berkaitan isu penyelewengan subsidi diesel, seharus jangan hanya dituding jari kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia semata-mata dan nelayan. Bagi saya, bila kita ingin membanteras secara efektif, saya ingin mencadangkan agihan subsidi diesel tersebut dilakukan oleh agensi penguatkuasaan bagi menjamin ketelusan dan pemantauan yang berkesan ke atas diesel yang diberikan oleh kerajaan dan bukan hanya kepada nelayan tetapi semua agensi-agensi penguatkuasaan di perairan Malaysia harus dipantau oleh mana-mana agensi yang bertugas dalam usaha membanteras ketirisan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada bajet Kementerian Pengajian Tinggi. Saya lihat penurunan sebanyak 8.52 peratus adalah selaras dengan *blueprint* Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia, dan saya juga ingin melihat bahawa ada cadangan supaya lulusan TVET dapat diberikan laluan kedua terutamanya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, kerana saya lihat keluhan daripada generasi muda yang mungkin tidak ada peluang untuk mereka melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi. Lulusan teknikal dan vokasional ini harus menjadi satu kekuatan bagi kerajaan memberikan satu garis panduan sama ada memberikan satu laluan baru pada mereka untuk mereka terus melanjutkan pengajian ke peringkat yang tertinggi. Jangan dibiarkan mereka dengan hanya memberikan harapan tetapi bagaimanakah kaedah untuk mengisi harapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak kerajaan dan dengan ini Kuala Selangor menyokong bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**5.44 ptg.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Parlimen badan tertinggi di bumi Malaysia dalam membuat undang-undang dan menentu arah tuju negara. Sebab itu Ahli Parlimen angkat sumpah bila dipilih oleh rakyat dan kita bersumpah dengan nama Tuhan untuk mempertahankan negara dan junjung perlembagaan. Peranan kita di sini amat jelas. Eksekutif mentadbir, apa yang kita putuskan bersama di sini manakala peranan pembangkang memantau, menegur dan ambil tindakan jika ada penyelewengan dilakukan oleh Eksekutif. Bukan menjadi rahsia, pembangkang bercita-cita mahu jatuhkan kerajaan, dan menjadi pemerintah, dan memerintah bertahan bermati-matian untuk terus berkuasa.

Akan tetapi, ini semua kita lakukan dalam ruang lingkup undang-undang yang sama-sama kita luluskan dan mesti patuhi. Maka di Dewan yang mulia ini kita bertempur dan yang menjadi referee- pengadil ialah Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti hormati beliau. Kita berbahas dan akan tunjukkan cara di jalan yang terbaik bagaimana negara ini harus ditadbir. Kita juga akan bertanya, bagaimana wang rakyat digunakan? Adakah dia betul-betul digunakan seperti yang telah diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan rakyatnya adalah sangat bertuah di atas muka bumi ini. Negara ini ada minyak, gas, tanah yang subur, tanah yang dikelilingi oleh laut, dan penuh dengan sumber laut, dan kita amat jauh daripada malapetaka alam seperti tsunami, gunung berapi iaitu *ring of fire*. Apa yang paling penting kita cuma punyai penduduk yang amat kecil, sekitar 30 juta dan mereka adalah rakyat yang kuat bekerja, taat kepada Tuhan dan pemerintah. Mereka, rakyat yang berbudi bahasa, mempunyai nilai toleransi yang cukup tinggi. Kita juga bernasib baik kerana rakyat kita daripada berbilang kaum dan etnik. Ada kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Murut, Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Telegu, Siam, Melanau, Penan, Bajau, Iranun....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Orang Sungai Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya. Orang Sungai, Kadayan, Orang Bawah, Jawa, Bugis, Banjar, Boyan, Mendalik, Aceh, hampir semua kita pendatang. Yang betul, betul...

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sekapan tidakkah Yang Berhormat?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...ialah semua. Orang-orang Asli, orang-orang asal. Mereka penduduk awal dan asal negara ini. Kita juga bertuah...

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Tuan Yang di-Pertua, kerana walaupun Islam Agama Persekutuan, tetapi *Buddism, Hinduism, Sikh, Confucius* dan *Taoisme* kita amalkan bersama-sama di sini. Kepelbagaiannya ini lah yang mewarisi Malaysia nilai-nilai hormat-menghormati antara kita, menjadi rakyat Malaysia yang kuat. Pemimpin-pemimpin kita yang lalu amat berpandangan jauh. Tunku Abdul Rahman telah menyediakan *road map* yang jelas untuk kita semua. Negara yang kaya, pemimpin yang pintar dan ikhlas, dan rakyat yang sedikit tetapi bersemangat waja telah membawa nama negara berada tinggi di persada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, negara hancur bukan kerana rakyatnya. Negara hancur bukan kerana rakyatnya. Tidak ada dalam sejarah dunia di mana satu negara hancur kerana tindak tanduk rakyatnya. Sejarah telah membuktikan semua kemusnahan dalam satu-satu negara disebabkan oleh pemimpinnya. Itu fakta.

Malaysia dengan kekayaannya, dengan penduduk yang hanya sekitar 30 juta, sepatutnya muncul sebagai sebuah negara yang kaya dan yang kuat, dihormati oleh jiran-jiran, jauh dan dekat.

Pada tahun-tahun 90-an dan awal 2000, kita bangga menjadi rakyat Malaysia. Bila ditanya, "Dari mana saudara berasal?" Kita yang melawat ke luar negara bila disebut, "Malaysia" Respons mereka ialah, "*Malaysia is a good country. Malaysia number one...*"

Hari ini, bila kita tiba lapangan terbang luar negara, kita ditanya, "Tuan datang dari mana, dari Malaysia? *How's your Prime Minister?*" Membisu kita. Baru-baru ini saya di Korea bersama-sama dengan teman-teman termasuklah Yang Berhormat Bagan Serai, bersama ahli-ahli Parlimen pembangkang dan juga Barisan Nasional. Bila kita berkumpul di dalam Dewan Persidangan di Seoul, Korea, seorang pemimpin luar negara bertanya dari mana saudara semua. Bila mengetahui kami dari Malaysia, dia mula membuka cerita 1MDB dan kami terus membisu kerana dia tergelak terbahak-bahak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu tentang....

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey. Ia *sub judice*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Impassing* saja kerana saya hendak beritahu Yang Berhormat Bagan Serai, kita bersama-sama...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Termasuk juga yang sifat seorang ahli, tidak boleh disebut Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya, saya minta maaf Yang Berhormat Bagan Serai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Sebab cuma Yang Berhormat Bagan Serai bersama-sama saya di sana. Kita bernasib baik mempunyai pimpinan di kalangan kita yang masih ada *conscious* dalam jiwa mereka. Mereka yang berani berkata benar walaupun pahit dan pedih dan kadang-kadang memilukan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Bagan Serai gelak juga masa itu?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tiga bekas Menteri penting, Menteri Kabinet yang memegang jawatan penting dan amat berpengaruh dan berkuasa. Kita telah mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Pagoh, mantan Timbalan Perdana Menteri; daripada Yang Berhormat Tambun, mantan Menteri Kewangan; dan Yang Berhormat Semporna mantan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

## ■1750

Mauduknya Tuan Yang di-Pertua, apakah cerita mereka? Mereka bimbang, mereka amat bimbang tentang cara negara ini dikendalikan. Mereka bimbang bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mentadbir wang negara. Mereka bimbang, apakah akan jadi pada anak cucu kita? Begitu juga kita sebagai Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat bimbang tentang hal itu...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Pembangkang dituduh membuat cerita dan memfitnah. Saya ingin bertanya kepada Dewan yang mulia ini, adakah Yang Berhormat Tambun, Yang Berhormat Semporna, dan Yang Berhormat Pagoh berbohong, memfitnah dalam Dewan ini bila mereka menyebut keimbangan mereka?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh. Laluan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Mereka bimbang, saya bimbang, ‘tuan-tuan’ juga bimbang dan wakil rakyat juga bimbang, bagaimana hutang negara sudah mencecah RM600 bilion, dan hutang isi rumah RM900 bilion.

Bagaimana mahu membayar hutang-hutang ini semua kalau tidak rakyat yang dimangsakan. Mereka bertanya, dan seperti yang telah didedahkan oleh Menteri-menteri, isu-isu berikut seperti yang saya telah sebut tadi bagaimana pelaburan RM16 bilion dalam Abbar PJS Limited. Kenapa tiada tindakan undang-undang terhadap mereka yang menguruskan 1MDB? Kenapa ada kepincangan dalam pengurusan mereka? Kita telah banyak bercakap tentang 1MDB, dan itulah soalan-soalan yang ditanya, yang lebih, paling parah lagi, bagaimanakah kita akan menyelesaikan wang ini semua, hutang ini semua kalau IPIC contohnya membuat saman dan menang dalam *arbitration* yang akan datang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Minta laluan, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Apakah yang jadi dengan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), tabung yang menguruskan pencen penjawat awam yang telah banyak berjasa kepada negara. Mereka yang datang daripada guru-guru, anggota polis dan tentera, Ahli Parlimen, ADUN dan Tuan Yang di-Pertua sendiri yang akan insya-*Allah* bila pencen akan dapat pencen - kita dalam pencen ini. Pinjaman RM4 bilion dikeluarkan untuk terlibat dalam perlombongan, dan berapakah yang sebenarnya yang digunakan oleh wang ini untuk betul-betul dalam pelaburan? *Drawdown* dikeluarkan secara sekali gus tidak pernah berlaku dalam syarikat tetapi berlaku dalam SRC. Akhirnya cuma RM400 juta sahaja yang digunakan, dan apakah jadi pada yang *balance*?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat hendak tahu, kenapa ramai yang telah banyak berjasa kepada negara dan berkhidmat dengan cemerlang tetapi menerima nasib malang. Diminta dia berhenti atau dibuang daripada tugasannya mereka pada masa yang hampir sewaktu dengannya. Contohnya, rakyat hendak tahu, kenapa Peguam Negara dihentikan? Kenapa Tan Sri Gabenor Bank Negara juga dihentikan? Kenapa Ketua Suruhanjaya Pencegah Rasuah juga dihentikan?

Itu persepsi rakyat, maka kita meminta supaya rakyat bertenang, biar kerajaan menjawab tetapi banyak yang jawapan-jawapan yang mereka tunggu tidak dapat. Bukankah mereka ini yang dilantik untuk menganggotai pasukan khas menyiasat aliran tunai ke akaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berjumlah RM2.6 bilion. Ekoran daripada itu, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri juga menyusul. Apakah salah dan dosa mereka, mereka dihukum kerana bertanya satu kalimah keramat- "1MDB"?

Tuan Yang di-Pertua, itu berita sedih negara kita. Cerita hari ini dan cerita semalam kita tidak mahu ulang lagi sudah. Itu yang telah berlalu. Isunya, saya dan rakyat di luar sana sentiasa berdoa agar Allah yang berkuasa akan menghukum mereka yang bersalah. Tidak hari ini, hari esok. Tidak esok, tahun hadapan. Tidak tahun depan, insya-*Allah* apabila kita semua berdepan dengan Allah SWT, kita akan menjawab soalan-soalan itu.

Bagaimana cerita esok, Tuan Yang di-Pertua? Bagaimana cerita esok? Saya ingin mengajak kita semua melihat negara dan rakyat yang penuh dengan kasih sayang. Marilah kita mulakan dengan berlaku adil kepada rakyat. Gunakan kepelbagaian dalam masyarakat kita ini sebagai kekuatan yang akan memacu kita dengan hebat dan bertenaga.

Tuan Yang di-Pertua, ini isunya. China sedang menjadi gergasi ekonomi. Suka tidak suka, India juga sedang muncul di persada dunia, suka tidak suka? Rakyat kita, *alhamdulillah* kita berasib baik kerana dalam negara kita, kita ada rakyat yang pelbagai termasuklah yang berbangsa Cina dan India. Soalan kita ialah, apakah yang kita lakukan bagi mengambil peluang dengan kedudukan kita yang amat strategik ini, soalannya itu. China akan bangun dan sedang bangun, India juga sedang bangun tetapi apakah yang sedang kita lakukan?

Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi mesti merangka program agar pelajar-pelajar di Malaysia menyiapkan diri agar bila kuasa ekonomi dunia berpindah ke Timur, kita telah bersedia. Bahasa Inggeris, bahasa Mandarin yang sedang menjadi bahasa ekonomi dunia sekarang. Malah, Malaysia telah lama terdedah dengan dua bahasa ini.

Kerajaan mesti mahu memperhebatkan, menyediakan program agar semua anak-anak Malaysia paling tidak menguasai tiga bahasa, Melayu yang hebat, Inggeris yang hebat dan Mandarin. Dengan kekuatan tiga bahasa ini sampailah anak Malaysia Melayukah, Ibankah, Kadazankah, ke mana juga di pelosok dunia, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, kita akan *survive*. Anak-anak Malaysia- Cina, India, Melayu, Kadazan, Iban mesti- yang penting Tuan Yang di-Pertua, mesti pintar mencipta pekerjaan. Ini yang kita *lacking*. Pelajar-pelajar jangan bergantung kepada kerajaan dan pemerintah tetapi mesti bergantung dan gunakan ilmu yang kamu ada untuk buka pasaran dan cipta pekerjaan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak rakyat negara ini supaya kita mesti bersedia. Bahawa suka tidak suka, China bukan sahaja Cina di China tetapi ada 60 juta overseas Chinese yang kebanyakannya berada di Asia khususnya di Asia Tenggara yang sedang bangun dan mereka menguasai ekonomi

dunia. Kita dalam keadaan yang amat strategik di mana rakyat kita 30 peratus daripada rakyat kita di kalangan bangsa Cina. Maka kita harus buat persediaan. Sebab itu, Kementerian Pendidikan harus memberikan ruang yang seluasnya agar rakyat Malaysia tidak kira apa bangsa sekalipun, boleh menguasai bahasa.

Dengan adanya penguasaan bahasa ini, baru kita boleh berhubungan dengan pemain-pemain ekonomi dunia termasuklah di China dan juga *overseas Chinese*. Masanya telah tiba kita kena *be practical* dan *pragmatic about it*. Kerajaan juga mesti Tuan Yang di-Pertua, poin ini saya hendak cadangkan, dan saya sungguh-sungguh tekankan, mesti henti gunakan wang rakyat untuk bermiaga. *Government is not in the business of doing business*. Cukuplah dengan malapetaka yang menimpa kita 1MDB, cukuplah.

Peranan dan fungsi kerajaan ialah untuk *stimulate*, *regulate* dan *facilitate*, dan menjadikan, menyediakan *condition* yang *conducive* agar masyarakat peniaga boleh bermiaga dengan cepat, tepat, tenang dan tidak tersekat-sekat kerana *toll gate* rasuah dan meminta-minta oleh orang politik dan penjawat awam dapat dihapuskan. *Government is not-* bukanlah peranan *government* untuk mengambil duit awam dan bermiaga. Biarlah perniagaan ini dilakukan oleh orang-orang yang betul-betul reti bermiaga.

Dengan itu kita dapat hapuskan, kita dapat hentikan amalan rasuah yang sedang berlaku dan bukan sahaja di peringkat pusat di negeri-negeri juga Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri juga ACDC. Tanyalah ACDC- bukalah laporan, berapa daripada ACDC kita yang untung? Malah ACDC ini dicreatedkan untuk membantu generate *income* kepada *state* tetapi *more often they are not*. ACDC tidak berlaku sedemikian. Malah anak-anak syarikat ditubuhkan bagi *facilitate politician*. Oleh sebab itu saya katakan tadi bahawa, *government is not in a business of doing business* tetapi sepatutnya membantu ahli-ahli perniagaan.

## ■1800

Satu lagi isu yang saya hendak sebut iaitu isu Sabah. Saya nak bertanya anak-anak Sabah, walaupun saya mendengar ucapan-ucapan Ahli-ahli Parlimen di sini tepat, jelas dan pedas terhadap kerajaan cuma dilapik dengan *buttercup*. Saya faham Ahli Parlimen Sabah khususnya, ada masalah untuk berterus terang tetapi biarlah saya dari pembangkang berterus terang. Saya nak bertanya kerajaan, sejauh manakah selama ini semenjak Sabah, wilayah Sabah bukan negeri Sabah- semenjak wilayah Sabah menyertai Malaya dan wilayah Sarawak membina negara kita yang dinamakan Malaysia ini, sejauh manakah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Malaya ini telah betul-

betul melaksanakan Jadual Kesepuluh Bahagian IV, Perlembagaan yang mulia ini? Itu saja. Sejauh manakah? Sebab itu saya nak tahu, apakah *calculation 2.5 or two fifth?*

Hari ini saya masih ingat lagi, semasa saya menuntut di sekolah. Anak-anak Sabah di antara anak yang paling kaya. Di sekolah saya, di asrama, anak-anak Sabah boleh belajar dengan selesa, dengan fasiliti yang cukup tetapi sedarkah kita hari ini, Sabah berada di wilayah yang tercorot dan nombor empat termiskin di Malaysia. Tidak mungkin, Sabah yang mempunyai segala-galanya- Sabah yang mempunyai gas, minyak, hutan dan segala-galanya tetapi berada dalam keadaan begitu. Jadi soalan saya, adakah betul-betul Perlembagaan dipegang oleh anak-anak Sabah. Bertanyalah wahai anak-anak Sabah...

**Timbalan Yang di-Pertua[Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan bangun.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** ...Ke mana wang yang telah pun yang sepatutnya kamu dapat daripada apa yang telah pun dijanjikan dalam Perlembagaan ini? *Two fifth what is collected, what is collected, all taxes, what is collected in Sabah should be given back to Sabah.* Itu isunya. Sebab itu saya nak bertanya kepada pemerintah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh, boleh...?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya tidak ada masa, dua minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak beri Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat Putatan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sebab itu, akhir sekali, *point* yang terakhir. Kalau-lah kita betul-betul sayangkan rakyat kita, saya mencadangkan untuk pemerintah memikirkan, adakah patut kerajaan atau penjawat-penjawat awam ini berpencen pada umur 60 tahun? Saya minta supaya kerajaan kaji balik kerana masa British memperkenalkan pencen 55 tahun, British tahu *they are good people, qualified people* yang selepas dia pencen dia boleh bermula pada umur 55 tahun. Sebab 55 tahun masih muda untuk dia ceburkan bermula. Sekarang ini masuk 60 tahun tidak mungkin itu akan berlaku.

Sebab itu saya mencadangkan pada kerajaan, fikirkan penjawat-penjawat awam bukan saja dia pencen pada umur 60 tahun tetapi bagi dia opsyen kepada 40 tahun.

Maknanya, kalau dia berumur 40 tahun, dan dia pencen, dan dia ada pencen, dia boleh bermula maknanya, kalau dia bermula masa dia berhenti atau pun dia mengambil opsyen umur 40 tahun, maknanya dia ada *good 20- at least 20 more years* untuk dia bermula dan dia rasa selesa kerana dia rasa dia akan ada pencen. Saya

mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan lihat balik dengan adanya *optional* ini, maka anak-anak muda kita yang keluar dari universiti bolehlah mengambil tempat mereka. Ini tidak, sebab masing-masing nak kejar umur 60 tahun, akhirnya apakah yang berlaku? Bukan sahaja kita tidak mempunyai *entrepreneur* yang baik tetapi juga anak-anak muda kita yang keluar daripada universiti-universiti ini tidak mempunyai pekerjaan. Oleh sebab apakah? Ini kerana masing-masing tidak mahu turun dan mereka juga nak tunggu pencen sampai 60 tahun.

Kalau kita pergi jabatan-jabatan kerajaan, kadang-kadang kita naik malu, kita tengok bagaimana staf-staf yang berumur 60 tahun bukan sahaja tidak mempunyai tenaga untuk terus pada umur 59 ke 60 tahun, tetapi sepatutnya anak-anak mudalah yang berada di tempat itu dan memberikan- apa nama, motivasi yang lebih baik kepada kementerian yang mereka terajui.

*Last sekali Tuan Yang di-Pertua, /last sekali point ialah judi haram- seminit lagi. Apakah peranan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menentukan supaya lesen hiburan berkeluarga ini? Sebab punca masalah perjudian yang berlaku dalam bandar dan luar bandar, di premis-premis ini kerana lesen hiburan berkeluarga. Di belakang lesen hiburan berkeluarga berlakunya segala macam maksiat, judi haram, dadah dan sebagainya. Saya minta kerajaan khususnya kementerian melihat supaya lesen ini dihapuskan dan diharamkan terus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

#### **6.04 ptg.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai hanya tiga, empat perkara yang hendak dibangkitkan pada hari ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah membentangkan satu bajet bagi, "*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh*". Saya ingin menjurus kepada TN50 atau Transformasi Nasional 2050 yang akan menjangkau 30 tahun dalam proses gerak kerjanya bagi membentuk tatanegara bangsanya yang benar-benar berwibawa serta berminda *par excellence*.

Saya secara peribadinya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat saudara Khairy Jamaluddin iaitu Menteri Belia dan Sukan yang telah diamanahkan oleh kerajaan, untuk memacu *discourse*. Iaitu wacana secara langsung dengan rakyat

terutamanya Generasi Y bagi melihat apakah cita rasa mereka bagi kita memformulasikan 2050 ini. Persoalan yang timbul sekarang ialah apakah jadi dengan Wawasan 2020 ini yang akan habis pada tiga, empat tahun akan dating?

Saya nak beritahu dewan ini bahawa, Wawasan 2020 ini, apakah asas untuk menjayakannya dulu. Semasa asas untuk menjayakan wawasan ini ialah kita mesti mempunyai pertumbuhan ekonomi sebanyak tujuh peratus tiap-tiap tahun daripada tahun 1990 sehingga 2020. Walau bagaimanapun, statistik yang saya ada sini ialah pada awal tahun 1990 hingga tahun 1998, maka negara semasa itu mencapai seperti mana yang dikehendakkan. Sekiranya kita ingin mencapai wawasan 2020, kita mesti secara konsisten tujuh peratus tanpa gagal sehingga 2020 peratus maka *insya-Allah* kita akan capai.

Akan tetapi pada tahun 1990 hingga 1997, memang benar ekonomi negara berkembang pada kadar 9 peratus, 10 peratus dan sebagainya. Pada 1998, krisis ekonomi yang terbesar ekonomi, negara kontrak ini mengecut pada negatif 7.36 selepas itu, kita tidak lagi dapat mencapai 7 peratus seperti mana yang diharapkan. Sehingga tahun 1999, contohnya 6.4 peratus, tahun 2000 sebanyak 8.86 peratus, 2001 hanya 0.5 peratus dan selepas itu anggaran 4 hingga 5 peratus sehingga tahun ini.

Apa yang dibuat ialah sebaik saja Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib bin Tun Razak menjadi Perdana Menteri pada Ogos 2009, telah mengarahkan semasa itu sekalipun, mengarahkan- disebabkan kita mempunyai *crisis financial* pada tahun 2007 hingga 2010- telah mengarahkan MEAC semasa itu untuk melihat semula sama ada kita boleh capai atau tidak Wawasan 2020. Dia mengatakan semasa itu, kalau kita hendak mencapai Wawasan 2020, kita mestilah mempunyai *economic growth* pada tahap 8 peratus. Dan dia membuat *hypothetical*, apakah jadi sekiranya ekonomi hanya *grow* pada tahap 6 peratus. Sekiranya ekonomi semasa itu, tahun 2009, 2010, sekiranya kita hanya dapat 6 peratus sahaja, kita terpaksa menambah 10 tahun lagi daripada 2020 itu menjadi 2030. Itu 6 peratus.

Oleh sebab itu, kita hanya mencapai 4, 5 peratus maka, keputusan kerajaan untuk membuat satu lagi dasar untuk mengambil kira keadaan semasa ini sudah sampai masanya. Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir sekalipun pada tahun 2010, semasa ucapan beliau dekat *Perdana Leadership Foundation*, CEO punya forum mengatakan dengan izin, "*He pointed out the economic crisis that hit the nation in 1997 and 1998, and 2008, was a major set back and halted our progress in achieving Vision 2020*".

Kita akui bahawa ada perkara-perkara yang dulu asas yang kita ambil 20, 30 tahun dulu sudah mungkin tidak relevan. Maka perkara-perkara yang akan kita lakukan untuk tahun 2050 ini untuk seperti mana Wawasan 2020 yang mengambil masa 30 tahun, maka perkara yang sama akan dilakukan TN50 dengan mengambil semua perkara asas yang ada sekarang, yang tidak pernah kita fikir 20, 30 tahun dahulu untuk menjana negara-negara yang lebih maju pada tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua...

■1810

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar, hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya tidak mahu untuk mencelih kerana masa, tetapi saya amat tertarik. Kalau boleh, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** TN50 yang dirancang itu atas alasan ekonomi negara perlu dilanjutkan lagi supaya sampai kepada cita-cita Wawasan 2020 itu kepada 2050. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat Setiawangsa ialah, apa pandangan Yang Berhormat Setiawangsa kalau kita nyatakan bahawa faktor 2020 itu tidak tercapai, selain daripada faktor ekonomi dunia, ia juga berlaku dalam faktor dalaman dari sudut cara bagaimana kerajaan mentadbir, masalah rasuah, masalah ketirisan termasuk juga isu-isu demokrasi dan juga dasar-dasar yang dilihat regresif atau undur ke belakang? Apakah itu tidak diambil kira juga sebagai sebahagian daripada permasalahan yang tidak semata-mata kita salahkan faktor-faktor yang kita tidak boleh kontrol tetapi faktor yang kita boleh kontrol pun kita tidak dapat kawal? Saya khuatir TN50 ini, Tuan Yang di-Pertua, akan membawa negara kita lebih mundur ke belakang.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar itu mungkin tidak dilihat pada masa-visi 2020 itu akan dilihat secara holistik dan keseluruhannya dalam TN50 dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat mengurangkan pergantungan kepada hasil minyak. Saya tidak boleh terfikir sekiranya kerajaan tidak mengambil langkah yang lebih awal untuk melihat perkara ini, mungkin sekarang ini keadaan negara akan lebih teruk. Contohnya

pada tahun 2009, kebergantungan kita kepada sektor minyak dan gas adalah pada tahap 41.3 peratus tetapi pada tahun 2016, ia telah turun kepada 14.6 peratus. Disebabkan harga minyak sudah menjunam sebanyak 50 peratus daripada harga yang tertinggi sebanyak USD110, USD112 kepada lebih kurang USD45 hingga USD50 sekarang, kerajaan telah kehilangan RM30 bilion hasil kerajaan daripada sumber-sumber seperti cukai korporat, cukai pendapatan, royalti, dividen Petronas dan sebagainya.

Akan tetapi, kerajaan telah membuat keputusan yang berani walaupun tidak popular sekalipun iaitu dengan mengadakan GST ini. Walaupun implikasi politik besar kepada parti pemerintah ini, tetapi disebabkan ia perkara yang perlu, kita mengambil risiko itu juga. Walaupun seperti mana yang dikatakan oleh sebahagian pihak mengatakan kenapa tidak diletakkan dalam manifesto GST ini dalam manifesto Barisan Nasional tetapi saya hendak beritahu inilah. Kesempatan parti pembangkang untuk memainkan isu ini cukup besar pada Pilihanraya Kecil Sungai Besar, dan Pilihanraya Kecil Kuala Kangsar dengan menggunakan salah satu isu besar tentang GST ini. Akan tetapi, kalaupun mahu dianggap sebagai keputusan Sungai Besar atau Kuala Kangsar itu sebagai *referendum* ataupun sebagai penolakan kepada GST, maka ia telah pun dibuat ke arah itu. Walau bagaimanapun, rakyat saya rasa sudah cukup faham mengenai kepentingan kedua-dua perkara ini.

Akan tetapi saya hendak bawa satu perkara tentang GST yang dilakukan di dua buah negara besar. Contohnya di Kanada. Satu parti yang dinamakan *Liberal Party of Canada* dengan secara khususnya melalui *Red Booknya* semasa pilihan raya 1993, dengan dokumen, dengan *spell out specifically* mengatakan *once elected*, dia akan *abolish* GST ini. Mereka menang besar, saya akui, dengan 177 *Members* dalam *House of Common* tetapi apakah yang mereka lakukan sebaik sahaja menjadi kerajaan? Apabila mereka masuk *office* dengan premis untuk menolak GST sebaik sahaja masuk kerajaan, mereka telah diberitahu oleh pegawai-pegawai kerajaan bahawa *GST has become an important source of government revenues totaling in the 10 of billion annually. The Liberal Government decided to keep the GST*. Ini bermakna bukan ya sangatlah tentang mahu menolak GST ini tetapi tiap kali GST ini ada, ia dilakukan atas isu politik dan tidak dilakukan sebaik sahaja mereka menang.

Begitu juga di Australia. Saya pernah beritahu di dalam Dewan ini. Di Australia, perkara yang sama. Satu parti *Liberal-National Coalition* oleh Dr. John Hewson semasa pertandingan pilihan raya tahun 1993 mengatakan kalau mereka- mereka adalah pro GST. Satu lagi parti yang didokongi oleh *Labor Party*. *Labor Party* menolak GST. *Liberal-National Coalition* ini dalam pertandingan 1993 kalah. *Labor* yang

menolak GST menang. Akan tetapi pada pilihan raya tahun 1998, *Liberal Party* yang dulu menolak, dia pula sokong.

So Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, *Howard's Liberal-National Coalition* ini yang menolak dahulu, kemudian menyokong, sekali lagi mengambil GST ini bukanlah sebagai perkara yang tidak mahu oleh rakyat tetapi lebih kepada isu politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi khusus kepada satu perkara mengenai bantuan B40 khususnya penerima BR1M, menjana pendapatan tambahan melalui sebagai pengguna *Uber* terutamanya bagi pemilik kenderaan sendiri. Hanya sekadar hendak memberitahu satu perkara yang kita tidak boleh tolak mengenai *Uber* ini. Sementara saya juga akui bahawa pemandu-pemandu teksi harus juga kita jaga kebijakan mereka, maka kewujudan *Uber*, *GrabCar* atau *ride hailing* ini atau teknologi baru ini juga kita tidak boleh tolak.

Contohnya saya hendak ambil *Uber* inilah. *Uber* ini sehingga sekarang sudah lebih 2,000 orang *ride Uber* ini dengan *valuation of USD60* hingga *USD70* bilion syarikat ini. Baru tujuh tahun. Di Amerika, bukan setakat ambil orang, mereka telah mula *start delivery ice-cream*, *Christmas tree*, kucing, kek dan sebagainya. Ini bermakna kita tidak boleh lagi menolak ekonomi begini, teknologi begini kerana ia sudah menjadi sebahagian.

Akan tetapi, apakah yang lebih penting ialah saya difahamkan kita mempunyai 120,000 *drivers Uber* dan *GrabCar* ini dan 70,000 orang lagi teksi. So bagaimana *level playing field* itu untuk kita samakan supaya tidak ada penolakan ketara daripada mereka-mereka yang memandu teksi ini. Hanya kita mempunyai teknologi baru ini, kita janganlah ketepikan seolah-olah mengatakan yang buruk tentang teksi yang telah berkhidmat untuk kita ini. Walaupun mereka mempunyai sedikit perkara-perkara yang harus kita mantap dan elokkan tetapi macam kita berjumpa orang baru dalam hidup kitalah, tidak semestinya yang baru itu semuanya elok dan segala-gala yang lama itu kita anggap sudah tidak elok lagi. So, apa yang saya hendak katakan di sini ialah mesti ada perseimbangan kedua-dua ini supaya *ride hailing* ataupun teknologi baru ini dapat juga hidup dengan baik, *co-exist* bersama-sama teksi yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih penting pada itu, di Amerika apa yang dinamakan seperti *gig economy*- *gig economy* ini iaitu mereka yang terlibat dalam pekerjaan seperti *Uber* ataupun *online*, mereka yang tidak nampak ini. Di Amerika, tahun 2020, *being predicted* bahawa 40 peratus daripada pekerja Amerika *being independent contractor*. Mereka bekerja secara sendiri. Contohnya seperti bekerja dengan *Uber*, baik dengan *Grab Taxi* dan sebagainya. Maka, sudah sampai juga kerajaan untuk

melihat bagaimana kita hendak menangani ataupun melihat ekonomi-ekonomi begini supaya mereka yang terlibat di dalam ekonomi ini tidak teraniaya.

Yang lebih penting daripada itu, di Amerika contohnya, mulai tahun depan, Mei 2017, *Labor Department* di Amerika akan mengcapture, akan mengambil mereka yang terlibat dalam ekonomi ini sebagai pekerja-pekerja yang harus dilihat secara ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang mengatakan bahawa masalah wang ringgit yang jatuh ini atas satu isu besar iaitu disebabkan oleh 1MDB atau satu entiti kerajaan yang menyebabkan harga ringgit jatuh atau sebagainya.

#### ■1820

Akan tetapi hari ini saya hendak bawa apa yang Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, bekas Bank Gabenor memberitahu dahulu bahawa Bank Negara *would not allowed any single entity no matter how big they are to have an effect* dalam ekonomi kita terutamanya wang ringgit. Oleh itu ada yang mengatakan bahawa 1MDB adalah perkara yang menyebabkan penurunan *currency* kita ataupun ekonomi kita. Saya merasakan bahawa itu tidak menunjukkan perkara yang sebenar tentang kedudukan ekonomi kita dan sebagainya. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz semasa itu bagi tahu, dengan izin, "*Our track record has shown us that every time we have been setback time, and again we have been able to bounce back. It is more than once we bounce back and we will bounce back quickly*".

Akhir kata saya hendak berkata perkara mengenai MAS dan Proton. Semenjak 30 tahun yang lalu kerajaan telah meletakkan sebanyak RM45 bilion dalam kedua-dua syarikat ini. Contohnya Proton semenjak 20 tahun yang lepas telah menerima subsidi daripada kerajaan sebanyak RM30 bilion dengan baru-baru ini kita memberi RM30 bilion, Malaysia Airlines Berhad *received more than RM30 billion. Malaysia Airlines* dalam 30 tahun yang lepas, 20 tahun yang lepas telah menerima sebanyak RM30 bilion subsidi. Proton telah menerima RM14.6 bilion subsidi. Ini termasuk *soft loan* yang kita beri baru-baru ini sebanyak RM1.5 bilion. Mereka juga ada berkeinginan untuk memohon RM1.8 bilion bagi maksud mendatangkan produk-produk baru. Ya, ada orang *argue* bahawa kedua-dua ini telah menyebabkan entiti ini telah menyebabkan kita *create* berpuluhan ribu *job* dan *boasted* kita punya ekonomi tetapi *at what expense?*

Saya rasa sudah sampai masanya syarikat-syarikat yang mahu kita beri subsidi yang begini rupa, yang begini besar mesti bertanggungjawab penuh kepada keputusan-keputusan dalam syarikat mereka sehingga mereka tidak ambil mudah. Sekiranya mereka gagal, *they can always come back to the government, government*

*pumping in money.* Mungkin model dalam AirAsia ini bukan tidak ada maksud untuk promote AirAsia yang kita boleh lihat bagaimana kerajaan tidak bantu tetapi mereka boleh menjadi satu entiti yang begitu besar yang kita bangga. Mungkin satu kolaborasi seperti mana yang dibuat satu tahun, dua tahun lepas dengan AirAsia ingin dilihat kembali. *Japan Airlines System* yang telah gagal satu ketika dahulu dengan di-saddle dengan RM25.6 bilion pun mempunyai masalah. Akan tetapi akhirnya mereka bangun balik pada tahun 2010, mereka pergi *listing RM38.5 billion listing in some two years later.*

Ini bermakna kalau kita mempunyai kesungguhan untuk melihat perkara ini dengan betul maka kita boleh membangunkan semula entiti-entiti yang ketinggalan. Saya tidak *share* sentimen oleh beberapa orang mengatakan kenapa tidak ada orang dalaman untuk kita amanahkan untuk menjaga *Malaysia Airlines System*. *Malaysia Airlines System* ini sebenarnya telah berada dalam keadaan nazak, kita pun sudah bantu banyak sangat. Saya ingin membuat analogi ini, kalau saya tersilap maka saya bertanggungjawab penuh. Dalam keadaan orang sakit, kalau ibu bapa kita sakit atau kita sendiri sakit, saya cukup berkeyakinan mereka-mereka yang membuat keputusan untuk memanggil kita untuk membedah saya ini akan membuat keputusan untuk memanggil doktor yang terbaik. Sama ada mereka ini Cina kah, India, Jew kah untuk menyelamatkan diri saya.

Saya rasakan bahawa dalam keadaan untuk menyelamatkan MAS ini saya meyakinkan kalau ianya perlu, sesiapa sahajalah yang kita fikirkan untuk menjayakan program. Jangan tanyalah apakah kenegaraan mereka, yang penting kita selamatkan MAS ini. Ini kerana yang penting kalau dia selamat maka berpuluh-puluh ribu yang bekerja dengan dia selamat dan kita sebagai rakyat Malaysia tidak lagi menanggung melalui duit kita untuk menanggung beban kepada ini. Masa sudah tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya kalau boleh MAS tolong tengok balik *coach sharing* ini yang lebih menguntungkan Emirates daripada kita. Ini kerana saya lihat disebabkan kita telah membuat satu, membelanjakan banyak untuk *coach sharing* sebagai *one world* tiba-tiba kita tukar pula dengan Emirates yang telah menguntungkan Emirates. Maka saya melihat, meminta kerajaan supaya melihat balik *coach sharing* ini. Sekian terima kasih, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kenapa ramai yang bangun ini, apa jadi dengan senarai? Dalam senarai Yang Berhormat Batu Kawan. Saya ikut senarai dahulu ya. Yang Berhormat Batu Kawan.

## 6.25 ptg.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan Yang Berhormat Batu Kawan mengambil bahagian dalam perbahasan dasar Belanjawan 2017 yang telah dibentangkan pada 21 Oktober lalu.

Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa isu yang dekat dengan hati saya dan perlu diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan ini yang berhubung dengan hak asasi manusia. Serta perlindungan yang diberikan kepada hak-hak tersebut seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang semua rakyat Malaysia sedia maklum pemansuhan Akta Hasutan 1948 telah diumumkan oleh Ahli Parlimen Pekan merangkap Perdana Menteri pada tahun 2011 dan telah diberikan nafas baru yang membenarkan kritikan terhadap kerajaan. Walau bagaimanapun, roh Akta Hasutan semakin membias dengan lebih ramai para akademik, aktivis, wakil rakyat malah kartunis serta masyarakat secara umum menjadi mangsanya.

Kritikan terhadap kerajaan Perdana Menteri mahupun skandal mega Perdana Menteri tidak dibenarkan sama sekali dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar seperti yang dilihat sebentar tadi. Dalam nada yang sama satu pengumuman telah dibuat oleh Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Pensiangan bahawa draf Akta Keharmonian Nasional adalah pada tahap terakhir dan akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk dibincangkan pada awal tahun ini.

Akta baru ini diniatkan untuk menggantikan Akta Hasutan yang zalim yang digunakan sebagai alat untuk mengongkong kebebasan bersuara. Masih dalam kamar lagi dan tidak kedengaran langsung atau dilihat bayangnya. Akta Hasutan yang sepatutnya dimansuhkan sepenuhnya diberikan nafas dengan ‘mengkambinghitamkan’ mana-mana suara yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Barisan Nasional. Pada hal pengganti akta ini masih dalam kegelapan. Saya ingin bertanya di sini apakah status Akta Nasional Kebangsaan ini dan bagaimanakah ianya dapat diaplikasikan dalam konteks negara ini yang selama ini diperintah oleh parti-parti politik mengikut kaum dan bukannya mendukung semangat masyarakat majmuk Malaysia? Ataupun adakah akta ini dihebohkan dan dikatakan akan mengganti Akta Hasutan tetapi terkubur selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini untuk mengimbas kembali satu mesyuarat *round table* yang diadakan di Parlimen ini dengan izin, oleh *Parliamentarian for Global Action to Abolish the Mandatory Death Penalty* tahun lepas bulan November yang dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Batang Sadong dan Menteri Pelancongan Yang Berhormat

Padang Rengas. Komitmen kerajaan sampai hari ini masih belum termakbul lagi. Setakat ini lebih 600 warga Malaysia serta lebih 400 warga asing masih menunggu dijatuhan hukuman mati di atas pelbagai kesalahan di penjara-penjara di Malaysia. Saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah menyatakan komitmennya untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori. Akan tetapi apabila ditanya dalam Dewan ini diberikan pelbagai sebab mengapa ianya tidak dapat dilaksanakan buat masa ini.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Ahli-ahli Parlimen, aktivis serta masyarakat umum menyokong pemansuhan hukuman gantung ini tidak sama sekali menyokong jenayah yang dilakukan dan tidak menuntut agar penjenayah ini dibebaskan. Ini merupakan satu tanggapan yang tidak benar dan saya mohon kepada pihak kerajaan untuk mengotakan komitmen serta janji untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori dan memberi proses kepada mahkamah dan hakim. Untuk membuat keputusan yang sah mengikut bukti di depan mereka. Malah dalam kes pengedaran dadah di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya hukumannya adalah hukuman gantung mandatori dan beban pembuktian adalah di atas bahu si tertuduh. Dalam banyak kes tertuduh merupakan seorang anak muda lelaki atau perempuan Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Dayak, Sik dari keluarga yang susah, tidak berkemampuan, minoriti dan mangsa ketidakadilan sosial.

#### ■1830

Malahan pembunuh Altantuya juga masih bebas. Jika sistem pengadilan di negara ini tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna atau, dengan izin, *is there a miscarriage of justice* yang hukumannya hukuman gantung, bagaimanakah sesebuah kerajaan dapat memperbetulkan kesilapannya itu? Apakah yang kerajaan harus lakukan adalah untuk memerangi jenayah dan bukan untuk mencabul nyawa rakyatnya. Itu bukan tugas mahupun tanggungjawab sebuah kerajaan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Oleh itu, saya ingin bertanya di sini, bilakah pindaan pemansuhan hukuman gantung sampai mati mandatori ini akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat? Saya berharap usaha mulia dan murni ini akan dilihat dalam penggal ini sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, tinggal tiga tahun lebih lagi untuk menjayakan Wawasan 2020, dan tiga puluh tiga tahun untuk Transformasi Nasional seperti yang dikatakan

oleh Ahli Parlimen Pekan untuk mencapai status negara maju. Namun, negara ini masih dibelenggu dengan kata-kata yang berbaur *racist* oleh pemimpin-pemimpin di negara kita. Saya ingin menggunakan satu contoh ucapan Ahli Parlimen Pekan merangkap Perdana Menteri Dato' Sri Najib dalam Mesyuarat Agung MIC yang ke-70.

Kata Ahli Parlimen Pekan, "*Beliau tidak suka dengan penggunaan istilah "Keling" atau pendatang*". Ini pelik Tuan Yang di-Pertua, sama ada Perdana Menteri, dengan izin, *confused* beliau dalam Mesyuarat MIC atau mesyuarat lain kerana kata-kata beliau haruslah diucapkan bukan dalam Mesyuarat Agung MIC tetapi kepada segelintir ahli-ahli parti di sini yang gemar menggunakan kata-kata kesat "Keling", "pendatang", "Tongsan", "apek" dan baru-baru ini oleh anak emas UMNO, Jamal Yunus yang mengeluarkan ancaman jenayah, bukan sahaja terhadap BERSIH tetapi terhadap rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

Saya telah menghadiri beberapa persidangan antarabangsa, *International Panel of Parliamentarians for the Freedom of Religion and Believe*. Dalam persidangan tersebut saya mendapati negara-negara seperti Pakistan juga mampu menubuhkan sebuah kumpulan ataupun jawatankuasa yang bernama, dengan izin, *All Party Parliamentary Groups for Pakistani Minorities* untuk melindungi hak-hak kebebasan beragama oleh golongan minoriti di Pakistan yang dibelenggu oleh puak-puak ganas yang memupuk budaya, dengan izin, *politics of fear*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini agar satu Jawatankuasa Hak Asasi Manusia serta pelbagai kumpulan, dengan izin, *All Party Parliamentarians Group* ditubuhkan di bawah pantauan Dewan Rakyat untuk menghalusi isu-isu masyarakat seperti hak-hak Orang Asli dan orang asal Sabah dan Sarawak, isu-isu kesihatan, isu perlindungan kanak-kanak, isu wanita, ekonomi, pertanian, pendidikan, pertahanan dan sebagainya. Dengan adanya *Standing Committee* atau kumpulan-kumpulan ini yang merentasi kefahaman politik dan parti politik, banyak janji yang dibuat oleh kerajaan seperti keputusan Kabinet tahun 2009 yang menghalang penukaran agama unilateral oleh sebelah pihak sahaja dapat dijalankan dengan sempurna.

Saya juga ingin bertanya di sini, senarai semua Menteri yang diberikan pangkat, dengan izin, *special envoy* yang dibayar gaji dari pembayar cukai yang sehingga kini tidak dilaporkan apa kerja mereka, sumbangan atau tugas mereka. Saya ingin memohon agar satu laporan bagi setiap satu *special envoy* ini diberikan kepada semua Ahli Parlimen supaya diketahui ramai, dengan izin, *job scope* mereka dan pencapaian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini, apakah dasar negara Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara seperti Sri Lanka dan Myanmar yang jelas telah mencabuli hak asasi manusia terutama sekali rakyat mereka?

Di Myanmar, kita lihat kaum Rohingya tertindas dan, dengan izin, *prosecuted because of their religion and this sense, they are all Muslims*. Dalam kes Sri Lanka, mereka ini telah menjadi mangsa penganiayaan dan kezaliman Rejim Sinha Sri Lanka kerana mereka daripada kaum Tamil. Saya ingin tahu di sini Tuan Yang di-Pertua, mengapa Malaysia masih lagi tidak menggunakan peluang sebagai ahli tidak tetap UNSC iaitu *United Nations Security Council* untuk membawa negara-negara seperti Sri Lanka dan Myanmar dan melobi supaya mereka dihadapkan ke mahkamah, dengan izin, *International Criminal Court* di atas dakwaan ataupun di atas *charge crime against humanity, war crimes and genocide*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan serta cadangan saya kepada pihak kerajaan untuk mempercepatkan usaha untuk menggubal satu rang undang-undang bagi melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa pencabulan. Salah satu cadangan adalah inisiatif untuk satu akta iaitu *Sexual Grooming Act* supaya kanak-kanak, dengan izin, tidak *digroom* untuk menjadi mangsa keganasan seksual tanpa pengetahuan mereka. Seiring itu saya juga ingin mencadangkan semula di Dewan yang mulia ini, penubuhan satu suruhanjaya bagi melindungi hak-hak wanita dan kanak-kanak yang boleh juga diletakkan di bawah bidang kuasa Dewan Rakyat memandangkan kes-kes rogol, pencabulan serta serangan seksual bukan sahaja di sekolah tetapi di khalayak ramai semakin meningkat.

Cadangan untuk pendidikan seks di sekolah-sekolah sudah tiba masa diadakan dan saya juga mohon kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Kementerian Pendidikan untuk memandang serius isu ini. Mungkin perkataan “pendidikan seks” boleh digantikan dengan satu lagi istilah yang lain supaya golongan-golongan yang senang untuk, dengan izin, *to be confused by the term* dapat menerima cadangan dan idea ini supaya kanak-kanak, anak-anak mereka mendapat didikan untuk menghormati kawan-kawan daripada jantina yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan takziah kepada mangsa-mangsa kebakaran Hospital Sultanah Aminah di Johor pada minggu lepas dan *bravo* kepada anggota-anggota bomba dan polis, semua kakitangan hospital, jururawat serta doktor yang telah meletakkan nyawa orang ramai sebelum diri mereka sendiri. Berhubung dengan kebakaran tersebut, pendedahan oleh penyelidik Dr. Mohd. Zailan Sulaiman dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan

Perancangan di Universiti Sains Malaysia menyatakan bahawa banyak lagi hospital terdedah ancaman kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengaitkan kelemahan masalah pendawaian lama hospital-hospital kerajaan yang lama dan usang dengan pembinaan sebuah hospital kerajaan di Batu Kawan. Sudah banyak kali saya membangkitkan cadangan untuk pembinaan sebuah hospital baru di kawasan Parlimen Batu Kawan kerana anggaran pertambahan penduduk dengan pembangunan di sana akan sampai satu tahap perlunya sebuah hospital di sana agar kes-kes tenat boleh dikendalikan di sana tanpa dihantar ke Hospital Seberang Jaya yang sarat dengan pesakit dan Hospital Pulau Pinang yang jauh.

Jawapan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan adalah cadangan untuk menaik taraf Hospital Daerah Sungai Bakap. Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk menaik taraf tersebut, bolehlah disumbangkan kepada projek untuk membina sebuah hospital baru di Batu Kawan. Dianggarkan pembinaan sebuah hospital adalah di antara RM90 juta sehingga RM350 juta. Mengikut satu artikel bertarikh 18 Mac 2016, KPG Healthcare Berhad akan memperuntukkan RM1.29 bilion untuk membina lapan buah hospital di seluruh negara dalam tahun-tahun akan datang.

Sekiranya Tuan Yang di-Pertua, RM2.6 bilion yang disalurkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri digunakan untuk membina hospital di Malaysia, maka negara Malaysia akan menikmati perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang baik dan berkualiti daripada sebanyak enam belas buah hospital ini. Saya ingin mencadangkan di sini agar peruntukan untuk menaik taraf Hospital Sungai Bakap digunakan dan ditambah peruntukan untuk membina sebuah hospital kerajaan yang baru di Batu Kawan supaya masyarakat nelayan, petani, pengusaha ladang dan pekerja kilang dapat menikmati kemudahan penjagaan kesihatan yang berkualiti di Batu Kawan sendiri. Memandangkan sebidang tanah untuk pembinaan hospital kerajaan sudah wujud di Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu penularan gejala *gangsterism* dan perjudian di seluruh Malaysia, terutama sekali di kawasan Parlimen Batu Kawan. Hari demi hari, premis perniagaan yang berlesen atau yang tidak berlesen disalahgunakan oleh pemilik atau penyewa untuk menjalankan kegiatan perjudian di premis tersebut. Dikatakan premis siber kafe tetapi jelas kelihatan papan tanda yang menyatakan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun atau yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang masuk.

Jika benar premis tersebut tidak menjalankan kegiatan perjudian, maka kanak-kanak atau anak muda di bawah 18 tahun harus dibenarkan masuk. Jika hanya

dibenarkan pengunjung yang lebih umur 18 tahun iaitu, dengan izin, *age of major*, maka bolehkah dianggap permainan dewasa seperti perjudian kuda atau sebagainya dibenarkan. Pada masa yang sama, premis-premis seperti ini dilindungi atau dijaga oleh upahan-upahan kumpulan-kumpulan kongsi gelap atau geng-geng daripada diserbu atau dilawati oleh pihak berkuasa atau pihak polis.

■1840

Saya ingin tahu di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah proaktif yang akan diambil oleh pihak polis dan majlis perbandaran untuk membanteras premis judi dan penularan budaya gangsterisme dari bangku sekolah?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua isu penting yang sering diputarbelitkan dan dianaktirikan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab di sini. Isu perumahan dan projek tebatan banjir di Pulau Pinang. Berikutan banjir kilat yang melanda warga Pulau Pinang terutama sekali di kawasan Sungai Pinang yang telah menyebabkan kesusahan yang amat teruk kepada penduduk-penduduk di sana, dua hari yang lepas.

Jadi saya ingin bertanya di sini, bilakah Kerajaan Persekutuan akan meluluskan peruntukan RM350 juta untuk projek tebatan banjir termasuklah kos fasa 3, Rancangan Tebatan Banjir yang bernilai RM650 juta. Walaupun projek fasa 1 telah pun siap lebih 10 tahun yang lepas yang bermula tahun 1998 yang melibatkan kos RM6.45 juta, kerja-kerja fasa 2 projek ini telah dijalankan tahun 1999. Namun sejak tahun 2008, kerja-kerja fasa 3, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang masih belum dijalankan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa isu banjir ini mendaraskan kemudarat kepada semua warga Malaysia tanpa mengira pendirian politik. Jadi saya memohon dan berharap pihak kerajaan akan menjalankan kewajipan mereka tanpa memilih sama ada negeri itu di bawah pihak pembangkang atau kerajaan. Dalam kes ini, meluluskan amaun peruntukan RM350 juta untuk projek tebatan banjir termasuklah untuk kos fasa 3, Rancangan Tebatan Banjir yang bernilai RM650 juta secepat mungkin agar kerja-kerja penambahbaikan dapat dijalankan.

Kedua, saya ingin bertanya di sini mengenai status peruntukan yang telah diagihkan bagi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di negeri Pulau Pinang. Di manakah peruntukan Kerajaan Pusat bagi negeri Pulau Pinang untuk mengurus TP1M serta bilangan kelulusan projek rumah kategori 'A' dan kategori 'B' yang dahulunya dikenali sebagai rumah kos rendah dan sederhana kos rendah dengan *housing maintenance funds* yang diluluskan bagi negeri Pulau Pinang dalam lima tahun kebelakangan ini.

Di Pulau Pinang kini satu skim yang bernama HAPPY! telah dilancarkan mengikut nisbah 80:20 di mana 80 peratus daripada kos penyelenggaraan seperti pembaikan dan penggantian tangki air, sistem pendawaian, bumbung dan lif diserap oleh pihak kerajaan negeri dan baki 20 peratus ditanggung oleh penghuni. Walaupun sistem ini telah membantu banyak rumah kategori 'A' dan kategori 'B' menambah baik kualiti kehidupan mereka di sana, namun peruntukan daripada pihak Kerajaan Persekutuan benar-benar diperlukan. Janganlah kita bermain dengan keselamatan serta kesejahteraan kehidupan anak-anak yang membesar di rumah-rumah seperti ini.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, sesiapapun boleh merancang satu belanjawan dengan kepakaran atau tanpa kepakaran, dengan izin, *after all it's a game of numbers*. Namun demikian, mana-mana bajet atau belanjawan yang tiada polisi atau dasar yang menegakkan keadilan sosial adalah satu resipi *for disaster*. Satu belanjawan yang tiada *human touch* yang tidak mengetengahkan masalah rakyat, yang tidak menitikberatkan hak asasi manusia, kebebasan serta demokrasi akan menjadikan sesebuah negara itu sebuah negara yang ditadbir oleh golongan kleptokrat seperti negara Malaysia.

Ini dijadikan bahan jenaka bukan oleh pihak pembangkang, tetapi oleh pemimpin kerajaan ini. Sudah tiba masanya negara ini mengharungi satu peralihan kuasa secara sah melalui pilihan raya yang adil, bebas dan bersih. Tidak salah Tuan Yang di-Pertua, untuk menumbangkan sebuah kerajaan yang zalim yang menyalahgunakan kuasa, yang melindungi pencetus keganasan politik, menyalahgunakan dana awam, wang rakyat melalui proses demokrasi yang aman berlandaskan semangat Perlumbagaan Persekutuan. Dengan ini, Batu Kawan menolak belanjawan Perdana Menteri Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Baram. Kalau 20 minit itu agak panjang, 15 minit pun tidak apa.

#### **6.44 ptg.**

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan Bajet 2017 yang bernilai RM262.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita umum tahu bahawa bajet ini dibentangkan dalam suasana ekonomi yang kurang mapan. Namun dalam keadaan yang sebegini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya untuk membentangkan satu bajet yang saya rasa pada asasnya dapat menangani satu *expenditure needs of the country*,

dengan izin. Di samping itu juga, tengok juga berkenaan dengan *development needs of the country*, dengan izin.

Kita tahu bahawa bajet bukan senang untuk kita laksanakan sebab bajet ini bergantung dengan faktor-faktor ekonomi, keadaan-keadaan ekonomi yang ada pada masa ini. Saya percaya, setiap bajet baik di peringkat Parlimen mahupun di peringkat di Dewan-dewan Undangan Negeri, bajet memang memfokuskan untuk menentukan supaya *the basic needs*, dengan izin, keperluan asas negara ataupun agensi, negeri itu adalah ditangani. Inilah asas bajet yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun yang akan datang ini... [Tepuk meja]

Kita tahu juga dalam Bajet 2017 ini yang juga mengatakan bahawa semua aspek keperluan asas baik daripada segi kaum, mahupun daripada segi wilayah juga ditangani walaupun dalam jumlah ataupun peruntukan yang terhad ini. Jadi saya sebagai wakil rakyat dari kawasan pedalaman di Sarawak amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam Bajet 2017 ini seperti juga dalam bajet yang lepas, telah meluluskan peruntukan-peruntukan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar ini. Kita tahu bahawa dalam tahun yang akan datang ini, Kerajaan Barisan Nasional telah pun:

- (i) meluluskan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk jalan-jalan kampung;
- (ii) RM350 juta untuk baik pulih rumah yang usang;
- (iii) RM460 *million* dengan izin, untuk bekalan elektrik iaitu untuk 10,000 buah rumah;
- (iv) RM800 juta untuk PMR dan juga RM732 juta untuk bekalan air ini.

Jadi saya rasa bagi kawasan di luar bandar, khususnya di Sarawak dan Sabah ini dan lebih khusus lagi di kawasan Baram ini, kita sangat mengalu-alukan supaya peruntukan ini akan dilaksanakan pada tahun yang akan datang ini.

Saya dengan penuh harapan Tuan Yang di-Pertua, memohon supaya peruntukan yang di atas, yang saya sebutkan tadi ini bukan sahaja dapat diagihkan dengan sama rata tetapi kita juga ingin supaya kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak dan juga di Baram ini supaya lebih banyak lagi peruntukan untuk peruntukan-peruntukan yang saya sebutkan tadi itu diberikan untuk kawasan Sabah dan Sarawak ini. Misal saya percaya untuk kawasan Baram, saya ingin mencadangkan dalam Dewan ini supaya bekalan air ini dapat disambungkan juga di kawasan-kawasan yang dekat di pinggir bandar yang ada sekarang ini.

**■1850**

Misalnya, di Pekan Beluru dan juga di pinggir Pekan Long Lama dan juga di pinggir pekan Marudi ini. Ini sebab pada masa ini bekalan air bersih dalam kawasan ini belum lagi kita adakan sampai ke hari ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya naik taraf jalan balak ini diteruskan di kawasan Baram ini supaya kawasan-kawasan yang tidak ada dalam senarai dalam tahun yang kebelakangan ini dapat diberikan peruntukan dalam tahun yang akan datang ini khususnya di kawasan Tinjar. Lebih-lebih lagi di kawasan hilir Tinjar ini. Ini adalah saya rasa kawasan-kawasan yang perlu diberikan keutamaan untuk diberikan peruntukan untuk menaikkan taraf jalan balak ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada pihak kementerian supaya RAS bekalan elektrik luar bandar ini dipanjangkan ke kawasan-kawasan yang belum ada pada hari ini. Kita mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak kementerian sebab untuk tahun ini kawasan Peking dan kawasan di Baram ini telah pun disediakan dengan RAS tetapi kita- saya cadangkan supaya kemudahan ini dipanjangkan kepada kawasan-kawasan yang sekeliling kawasan ini seperti kawasan Long Ikang, kawasan Kuala Tutoh, dan kawasan Benawa dan kawasan Long Maro ini. Minta supaya semua ini dipertimbangkan dalam untuk pelaksanaan dalam tahun yang akan datang ini.

Di samping itu, kita di kawasan Baram juga memang ada solar hibrid pada masa ini dan saya minta supaya solar hibrid- kemudahan solar hibrid ini di mana RAS tidak dapat sampai ini supaya solar hibrid ini dipanjangkan ke kawasan-kawasan pedalaman misalnya di kawasan Long Silat, kawasan Long Jeh, kawasan Long Selaan, kawasan Long Palai, kawasan Tanjung Tepalit dan kawasan-kawasan di sekeliling ini sebab kawasan ini adalah kawasan di mana kita rasa RAS mungkin susah untuk kita sampai pada masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenan dengan pendidikan saya rasa saya punya rakan-rakan yang lain telah banyak sebut berkenaan dengan pendidikan dan saya minta juga supaya perhatian yang serius juga diberi kepada sekolah-sekolah rendah yang terdapat di daerah Baram sebab kita di Daerah Baram ataupun kawasan Parlimen Baram terdapat 66 buah sekolah rendah dan enam sekolah menengah ini. Saya mohon supaya pihak Kementerian Pendidikan dapat melihat dengan seriusnya supaya keadaan sekolah-sekolah ini dapat dipertingkatkan. Di samping itu semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke kawasan Baram dalam bulan April yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan supaya SK Long Laput yang sudah berusia 60 tahun dibina semula. Saya mohon supaya janji ini

ditepati dan di samping itu baru-baru ini juga SK Bario yang kebetulan di kawasan Bario ini telah pun terbakar pada bulan yang lepas dan minta juga supaya sekolah ini dibina semula.

Tuan Yang di-Pertua, yang lain saya ingat berkenaan dengan kesihatan saya rasa ini pun apa BN punya Ahli Parlimen yang cakap berkenaan kesihatan ini- klinik desa dia perlu diperbaiki juga bukan sahaja di Sarawak bukan sahaja di Baram tetapi mungkin di seluruh negara ataupun di kawasan luar bandar ini.

Berkenaan dengan *telecommunication system*, saya rasa ini adalah menjadi keperluan asas kita pada masa ini dan anehnya terdapat di kalangan 400 lebih rumah panjang yang ada di Kawasan Parlimen Baram ini kebanyakannya daripada rumah-rumah panjang ini belum lagi menikmati kemudahan telefon ini. Saya mohon supaya pihak kementerian dapat mengagihkan kemudahan ini walaupun secara berperingkat tetapi beri keutamaan supaya dalam masa yang terdekat, dalam masa tahun 2020 ini kawasan-kawasan ini juga kurang-kurangnya ada juga kemudahan telekomunikasi yang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah pun meluluskan BR1M sekali lagi begitu juga dengan subsidi-subsidi minyak dan juga dengan *schooling assistance* dan semua yang *goodies* yang lain dan kita harap dalam tahun yang akan datang ini semua aktiviti program ini dapat dijalankan mengikut SOP *delivery system* yang ada dan saya mohon untuk menyokong Bajet 2017. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Gopeng.

#### **6.57 ptg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Yang Berhormat Pokok Sena, tidak ada dalam senarai hari ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh guna budi bicara Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Tidak masuk dalam kumpulan *whip* mana-mana? Sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut terlibat dalam perbahasan Belanjawan 2017.

Mesyuarat Parlimen kali ini, Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Beles, kali ini menyaksikan satu pembaharuan dalam urusan sidang Parlimen Malaysia dengan adanya *Minister's Question Time, Second Chamber* dan sebagainya. Walaupun ini, merupakan kira *baby steps*, saya mengalui-alukan pembaharuan tersebut sebagai langkah menjurus kepada sidang Parlimen yang lebih efektif.

Tanggungjawab dan tugas yang Tuan Yang di-Pertua juga meningkat khususnya apabila *Second Chamber* berjalan serentak. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya dipilih Timbalan Yang di-Pertua ketiga untuk membantu Tuan Yang di-Pertua dan dua Timbalan yang sedia ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya sokong *[Ketawa]*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih.

Tadi kita dengar masalah pemandu teksi daripada Yang Berhormat Setiawangsa dan juga Yang Berhormat Kota Bharu. Semasa ucapan Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan supaya golongan B40 menjadi pemandu *Uber* untuk meningkatkan pendapatan.

Ini adalah satu cadangan yang *simplistic* hendak menunjukkan kejahilan dalam urusan ekonomi. Sudah tentu sekiranya sebahagian besar golongan B40 mengikuti cadangan tersebut, bukan setakat tidak dapat meningkatkan pendapatan mereka ataupun meningkatkan kualiti hidup mereka tetapi akan memastikan mereka kekal di golongan B40 selama-lamanya. Yang akan mendapat keuntungan adalah syarikat *Uber* dan yang akan menjadi kaya raya adalah pemegang syer *Uber* dan bukan pemandu *Uber*. Cadangan tersebut juga menunjukkan kekurangan sensitiviti terhadap keperitan dan masalah yang dihadapi oleh 60,000 orang pemandu teksi di mana rezeki mereka tergugat.

## ■1900

Sebenarnya pada 5 November 2014, saya pernah membangkitkan isu *Uber* ini melalui Sesi Soalan Parlimen. Malangnya, jawapan kerajaan ketika itu adalah tidak ada dasar yang berkenaan dengan operasi *Uber*. Dua tahun telah berlalu dan kini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan jelas memberi sokongan kepada *Uber* tanpa meneliti aspek rezeki pemandu teksi dan juga aspek undang-undang. Akta Pengangkutan Jalan 1987, fasal 56(1) jelas menghalang seseorang yang tidak berlesen sebagai pemandu kenderaan perkhidmatan awam untuk membawa kenderaan yang membawa penumpang.

Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, fasal 33 pula menjelaskan jelas menyatakan hanya kenderaan yang diberikan lesen kenderaan

perkhidmatan awam yang boleh digunakan. Kesalahan ini, jika dilakukan oleh pemandu ataupun operator seperti *Uber* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, fasal 16 juga menetapkan keperluan lesen untuk lesen operator pengangkutan awam dan ini merangkumi pemandu *Uber* dan juga operator seperti *Uber* dan *GrabCar*.

Selama ini kita kenali apaah yang disebut “kereta sapu” sebagai pemegang lesen pemandu biasa yang membawa kereta biasa untuk membawa penumpang tanpa lesen pemandu teksi dan lesen kenderaan perkhidmatan awam. Bukanakah *Uber* juga kereta sapu di sisi undang-undang yang sedia ada. Bagaimana kita sebagai penggubal undang-undang boleh menyokong satu cadangan yang jelas melanggar undang-undang sedia ada. *We are the law maker*, bagaimanakah kita boleh meluluskan cadangan tersebut?

Sebenarnya saya tidak menentang konsep *ride sharing* sebagai satu modal ekonomi serta satu cara penggunaan kenderaan yang lebih efisien. *Ride sharing* juga merupakan satu *trend* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi walaupun *trend* yang destruktif yang tidak dapat dihalang. Akan tetapi, operasi *ride sharing* seperti *Uber* dan *GrabCar* seharusnya disekat buat sementara waktu sehingga syarat-syarat berikut dipenuhi.

Pertama, sama ratakan syarat di antara teksi konvensional dan *ride sharing* supaya pemandu teksi konvensional berdaya saing berbanding pemandu *Uber* dan *GrabCar*. Syarat-syarat seperti keperluan lesen pemandu pengangkutan perkhidmatan awam, keperluan lesen teksi, keperluan pemeriksaan berkala di samping sekatan terhadap teksi konvensional untuk berkhidmat di kawasan-kawasan tertentu. Di samping itu, keperluan insurans kenderaan harus setara untuk teksi konvensional dan kenderaan *Uber* untuk memberi pelindungan kepada penumpang.

Syarat kedua, sepatutnya kementerian harus membantu pemandu teksi dan operator teksi konvensional untuk meningkatkan mutu perkhidmatan khususnya dengan penggunaan *internet* dan *Apps* di telefon pintar. Pelan transformasi perkhidmatan teksi yang diumumkan dua bulan yang lalu boleh dikatakan, “*Too little, too late.*”

Syarat ketiga seharusnya meminda rang undang-undang yang sedia ada khususnya Akta Pengangkutan Jalan, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 untuk mengawal selia industri *ride sharing*. Sekatan sementara operasi *ride sharing* seperti *Uber* akan memberi ruang kepada pengusaha dan *entrepreneur* tempatan untuk terajui *ride*

*sharing* di Malaysia dan tidak menyerahkan *business* tersebut kepada syarikat asing. Pemandu teksi konvensional juga mendapat ruang untuk menceburi sama ada memilih dalam meneruskan kerjaya mereka ataupun menyertai skim *ride sharing* sebagai pemandu *Uber*.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam zaman moden ini sedang bincang soal *forth industrial revolution* dan ini berkaitan dengan *internet* dan *broadband*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengumumkan kononnya berita baik berkenaan dengan *broadband* di mana syarikat telco khususnya *fixed line broadband* akan menawarkan kelajuan jalur lebar *internet* yang lebih tinggi dengan caj yang sama. Saya pasti telco ini membuat keputusan ini bukan kerana Bajet 2017 tetapi kerana persaingan untuk pasaran. Saya ingin memetik *Wikipedia* berkenaan dengan *status of internet* di Malaysia. Apakah yang dikatakan di situ, “*The country internet one of the slowest and expensive in a world*”. *Internet* yang paling lambat dan juga paling mahal sekali di dunia.

Walaupun kita menguar-uarkan bahawa 76.8 peratus kadar liputan jalur lebar isi rumah di seluruh negara, ini adalah kerana tafsiran jalur lebar jauh lebih rendah dibandingkan dengan negara asing. Sebagai contoh Malaysia menggunakan pakai 256 kilobait per saat sebagai jalur lebar. Manakala Amerika Syarikat, *Federal Communication Commission* mentafsirkan jalur lebar sebagai 25 megabait sesaat. Di Korea Selatan, 75 peratus daripada jalur lebar adalah lebih daripada 10 megabait sesaat. Manakala kalau kita lihat kepada data daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, *fixed line broadband* yang kelajuan lebih daripada 10 megabait sesaat di Malaysia kurang daripada 10 peratus.

Ini menunjukkan bahawa dari segi kelajuan, kita jauh ketinggalan. Caj *fixed line broadband* khususnya *UniFi* juga agak tinggi. Untuk pakej *UniFi* 30, pakej yang paling murah sekali adalah RM199 sebulan tidak termasuk GST. Manakala *Streamyx* yang paling murah dengan satu *megabait* sesaat adalah RM10 sebulan dan caj yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri RM149 sebulan adalah untuk 10 megabait sesaat. Caj sedemikian pasti akan membebankan golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan telah melancarkan *National Broadband Initiative* dengan usaha sama bersama Telekom Malaysia melalui projek *High Speed Broadband* sejak 2008. Anggaran kos projek adalah RM11.3 bilion dan dengan peruntukan kerajaan RM2.4 bilion. Selepas itu kerajaan menambahkan peruntukan bagi projek tersebut sebanyak RM2.7 bilion pada tahun 2015. Dalam Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan

memperuntukkan RM1 bilion untuk memperluaskan liputan *broadband*. Soalan saya, adakah RM1 bilion ini akan diperuntukkan melalui Telekom Malaysia ataupun RM1 bilion ini diperuntukkan *direct* daripada SKMM.

Apakah pencapaian projek *High Speed Broadband* setakat ini? Selepas lapan tahun pelaksanaan. Sebagai contoh liputan perkhidmatan *UniFi* oleh Telekom Malaysia sehingga hari ini tidak sampai 20 peratus daripada premis dan kebanyakannya bertumpu di Lembah Klang. Setahu saya sebahagian besar daripada Bandaraya Ipoh di mana saya berada masih tidak dapat liputan *UniFi* dan saya pasti sama juga di bandar-bandar yang lain, saya pasti mungkin di Tanjung Malim, di Lumut kalau tidak di Kapit, Mersing, tempat-tempat lain saya pasti kurang liputan *UniFi*.

#### ■1910

Jadi dengan peruntukan berbilion-bilion ringgit, Telekom Malaysia seharusnya memberi tumpuan untuk meliputi kawasan yang lebih luas dengan *charge* yang munasabah dan bukan setakat menyediakan kelajuan yang lebih tinggi untuk pengguna di Lembah Klang. Daripada *twice the speed at the same price*, lebih baik *same speed at half the price* untuk pengguna di bandar lain di pekan dan di desa. Saya juga ingin rujuk kepada kajian berkala, maklum balas pengguna jalur lebar iaitu *CSI score*, ini bukan *crime scene investigation*, ini *consumer satisfaction index* yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mendapatkan maklum balas daripada pengguna jalur lebar.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa penurunan ketara pada 3.99 mata pada tahun 2012 merosot kepada 3.85 mata pada tahun 2015. Sepatutnya kalau kita lihat dari segi teknologi, dari segi infrastruktur, kita sepatutnya ada peningkatan dan bukannya penurunan. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk meningkatkan mutu perkhidmatan jalur lebar? Janganlah Menteri selalu sibuk untuk setakat hendak tutup mulut portal berita atau sekat kebebasan untuk bersuara.

Isu yang ketiga, yang akhir sekali yang saya ingin berkongsi di dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan masalah pakar perubatan. Baru-baru ini saya diberitahu ada pensyarah-pensyarah di kalangan fakulti perubatan di sebuah universiti telah diberitahu bahawa Surat Warta untuk pensyarah-pensyarah Fakulti Perubatan sebagai pakar yang dikeluarkan oleh universiti adalah tidak sah dan mereka tidak layak untuk menerima elauan pakar. Walaupun amalan ini, pengiktirafan sebagai pakar di IPTA selalunya dibuat oleh universiti dan amalan ini merupakan amalan biasa sejak penubuhan Fakulti Perubatan yang pertama di Universiti Malaya berpuluhan-puluhan tahun yang lalu.

Akan tetapi mengikut *general order*, peraturan am, Surat Warta untuk pakar perubatan hanya boleh dikeluarkan oleh pengarah perubatan atau *director general* Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi kini, kita ada satu masalah berkenaan dengan *gazettement of specialist*, pewartaan pakar perubatan. Tiga mekanisme wujud serentak untuk pendaftaran pakar perubatan iaitu di IPTA, dikeluarkan oleh naib canselor, oleh pihak universiti. Di Kementerian Kesihatan, Surat Warta dikeluarkan oleh pengarah perubatan melalui Surat Warta dan pakar-pakar yang luar daripada IPTA, yang luar daripada Kementerian Kesihatan boleh daftar sebagai pakar melalui *Academy of Medicine Malaysia* melalui *National Specialist Register*. Jadi ada tiga mekanisme yang berjalan serentak.

Sebenarnya apabila Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan Akta Perubatan 1971 pada tahun 2012 fasal 14C telah memberi kuasa kepada Majlis Perubatan untuk mendaftar pakar. Saya pernah bangkitkan soalan ini sebelum ini dan saya diberitahu bahawa kementerian memang bekerjasama dengan *Academy of Medicine Malaysia* untuk uruskan *National Specialist Register* ini tetapi sepatutnya kuasa untuk daftar pakar adalah di tangan Majlis Perubatan Malaysia. *That is the only organization which should register specialist*, dengan izin.

Jadi bilakah pindaan tersebut, pindaan terhadap Akta Perubatan 1971 ini akan berkuat kuasa? Dalam isu IPTA ini, bagaimanakah Kementerian Kesihatan dapat membantu pensyarah-pensyarah di IPTA di mana pewartaan mereka yang dibuat oleh pihak universiti yang selama ini tidak sah mengikut peraturan am boleh membantu mereka menyelesaikan masalah ini? Jadi saya harap isu-isu ini dapat diberi perhatian dan diberi tindakan yang sewajarnya. Saya Yang Berhormat Gopeng, tolak Belanjawan 2017. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sik.

#### **7.16 mlm.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia... [Membaca sepotong doa] Dan Allah berfirman... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Ertinya, "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bercakap dalam membahas Bajet 2017 ini. Kepada penduduk kawasan saya, saya ingin memberitahu bahawa pada hari ini, saya akan bercakap mengenai perbahasan dasar manakala untuk hal ehwal kawasan, saya akan bercakap dalam perbahasan pada peringkat Jawatankuasa. Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017, satu rang undang-undang yang begitu penting yang akan kita bahaskan saban tahun. Ini adalah soal pengurusan ekonomi negara. Satu hal yang serius yang merangkumi pengurusan pendapatan dan perbelanjaan negara demi memastikan matlamat utama iaitu kepentingan negara dilindungi dan kesejahteraan rakyat didahului.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan bajet minggu lepas, terdapat cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh negara dan kerajaan daripada semasa ke semasa. Langkah-langkah dan strategi yang diambil oleh pihak kerajaan adalah berdasarkan fakta-fakta ekonomi sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk kita memastikan apakah fakta dan apakah auta agar Dewan yang mulia ini tidak disemarakkan dengan spekulasi, andaian dan persepsi yang melanda negara dalam era media sosial tanpa sempadan ini. Keganasan persepsi tanpa berlandaskan fakta boleh menjasaskan pembangunan ekonomi negara, merosakkan mental dan fizikal masyarakat malah boleh menyebabkan runtuhnya sesbuah tamadun.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat kembali fakta-fakta ekonomi tersebut. Fakta yang pertama, Bajet 2017 ini telah memperuntukkan sebanyak RM260 bilion untuk pengurusan negara iaitu peningkatan 3.4 peratus dari peruntukan bajet tahun 2016 yang diubah suai. Dengan kata lain, persepsi yang mengatakan negara hampir muflis adalah bukan fakta kerana negara yang hampir muflis tidak mungkin akan dapat menyediakan peruntukan sebanyak RM260 bilion untuk rakyatnya.

Fakta yang kedua, pertumbuhan keluaran negara kasar KDNK adalah 4.1 peratus iaitu di antara 4 hingga 4.5 peratus yang disasarkan pada tahun 2016 dan anjuran pertumbuhan KDNK pada tahun 2017 adalah di antara empat hingga lima peratus.

## ■1920

Adalah jelas negara masih mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang sihat sungguhpun kita akui terdapat kelembapan dalam beberapa sektor tertentu. Kelembapan pertumbuhan ekonomi adalah cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi oleh semua negara dalam dunia ini.

Fakta yang ketiga. Pelaburan langsung yang mencatatkan pelaburan yang berjumlah RM28 bilion pada separuh tahun pertama tahun ini iaitu peningkatan 32 peratus jika dibandingkan tempoh masa yang sama pada tahun lepas. Ini membuktikan bahawa pelabur asing masih menaruh keyakinan terhadap persekitaran pelaburan di negara kita. Tidak mungkin para pelabur asing akan menambah pelaburan jika mereka tidak mempunyai keyakinan kepada ekonomi kita dan juga jika mereka tidak ada keyakinan kepada pengurusan negara kita.

Fakta keempat. Defisit fiskal adalah 3.1 peratus pada tahun 2016 dan kerajaan menyasarkan 3.0 peratus defisit fiskal pada tahun hadapan. Jelas kerajaan kita adalah kerajaan yang berdisiplin dalam pengurusan ekonomi dan ia diakui oleh agensi ekonomi luar negara seperti Moody's yang mengatakan bahawa sasaran defisit fiskal yang menurun adalah langkah yang berdisiplin dan akan memberi penarafan kredit yang lebih baik untuk Malaysia. Sungguhpun harga minyak mentah dunia telah menurun lebih 50 peratus dan pendapatan kerajaan dari Petronas telah berkurang dengan begitu banyak, keupayaan kita masih baik dalam memastikan perkhidmatan untuk rakyat diteruskan. Hal ini juga bermaksud kerajaan boleh membayar hutang negara yang ada sekarang.

Fakta kelima. Agensi penarafan antarabangsa Fitch telah memberi penarafan kredit A minus kepada Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran seperti Vietnam - BB *minus*; Thailand - BBB *plus*; dan Philipines - BBB *minus* iaitu penarafan dalam kelompok yang sama dengan ekonomi Asia yang lebih maju dan besar seperti Jepun – ‘A’; China - ‘A’ *plus*; dan Korea - AA *minus*. Ini adalah pengiktirafan dari agensi penarafan antarabangsa yang meneliti kedudukan kewangan negara-negara di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menyebut banyak lagi fakta ekonomi yang ada tetapi apa yang ingin saya sarankan terutamanya kepada rakan-rakan yang membangunkan kerajaan ialah supaya kita sama-sama membantu dalam pengurusan ekonomi negara dalam ketidaktentuan ekonomi global dengan memberi cadangan-cadangan bagaimana kita boleh mengukuhkan keadaan ekonomi negara. Ini adalah untuk mensejahterakan rakyat. Janganlah hanya mencemuh usaha-usaha yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan yang sedia ada dan bertepuk tangan jika ekonomi negara menghadapi masalah dan merudum. Saya percaya rakyat memilih wakil-wakil untuk mewakili mereka di Dewan yang mulia ini lebih suka jika wakil-wakil mereka berfikiran positif untuk pembinaan negara dan bukan hanya untuk kepentingan politik yang sempit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk fokus kepada isu-isu yang ingin saya ketengahkan dalam perbahasan Bajet 2017 ini dengan memberi masa kepada isu-isu yang dekat dengan saya iaitu isu kesihatan, isu perubatan, isu pesakit dan rakyat. Walaupun dalam kesihatan dan perubatan ini sebenarnya banyak isu tetapi sudah tentu saya tidak dapat menghabiskan kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang mengejutkan saya apabila saya membuat kajian sebelum perbahasan ini. Pada masa ini, terdapat 2,600 orang graduan perubatan tidak mendapat tempat membuat *housemanship*. Kenapa mereka tidak mendapat tempat? Adakah sebab kita tiada peruntukan? Adakah kita tidak ada hospital untuk menempatkan mereka? Adakah kita tidak ada pakar untuk memantau mereka? Adakah kita tidak cukup pakar kanan untuk menjadi penilai kepada mereka yang memastikan *houseman* ini dilepaskan sebagai *Medical Officer* yang selamat?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terkejut apabila mendapat tahu bahawa satu daripada lima orang *houseman* gagal menjadi *Medical Officer* selepas *housemanship*. Apakah sebabnya? Daripada pengalaman saya, ketika saya menjadi *houseman*, ketika saya menjadi *Medical Officer*, ketika saya menjadi *senior Medical Officer*, ketika saya menjadi *registrar* dan rapat dengan *specialist* dan daripada pengalaman saya bertugas dan juga daripada hasil saya membuat kajian yang terkini, saya dapati bahawa sebab-sebabnya yang dapat saya simpulkan adalah seperti berikut.

Pertama, gagal dalam penilaian semasa menjadi doktor pelatih ataupun *houseman*. Kedua, berhenti kerja di tengah jalan. Semasa menjadi *houseman* berhenti kerja. Ini kita panggil sindrom- bukan sindrom- “*Syndrome is collection of symptom and sign.*” Ini saya panggil satu fenomena. So, fenomena yang berlaku- selalu orang kata fenomena ini sebagai *missing in action* (MIA). Elok-elok datang kerja, pagi datang kerja sampai malam, datang kerja hari-hari, tiba-tiba satu hari tidak datang. Selepas satu hari, satu hari. Selepas satu hari, satu hari. Selepas itu seminggu. Selepas satu minggu, satu minggu tidak datang. Selepas itu sebulan. Selepas satu bulan, satu bulan masih tidak datang bekerja. Akhirnya pakar dan hospital pun tidak tahu *houseman* ini pergi ke mana, *uncontactable*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia MIA itu adakah disebabkan *senior Medical Officer* selalu mengarahkan itu ini kepada doktor pelatih?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *Ragging, ragging.*

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Takut *kidnap*. Bukan tetapi banyak berlaku. Kalau satu dua itu mungkinlah. Sudah lama dan tidak dapat dihubungi. Sehingga tidak dapat dihubungi sebelum tamat *housemanship*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mengapa ini berlaku? Dulu-dulu tidak pernah ini berlaku. Sebab mereka gagal atau berhenti kerja sebelum tamat *housemanship*, saya dapat simpulkan juga, kemungkinan mungkin oleh sikap mereka. Pertama sikap yang mesti bekerja keras ketika *housemanship*. Jadi kalau kita tidak berapa sanggup bekerja keras, contohnya tidak rajin, maka tidak sesuai untuk kita memilih pekerjaan sebagai doktor. Kalau kita tidak minat juga, kita tidak sesuai untuk memilih pekerjaan sebagai doktor. Begitu juga kalau kita sangat *calculative* semasa bekerja, kita juga tidak berapa sesuai menjadi seorang doktor. Tidak meletakkan profesion mereka di tempat pertama. Akhirnya mereka ini akan berhenti begitu sahaja.

Kedua, bukan semua, bukan semua- sebahagian besarnya bagus, tetapi sebahagian kecil yang saya buat kajian, saya dapati yang keduanya tidak cukup ilmu teori iaitu graduan yang lulus di atas pagar. Apabila berada dalam hospital, apabila berada semasa *ward round*, apabila *specialist* bertanya itu tidak tahu, ini tidak tahu, akhirnya mereka ini *give up*. *Give up* dan mereka *missing in action*, tidak datang ke hospital...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Sik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan bangun.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Jangan lama sangat. Saya sudah tujuh minit. Ada banyak lagi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, tujuh minit boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan sudah tujuh minit. Baki tujuh minit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sik untuk memberi ruang untuk mencelah. Saya tertarik hal yang tidak datang kerja dan ponteng. Memang ada sebab-sebab yang tertentu. Adakah Yang Berhormat bercadang kepada kerajaan supaya sebuah institusi kedoktoran ini dapat diwujudkan supaya graduan-graduan daripada kedoktoran ini, daripada perubatan dapat membuat sebuah institusi untuk membuat R&D macam di negara-negara yang maju? Dia mencari bahan-bahan yang boleh dipatenkan oleh negara kita supaya kita ini juga menjadi status yang berprestasi tinggi, yang mengeluarkan hasil-hasil perubatan di negara kita sendiri terutama sekali herba-herba perubatan yang kita ada di peringkat-peringkat kampung untuk diberi kajian untuk dipatenkan supaya menjadi satu bahan perubatan negara kita.

**■1930**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Bagi pendapat saya itu dalam bidang lain, ini dalam bidang perubatan di hospital. Terima kasih, ya.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga sebab saya tengok ada lima minit saya minta lebih sikit, banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Ketiga tidak cukup ilmu dalam praktikal menyebabkan mereka *give up* dan mereka meninggalkan pekerjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pengambilan *houseman* oleh JPA adalah dilantik secara tetap dengan gaji Gred 41 iaitu gaji RM2,900, tinggi gaji Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan kami dulu RM1,400. Mereka lulus *houseman* maka boleh sambung dengan kerajaan. Kalau tidak lulus *houseman* mereka boleh mengulang. Pada masa sekarang walaupun *graduate* dari Fakulti Perubatan ataupun Kolej Perubatan ramai, tetapi di hospital tidak cukup *houseman*. Ini adalah kerana kehilangan bilangan HO yang meninggalkan perkhidmatan meningkat kepada 25 peratus, dahsyat.

Ramai *houseman* yang keluar. Kalau 5,000 masuk mulai kerja, 1,000 akan keluar terlibat dengan *missing in action*. Jika *houseman* ini berhenti dengan tiba-tiba, maka hospital itu akan kekurangan doktor. Oleh sebab berhenti dengan tiba-tiba tanpa notis, proses pengambilan oleh JPA mengambil masa berbulan-bulan atau setahun lebih, ini membuatkan *houseman* berkurangan dan *Medical Officer* atau Pegawai Perubatan, terpaksa membuat kerja-kerja *houseman*.

Sudahlah begitu Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun graduan perubatan semakin meningkat. Ini juga menjadi satu punca graduan menunggu lama untuk mendapat *posting*. Tambahan lagi, dengan sistem eHousemen Tuan Yang di-Pertua, di mana graduan baru boleh memilih tempat ikut suka mereka. Ini menyebabkan tempat yang popular seperti Kuala Lumpur, bandar-bandar besar yang lain mempunyai jangka masa menunggu yang terlalu lama. Saya cadangkan kepada kerajaan, eHousemen ini diberhentikan. Sebaliknya pelajar-pelajar wajib pergi ke mana hospital yang kosong mengikut giliran mereka tanpa memilih jika selepas jangkaan mereka menanti itu beberapa bulan itu selesai, habis.

Terutama bagi *houseman* yang belum berkeluarga, kerajaan mestilah tegas sedikit dalam hal ini. Untuk menjadi seorang doktor merawat pesakit sikap adalah penting. Sanggup bekerja untuk pesakit walaupun di mana sahaja di Malaysia ini. Kalau kita tidak minat, sikap-sikap yang tidak sesuai, maka saya ingat kita tidak sesuai mengambil jurusan kedoktoran. Negeri-negeri yang *houseman* tidak mahu pergi ialah Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya selama dua tahun walaupun *posting* di negeri-negeri yang saya sebutkan empat tadi sebagai *houseman*, sudah tentu tidak akan dihantar ke klinik terpencil, tidak dihantar ke hospital-hospital kecil atau kena naik rakit, atau kena naik *four-wheel drive* atau tempat yang tiada internet. Sebaliknya pasti dihantar ke hospital besar yang ada pakar kerana *houseman* perlukan pakar untuk meninjau mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggantikan *houseman* yang berhenti secara tiba-tiba ini, yang tidak ada minat ini, sedikit sahaja bukan besar. Kebanyakan *houseman* bagus, kerja A1. Yang tidak ada minat ini yang menyebabkan pesakit atau rakyat di hospital buat masa ini yang menyebabkan kerajaan kehabisan wang rakyat disebabkan oleh gaji mereka tetap berjalan, maka kerajaan membuat satu sistem iaitu kontrak *houseman*. Saya sangat mengalu-alukan keputusan ini. Lulusan perubatan ini didaftar secara kontrak tahunan. Setiap tahun perlu dilanjutkan kontrak, gaji Gred 41 RM2,900, dalam masa mereka bertugas, dalam masa dua tahun mereka boleh mengambil peperiksaan Kertas Am 1 dan 2.

Jika mereka lulus, mereka boleh menjadi pegawai perubatan dan boleh dilantik sebagai pegawai perubatan. Selepas lulus *houseman* dan lulus kertas am satu dan dua, mereka ada tiga pilihan. Pertama terus bekerja dengan kerajaan, kedua berdaftar dengan Kementerian Kesihatan di hospital-hospital untuk melanjutkan pelajaran sebagai pakar dan ketiga masuk kepada sektor swasta dan di sektor swasta pun mereka boleh belajar, bayar yuran dan juga ambil peperiksaan secara sendiri.

Akhir sekali dalam masalah *housemanship* ini, saya ingin Menteri menjawab soalan ini. Saya ada dua tiga soalan.

Pertama, apakah kontrak *houseman* ini dapat mengatasi masalah penempatan *houseman*? Itu yang pertama.

Kedua, sejauh manakah program *housemanship* kontrak ini mengurangkan kadar *houseman* yang gagal menamatkan latihan *housemanship* mereka?

Ketiga, kalau mereka ini kontrak *houseman* diberi selama empat tahun sahaja maksimum, kalau mereka ini empat-empat tahun pertama gagal, tahun kedua, ketiga dan keempat gagal, ke manakah mereka akan pergi dan apakah akan terjadi kepada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu dalam masalah ini ialah saya harap disebabkan oleh doktor yang keluar daripada kolej perubatan dan juga universiti perubatan banyak, tetapi di dalam hospital, kekurangan doktor. Jadi saya harap dalam membuat rancangan sama ada membina *private medical college* ataupun Fakulti Perubatan awam. Saya harap kerajaan betul-betul membuat rancangan dan menilai

masa depan aspek kesihatan, perubatan dan juga kualiti dan bilangan doktor yang akan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah habis. Saya ada dua lagi isu penting tetapi saya akan cakap satu isu yang dipertikaikan oleh orang yang membangkang kerajaan iaitu saya minta Tuan Yang di-Pertua bagi masa sikit kepada saya berkenaan dengan ini iaitu *private wing*. Isu *private wing* ataupun perkhidmatan pesakit bayar penuh. Isu ini membuatkan orang yang menentang kerajaan memfitnah bahawa kerajaan sudah akan bankrap. Katanya kerajaan sudah tidak ada duit. Jadi katanya lagi kerajaan mengenakan caj rawatan penuh kepada pesakit di hospital kerajaan, terutama baru-baru ini selepas Kementerian Kesihatan mengeluarkan surat dengan niat melebarkan *private wing* ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkhidmatan *private wing* ini sudah lama, bermula sepuluh atau 15 tahun yang dahulu. Kebanyakan rakyat tidak sedar bahawa *private wing* ini ada dan *private wing* ini terjadi disebabkan oleh permintaan pesakit. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita ada *world class hospital*, *world class specialist* dan *world class medical equipment*. Kita juga ada pakar-pakar yang mempunyai *world class attitude*. Pakar-pakar yang hebat, tidak melihat kepada glamor, kehebatan, nama atau kekayaan. Mereka ini lebih suka berkhidmat kepada rakyat di hospital kerajaan daripada berpindah ke hospital swasta. Kita tabik kepada mereka ini.

Pesakit-pesakit yang mereka rawat juga tidak mahu dirawat oleh doktor lain walaupun mereka mampu jika mereka pergi ke hospital swasta. Ini adalah kerana pakar-pakar ini memang hebat. Mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam dan *skill* yang tinggi. Mereka ini menjadi rebutan. Jadi orang yang mahu kepada pakar sebegini sanggup membayar penuh asalkan dapat dirawat oleh pakar-pakar berkenaan. Pesakit hospital kerajaan ini ada yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan ataupun swasta yang berpendapatan RM15,000, RM20,000 atau RM25,000 sebulan.

Pesakit-pesakit tersebut tidak kisah *and they are very happy to pay full*. Asalkan mereka dapat rawatan terbaik dari pakar yang terbaik. Lagipun bayar penuh hospital kerajaan tetap lebih rendah daripada hospital swasta. Begitulah Tuan Yang di-Pertua, bermulanya *private wing* atau perkhidmatan pesakit bayar penuh dalam hospital kerajaan sepuluh atau 15 tahun yang dahulu. Setelah bertahun-tahun sehingga sepuluh tahun ataupun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sik, ringkaskan.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Okey. Saya akan habiskan ini selepas itu saya akan berhenti. Ramailah orang awam yang tahu adanya perkhidmatan ini disebabkan oleh semakin ramai orang awam meminati dan permintaan meningkat. Dengan permintaan *private wing* ini, maka Kementerian Kesihatan Malaysia melebarkan lagi sayap *private wing* ini ke hospital-hospital seperti yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, pelebaran *private wing* ini bukanlah kerajaan kerajaan sudah tidak ada duit atau kerajaan hampir muflis, maka kerajaan ini mengenakan caj kepada pesakit. Ternyatalah tuduhan-tuduhan itu adalah fitnah semata-mata. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya dengan marilah kita sama-sama menolak segala fitnah dan nista daripada pembangkang yang cuba membangkitkan apa-apa isu yang sebenarnya untuk kepentingan rakyat tetapi dituduh dan difitnah oleh kerajaan. Sekian... *[Membaca sepotong doa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

■1940

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah Tuan Yang di-Pertua dianugerahkan oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, tahniah juga negeri Kedah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak mulakan perbahasan saya...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Hebat pakaian Yang Berhormat Pokok Sena ini, cantik nampak.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hendak mengucapkan tahniah kepada pasukan Kedah dalam pertandingan bola sepak semalam berjaya mengalahkan Selangor dan menjadi johan kepada piala TM Piala Malaysia bagi tahun 2016. Tahniah kepada seluruh penyokong-penyokong Kedah. Puluhan ribu semalam berhimpun di Stadium Shah Alam bagi memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pasukan kesayangan ke bawah Tuanku Yang di-Pertuan Agong yang merupakan Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Saya menganggap bahawa kemenangan semalam daripada komitmen pasukan negeri Kedah dan juga rakyat negeri Kedah seluruhnya adalah merupakan hadiah, anugerah yang tidak-sangat bermakna kepada Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong yang akan kembali ke negeri

Kedah untuk bersemayam di Istana Anak Bukit pada 12 Disember nanti yang mengakhiri perkhidmatannya sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Daulat Tuanku dan patik sangat menghargai kasih sayang Tuanku kepada rakyat negeri Tuanku dan apatah lagi perhatian yang sangat besar kepada pasukan bola sepak negeri Kedah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut bahawa kekesalan saya semalam ialah dalam pertandingan akhir itu, ketidakhadiran Menteri Belia. Saya boleh dikatakan begitu kerap menghadiri *final* Bola Sepak Piala Malaysia ini kerana saya menganggap bahawa ini walaupun tak lah sama macam Liga Primer atau *Premier League* tetapi di negara kita, inilah *Premier League* nya. Apa yang sepatutnya bagi saya bahawa sebagai sebuah kerajaan, Menteri Belia dan Sukan walaupun ini diuruskan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia, sewajarnya bagi saya, Menteri Belia dan Sukan sepatutnya hadir.

Bukan Menteri Belia sekarang sahaja, Menteri Belia sebelum ini pun tidak kelihatan dalam beberapa *game* yang saya pernah menghadiri *finalnya*, tidak ada kelihatan. Ini adalah sangat tidak wajar dan begitu juga saya menyatakan kesal terhadap Presiden FAM juga tidak hadir, padahal ini merupakan program yang dikendalikan oleh FAM sendiri. Ini adalah sangat-sangat tidak wajar dan saya berharap bahawa perkara ini tidak harus berulang lagi pada pertandingan yang akan datang. Ketiganya yang saya hendak sebut ialah berkaitan dengan bajet ini, belanjawan ini. Saya lihat bahawa tiada satu pelan untuk mengatasi hal-hal yang berkaitan dengan ketirisan, kebocoran, keborosan yang disimpul sebagai satu kecurian wang negara yang berlaku selama ini.

Ini sangat tidak sewajarnya, walaupun bagaimana bentuk, banyak mana peruntukan yang kita peruntukan tetapi kita tidak ada satu pelan yang strategik bagaimana hendak menghalang dan mengurangkan ketirisan dan kebocoran ini. Ini kerana ini merupakan isu yang sangat penting, yang sangat besar kerana dalam bajet kali ini disebut bahawa ada peruntukan bekalan air bersih RM732 juta, tabung bekalan air bersih RM500 juta, geran berkaitan air bersih untuk 156 dan juga yang lain-lain lagi berkaitan dengan air bersih.

Sedangkan kita telah pun diperlihatkan bagaimana isu salah guna terhadap peruntukan yang diluluskan di Parlimen ini kepada Program Bekalan Air Bersih di negeri Sabah, umpamanya. Jadi, apa jaminan bahawa peruntukan yang disebut dalam bajet ini tidak akan berulang seperti mana apa yang berulang di negeri Sabah baru-baru ini. Jadi, ini yang sangat membimbangkan saya, apatah lagi Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat peruntukan bajet untuk SPRM dan juga untuk Jabatan Ketua Audit dikurangkan.

Sedangkan ini merupakan dua institusi yang banyak diberikan tanggungjawab untuk memastikan pencegahan kepada berlakunya ketirisan, kebocoran dan pembaziran serta kecurian wang negara. Dua institusi kerajaan yang diberikan tanggungjawab ini, sedangkan peruntukan untuk kedua-dua ini, SPRM telah dikurangkan dengan begitu besar, termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan penyiasatan. Bagaimana nanti SPRM akan dapat mengendalikan siasatan-siasatan yang lebih terperinci kalau peruntukan itu telah pun dikurangkan. Begitu juga dengan Jabatan Ketua Audit yang dikurangkan daripada RM136 juta kepada RM135 juta. Malah, dalam pelbagai perkhidmatan daripada RM48 juta kepada RM19 juta. Jadi, sudah tentu ini akan menyekat Jabatan Ketua Audit itu sendiri dan akan dapat mengurangkan khidmat mereka dalam hendak memastikan supaya wang negara yang merupakan wang rakyat ini tidak akan berlaku ketirisan dan kebocoran.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Pokok Sena, boleh masuk? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Pokok Sena berkenaan dengan Sabah dan lebih lagi Jabatan Air. Setujukah Yang Berhormat Pokok Sena, dengan pengurangan belanjawan ataupun bajet bagi SPRM, bolehkah wang yang telah disita RM100 juta lebih itu diberikan kepada SPRM jika mereka dapat *convict* atau dakwa dengan sukses orang-orang ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, saya sangat bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab pengurangan bajet ini, maka sudah tentu bahawa kalau itu dapat dibuktikan dan dapat didakwa mereka yang bersalah ini, maka wang itu harusnya diberikan, diambil, dirampas dan kemudiannya diberikan peruntukan kepada SPRM dan juga bahagian-bahagian mana seperti mana Jabatan Ketua Audit untuk menjalankan siasatan mereka ke atas peruntukan-peruntukan, kes-kes yang lain. Terima kasih dan saya harap menjadi sebahagian daripada ucapan saya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Penampang tadi, bukan '*penampaq*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan berkaitan dengan Jabatan Ketua Audit ini. Oleh sebab pada ini isu satu berkaitan dengan pengurangan bajet. Akan tetapi saya juga begitu sangsi apabila Jabatan Ketua Audit tidak dapat menjalankan peranannya yang terbaik di dalam memastikan memberi maklumat kepada Parlimen ini, kepada rakyat melalui Parlimen ini. Contohnya, pada 21 Mac 2016 tahun ini, Ketua Setiausaha Negara telah mengumumkan penubuhan pasukan siasatan bebas bagi menjalankan proses pengauditan forensik ke atas Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi di bawahnya.

Merujuk kepada *Hansard* Dewan Negara 3 Mei 2016, dalam halaman muka surat 12, Menteri Belia dan Sukan telah mengesahkan bahawa KBS telah diaudit oleh pasukan siasatan bebas dan memaklumkan bahawa pengauditan hampir selesai dibuat oleh pasukan ini. Sehingga hari ini, saya tidak nampak KBS dan agensinya, adakah KBS dan agensinya benar-benar telah diselesaikan pengauditannya dan apakah skop pengauditan yang telah dijalankan oleh pasukan audit forensik khas ini yang dikendalikan oleh pasukan daripada Jabatan Ketua Audit Negara. Saya harap bahawa hasil daripada pengauditan forensik ini harus dibentangkan di Parlimen, ditablekan di Parlimen ini, diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk pengetahuan untuk kita melihat, sejauh mana keseriusan kerajaan dalam bertindak hendak menyelesaikan masalah ini tidak berulang.

Saya bimbang kerana apa yang saya difahamkan, yang dikatakan audit forensik ini, yang dijanjikan ini tidak meliputi keseluruhan Kementerian Belia dan juga agensi-agensi di bawahnya. Hanya tertumpu pada skop pengauditan berkenaan dengan isu sindiket seleweng dana kerajaan lebih RM100 juta dalam Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) sahaja. Jadi, ini tidak menepati kepada apa yang telah disebut oleh KSN atau Ketua Setiausaha Negara yang hendak supaya pasukan khas audit forensik ini akan menjalankan auditnya menyeluruh KBS dan juga agensi-agensi di bawahnya.

Jadi, sebab itu saya harap bahawa pengauditan ini harus bila telah dibuat, mesti dibentang kepada Parlimen. Saya harap sebelum berakhirnya sidang Parlimen ini, akan dapat dikemukakan kepada Ahli-ahli Parlimen tentang hasil pengauditan ini. Ini kerana saya dapat bahawa banyak perkara-perkara yang harus diberikan tumpuan oleh Jabatan Ketua Audit Negara untuk audit secara keseluruhan. Ini kerana ia membabitkan banyak program-program besar, apatah lagi ia membabitkan juga hal-hal yang berkaitan dengan soal bagaimana dia *parking* wang, *parking* duit, duit-duit yang *diparking* kepada agensi-agensi, khususnya membabitkan geran daripada kerajaan, daripada Kementerian Belia.

Jadi, yang membabitkan MBM, Majlis Belia Malaysia, bukan sahaja membabitkan Majlis Sukan Negara, MBM iaitu Majlis Belia Malaysia juga merupakan tempat untuk Kementerian Belia untuk *parking* duit dan kita hendak lihat sejauh mana wang itu benar-benar dibelanjakan untuk kepentingan golongan belia dalam negara kita.

#### ■1950

Keempatnya, saya hendak Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengemukakan soalan pada 25 Oktober, soalan yang nombor 33 kepada pihak

Menteri Kewangan tentang kriteria pemilihan dan pelantikan CEO MAS yang baru, Peter Bellew yang merupakan rakyat asing, bukan rakyat Malaysia. Adakah kerajaan mendapati tiada lagi rakyat peribumi Malaysia yang berkelayakan untuk menjawat jawatan CEO MAS?

Jawapan yang diberikan kepada saya, satu pencarian domestik dan antarabangsa telah dijalankan untuk mencari calon bagi mengganti Christoph Mueller yang merupakan CEO asing sebelum daripada Peter Bellew ini. Satu pencarian telah dibuat untuk memastikan calon-calon bersesuaian dan berpengetahuan luas dalam sektor penerbangan serta mempunyai pengalaman kukuh dalam penstruktur semula syarikat penerbangan. Bagaimanapun, buat masa ini tiada calon tempatan yang didapati mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian untuk dilantik sebagai CEO kepada MAS yang juga merupakan CEO kepada MAB.

Ini satu yang sangat memalukan apabila pihak kerajaan mengatakan bahawa tiada calon yang ditemui iaitu calon-calon daripada rakyat Malaysia. Tidak kiralah sama ada daripada orang Melayukah, daripada orang Cinakah, daripada orang Indiakah, daripada orang Kadazan, orang Iban, orang Dayak dan sebagainya, tetapi tidak ada. Cari seluruh dunia, seantero dunia, tidak ada. Dalam dan luar negara, tidak ada rakyat Malaysia yang berkebolehan.

Jadi, satu yang sangat memalukanlah seolah-olah jawapan kepada saya daripada Menteri Kewangan ini menganggap bahawa tidak siapa rakyat Malaysia, bodoh belaka. Bodoh belaka, tidak reti hendak jadi CEO. Maknanya tidak boleh, tidak ada pengetahuan, tidak ada pengalaman, tidak ada kebolehan. Padahal bagi saya, kalau kita lihat hendak banding dengan CEO-CEO yang kita ambil dari luar ini, contoh Tuan Yang di-Pertua, CEO dahulu.

Saya persoalkan berapa banyak jumlah wang yang kita bayar kepada dia. Berapa juta selama dua tahun dia berkhidmat? Selama dua tahun dia berkhidmat dengan MAS sebagai CEO MAS, apa perubahan yang dia buat? Apa yang dia buat? Dia buat, dia tutup laluan. Jual barang, tutup *station*, tutup laluan penerbangan MAS dan sebagainya. Buang pekerja. Buang pekerja. Inikah ukuran pencapaian yang kita ambil? Saya ingat kalau inilah, lebih baik kita ambil rakyat yang duduk di tepi jalan pun boleh jadi CEO. Siapa-siapa pun boleh jadi CEO.

Sedangkan dimaklumkan kepada saya bahawa Mueller bila diberikan jawatan kepada dia, yang dia buat ialah bila dia tutup laluan, dia tutup laluan MAS khusus ke *Europe*, yang hanya tinggal London sahaja. Dia tutup ke *Europe*. Kemudian dia buat *code-sharing* dengan Emirates. *Code-sharing* dengan Emirates pun tidak menguntungkan MAS kerana tidak menggunakan pesawat MAS, sebaliknya

menggunakan pesawat Emirates. Menggunakan pesawat Emirates, tidak untung. Tidak untung MASlah, menggunakan pesawat Emirates. Kita hanya tumpang untuk bawa penumpang jual tiket, penumpang naik sahaja.

Jadi, ini bagi saya suatu yang amat malang kepada negara kita. Peliknya bila dia buat kerjasama dengan Emirates ini, dia berhenti, dia ditawarkan jawatan penting dalam Emirates. Peter Bellew ini kalau tidak silap saya pada waktu mula Christoph Mueller menjadi CEO, dia merupakan COO kalau tidak silap ingatan saya, COO (*Chief Operation Officer*). Bermakna bahawa sudah tentu sewaktu mula hendak buat keputusan memberhentikan laluan-laluan MAS ke Europe ini dan membuat *code-sharing* dengan Emirates, sudah tentu dengan pakatan kerjasama daripada pandangan daripada Peter Bellew iaitu kerana dia merupakan COO yang bertanggungjawab terhadap operasi MAS secara keseluruhannya.

Jadi, kita pergi ganti pun orang yang akan dapat bekerjasama dengan Mueller yang telah pun lari meninggalkan MAS pergi kepada Emirates. Apa kepercayaan kita kepada Bellew yang Peter Bellew ini boleh membawa kebaikan dan keuntungan kepada MAS dan kepentingan pekerja-pekerja MAS yang merupakan anak bangsa Malaysia ini? Ini satu-satunya yang saya cukup-cukup kecewa, sedangkan kita mempunyai ramai orang kalau dilihat kepada kemampuan-kemampuan rakyat Malaysia yang mampu untuk mengendalikan MAS.

Kita ada CEO Perodua, kita ada CEO seorang wanita iaitu Ezrin, CEO AirAsia umpamanya. Walaupun kita ada masalah-masalah dengan AirAsia, tetapi Ezrin itu CEO AirAsia yang merupakan seorang yang ada pengalaman, anak bangsa Malaysia. Kalau diukurkan dengan kepercayaan yang boleh kita berikan kepada orang luar, kepada orang putih, kenapa kita tidak boleh beri kepercayaan kepada rakyat Malaysia. Begitu juga dengan CEO-CEO syarikat-syarikat yang lain yang ada di dalam negara kita, yang merupakan anak bangsa yang mempunyai kebolehan-kebolehan yang sangat tinggi.

Dia bukan sahaja terhenti di situ, sekarang ini ada empat orang...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Pokok Sena, mencelah sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada tinggal tiga minit sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit, sedikit. Ringkas, ringkas ya.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Ringkas. Saya hendak tanya belenggu MAS ini, Malaysia Airlines yang mengupahakan CEO orang asing. Jadi keputusan korporat

telah dibuat, jadi sekarang ada belenggunya. Harus pihak mana yang membebankan tanggungjawab ini sama ada Khazanah ataupun Kementerian Kewangan? Minta penjelasan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi saya kedua-duanya, Khazanah dan juga Kementerian Kewangan. Ini kerana Khazanah itu diketuai, dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri, bertanggungjawab sebagai Pengerusi Khazanah. Khazanah seolah-olahnya tidak buat apa-apa semakan terhadap pelantikan orang ini, kemampuan dan keupayaannya. DCA tidak pernah diambil. Jabatan Penerbangan Awam tidak pernah diambil pandangan bagi saya. Seolah-olah mencari seseorang yang berkebolehan dalam industri penerbangan. Sepatutnya tanyalah kepada orang-orang yang ada pengalaman, ada kebolehan, ada kepakaran.

Hari ini umpamanya, contoh empat orang saya katakan tadi. Peter Bellew – CEO, Paul Kear *Technical Director* yang jaga bahagian *engineering*. Baik, isu Paul Kear yang jaga *technical engineering* ini. Dua minggu sudah dipanggil oleh DCA untuk temu duga. Saya difahamkan DCA *reject*. DCA *reject*. Begitulah apa yang difahamkan, DCA *reject*. Maknanya dia ini tidak ada kebolehan, dia tidak ada kepakaran. Dia bukan dalam bidang untuk boleh diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan Jabatan Kejuruteraan MAS. Saya takut nanti akhir-akhir sekali dia beli kapal terbang potong, macam mana isu kereta potong. Dia beli dekat kedai besi buruk. Kebimbangan saya begitulah, seolah-olahnya begitulah walaupun itu tidak mungkin berlakulah. Akan tetapi, itu yang gambaran ketidakpuasan hati di kalangan kita.

Jadi macam mana dia hendak *fit* sebagai ketua jabatan kepada kejuruteraan, sedangkan DCA sendiri memperakui dia tidak ada kebolehan. Apa Khazanah buat? Sepatutnya Khazanah kena tanya DCA dahulu. Sepatutnya panggil DCA, *hang pi* tengok dia ini, *check* dia ini, betulkah dia ini boleh buat kerja sebagai ketua jabatan yang dia hendak *handle* ini. Tanya kebolehan, *hang tau kah apa benda yang berkaitan dengan kejuruteraan MAS*. Sepatutnya begitu. Khazanah tidak tanya, Kementerian Kewangan tidak tanya, kerajaan tidak tanya. Akhirnya kita ambil, kita bayar gaji. Banyak gaji yang terpaksa kita bayar, akhirnya tidak memberikan apa-apa pulangan yang baik. Akhirnya yang kita nampak, ramai pekerja yang hendak dibuang.

Sekarang saya difahamkan bahawa ada ura-ura akan memasukkan kumpulan *engineering technical* ini daripada syarikat Lufthansa akan dibawa masuk. Jadi di mana sedangkan kebolehan daripada *engineering* MAS yang telah diperakui oleh syarikat-syarikat penerbangan dunia kerana banyak kapal terbang mereka, pesawat mereka dihantar kepada bahagian *engineering* MAS. Tiba-tiba hendak dibawa masuk daripada syarikat luar untuk berada dalam Bahagian *Engineering* MAS.

**■2000**

Jadi akhir sekali, begitu juga dengan seorang lagi *Chief Commissioner Officer*. Saya nak sebut nama pun saya tak tahu nak sebut ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Masa sudah cukup.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang keduanya, *Chief HR Officer*, Claudia Cadena. Empat orang warga asing yang berada pada kedudukan perjawatan yang tinggi dalam MAS yang merupakan syarikat penerangan negara sedang dikendalikan oleh rakyat asing. Jadi satu yang sangat memalukan dan saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan kenapa ini boleh berlaku dan saya mengharapkan pihak kerajaan mengkaji semula dan melantik daripada rakyat Malaysia cari, pasti ada rakyat Malaysia yang berkebolehan yang lebih daripada empat orang yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Ya, mana? Ya, Yang Berhormat Lubok Antu.

**8.01 mlm.**

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Lubok Antu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang dan ruang untuk sama-sama ikut serta berbahas mengenai pembentangan Bajet tahun 2017 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Oktober yang lepas.

Saya sama senada sejiwa dengan kawan saya dari Baram mengenai masalah rakyat di luar bandar. Orang di bandar bercakap longkang sumbat, jalan tar rosak tetapi kami di Hulu Baram dan Lubok Antu tidak boleh cakap itu kerana banyak kawasan yang belum ada jalan. ‘Rasa kau tau’ termasuk juga Yang Berhormat Dato’ Nora. Masih terlampau panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Tetapi Lubok Antu banyak herba ya? *[Ketawa]*

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hanya mengambil masa sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengutarakan masalah jalan. Orang cakap pasal buat jalan, kami dengar Yang Berhormat Baram bercakap naik taraf jalan balak. Jadi kasihanlah kami Sarawak ini. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya jalan di kawasan saya iaitu jalan menuju ke dari Sebeliau menuju ke Hulu Lemanak kurang lebih jaraknya 36 kilometer jarak bekas balak.

Saya mohon kepada kerajaan supaya memperuntukkan menaik taraf jalan balak yang saya katakan. Kedua ialah jalan bekas balak dari Hulu Senggumit-Lemanak menuju ke Long Kari di mana penghuninya kurang lebih 2,000 orang dan 13 buah rumah panjang, dua buah sekolah dan sebuah klinik. Kawasan ini sudah hanya dapat dilalui... turun menggunakan bot panjang atau jalan balak yang begitu bahaya untuk dilalui.

Oleh yang demikian, saya mohon supaya peruntukan pada tahun 2017 ini diperuntukkan untuk dua-dua jalan ini. Ketiga, saya ingin tahu mengenai peruntukan tambahan untuk Jalan Hulu Skrang iaitu sejumlah RM28 juta yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pilihan raya negeri yang lepas.

Jadi saya ingin tahu, setakat mana proses untuk pelaksanaan projek ini dilaksanakan kerana ini adalah telah dahulu diketahui awam semasa pilihan raya negeri yang lepas. Jadi jalan ini sepanjang 5.6 kilometer hanya setengah sahaja dapat dilalui oleh kenderaan.

Ketiga, mengenai asas bekalan air luar bandar. Kawasan yang saya maksudkan adalah kawasan Pesawang, Wong Pandak, Wong Pandai mengikut *diestimate* oleh Jabatan Air Luar Bandar kurang lebih kosnya RM10 juta. ...ini adalah bergantung penuh kepada air sungai atau air hujan. Sungainya sudah tercemar oleh ladang atau aktiviti pembalakan di kawasan tersebut. Saya ingin supaya kawasan ini dipercepatkan untuk disambung dengan air paip terawat bagi kemudahan rumah panjang ini kerana lebih melibatkan 700 orang.

Satu lagi adalah dari Cangkol, Karasau, Nanga Kumpang, Nanong dan Kandis dan mereka ini telah bergantung juga kepada air dari sungai dan air hujan. Saya mahu supaya kawasan ini dibekalkan air terawat secepat mungkin. Di samping itu saya ingin mencadangkan juga supaya kawasan iaitu kawasan San Semanju disambungkan dari kawasan Sebeliau menuju ke San Semanju untuk bekalan air terawat. Kawasan ini adalah bergantung penuh kepada *tube well* atau telaga langsung.

Jadi ia melibatkan dua buah sekolah dan empat buah rumah panjang. Satu lagi perkara yang saya ingin ketengahkan di sini adalah mengenai penglibatan anak-anak Dayak, belia-belia yang banyak lepas sekolah berhijrah ke bandar dan mereka telah bekerja dengan kedai kopi atau bekerja dengan *supermarket*. Bukan kerja itu salah tetapi saya ingin peruntukan khas kepada anak-anak belia ini seperti saya difahamkan dalam bajet ini kemungkinan peruntukan RM20 juta untuk dana diperlukan untuk perniagaan kaum Cina. Jadi saya mohon supaya kerana kaum Dayak adalah kaum yang sangat ketinggalan dari segi perniagaan supaya mereka dapat dibimbing lebih, diajar atau diberi kursus dan diberi peruntukan khas kepada mereka ini supaya dapat

mereka meneruskan perniagaan secara kecil-kecilan seperti makanan atau menjual kraf tangan dan lain-lain.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah ada ura-ura yang menjadi bahan bahas di Sarawak iaitu kerajaan ingin menutup IPG atau Institut Pendidikan Guru di Sarawak iaitu dua buah institut pendidikan guru di Sarawak. Jadi berita amat kesal kalau ura-ura berita ini betul-betul akan menjadi kerana ia akan seolah-olah membantutkan atau seolah-olah akan mengurangkan hasrat Kerajaan Negeri Sarawak inginkan lebih banyak lagi guru dikeluarkan dari negeri Sarawak.

Dengan itu, saya ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu.

#### **8.08 mlm.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya rasa Bajet 2017 adalah bajet yang lemah dan tidak holistik kerana banyak pemotongan khususnya bagi Sabah. Sebagai orang Sabah, saya berasa amat kecewa.

Daripada RM260.8 bilion sebanyak RM2014.8 bilion bagi perbelanjaan mengurus manakala hanya RM46 bilion sahaja untuk pembangunan. Berbeza dengan peruntukan pembangunan bajet tahun lalu iaitu RM52 bilion sebelum kerajaan buat ubahsuai Bajet 2017 kurang RM6 bilion peruntukan pembangunan. Saya melihat Bajet 2017 adalah bajet yang negatif Tuan Yang di-Pertua dengan kemerosotan ekonomi semasa, bajet ini tidak membantu untuk kekurangan *unemployment right* yang semakin tinggi khususnya di Sabah. Bajet ini juga kurang menekankan kebijakan golongan kurang upaya dan golongan pekerja secara keseluruhannya.

As saying, ia hanya banyak kasi ikan, tetapi tidak beri pancing. Ini memang tidak bertanggungjawab. Pertubuhan pembangunan untuk Sabah juga sangat kurang. Ini tidak adil dan tidak sepatutnya berlaku.

#### **■2010**

Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan Kota Kinabalu, walaupun kerajaan telah umumkan bahawa Kota Kinabalu akan dibangunkan sebagai *grow catalyst city* di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi ia amat mengecewakan kerana Bajet 2017 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini langsung tidak ada bagi apa-apa peruntukan untuk pembangunan Kota Kinabalu. Kota Kinabalu telah naik taraf sebagai bandar raya pada 2002 tetapi sehingga hari ini, masih tiada sistem tren yang

beri perkhidmatan kepada penduduk Kota Kinabalu. Lebih teruk lagi, sistem bas di Sabah masih ketinggalan zaman dan masa seperti 20 tahun lalu. Ini amat memalukan.

Saya mahu kerajaan ambil serius tentang isu ini. Walaupun kerajaan cakap ada peruntukan RM1 bilion untuk pembinaan sistem PRT di Kota Kinabalu dalam Bajet 2016, tetapi saya tidak dapat cari dalam buku belanjawan. Saya minta penjelasan dan maklumat lanjut tentang projek ini. Jika kerajaan rancang projek *high speed rail* Singapore-Kuala Lumpur dengan kos RM40 bilion dan RM55 bilion untuk *East Cost Railway*. Kenapa tidak guna RM1bilion saja untuk *public transport* di Kota Kinabalu sebagai sebuah ibu kota dan menjadi pusat pentadbiran yang moden dan *livable*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahu sentuh mengenai pembatalan program penyiar rakaman harga dalam bajet tahun depan. Saya dapat program ini tidak disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah program ini sudah dibatalkan? Dari tahun 2013 hingga 2016, kerajaan telah peruntukkan lebih RM1.239 bilion bagi tujuan seragamkan harga barang antara timur dan barat Malaysia dan slogan yang sungguh menawan iaitu ‘*1Nation 1Price*’. Saya pernah bahaskan isu ini di sidang Parlimen lepas. Walau bagaimanapun, harga barang di Sabah masih lagi tinggi berbanding di Semenanjung. Kerajaan mesti memandang serius isu ini bagi mencapai ‘*1Nation 1Price*’.

Saya ada dua persoalan. Pertama, bagaimana kerajaan boleh selesaikan masalah ini. Sedangkan masalah ini masih berterusan dan semakin serius. Kedua, adakah program ini gagal dan apa sebenarnya. Daripada peruntukan yang diberi itu, bagaimana duit itu digunakan. Adakah ini seperti skandal ‘*watergate*’ di Jabatan Air Sabah di mana 60 peratus peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan masuk ke dalam poket pegawai rasuah. Kes rasuah Jabatan Air Sabah ini amat memalukan. Daripada RM3.3 bilion peruntukan Kerajaan Persekutuan, 60 peratus dimasukkan dalam poket pegawai yang rasuah iaitu RM2 bilion. Saya percaya yang ditangkap akan disiasat dalam skandal ‘*watergate*’ hanyalah anak buaya.

Saya harap SPRM boleh tangkap bapa buaya jaga. Dalam RM2 bilion ini, hanya ada RM120 juta dikembalikan, dapat dicari. Tapi ada lagi hilang RM1.8 juta, masih belum dapat lagi, *missing*, masih *missing*, masih hilang. Jadi saya harap SPRM cari balik mana itu *missing* RM1.8 bilion masih lagi dalam ini ‘*watergate*’ punya isu. Skandal ‘*watergate*’ ini langsung tidak boleh diterima. Kalau tidak rasuah, sistem PRT boleh disegerakan di Kota Kinabalu, sekurang-kurang di Sabah boleh *upgrade*, dengan izin demi keselesaan anak-anak kita. Sudah tentu tiada masalah bekalan air dan elektrik di bandar atau kampung.

Rasuah perlu dihapuskan kerana rasuahlah yang menyebabkan orang Sabah begitu miskin dan terundur. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini laporan media cakap Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu telah mengenakan visa untuk memeriksa kontena dengan dibuka secara satu peratus. Ini menyebabkan masalah *congestion* di pelabuhan ini semakin serius. Banyak kapal-kapal besar terpaksa tunggu lama di luar perairan Sepanggar dan tidak dapat *unload* barang-barang di Pelabuhan Sepanggar. Ia menyebabkan banyak kapal pergi ke tempat lain dan *unload* barangannya seperti di Brunei, Miri atau Kuching.

Jika masalah ini tidak selesai, ia akan membawa impak besar kerana ia akan menyebabkan kekurangan barang dalam pasaran Sabah. Saya harap masalah ini diberi perhatian dan prosedur dilaporkan lebih mudah supaya pelabuhan kita lebih berdaya saing dan efektif. Saya juga ingin tanya apakah status naik taraf *Sepanggar Port* sebagai *transshipment hub* atau *far east hub*. Kenapa ini tidak dibangkit dalam ucapan bajet. Saya harap kedatangan ini bukan untuk main-main. Jangan hanya buat pelan MRT dan *high speed train* di Segamat, Semenanjung. Sedangkan port dan tren kita di Sabah di masih ketinggalan zaman. Ini betul-betul tidak ada pada orang Sabah, Tuan Yang di-Pertua.

Masalah putus bekalan elektrik juga selalu terjadi di Sabah macam dulu lagi. Dulu kawasan *East Coast* Sabah yang selalu putus elektrik tapi sekarang Kota Kinabalu, Luyang, Likas, Lido, Penampang dan banyak lagi tempat selalu *blackout*. Pada Disember 2015, SESB melaporkan jualan atau *sale* sebanyak RM1.927 bilion, SESB untung hanya RM106 juta dan jika harga minyak dunia turun, SESB akan keuntungan lebih besar. Apa yang menyebabkan seperti yang saya katakan tadi iaitu kualiti perkhidmatan SESB yang tidak memuaskan. Sikit-sikit *blackout*, sikit-sikit *blackout* Tuan Yang di-Pertua. Perkhidmatan elektrik yang baik amat penting untuk menjana pembangunan Sabah yang lebih baik, Tuan Yang di-Pertua.

Masalah ini perlu dibaiki dengan segera. Baru-baru ini dalam laporan media, SESB mendakwa mereka rugi RM60 juta kerana kes curi elektrik oleh 178 ribu rumah setinggan. Jika kes kecurian tidak berlaku dan RM64 juta bersamaan dengan 61 keuntungan sebenarnya. Jika kes kerugian ini tidak berlaku dan jumlah RM64 juta dikira sebagai sebahagian dari keuntungan syarikat Sabah tentu kerajaan akan mendapat cukai lagi tambahan sebanyak RM14.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pihak SESB juga telah keluarkan statistik yang menunjukkan terdapat 1,100 kroni setinggan di seluruh Sabah mendakwa pihaknya telah menjalankan lebih 100 operasi membanteras kegiatan curi bekalan elektrik, sebanyaknya di Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna dan tidak terkecuali Kota

Kinabalu. Siapakah yang mahu bertanggungjawab terhadap insiden ini? atau kita hanya senang menyebabkan kroni setinggan yang rata-rata didiami warga asing tanpa izin.

■2020

Sudahlah elektrik selalu putus-putus kerana kena curi lagi. Saya hendak bertanya di Dewan yang mulia ini, adakah wujud sebarang isu rasuah melibatkan sambungan elektrik haram? Siapa yang mahu bertanggungjawab? Bayangkan jika RM64 juta ini tidak rugi, wang itu boleh digunakan untuk tingkatkan kualiti elektrik di Sabah. Ini sangat ironi. Rakyat di pedalaman Sabah tidak ada tiang elektrik pun tetapi PATI senang-senang guna elektrik. Ini sangat mengecewakan orang Sabah. Apakah rancangan kerajaan untuk selesaikan masalah kecurian ini termasuk isu PTI dan kawasan setinggan? Adakah elemen rasuah juga berlaku? Justeru saya sekali lagi memohon pihak SPRM menyiasat perkara ini demi kebaikan rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Mahkamah Persekutuan Switzerland arahkan UBS Bank mendedahkan rekod mengenai hubungan *businessnya* dengan Ketua Menteri Sabah. Ia berkaitan siasatan pihak berkuasa negara itu tentang kes pengubahan wang haram sebanyak USD90 juta atau RM360 juta dan kaitan dengan konsesi kayu balak lagi. Sebelum ini mengikut siasatan kes keterangan SPRM dan maklumat ICAC di Hong Kong berlaku permintaan RM40 juta tetapi ia tidak disiasat sebagai rasuah kerana dikatakan terma politik kepada UMNO Sabah dan melibatkan taikun bernama Michael Chia. Masih ingat lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua, kerana rasuah rakyat Sabah miskin. Pendapatan mereka sedikit, ekonomi Sabah kurang berkembang. Saya fikir bahawa kerajaan perlukan wang atau duit-duit rasuah ini, perlu dirampas dan bangunkan Sabah. Ini bukan jumlah yang sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon Bank Negara dan SPRM segera jalankan siasatan dan buka semula kes. SPRM juga perlu ada kuasa pendakwaan supaya lebih berkesan selesaikan kes-kes rasuah dengan lebih holistik kerana Sabah dikatakan banyak buaya darat dua kaki bukan empat kaki. *[Disampuk]* Jadi ini dalam Malaysia yang paling banyak buayalah, di sini.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, boleh minta laluan sedikit?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Mana ada sikit masa.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sekejap sahaja.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan kes kayu balak Sabah dan nama yang disebut adalah

Michael Chia, saya ingat pada tahun 2012 kes ini telah dibongkar dan kerajaan melalui pejabat guaman atau *attorney general* mengesahkan bahawa RM40 juta daripada duit ini adalah wang derma kepada UMNO Sabah. Bukankah masa sudah datang lagi untuk membuat satu siasatan terlebih lagi dengan keadaan yang kita telah dapati ataupun fakta yang kita telah dapat di *watergate scandal* Sabah, jika duit ini betul-betul derma ataupun *it's spent from a contract* mungkin dalam Yayasan Sabah ataupun berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang. Tuan Yang di-Pertua, masuk ucapan saya. Saya tahu lah ini kerana SPRM dia takut buaya besar kerana buaya besar yang di Semenanjung, yang paling besar, orang yang tangkap dia kena makan atau kena gigit keras-keras atau kena buang pergi laut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang sedih seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah. Negara kita dikuasai oleh *kleptocracy* iaitu sebuah negara yang bukan kuasa orang yang *honest*, yang jujur tetapi orang yang apa ini? Orang yang apa dikatakan oleh Yang Berhormat Gelang Patah sebagai PPP. Ini ialah dikuasai oleh pencuri besar, perompak besar dan penyamun besar. Wah! Apa ini penyamun ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu, cukuplah yang tiga P itu, cukup.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey, tapi saya pun mahu sebut Sabah, dari Sabah jugalah kan? Ini ada kena mengena jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi pagi sudah bising.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Okey, cukup sudah Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini Bajet 2017, saya betul-betul langsung tidak puas hati untuk Sabah kerana apa yang diberi kepada Sabah itu kacang putih. Jadi dengan hati yang betul-betullah sakit, saya tidak sokong Bajet 2017. Sekian, terima kasih. Saya tolak bajet ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

#### **8.26 mlm.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk sama-sama dalam perbahasan ini. *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di awal ucapan saya ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan bajet yang sungguh menyentuh rakyat secara *direct*. Pelbagai inisiatif telah diberikan kepada rakyat melalui bajet ini mengikut kelompok pekerjaan yang telah dinyatakan. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri Pandikar dengan semangatnya untuk melakukan transformasi kepada Parlimen kita termasuklah mengadakan MQT. Pada musim ini juga kita mula memberi ucapan dengan kawalan masa yang sangat besar di hadapan menyebabkan perkara ini sangat positif dan semuanya dapat berucap dalam keadaan yang terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet ini telah disentuh beberapa perkara untuk kebaikan banyak kumpulan kerja. Di antaranya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kerana pihak kerajaan telah meluluskan permohonan agar pemandu-pemandu teksi dilindungi dengan skim SOCSO ini. Diharap skim ini dapat membantu mereka bagi meneruskan pekerjaan mereka yang penuh dengan dugaan dan cabaran. Sehubungan dengan itu juga, skim ini telah meluluskan kenaikan elauan bantuan bulanan kepada pembantu-pembantu KEMAS dan juga kepada OKU. Tuan Yang di-Pertua, di dalam menangani kos kehidupan, beberapa indikator asas yang berkaitan dengan kos sara hidup menunjukkan perkembangan positif. Antaranya Indeks Harga Pengguna di Malaysia menurun kepada 115.30 mata pada September 2016 berbanding 115.60 mata pada bulan Ogos 2016.

Kadar inflasi di Malaysia pula menurun kepada 1.5 peratus pada September 2016 berbanding 3.5 peratus pada bulan Januari 2016. Namun terdapat beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan untuk terus memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat daripada sudut aspek kos sara hidup.

## ■2030

Tuan Yang di-Pertua, melalui Perintah Gaji Minimum 2016 yang berkuat kuasa Julai 2016 yang lalu telah menetapkan kadar gaji minimum bulanan ditetapkan pada RM1,000 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM920 sebulan bagi Sabah, Sarawak serta Labuan. Namun, kadar gaji minimum ini terpakai untuk semua pekerja tidak mengira sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing. Inilah yang menjadi kegusaran kepada rakyat tempatan kita kerana sebagai rakyat tempatan, mereka mempunyai komitmen kewangan yang lebih tinggi berbanding dengan pekerja asing memandangkan majoriti mereka ini perlu menampung perbelanjaan harian keluarga dan perbelanjaan pendidikan anak-anak jika telah berkeluarga.

Jika dibandingkan dengan pekerja asing yang mana mereka hanya perlu keperluan berbelanja untuk diri mereka sahaja dan dalam masa yang sama

menghantar duit ke kampung mereka untuk keluarga. Adalah dengan ini saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan memperkenalkan satu sistem elaun khas tambahan untuk pekerja-pekerja tempatan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita melihat kepada kos rawatan di hospital kerajaan yang sangat-sangat jauh lebih murah dengan hanya membayar RM1, rakyat Malaysia boleh mendapat ubat-ubatan dan juga rawatan di hospital kerajaan, namun demikian, kita juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar mengawal ubat-ubat yang diberikan kepada bukan warganegara yang bukan terdiri daripada mereka yang mempunyai permit kerja pun. Mungkin perkara ini tidak dirasakan dengan begitu banyak di negeri-negeri lain tetapi kalau di negeri seperti Johor, perkara ini agak lumrah kerana berdekatan dengan Singapura dan ramai rakyat Singapura yang tinggal di Johor dan mereka mendapat nikmat perubatan ini dengan kadar yang hampir sama dan kalau dikenakan caj kepada warga asing pun, hanya sekadar RM15, masih lagi murah. Sepatutnya mereka ini dikenakan dengan jumlah kos ubat yang sebenar kerana bantuan sepatutnya dikhususkan kepada warganegara kita.

Kita juga ingin mencadangkan pihak kerajaan untuk mengawal kos perbelanjaan rawatan yang dikenakan oleh hospital swasta kerana bila pergi ke hospital swasta yang rata-ratanya mereka mempunyai *insurance coverage* tetapi kos yang dikenakan sangat-sangat tinggi. Ini menyebabkan bagi rakyat biasa yang tidak mempunyai kewangan untuk membeli insurans tetapi mereka membuat simpanan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta tidak dapat berbuat demikian kerana kos yang sangat tinggi.

Sehubungan dengan cerita hospital ini, saya juga ingin mengambil peluang di sini untuk meminta pihak kementerian memberi keutamaan kepada pembinaan hospital di Pasir Gudang. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kelulusan projek ini pada RMKe-11. Namun begitu, kerja-kerja masih belum kelihatan dan saya berharap pihak kementerian dapat meletakkan perkara ini sebagai perkara utama. Tambahan pula, kita sama-sama berdukacita dengan kebakaran yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah baru-baru ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Johor yang bekerjasama melalui muafakatnya tidak mengira daripada mana sekalipun, mereka telah sama-sama memberi khidmat bakti membantu HSA untuk menjalankan kerja-kerja amal. Begitu juga dengan pihak

angkatan tentera yang telah meletakkan van-van ataupun kem dia untuk penggunaan pembedahan bagi kemudahan rakyat di dalam Johor kerana keadaan HSA yang masih belum pulih seperti sedia kala.

Dengan keadaan yang sedemikian, diharap pembinaan Hospital Pasir Gudang ini dapat disegerakan bagi terus membantu rakyat di dalam negeri Johor.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan beberapa pandangan daripada warga muda di mana mereka sangat bimbang pada satu ketika bila ada uar-uar yang sibuk mengatakan desas desus tentang umur persaraan yang bakal ditingkatkan. Nasib baik perkara itu tidak terjadi tetapi saya ingin meminta supaya perkara ini tidak difikirkan kerana dengan keadaan peluang pekerjaan yang semakin menguncup, jika perkara ini berlaku, sudah pastinya mereka ini akan tidak mempunyai peluang pekerjaan. Kita pun tahu dalam keadaan sekarang ini banyak syarikat juga telah membuat pemberhentian pekerja. Ada tempat mereka ini tidak dapat bekerja sehingga ke hari ini lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan permintaan daripada kawasan-kawasan yang berpendapatan rendah untuk menambah jumlah bilangan Tadika KEMAS yang diminta oleh mereka ini. Hasil kajian yang dijalankan oleh OECD pada tahun 2011, terdapat kebarangkalian kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah tidak mengikuti pendidikan prasekolah adalah lebih tinggi berbanding dengan rakan sebaya yang berasal daripada keluarga berkemampuan.

Sehubungan dengan itu, dengan keberadaannya Tadika KEMAS ini, pastinya dapat membantu anak-anak mereka yang kurang berpendapatan untuk pergi ke sekolah. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah memberi kenaikan elauan kepada pembantu-pembantu KEMAS ini.

Di sudut pekerjaan dengan penguncutan yang berlaku, saya juga ingin memberi cadangan tentang pengurangan perbelanjaan di beberapa kementerian yang dilaksanakan. Diharap juga ada pengurangan yang dibuat di dalam pemakanan kanak-kanak dalam RMT oleh Kementerian Pendidikan ini tidak memberi kesan yang sangat besar kepada pelajar-pelajar kerana rata-rata anak-anak yang terlibat dengan pemakanan ini terdiri daripada sememangnya keluarga yang kurang mampu. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk pihak kerajaan mempertimbangkan untuk menggantikan susu-susu yang diberikan kepada anak-anak ini kerana jangka hayatnya yang tidak menentu, ada kalanya ditukar kepada multivitamin, pemakanan tambahan yang lebih mudah untuk dikawal daripada segi kualitinya dan tarikh luputnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengetahui apakah tindakan kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kos

perbelanjaan, yang pertama, daripada segi keberkesanan yang dapat dilaksanakan oleh Talent Corporation ini? Kita pun tahu antara tugas TalentCorp adalah untuk mendapatkan *the professional*, dengan izin, untuk balik ke dalam negara dan jika mereka ini tidak ramai yang balik, kalau ada yang mengikuti program, apakah keperluan kita untuk meneruskan TalentCorp dan juga keberkesanan dengan adanya TERAJU yang sepatutnya membantu meningkatkan usaha-usaha yang lebih terarah kepada peniaga-peniaga kita?

Tuan Yang di-Pertua, laluan kereta api penumpang Johor Bahru-Pasir Gudang menjadi buatan bagi warga Pasir Gudang kerana keadaan jalan yang agak sempit sekarang ini. Walaupun dengan pembinaan pelebaran jalan tetapi dengan kepadatan penduduk, jika dapat diteruskan kereta api ini ke Pasir Gudang, ia tentunya dapat mengurangkan kesesakan di *peak hours* kerana di Pasir Gudang ini ada lebih kurang 386 buah kilang. Jadi kalau waktu *peak hours* ini memang semuanya bersama-sama pergi. Dia dah jadi macam Kuala Lumpur punya sesak. Jadi kepentingan untuk mengadakan *alternative transportation*, dengan izin, adalah sangat mustahak.

## ■2040

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu-isu yang hangat diperkatakan oleh beberapa kejadian yang sangat mendukacitakan. Antaranya isu-isu rasuah yang berlaku di beberapa jabatan yang melibatkan kakitangan kerajaan. Perkara ini mestilah diberikan tumpuan yang sangat telus dan yang sangat teliti bagi memastikan ia tidak berulang pada masa-masa akan datang. Adalah sangat kecewa bila kita mendengar jumlah wang yang sebeginu banyak dapat disimpan oleh pihak-pihak tertentu dan tidak menjalankan amanah yang sepatutnya dijalankan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan GST. Bagi pihak peniaga-peniaga bersempena bajet ini saya juga ingin menyampaikan hasrat dan rungutan mereka agar kerajaan pihak kastam memikirkan apa yang patut dilaksanakan dengan *claim back* mereka yang kadang-kadang lewat tiga bulan ini. Ini tentunya mengganggu *cash flow* mereka. Jadi, diharap perhatian yang sewajarnya dapat dilaksanakan bagi membantu peniaga-peniaga ini.

Bagi golongan muda, pelajar-pelajar lepas universiti mereka juga agak terbeban dengan program PTPTN jika mereka tidak membayar, mereka akan disenaraihitamkan. Saya rasa ini bukanlah satu tindakan yang wajar malahan kita bagilah mereka peluang menggunakan mekanisme yang ada bagi membantu mereka. Jika umur mereka semuda itu telah diberi dengan satu rekod yang tidak baik bagaimana mereka akan meneruskan kehidupan mereka.

Sehubungan dengan itu saya juga memohon pihak PTPTN untuk membuat senarai sebenarnya mereka yang tidak membayar yuran PTPTN ini semula terdiri daripada pelajar-pelajar di IPTA ataupun di IPTS. Kita tidak mahu IPTS mengenakan bayaran yang sangat tinggi dibandingkan dengan IPTA. Bila mereka mengenakan bayaran sangat tinggi mereka tidak risau kerana ada PTPTN.

Jadi sewajarnyalah perkara ini dilihat dengan teliti, apakah perlu dikenakan bayaran sebegini tinggi di mana penyelesaiannya adalah PTPTN. Akan tetapi bila habis belajar pelajar-pelajar ini tidak dapat membayar semula wang yang telah mereka pinjam. Jadi satu mekanisme yang baik perlulah diunjurkan bagi mengelakkan masalah-masalah yang tidak sepatutnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara terakhir dalam kawasan saya. Perkara ini telah beberapa kali saya bangkitkan. Pasir Gudang adalah sebuah bandar *semi-urban* yang mana penduduknya mencecah hingga hampir 300,000 orang. Jadi kita mohon pihak Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan supaya diadakan sebuah RTC di kawasan bandar kecil Masai menggunakan stesen bas lama yang mana keadaan stesen bas itu banyak mempunyai ruangan kosong tetapi tidak dimanfaatkan dengan baik. Andainya dengan adanya RTC dapat diadakan kaunter-kaunter seperti JPJ, LHDN, PTPTN, JPN yang sudah lama saya mohon agar dipindahkan pun tidak pindah-pindah juga. Masih lagi orang Pasir Gudang beratur hujan, panas kerana JPN ini beroperasi di rumah kedai.

Saya hendak tolong pun, sudah tidak boleh hendak tolong kerana keadaannya sempit. Hendak tambah kerusi pun tidak boleh juga. Jadi, kalau adalah kaunter imigresen sekurang-kurangnya untuk mereka memperbaharui permit-permit kerja kerana Pasir Gudang adalah kawasan industri. Jadi banyak pekerja asing yang terlibat juga, begini juga untuk tempatan untuk membuat pasport mereka.

Bagi hospital, saya hendak sentuh sekali lagi supaya disegerakan. Ini kerana sekarang orang-orang sebelah sana ini Tuan Yang di-Pertua, dia datang Pasir Gudang dia kata, "*Mana hospital yang dijanjikan*". Jadi saya haraplah hospital ini dapat dibina untuk kepentingan rakyat Pasir Gudang kerana kalau ikut, sudah lama mohon. *Alhamdulillah* sudah diluluskan jadi bagi perhatian dekat sebelah sini dahulu sebelum bagi perhatian dekat tempat lain. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini yang macam Hospital Kapar Yang Berhormat ya.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Hospital Kapar tidak apa tetapi Hospital Pasir Gudang keutamaan. [Ketawa]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Dia boleh tunggu lagi Yang Berhormat Kapar. Pasir Gudang tidak boleh kena buat juga fasal tidak pergi dekat Kapar beritahu mana hospital tetapi Kapar datang Pasir Gudang tanya mana hospital yang sudah dijanjikan. *[Disampuk] [Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Saya dengan ini menyokong bajet yang dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

#### **8.46 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Selamat malam dan salam reformasi. Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberi ruang dan peluang kepada anak muda Kapar untuk turut serta membahas belanjawan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masih muda Yang Berhormat ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya tetap muda. Hati pun muda. Belanjawan peringkat dasar 2017. Isu pertama saya ialah pengurangan peruntukan untuk sektor pendidikan. Sektor pendidikan merupakan tulang belakang untuk mana-mana negara yang sudah maju dan mempunyai daya persaingan antarabangsa. Sebuah kerajaan diukur kebijaksanaan dan prestasinya melalui dasar dan polisi untuk memperkasa dan memperkembangkan modal insan dan kesejahteraan masyarakat secara majmuk. Sebaliknya apa yang saya perhatikan ialah Kerajaan Persekutuan lebih fokus kepada pemberian tunai dan peningkatan liabiliti.

Negara kita juga mempunyai hasrat iaitu untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Impian ini hanya akan berlegar sekadar mimpi di siang hari sekiranya tiada pendidikan secara berkualiti dan *accessibility* secara menyeluruh untuk setiap warganegara Malaysia. Tanpa kualiti dan *accessibility* kepada sektor pendidikan, konsep negara berpendapatan tinggi hanya sebuah lakaran komik untuk mencabuli kepintaran masyarakat.

Kini, kita sanggup mengorbankan aspek penyelidikan dan pembangunan *research and development* (R&D) dalam sektor pendidikan. Tanpa sebarang R&D, kualiti graduan-graduan adalah rendah. Hasil akhir daripada kepincangan ini dan

dasar Kerajaan Persekutuan yang sasar hanya akan menghasilkan tenaga kerja mahir yang rendah dengan izin *low-skilled labor* tetapi memerlukan gaji yang lebih tinggi untuk menjana kehidupan mereka akibat kos sara hidup yang tinggi.

Ini adalah imbangan yang amat membimbangkan setiap individu masyarakat Malaysia secara am dan Kerajaan UMNO Barisan Nasional secara khususnya. Persoalan saya ialah bagaimana ia praktikal sekiranya peruntukan dikurangkan tahun demi tahun? Bagaimana Kerajaan Persekutuan akan memastikan modal insan dapat dijana mengikut permintaan pasaran semasa? Apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mengimbangkan kualiti graduan yang dihasilkan dengan peluang pekerjaan pada mereka setaraf dengan gaji yang setimpal?

Isu kedua Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai pengurangan peruntukan untuk sektor kesihatan. Kini sektor perkhidmatan kesihatan sering menjadi persoalan rakyat umum. Jabatan Bomba telah lama menyarankan bahawa langkah-langkah keselamatan di hospital kerajaan diselaraskan mengikut standard amalan SOP yang sewajarnya. Namun begitu Kementerian Kesihatan tidak mengambil inisiatif yang secukupnya untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada. Situasi ini berterusan agak lama walaupun ketika itu dana yang diperuntukkan adalah lebih daripada sekarang.

Di samping itu insiden terkini ialah Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru pada 25 Oktober 2016 yang telah meragut enam nyawa. Saya seperti setiap warganegara Malaysia turut simpati dan mengucapkan takziah kepada setiap keluarga mangsa. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua insan yang hempas pulas mengorbankan diri mereka untuk menyelamatkan pesakit di hospital tersebut pada hari berkenaan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, adalah juga tanggungjawab saya sebagai Ahli Parlimen untuk menyampaikan keterangan dan Kerajaan Persekutuan sekiranya wujud kelalaian dan kecuaian daripada aspek langkah-langkah keselamatan mengikut standard amalan yang sewajarnya.

## ■2050

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah benar *Malaysian Medical Council* telah memberi nasihat supaya semua wad ICU dan CCU sepatutnya dikhaskan di tingkat bawah, *ground floor*. Saranan ini adalah selaras dengan langkah-langkah keselamatan kerana sekiranya ada sesuatu yang berlaku di luar dugaan, pesakit-pesakit di wad ICU dan CCU dapat diselamatkan dengan lebih mudah.

Jika benar, mengapa nasihat dan saranan ini gagal diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Persekutuan? Apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk memastikan langkah-langkah keselamatan di hospital

kerajaan dilaksanakan walaupun dengan peruntukan dana yang telah berkurangan? Bagaimana juga Kerajaan Persekutuan ingin memastikan dan memberi jaminan kepada setiap warganegara Malaysia agar setiap hospital kerajaan dilengkapi dengan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya?

Isu ketiga saya Tuan Yang di-Pertua ialah PERMATA. Pendidikan dan asuhan awal adalah satu polisi yang sepatutnya melahirkan generasi yang berwawasan. Saya mendapati bahawa adalah penting untuk melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak demi pertumbuhan dan perkembangan yang lebih baik. Maka, segala pengkhususan dan pemfokusan yang bernas perlu diperbincangkan. Saya telah beberapa kali mencadangkan agar PERMATA lebih sesuai dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Namun begitu, ada kalanya Kementerian Persekutuan, khususnya Jabatan Perdana Menteri gagal memberi penjelasan yang munasabah dan rasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan kali ini untuk memperjelaskan beberapa faktor yang rasional mengapa PERMATA perlu dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pertama, saya berpendapat bahawa terdapat pertindihan bidang kuasa di antara JPM – Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di mana PERMATA sebenarnya lebih sesuai diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

PERMATA bersaing dengan pusat asuhan dan pusat pendidikan awal yang lain seperti yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah jagaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan yang disediakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta taman asuhan kanak-kanak yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kontroversi dan aspek ini perlu diberi perhatian. Terdapat pertindihan bidang kuasa di antara JPM dan KPWKM, di mana PERMATA sebenarnya lebih sesuai diletakkan di bawah KPWKM.

Kedua, PERMATA merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam kelayakan para pengasuh dan penjaga melalui kursus asuhan dan didikan awal PERMATA. PERMATA sepatutnya memainkan peranan sebagai sebuah agensi yang merancang serta melakukan koordinasi antara agensi kerajaan serta pihak lain yang terlibat dalam asuhan kanak-kanak dan pendidikan awal kanak-kanak dan bukannya satu operator yang bersaing dengan pusat asuhan dan pusat pendidikan awal yang lain. Memandangkan setiap pengasuh dan penjaga kanak-kanak wajib mengikuti kursus asuhan dan didikan awal PERMATA sebelum layak berkhidmat di taska

berdaftar, ini menunjukkan bahawa PERMATA merupakan salah satu agensi yang berkuasa atau terlibat dalam mengawal selia sektor asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Oleh itu, sekali lagi saya berpendapat bahawa PERMATA sepatutnya dipindahkan ke KPWKM supaya berfungsi sebagai sebuah agensi yang membuat perancangan dan koordinasi dalam sektor ini dan bukannya menubuhkan taska dan tabika sendiri di merata-rata tempat untuk bersaing dengan taska dan tabika yang lain, merebut sumber dengan taska dan tabika swasta dan mengekang kewujudan mereka. Ketiga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai rekod-rekod terperinci untuk mengenal pasti sasaran yang sepatutnya menikmati Program PERMATA.

Maka, jika tanggungjawab untuk mengendalikan PERMATA diberikan kepada KPWKM, sasaran dan objektif PERMATA dapat dilaksanakan tanpa sebarang keraguan. Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah jika saya boleh senaraikan beberapa rasional mengapa PERMATA perlu dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apakah rasional Kerajaan Persekutuan tetap berdegil untuk meletakkan PERMATA di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri?

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, adakah benar kelayakan para pengasuh dan penjaga PERMATA ialah hanya wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kursus asuhan dan didikan awal PERMATA? Adakah juga benar hanya terdapat 1,551 daripada 18,769 orang pengasuh yang mempunyai ijazah? Bermaksud, yang mempunyai ijazah hanya 1,551 sahaja daripada jumlah 18,769. Anggaran yang agak jauh. Bagaimana seseorang yang berkelayakan SPM sahaja diberikan kepercayaan yang begitu tinggi untuk membimbing dan mendidik kanak-kanak pada peringkat awal? Adakah kepincangan-kepincangan ini selaras dengan penghususan dan publisiti yang luar biasa dan dana berjuta-juta ringgit yang diberikan kepada PERMATA?

Isu keempat saya ialah mengenai tahap komuniti kaum India di Malaysia. Saya terkilan dan terkejut semasa pembentangan Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Pekan, Perdana Menteri secara sinis mengatakan bahawa seorang penerima BR1M dari keturunan India memaklumkan kepada beliau bahawa, '*saya tarik kisah apa orang mahu cakap fasal kerajaan, yang paling penting Dato' Sri Najib, BR1M bantu saya dan keluarga saya*'. Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut dan terkilan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepatutnya memandang kata-kata penerima BR1M tersebut sebagai satu kegagalan. Ini adalah kerana jika penerima BR1M tersebut

diberikan pendidikan yang sewajarnya, kualiti kehidupan yang sepatutnya, peluang pekerjaan yang sama rata dan kemudahan-kemudahan yang sama, secara ikhlas dan bukan pilih kasih, saya beranggapan bahawa penerima BR1M tersebut mesti ‘kisah’ dan bukan ‘tarak kisah’ tentang kerajaan.

Menerapkan dan mengongkong kaum India dalam kotak penderitaan yang penuh dengan kemiskinan, tanpa pendidikan, tanpa kualiti kehidupan, tanpa pekerjaan, tanpa pengiktirafan yang sepatutnya adalah talian hayat untuk Kerajaan UMNO–Barisan Nasional bermaharajalela dan berkuasa untuk selama-lamanya. Amat memalukan pada hari yang sama, Presiden MIC, Yang Berhormat Segamat ketawa sambil mengakui ini sebagai satu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi lagi sekali, ini adalah satu kegagalan dalam Kerajaan MIC–UMNO–Barisan Nasional dalam memartabatkan dan memperkasakan kaum India di Malaysia selama ini. Persoalan saya adalah berkaitan iaitu:

- (i) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada SEED dan Siddiq selama ini termasuk bajet untuk tahun 2017;
- (ii) bagaimana Kerajaan Persekutuan pasti bahawa dana SEED dan SEDIC berjaya disampaikan kepada kumpulan kaum India yang disasarkan;
- (iii) jika Kerajaan Persekutuan pasti bahawa dana sampai ke kumpulan Sasaran, saya mencabar Kerajaan Persekutuan untuk menyenaraikan nama-nama mereka yang berjaya dapat peruntukan ini secara telus dan terbuka;
- (iv) berapakah dana yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil sepanjang tahun 2015 dan 2016 secara terperinci;
- (v) jika Kerajaan Persekutuan pasti bahawa dana sampai ke sekolah-sekolah Tamil, saya mencabar sekali lagi kerajaan untuk menyenaraikan nama-nama sekolah tersebut bersama dengan dana yang telah diperuntukkan secara telus dan terbuka; dan
- (vi) bagaimana pula RM50 juta peruntukan bagi Program Peningkatan Kapasiti dan Pendapatan akan dilaksanakan, siapa yang akan dipertanggungjawabkan untuk menerima dana ini dan mengagihkan dana ini dan bagaimana dana ini akan diagihkan.

Isu kelima saya Tuan Yang di-Pertua ialah kos sara hidup. Ketika ini melalui pemerintahan Kerajaan Persekutuan, kita sebenarnya sedang berada dalam era kegawatan tegar dan impak mulai dirasai. Kini amat menyedihkan apabila mendapati peniaga-peniaga kecil terpaksa memilih cara-cara yang menyalahi undang-undang bagi menampung kos sara hidup yang tinggi. Tidak ada sesiapa dalam Dewan yang mulia ini yang boleh menafikan penjualan barang-barang yang haram dan menyalahi undang-undang dijual di kedai-kedai runcit biasa.

Tiada sesiapa pun yang akan sengaja melakukan sesuatu untuk melanggar undang-undang dan mencabar penguat kuasa. Saya berpendapat ini adalah kesan peningkatan kos sara hidup. Sebagai contoh, arak murahan, rokok yang tidak berkualiti walaupun jenama tetap sama, harga tetap sama, barang-barang runcit yang berkualiti rendah dijual secara berleluasa. Ini akan mengakibatkan gangguan kepada kualiti kehidupan dan kesihatan masyarakat kita.

#### ■2100

Walaupun banyak pengumuman manis dilakukan, tetapi kesudahannya ialah rakyat tetap menderita. Harga barang naik mendadak. Kawalan yang tidak bersungguh-sungguh, polisi yang gagal membina masyarakat berkualiti adalah hasil terakhir daripada kemusykilan ini. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan sepatutnya fokus kepada peningkatan taraf kehidupan dan memberi mereka kuasa membeli dan kuasa membuat keputusan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, situasi sebenar ialah rakyat dihimpit dan dipaksa mengikut kehendak dan selera Kerajaan Persekutuan. Saya menamakan dasar sebegini sebagai dasar diktator ala komunis menyelimutkan demokrasi. Persoalan saya ialah siapa yang perlu dipertanggungjawabkan dengan jualan barang-barang yang menyalahi undang-undang dan tidak berkualiti? Siapa yang perlu memikul amanah apabila harga barang naik secara mendadak tanpa kawal selia? Apakah perancangan Kerajaan Persekutuan untuk mengharungi kos sara hidup yang tinggi? Adakah Kerajaan Persekutuan ingin menunggu sehingga keadaan menjadi parah, sehinggakan kanak-kanak kita menjual dadah di tepi jalan seperti Brazil dan Mexico atau wanita kita menjadi pekerja seks seperti di Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, ini menjadi keraguan dan titik-titik yang saya menekankan. Saya mendesak Kerajaan Persekutuan mengambil berat dalam menyelesaikan masalah utama rakyat Malaysia kini iaitu kos sara hidup yang tinggi dengan menjelaskan langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ini.

Isu keenam ialah mengenai inti sari Bajet 2017. Kini bajet di Malaysia mempunyai trend baru Tuan Yang di-Pertua. Meninjau trend baru yang berlaku pada

tahun 2014, tahun 2015 dan tahun 2016 anggaran hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2017 yang diumumkan dijangka berkurangan apabila semakan dilakukan nanti. Semakan akan dilakukan untuk tahun 2017. Kalau sebelum ini trend hasil Kerajaan Persekutuan memaparkan peningkatan semasa berbanding anggaran asal bajet, tetapi trend baru ini muncul pada tahun 2014 di mana rekod semasa hasil Kerajaan Persekutuan memaparkan pengurangan berbanding dengan anggaran asal bajet. Sebelum tahun 2014, tidak pernah berlaku. Akan tetapi selepas tahun 2014, benda ini berlaku. Trend atau pengurangan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta penjelasan boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta maaf, tidak ada gangguan. Apabila trend baru ini berterusan sehingga tahun...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Fasal bahasa. Saya minta tarik balik bahasa tadi Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan ganggulah. Tidak bagi *floor*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Hey bahasa *you* itu bukan bahasa Dewan tahu. Dia menuduh bahawa rakyat Malaysia boleh sampai jadi pekerja seks. Ini apa ini Yang Berhormat Kapar? Cakap baik-baik sedikitlah. Hey! Cakap baik-baik sedikit!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ini gangguan standard. Ini gangguan standard. Jangan ganggulah. Jangan ganggu, *you* duduk. Tidak ada *floor*, *you* duduk. Tidak ada *floor*, *you* duduk. Tidak ada *floor*, *you* duduk.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sampai pekerja seks, apa ini? Hey, wayar putus. Turun bukit, wayar putus. Rantai terputus.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk poin saya. Dia tidak dengar betul-betul. Suruh dia baca betul-betul. Dia boleh semak *Hansard* saya. Tidak payah. Saya ambil masa tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Apa ini? Hey, *you distant your profession*, malulah. So *lowlah*. Hey, so *low*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mengganggu saya. Hari itu ganggu Yang Berhormat Taiping. Hari ini ganggu saya, standard. Apabila kita hendak *landing*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bawah, so low. Rantai putus.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa yang hey? Apa hey, hey? Ganggu saya, tengok.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Rantai putus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya teruskan, teruskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua tak nak tegur. Apabila saya bercakap pasal mahkamahlah, hakimlah, peguamlah, ini kena tegur juga. Ganggu *floor* saya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Apa ini? Tidak sesuai bercakap dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Rantai putus. Lidah tidak bertulang, inilah dia.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudahlah. Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua kepada insan-insan sebegini, sejauh mana Kerajaan Persekutuan mentadbir urus kewangan negara secara hemah dan membuat persediaan yang baik untuk generasi akan datang? Apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mengubati luka yang bernanah? Dengar ini baik-baik. Luka yang dikenali sebagai pemborosan. Apakah Kerajaan Persekutuan bangga dengan kaedah menggunakan hutang luar jangka dan liabiliti tersirat?

Tuan Yang di-Pertua, ini dengarlah. Izinkan saya membaca sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizi yang bermaksud, “*Sesungguhnya bagi setiap umat ada ujian dan ujian bagi umat ku adalah harta kekayaan*”. Saya berharap semua warga negara termasuk pemimpin macam tadi menghayati hadis ini merentasi sempadan perkauman. Kekayaan ini jika tidak dikawal dan sekiranya dinodai oleh nafsu dan tamak haloba akan menghancurkan. Kekayaan yang tidak direstui akan menyebabkan

seseorang itu hilang akal dan menjadi hamba kepada dunia materialistik, pangkat dan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita jadi hamba kepada kekayaan dan kuasa kerana kekayaan yang tidak direstui akan menghancurkan. Kuasa dan pangkat yang tidak dikawal akan membinasakan. Insaflah bahwasanya kuasa dan pangkat itu adalah sedekah rakyat kepada kita untuk kita berkhidmat untuk menjaga kebijakan dan kepentingan mereka. Ingat, manusia yang melampaui batas dengan kuasa dan pangkat, bersifat zalim dan kejam hanya kepada Tuhan akan dia kembali. Ini adalah didikan ayahanda Dato' Seri Anwar Ibrahim kepada saya. Bukan, makhluk-makhluk ini tidak fahamlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengakhiri Dewan yang mulia ini dengan menghalusi *Tirukkural* karya *Thiruvalluvar* versi 283 iaitu, *[Berucap dalam bahasa Tamil]* yang bermaksud Tuan Yang di-Pertua, “*Kekayaan yang diperoleh melalui rasuah dan penyelewengan walaupun nampak berlambak setinggi gunung, tetapi hakikatnya ialah kekayaan sebegini akan musnah dan lenyap dalam sekelip mata*”. Sekian wacana saya. Saya mengakhiri dengan menolak pembentangan bajet mainan politik 2017. Terima kasih, ‘*nandre*’ Tuan Yang di-Pertua. Kalau anak jantan, keluar sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Heyy. Tidak payah bergaduh macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia gaduh dengan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Samarahan. Yang Berhormat Kota Samarahan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis, duduklah Yang Berhormat.

## 9.06 mlm.

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas mengenai Bajet 2017 pada kali ini. Pertama sekali saya hendak merakamkan mewakili warga Kota Samarahan dan Sarawak, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan

Bajet 2017 kali ini dalam kedudukan yang lebih mencabar dengan ketidaktentuan keadaan ekonomi dalam dan luar negara serta harga minyak mentah yang rendah.

Bajet 2017 adalah bajet di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Ia sangat penting dalam menentu hala tuju negara pada masa hadapan menjelang Wawasan 2020. Penekanan utama kerajaan dalam Bajet 2017 adalah terhadap tanggungjawab kerajaan dalam aku janji berdasarkan komitmen selama ini iaitu, *“Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”*. Belanjawan Malaysia 2017 ramai menyifatkannya sebagai bajet komitmen bagi terus memacu pertumbuhan ekonomi sekali gus menjana manfaat kepada pelbagai pihak, sambil kerajaan juga terus komited untuk mengurus perbelanjaan secara berhemah dan kreatif demi menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Dengan tema merancakkan pertumbuhan, memastikan pengurusan fiskal berhemat, meningkatkan kesejahteraan rakyat membuktikan kerajaan terus komitmen akan terus mengotakan janjinya kepada rakyat secara adil dan menyeluruh. Malah, analisis menunjukkan ekonomi negara akan terus berkembang pada kadar menjangkau 5 peratus pada 2017. Oleh itu, Bajet 2017 memperuntukkan RM290.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak 34 peratus daripada pengubahsuaian Bajet 2016 sebelum ini, menolak dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan negara kita akan bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, bidang pendidikan akan terus diperkasakan dan terus diberi tumpuan utama dalam usaha membangunkan modal insan dan memacu ke arah negara maju.

## ■2110

Pelan yang berteraskan prinsip bangsa Malaysia iaitu dasar transformasi negara mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat melalui Model Baru Ekonomi. Model ini menetapkan matlamat untuk menjadikan ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan. Justeru itu melalui teras ketiga iaitu meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju iaitu mengutamakan pekerjaan berkemahiran tinggi dengan menambahkan kualiti pendidikan dan meningkatkan kecemerlangan dan pencapaian murid melalui peningkatan akses dan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya masih menekankan ataupun menyentuh berkaitan kualiti infrastruktur dan kemudahan persekolahan di Sarawak khususnya di Kota Samarahan yang masih memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan bagi memastikan pelajar dan guru-guru berada dalam kondisi pembelajaran yang baik. Dengan kelulusan pembinaan sekolah-sekolah baru yang diberikan oleh kerajaan di kawasan Kota Samarahan seperti SK Merdang, SK Muara Tuang, SMK

Muara Tuang— saya amat berharap projek ini dapat dimulakan secepat mungkin bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan.

Di dalam bajet kali ini juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memberi peruntukan RM600 juta untuk tabung khas penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah di seluruh negara. Bagi negeri Sarawak dilaporkan hampir 180 buah sekolah berada dalam keadaan uzur dan memerlukan penyelenggaraan sekolah dan tahun ini bajet yang diluluskan untuk pembinaan baru bangunan-bangunan yang uzur ini hanya 30 buah dan kita mengharapkan walaupun kelulusan hanya 30 buah kita mengharapkan Kementerian Pendidikan akan memberi juga keutamaan-keutamaan kepada sekolah uzur yang lain untuk diberi perhatian sekurang-kurangnya penambahbaikan dan penyelenggaraan kepada bangunan tersebut. Ini Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelak perkara-perkara yang tidak diingini melanda sekolah seperti kebakaran, runtuh dan sebagainya dan akhirnya memberi impak kepada pelajar dan guru di sekolah berkenaan.

Selain daripada itu pemberian bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar kepada keluarga berpendapatan sehingga RM3,000 dapat memanfaatkan 3.5 juta murid di seluruh negara. Keputusan kerajaan meneruskan bantuan persekolahan ini disambut baik oleh masyarakat terutamanya di luar bandar dan menunjukkan kerajaan tidak pernah lupa untuk sekurang-kurangnya memberi bantuan kepada keluarga yang mempunyai anak untuk memulakan sesi persekolahan. Cuma di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar dapat memberikan bantuan persekolahan ini di akhir tahun ini. Maksudnya di awal bulan Januari bagi memastikan persiapan ibu bapa menyediakan peralatan persekolahan anak-anak mereka tanpa masalah.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu sebanyak RM4.5 bilion diperuntukkan bagi memperkasakan program TVET bagi menghasilkan tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan industri. Secara peribadinya kita amat bersetuju dengan cadangan memperkasakan program TVET ini dan ia memberi peluang kepada anak-anak muda khususnya untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih cerah pada masa akan datang. Kemahiran dalam program TVET ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada industri dalam negara malah boleh memberi peluang kepada tenaga kerja kita untuk berkhidmat di luar negara dalam pelbagai arena dan industri. Cuma apa yang saya ingin pohon di sini mewakili masyarakat di kawasan saya dan juga di negeri Sarawak memohon agar pihak Kementerian Pendidikan mengkaji semula cadangan untuk menukar sembilan Institut Pendidikan Guru (IPG) kepada kolej

vokasional dan politeknik berikutnya galakan kerajaan memperkembangkan keperluan latihan teknik dan vokasional ini secara serentak.

Hal ini kerana IPG merupakan sebuah institut yang banyak melahirkan guru-guru bagi penempatan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Pada masa yang sama, saya percaya jika IPG ini ditukar kepada kolej vokasional ataupun politeknik, saya bimbang jika mana sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menempatkan 90 peratus guru dari Sarawak adalah anak tempatan tidak akan tercapai. Sebagai rasionalnya saya masih mengharapkan IPG Tun Abdul Razak di Kota Samarahan dapat terus dikekalkan sebagai salah satu IPG yang terus melahirkan guru-guru terutamanya guru-guru tempatan dan kita merasakan keperluan ini bukan sahaja untuk menempatkan guru-guru baru tetapi juga IPG ini telah berperanan aktif dalam memenuhi keperluan menjalani kursus *upgrading skill* untuk guru-guru lama dan juga membantu meningkatkan kepakaran ataupun kemahiran guru-guru selain daripada guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan seperti guru-guru KEMAS, guru-guru Jabatan Perpaduan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, saya merasakan kewajaran untuk mengekalkan IPG ini sebagai institut perguruan adalah lebih utama bagi guru-guru sekitar Kota Samarahan mahupun Sarawak secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pasti kerajaan komited untuk memastikan setiap rakyat Malaysia berpeluang untuk memiliki rumah mereka sendiri. Bajet 2017 tidak menekankan aspek untuk membendung spekulasi pasaran harta tanah kerana Bajet 2016 telah menangani atau memainkan peranan yang agak baik dalam aspek ini. Ironinya, meskipun pasaran harta tanah agak lembap pada tahun 2016 namun harta tanah masih tidak banyak berubah. Dengan kata lain ia berada dalam keadaan tidak naik, tidak turun. Ini telah menyebabkan ramai golongan berpendapatan sederhana dan pertengahan berada dalam keadaan tersebut kerana pendapatan mereka yang dianggap sebagai kaya dan tidak dapat menerima bantuan BR1M sebelum ini.

Kesungguhan kerajaan yang bercadang untuk membina 10,000 buah rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda yang layak dengan pekerjaan tetap termasuk graduan muda bekerja dalam Bajet 2017 merupakan satu inisiatif yang sangat positif dan menarik. Menurut statistik awalan dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bilangan transaksi pada suku pertama 2016 secara keseluruhannya adalah lebih rendah dengan 80,029 transaksi berbanding dengan 93,490 pada suku pertama 2015 yakni penurunan sebanyak 14.4 peratus.

Secara sedar atau tidak kadar pemilikan kediaman di kalangan bumiputera masih rendah. Masih ramai dalam kalangan mereka tidak merasakan penting untuk membeli harta tanah untuk dijadikan satu pelaburan ataupun persiapan menghadapi

masa hadapan. Oleh hal yang demikian, cadangan membina 10,000 rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda perlu diperluaskan di seluruh negara termasuk di Samarahan dan Sarawak. Mungkin sedikit peruntukan boleh disalurkan bagi belia-belia khususnya di Bandar Ilmu Kota Samarahan.

Syarikat Perumahan Negara Berhad memperuntukkan RM200 juta untuk membina lebih 5,000 unit Rumah Mesra Rakyat dengan subsidi kerajaan sehingga RM20,000 seunit untuk juga merupakan satu langkah yang sangat proaktif dalam memenuhi keperluan orang ramai memiliki rumah. Namun ingin saya tekankan di sini, saya amat berharap agar proses pengurusan dan kelulusan bagi projek mesra rakyat bagi penduduk luar bandar dapat dipertimbangkan dan diperhalusi dan dipercepatkan bagi kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kota Samarahan baru-baru ini telah mendapat penarafan sebagai Majlis Perbandaran.

#### ■2120

Terima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atas perkara berkenaan. Sejajar dengan status ini, saya ingin memohon pihak Kementerian KPKT agar dapat memberi manfaat kepada penduduk Kota Samarahan dalam aspek pembinaan rumah PPR dalam kawasan Kota Samarahan dengan sebanyak 9,850 unit rumah program perumahan rakyat yang membabitkan peruntukan sebanyak RM134 juta akan dibina oleh KPKT pada tahun 2017, kita berharap sebahagiannya dapat diperuntukkan di Sarawak dan juga di Kota Samarahan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Ia juga merupakan fokus ataupun tumpuan utama dalam Bajet 2017. Pembangunan infrastruktur meliputi kawasan luar bandar turut mendapat perhatian yang serius dalam pembentangan bajet kali ini. Peruntukan yang diberikan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan lagi dan memperkasakan lagi kempen luar bandar Sarawak iaitu *Go Rural*, akan dapat terus ditingkatkan dan banyak lagi pembaharuan dan penambahbaikan untuk pembangunan infrastruktur luar bandar dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.

Sabah dan Sarawak adalah dua buah negeri yang besar dan memerlukan banyak lagi peruntukan penambahbaikan dari sudut infrastruktur seperti jalan raya dan bekalan elektrik. Pada masa ini di Kota Samarahan, malah di seluruh Sarawak masih mengalami masalah bekalan air yang tidak mencukupi begitu juga masalah elektrik juga masih banyak permohonan-permohonan yang belum dapat dipertimbangkan sebelum ini. Begitu juga isu lampu jalan juga banyak lagi yang belum dipertimbangkan.

Jadi, kita berharap pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dapat melihat atau pun memberi perhatian untuk memberikan peruntukan bagi menjayakan pembangunan atau pun kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh masyarakat luar bandar.

Dalam hal berkaitan dengan jalan raya, kita juga mengharapkan pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menyediakan keperluan ataupun membuat pembinaan jalan-jalan baru luar bandar pesisir pantai yang mana jalan-jalan ini amat penting sekali bagi menghubungkan kampung-kampung di pinggir laut, di pinggir pantai yang mana banyak hasil ekonomi, hasil-hasil kemahiran yang tidak dapat dipasarkan sebaik yang mungkin. Dengan adanya sistem jaringan jalan raya yang baik, yang dapat kita laksanakan melalui peruntukan ini insya-*Allah*, segala keperluan ataupun segala permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat di sekitar kawasan pesisir pantai dapat ditangani dengan sebaik yang mungkin.

Begitu juga saya ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya untuk melihat secara serius penambahbaikan ataupun penaiktarafan Jalan Datuk Mohammad Musa, satu-satunya jalan persekutuan di Kota Samarahan yang juga merupakan jalan utama Bandar Samarahan ke Kuching. Jalan ini agak sempit tetapi kuantiti kenderaan yang melaluinya terlampaui banyak dan berlaku banyak kesesakan pada masa-masa terutamanya pada siang hari, waktu pekerjaan. Jadi kita mengharapkan pihak kementerian dapat menilai untuk menaik taraf jalan berkenaan terutama penyediaan lampu isyarat bagi Bulatan G3 di hadapan SALCRA bagi memudahkan laluan di kawasan berkenaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Saya ingin menarik perhatian pihak SKMM berkaitan dengan pembangunan dari sudut ICT dan teknologi yang juga perlu ditekankan di kawasan luar bandar. Pada masa ini, sistem telekomunikasi dan juga *internet* di kawasan Samarahan berada dalam keadaan yang baik. Namun begitu, kita masih memerlukan penaiktarafan sistem telekomunikasi dan internet di kawasan pesisir pantai. Seiringan dengan itu, saya ingin hendak memohon, bertanya kepada pihak kementerian, apakah status permohonan penaiktarafan sistem telekomunikasi di Semenanjung Asajaya seperti yang kita bincang ataupun kita maklumkan semasa PRN yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap bajet ini dan kita amat mengalu-alukan peruntukan-peruntukan bagi menjayakan pembangunan yang lebih hebat di kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Dengan ini, Kota Samarahan menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang.

### 9.25 mlm.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bajet ini tidak mencerminkan sentimen yang ada ketika ini di Sabah dan saya percaya juga di Sarawak. Ramai yang menunggu jawapan daripada Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan dengan *solution* berkenaan dengan Bahagian X, Perkara 6, di Perlembagaan.

Kita tahu bahawa sejak tahun 1969, Kerajaan Sabah dan juga Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menerima daripada Persekutuan pemberian khas dalam jumlah RM26.7 juta. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, angka ini atau jumlah ini masih dibayar sehingga ke hari ini. Kalau kita meneliti buku Belanjawan 2017, jumlah RM26.7 juta itu pun masih ditulis di dalam buku belanjawan.

Now, dengan izin, *inflation* pun tidak dikira, Tuan Yang di-Pertua— since 1969. Dari itu, *I think* Kerajaan Pusat has an obligation untuk memberi satu penerangan, kenapakah RM26.7 ini iaitu dikenali sebagai pemberian khas tidak diselesaikan ataupun tidak dikaji balik sejak tahun 1969? Juga jangan gunakan pemberian khas ini, *development funds* yang ada kepada Sabah sebagai alasan kenapa pemberian khas ini tidak dikaji balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kata awal tadi bahawa bajet ini tidak mencerminkan sentimen Sabah kerana kita tahu dalam laporan *Shell, Shell Timur* dan juga pemain-pemain industri gas dan *oil* di seluruh Persekutuan Malaysia ini, kita tahu bahawa Sabah sendiri contributes to about 45 to 47 percent of the national oil output iaitu 280,000 crude barrels per day daripada 600,000 yang dikeluarkan seluruh Persekutuan Malaysia. Now, when you look at the entire budget Tuan Yang di-Pertua, it does not reflect kita punya permintaan. You know, today alone Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kira harga minyak setakat hari ini, which is at USD 49 per barrel, crude barrel, kalau kita kira dengan output pengeluaran Sabah alone, Sabah sepatutnya sudah mengeluarkan setakat 13,860,000, just hari ini alone.

Now, something is wrong, Tuan Yang di-Pertua. We have to look at this seriously, bukan sahaja di Kerajaan Persekutuan tetapi juga di Sabah. I think the State Government of Sabah has to do something likewise the Federal Government, must be ready to jawab dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat jelajah seluruh Sabah, I think dalam kawasan Tuan Yang di-Pertua pun ada seperti mana yang telah

diakui oleh Menteri Pendidikan bahawa 380 buah sekolah di Sabah, 380 buah sekolah di Sabah *is in a bad condition*. Yes, mungkin belanjawan telah memberikan kaedah ataupun peruntukan bagi pembaikan *but why are we like this* di Sabah? Whereas di Semenanjung, kebanyakan sekolah yang saya nampak dan telah pergi, *are all* dalam, *you know, in good condition* —bukan macam kita.

### ■2130

*In my own constituency* di Penampang, ada beberapa sekolah where kita tahu cikgu-cikgu dan juga PIBG terpaksa kerjasama dengan ibu bapa murid untuk membaiki facilities sekolah dan juga *class room*. *The government owes a duty to our people and I think they cannot play around with this*.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hospital. Saya dapat beberapa SMS dan juga WhatsApp daripada *my constituency* di mana ibu ataupun bapa mereka telah di-admit pada *emergency unit* di Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu. Yes, semasa mereka tunggu dengan *result emergency doctors* yang attend to the family, attend to the sick, the family have to wait outside Tuan Yang di-Pertua, tiada ruangan ataupun tiada kerusi for them to wait. While they— you know, have to suffer thinking of what is happening dengan keluarga mereka yang sakit ataupun dalam keadaan yang tenat. So, I urge the Minister of Health to memberi satu penjelasan, kenapakah semasa doktor dan jururawat attends to the sick, those people waiting for the sick are not even given the dignity to wait in peace for their family, who is being treated by the doctor.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali ke *education*. Recently saya baca di mana Ketua Menteri Sarawak meminta Kerajaan Pusat untuk memberi ataupun *decentralized education* kepada Sarawak. We can see masalah dia sekarang di mana even IPG di Sabah pun sudah ada cadangan untuk ditutup. Di Keningau dan Institut Gaya, di Sarawak pun sama. Yes, mereka cakap bahawa *this institute will be upgraded* kepada vokasional ataupun institut yang tinggi. But that is not the crux of the matter. The issue is we will building Sabahan, we were creating Sabahan and even Sarawakian to become good teacher supaya dia orang boleh jadi facility kepada sekolah-sekolah yang sedia ada di Sabah. But with this closer, I believe that we will have a problem Tuan Yang di-Pertua. I don't know how the government is going to settle this but they owe an explanation to Sabah and Sarawak.

At the same time, saya juga faham bahawa beberapa institusi swasta di Sabah, sorry—the private institute in Sabah dia orang telah meminta universiti-universiti di luar negara untuk bekerjasama dengan institut ini dan membawa peluang kepada orang-orang Sabah untuk belajar di institut yang ada di Sabah. But I understand there are

*restriction oleh agensi semacam MyQUEST ataupun government agency macam MyQUEST di mana mereka mentermakan beberapa condition. I think we have to make this very loose. We are in a difficult situation in Sabah di mana orang-orang Sabah who are not able to go to UMS ataupun UiTM di Sabah terpaksa pergi ke Sarawak, to go to IPTS in Sarawak like Swinburne, Curtin and other university di Sarawak. At the same time, kalau tidak dapat tempat di Sarawak they have to go to Semenanjung and that is additional cost bagi orang-orang Sabah. Lebih lagi orang bumiputera dan orang asal Sabah.*

*Now for the Chinese at the same time in my constituency you have Sekolah Yue Min and also a few other schools that provides education, Chinese education kepada anak-anak bumiputera and yet I noticed they are being helped oleh orang-orang businessman dan juga keluarga-keluarga that send their children there. This mission school dan this Chinese school are actually facilities that is helping kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah you know, to provide education to the local people of Sabah. Yet, I think the government have to provide allocation kepada sekolah-sekolah ini and not leave this burden kepada parents dan juga pengurus sekolah-sekolah tersebut. Dengan itu I would like to have satu jawapan daripada kerajaan jika mereka sedia memberi peruntukan khas kepada sekolah-sekolah Cina dan mission school macam St. Micheal dan all the others school that are providing complimentary facility kepada sekolah-sekolah kerajaan di Sabah.*

Tuan Yang di-Pertua, BR1M. Saya ingin tanya daripada kerajaan, berapakah banyak orang Sabah mendapat BR1M? Adakah jumlah ini jumlah yang benar? Oleh sebab kita tahu bahawa Sabah adalah satu negeri yang dilabel sebagai *one of the poorest state in Federation of Malaysia. So we need to know* berapa ramai orang yang mendapat BR1M dan apakah usaha ataupun pelan-pelan yang lain untuk mencari penyelesaian bagi orang-orang Sabah yang dalam keadaan kemiskinan pada saat ini. Adakah *enforcement* yang membuat penelitian or investigation on whether orang yang menerima BR1M ini adalah benar-benar orang Sabah ataupun orang Sabah yang telah menjadi orang Sabah melalui projek-projek IC yang kita kerap kali dengar?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan bagaimana perumahan PPRT diagihkan di kawasan Penampang? Ada seorang yang saya kenal, dua orang saya kenal yang kerja dengan *Shell station* dan PETRONAS di Penampang di Donggongon yang selalu tanya saya, bagaimanakah mereka *apply* dengan PPRT? Kita memberikan satu laluan di mana mereka ini memohon melalui pejabat daerah dan juga beberapa ahli-ahli politik

daripada Barisan Nasional tetapi sehingga ke hari ini mereka tidak dapat jawapan ataupun mereka selalu diberikan jawapan di mana mereka kata tiada *allocation* ataupun tiada agihan daripada Pusat hingga ke hari ini. So, *the Minister* mesti jawab, kenapakah PPRT ini susah diagihkan di kawasan saya?

Tuan Yang di-Pertua, ada juga saya minta jawapan daripada kementerian yang berkenaan dengan *security* di Sabah. Saya sudah mencelah awal hari ini dan semalam, *I mean* minggu lepas. Di mana kerajaan boleh menjawab apakah terjadi dengan militan Sulu ataupun *Commander Sulu* yang telah dihebohkan dalam surat khabar di mana *60 orang Sulu Commander are known exist* di Sabah? *This is dangerous for all of us. I am sure* bagi Tuan Yang di-Pertua juga *in your constituency. We want to know what is the government solution to these people?* Adakah orang-orang ini ada di Sabah kerana mereka sudah jadi orang Sabah kerana projek IC? *This is where we connect* kepada juga kedai-kedai Pakistan yang ada di Penampang dan di beberapa daerah di seluruh Sabah.

Kenapakah warga Pakistan ini yang kita tahu datang dari Pakistan berniaga tanpa *fear* daripada undang-undang, mereka tidak takut dengan undang-undang? *We want to know why the immigration and why has the authorities not act upon* orang-orang ini? Kita faham mereka juga menolong kawasan kita dalam segi harga *where* dia orang ada pembayaran ansur-ansur ataupun *installment*, dalam bahasa kita ansur-ansur *but yet they exist and they are breaching the law* Tuan Yang di-Pertua.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri—sorry, Ahli Parlimen Pekan, Penampang ingin tanya bagaimakah *recommendation* yang dibuat oleh Jawatankuasa RCI yang diketuai oleh Ketua Menteri Sabah dan juga Menteri Dalam Negeri? Apakah cadangan ini dan adakah cadangan ini akan di bentang di Parlimen ini kerana semua orang Sabah dan juga Sarawak dan juga Semenanjung ingin tahu apakah penyelesaian yang ada dan penyelesaian yang dicadangkan untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin yang telah mendapat IC dan kewarganegaraan di Sabah yang kita semua ragu dan takut hingga ke hari ini? Adakah *solution* untuk mengeluarkan IC baru satu daripada cadangan yang akan dibuat dan inilah kita ingin bahaskan dalam Dewan ini.

## ■2140

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar tadi rakan saya Yang Berhormat Putatan meminta kerajaan untuk memberi nama baru seperti Momogun dalam dokumen-dokumen kerajaan, tetapi saya ambil pandangan yang lain. Saya pernah membahaskan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *we don't need to go into racial name because* kita tahu Tuan Yang di-Pertua adalah orang Sungai, saya adalah orang

Kadazan, *but we are both* orang Sabah. *Why we don't just* taruh Sabah dan kita tulis apakah kaum kita? *Because, what unite* ataupun yang menyatukan kita adalah orang Sabah, sebagai orang Sabah. *We are separated by sea from West Malaysia* tetapi kita tahu kita adalah warga Persekutuan Malaysia *but* kita adalah orang Sabah. *That unite us.*

*So, my suggestion* kepada kerajaan adalah *we don't need* tulis down every race, *we don't need* tulis down setiap kaum tetapi kita namakan Sabah dan kita tulis dengan tangan sendiri apakah kaum kita *which we are comfortable with and I think that is the way forward* kerana Sabah *must go back to the position where* kita bersatu untuk membawa kejayaan dan membawa kepada hala tuju yang baik dan bagus kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan internet. *Internet facility* di kawasan saya iaitu macam UniFi pun masih tidak sedia. Saya kerap kali dijanjikan oleh Telekom dan juga rakan-rakan dalam industri ini bahawa bulan lapan, bulan sembilan, bulan sepuluh, *we'll be the role over of UniFi in Penampang but until* sekarang tidak ada. Saya minta penjelasan daripada rakan saya Yang Berhormat Senator dari Kota Belud iaitu Menteri Komunikasi. Beliau mesti memberi satu penjelasan kenapa UniFi ini dan juga internet laju belum disediakan di kawasan Penampang iaitu mengendali banyak *business* di seluruh Penampang. *People are waiting for fast internet facilities.*

Tuan Yang di-Pertua, *flood mitigation*. Ini penebatan banjir. Saya telah membuat satu *visit* di Kibabaig, Penampang di mana kerajaan telah mengumumkan projek sebanyak lebih RM100 juta untuk menyelesaikan kes-kes banjir yang kerap kali ada di Penampang dan saya *notice* bahawa kerja dia *slow* dan belum ada *real solution* kalau kita tengok *with the naked eye*. *I think the Minister must answer this and* kalau dia dapat, cepatkan.

Bagi *corruption*, sudah disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Kota Baharu. Yes, *Sabah is facing a serious corruption*. Dua pegawai orang Sabah *were caught with hundred over million*. *I think this is serious*, Tuan Yang di-Pertua. *The government also have to show us* bahawa dakwaan akan dibuat. *When will the charge happen?* Why are these peoples not being charged until today? They are out on bail. Don't tell me investigation is been done because they found the money dalam almari mereka di pejabat kerajaan. *The government have to push the prosecution to put out what is the outcome of the investigation and do not leave the people hanging without an answer.*

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita juga selalu— *and* Tuan Yang di-Pertua *is the kin activist in these* iaitu berkenaan dengan penurunan *on the downgrading of*

*Sabah and Sarawak as a mere state dalam Persekutuan Malaysia.* Usul itu dibuat dan dibentangkan pada 13 Julai 1976. Usul itu dibuat oleh kerajaan. Kalau Kerajaan Persekutuan pada hari ini betul-betul percaya bahawa Perjanjian Malaysia 1963 telah dilanggar dan *never mind what happen at that time* pada tahun 1976, *and if this* kerajaan *really believe that they have to honor* dan hormati perjanjian itu, *throw in, push in a new motion or table a motion* untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak. *Then, I believe,* saya percaya rakan-rakan daripada sebelah sini dan juga daripada kerajaan akan menyokong sepenuhnya untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi di Persekutuan Malaysia.

Dari itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Berucap dalam bahasa Kadazan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Paya Besar.

#### **9.45 mlm**

**Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang dan peluang dalam membahaskan Bajet 2017 dalam Dewan yang mulia ini.

Pembentangan pada 21 Oktober yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan adalah satu yang realistik yang berpijak pada bumi yang nyata. Rakyat kena memahaminya apatah lagi Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat perlu lebih memahami dan hormat kepada kerajaan yang memerintah. Ahli-ahli Parlimen pembangkang perlu lebih memahami termasuk Peraturan Mesyuarat Dewan bahawa hari pembentangan bajet bukan untuk tujuan sendiri atau kepentingan diri sendiri tetapi meliputi dalam segala aspek.

Kalau kita lihat, bajet kali ini dengan peruntukan RM290.8 bilion merupakan peningkatan 3.4 peratus daripada pengubahaian Bajet 2016. Daripada jumlah ini, RM214.8 bilion adalah perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion pula untuk perbelanjaan pembangunan. Kalau dilihat di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM25.9 bilion, diikuti oleh sektor sosial sebanyak RM12.2 bilion, sektor keselamatan mendapat RM5.3 bilion dan sektor pentadbiran am lebih daripada RM2.5 bilion. Oleh itu, berdasarkan prestasi semasa, hasil tahun 2017 dijangka berkembang sekitar tiga peratus iaitu kepada RM219.7 bilion.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adalah seorang arkitek ekonomi yang hebat. Bukan memuji tetapi ada asasnya akan kebenaran itu. Tidak sewenang-

wenangnya pembentangan bajet hendak dilaksanakan kerana saya percaya kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan bajet yang terbaik melalui perbelanjaan berhemah sekalipun kita berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dunia. Yang sewenang-wenangnya dan memperlekehkan negara sendiri adalah datangnya daripada pembangkang. Itu fakta. Keluar Dewan pada Jumaat lalu adalah buktinya dan sesudah itu ingin pula membahaskan. Ini auta apa yang cuba dipermainkan?

Rakyat kena faham kelembapan ekonomi dunia berlaku dari semasa ke semasa sejak awal tahun ini. Kerajaan sendiri melaksanakan pakej rangsangan dalam menyesuaikan perbelanjaan dan pengurusan negara. Perkara ini normal dan langkah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan harus dipuji dengan mempelbagaikan sumber hasil kerajaan terutamanya mengurangkan kebergantungan hasil negara daripada sektor minyak dan gas sebanyak 41.3 peratus pada tahun 2009 kepada 14.6 peratus pada tahun 2016. Hasil daripada mempelbagaikan ekonomi secara lebih meluas ini, pertumbuhan ekonomi negara dapat dipertahankan dan masih terpelihara sungguhpun harga minyak telah merosot hampir 50 peratus.

Kedua, langkah berani kerajaan memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk meluaskan sumber pendapatan kerajaan. Ramai menentangnya, malah masih ada menentangnya pada masa sekarang. Perlu kita sedar hasil cukai langsung daripada individu terdiri daripada 2.1 juta pembayar sahaja daripada 14.6 juta jumlah warga kerja negara. Tambahan pula, dengan kejatuhan harga minyak, dianggarkan kerajaan kehilangan pendapatan kira-kira RM30 bilion setahun daripada sumber cukai pendapatan, cukai korporat, royalti, dividen Petronas dan cukai petroleum.

Namun, kerana GST lah kerajaan berupaya menampung perbelanjaan di kala sumber lain berkurangan. Melalui GST, hampir RM30 bilion telah berjaya dikutip setakat 19 Oktober 2016 lalu.

## ■2150

Melalui segala inisiatif diambil oleh kerajaan ini, saya melihat ekonomi kita berkembang secara mampan dan ada positifnya. Apa yang terkesan sekarang ialah Malaysia telah menjadi sebuah negara *upper middle income* mengatasi banyak negara bukan sahaja di Asia namun seantero dunia. Maknanya menurut KDNK PPP per kapita rakyat Malaysia telah meningkat daripada USD23,100 pada tahun 2012 kepada USD26,891 pada 2015. Syabas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional.

**Seorang Ahli:** Ya, betul. [Tepuk]

**Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Tanda kejayaan ini kalau secara logiknya sudah tentu orang sekeliling kita yang membantu, setia dan sentiasa kebersamaan, tidak kira waktu senang atau susah. Sebenarnya susah hendak mencari sahabat yang boleh menjadi teman kita sewaktu senang dan susah.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahabat setia beliau adalah bekas Setiausaha Politiknya yang juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dan Ahli Parlimen Bagan Datoh. *[Tepuk]* Saya melihat tidak sia-sia pelantikan Yang Amat Berhormat Bagan Datoh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membantu urusan kerajaan, politik dan Parlimen ini. Moga keakraban kedua-dua pemimpin ini terus terjalin dan membawa negara terus makmur, berkat dan stabil.

Sejak menjadi wakil rakyat Parlimen Paya Besar sebenarnya amat berterima kasih di atas keprihatinan kerajaan selama ini kerana menyediakan segala infrastruktur kepada rakyat. Kita faham tidak mudah mengendalikan projek rakyat atau Projek Mesra Rakyat pada setiap 222 kawasan Parlimen. Namun pelaksanaan dan perancangan strategik ekonomi setiap saban tahun pada satu kawasan kepada satu kawasan di susun mengikut permintaan dan keperluan semasa.

Seperti di Parlimen Paya Besar, kerajaan melaksanakan pelbagai projek pembangunan di sini bagi memastikan penduduk dapat menikmati kehidupan dan infrastruktur lebih selesa serta lengkap. Pembangunan yang merangkumi pelbagai aspek seperti menaik taraf jalan, pembinaan jambatan, rumah, masjid dan dewan orang ramai. Antara pelaksanaan projek naik taraf jalan raya secara berperingkat adalah Jalan Kuantan - Sungai Lembing dengan kos kira-kira RM18 juta yang memberi keselesaan kepada penduduk selain dapat mengurangkan masalah banjir di sepanjang laluan itu. Sebuah masjid baru turut dibina di Kampung Pancing dengan kos kira-kira RM2 juta yang mampu memberi lebih keselesaan kepada penduduk untuk menunaikan ibadah.

Selain itu tiga buah jambatan bernilai RM38 juta dibina di Kampung Kawah, Kampung Seberang dan Kuala Kenau menerusi Program Jiwa Murni yang memudahkan perhubungan penduduk seperti di Kampung Seberang Sungai Lembing, Kampung Kawah dan Sungai Mas di Bandar Sungai Lembing. Malahan kerajaan juga membina beberapa dewan orang ramai yang lengkap dengan pendingin udara menerusi Projek Mesra Rakyat di Parlimen ini seperti di Kampung Paya Bonggol bagi kegunaan masyarakat setempat menjalankan pelbagai aktiviti.

Bagi memenuhi keperluan perumahan rakyat, Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Pahang banyak didirikan di sekitar jalan raya menghala ke Gambang manakala FELDA juga tidak ketinggalan membina rumah untuk generasi keduanya di Bukit Goh, Lepar Hilir dan Bukit Sagu. Di samping itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Hendak mengacau sahaja. *[Ketawa]* Sila-sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, dia kata saya mengacau. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Paya Besar lah yang telah dapat memperincikan banyak projek-projek pembangunan yang telah dapat dilaksanakan oleh sebuah kerajaan yang cukup bertanggungjawab. Kita dapat lihat bukan sahaja kawasan-kawasan Paya Besar bahkan kawasan saya pun begitu juga.

Akan tetapi apa yang kita untuk hendak rakamkan di sini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita tidak pernah memilih bulu bahkan memberikan peruntukan kepada semua negeri dalam negara kita. Sama ada negeri tersebut ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional ataupun kerajaan pembangkang. Saya sebenarnya kadang-kadang terasa kecil hati juga kerana Melaka sebenarnya menyumbang sebanyak lebih daripada RM2.5 bilion pada setiap tahun hasil daripada cukai negeri Melaka. Akan tetapi kita mendapat peruntukan lebih kurang daripada Kelantan.

Padahal kita sebenarnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara sebanyak RM2.5 bilion satu tahun, mungkin tahun ini lagi lebih lagi kerana kawasan perindustrian dan lain-lain pendapatan. Jadi bagaimanapun saya hendak tanya satu daripada Yang Berhormat Paya Besar lah, kalaularah pada hari ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong tidak suka perkataan 'besau' Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Paya Besar tidak apalah, minta maaf saya. Saya hendak tanya satu pada sahabat saya inilah, ini kerana dalam keadaan yang cukup tertekan pada ketika ini apabila kita menghadapi pertumbuhan kita yang perlahan tetapi kerajaan masih lagi berkeupayaan. Apakah jadi pada hari tersebut kalau dengan keadaan harga minyak yang merudum turun ini hasil kita terus menekan tetapi tidak ada yang membantu padahal GST lah sebenarnya penyelamat kita.

Apa yang disebut oleh mereka-mereka ini Tuan Yang di-Pertua, yang tidak pernah berterima kasih walaupun dia menolak bajet kita tetapi tangan yang lain

meminta pula. Patut jangan minta langsung kalau tidak sokong. Patutnya kita tahu bajet ini memberikan bantuan kepada seluruh peringkat masyarakat dalam negara saya. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Saya setuju, terima kasih. Masukkan ucapan Yang Berhormat Jasin dalam ucapan saya. Senang, saya tidak payah bagi ulasan lagi, tetapi kena tambah masa. *Floor* tadi *floor* saya, Yang Berhormat Jasin ambilkan 10 minit.

Di samping itu saya juga telah memohon Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil kira pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) supaya golongan muda di kawasan berkenaan memiliki rumah menerusi kaedah yang ditawarkan. Dalam pada itu saya pernah mencadangkan kepada kerajaan supaya mendalamkan Sungai Kuala Kenau supaya aliran airnya lebih deras dan lancar sekali gus dapat mengurangkan masalah banjir di sekitar Bandar Sungai Lembing dan kampung-kampung berdekatan.

Dalam hal-hal lain saya juga memohon kemudahan balai bomba dan penyelamat di Parlimen Paya Besar supaya dinaiktarafkan. Hanya sebuah jentera dengan kekuatan 29 anggota bagi kawasan Parlimen saya yang mempunyai keluasan yang memang besar. Jadi pohon kerajaan mengambil serius hal ini kerana dalam sekarang ini anggota bomba ini sudah menjadi anggota *multitasking*. Asalkan orang awam telefon dan minta bantuan, bomba yang ke depan terlebih dahulu.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula tangga gaji bomba ini. Terlalu rendah dan tidak setimpal dengan tugas serta tanggungjawab mereka sekarang. Kebajikan anggota bomba dan penyelamat juga perlu kita melihat umpamanya mereka ini adalah golongan *unsung heroes*. Saya cuma ingin memaklumkan golongan bomba dan penyelamat adalah mereka yang berada dalam kelompok M40 dan B40. Bagi golongan M40, secara umumnya adalah kelompok isi rumah yang berpendapatan sekitar RM3,900 hingga RM8,300.

Bagi B40 pula ialah golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dengan pendapatan isi rumah sekitar RM3,900 ke bawah. Maka perlu ada satu keperluan bagi kerajaan menaik taraf skil gaji anggota bomba dan penyelamat ke satu tahap yang lebih baik supaya selari dengan hasrat kerajaan yang mahu menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi dan berkemahiran tinggi.

FELDA dekat di hati saya. Kawasan Parlimen Paya Besar sebahagian besar adalah kawasan FELDA. Maka setiap perkembangan dan prasarana yang warga FELDA sentiasa menjadi perhatian utama. Pada waktu sama peranan dan organisasi

FELDA itu pun sentiasa menjadi perhatian saya serta kebajikan warga peneroka serta generasi kedua dan ketiga mereka.

Dari segi organisasi, hari ini sudah pun berlaku transformasi sehingga FELDA ataupun komponen FELDA boleh dianggap sebagai sebuah syarikat multinasional yang boleh dibanggakan apabila beralih daripada soal jalan dan parit yang perlu diberi perhatian sebelum ini kepada pelaburan kilang di Kanada serta hotel dan restoran di Mekah.

#### ■2200

FELDA kini antara badan konglomerat terbesar dunia dan banyak berjasa kepada negara. Bermula pada awalnya untuk membasmi kemiskinan, FELDA kini mencapai kejayaan sangat membanggakan sehingga tiada negara lain yang mampu mengikut jejak langkah itu. Bagi memastikan FELDA terus maju, sudah tentu saya berharap generasi baru FELDA boleh melakukan transformasi minda, mencari peluang dan ruang untuk meneruskan semangat juang generasi pertama dalam menjadikan FELDA penjana ekonomi negara hingga ke peringkat antarabangsa. Sebagai menyokong FELDA, FELDA Global Ventures Holdings (FGV) adalah pendorong kuatnya. Malahan, sekarang pun FGV sebagai pengeluar minyak sawit mentah (MSM) terbesar dunia, pengendali perladangan sawit ketiga terbesar di dunia, pemilik kemudahan penyimpanan minyak sayuran terbesar dunia, beroperasi di lebih 10 negara meliputi Asia Barat, Amerika Utara dan Eropah. Enam bahagian operasi utama kelapa sawit huluan, kelapa sawit hiliran, getah, gula, penyelidikan dan pembangunan dan perkhidmatan agro dan perdagangan, logistik pemasaran dan lain-lain.

FGV dan FELDA mempunyai pengerusi sama, cuma apa yang hendak saya syorkan ialah FGV mempunyai pengerusinya tersendiri. Kalau FELDA mempunyai pengerusi lantikan politik, maka saya syorkan supaya FGV mempunyai pengerusi yang bertaraf teknokrat atau korporat yang mempunyai latar belakang seorang ekonomis. Saya tidak mempertikaikan keadaan sekarang tetapi untuk pergi jauh lebih mantap, tersusun dan efektif, sudah tiba masanya FGV mempunyai pengerusi yang tersendiri dalam menghala tuju organisasi. FELDA sendiri mempunyai peranan yang sudah terlalu besar, FGV begitu juga. Walaupun FGV kini diketuai oleh seorang bertaraf jawatan presiden merangkap ketua pegawai eksekutif berlatar belakang ekonomi, namun dengan mempunyai pengerusi berstatus teknokrat saya percaya gandingan yang sebegini akan dapat memacu FGV dengan lebih mantap. Lihat kini, FGV kembali meraih untung pada suku kedua berakhir 30 Jun 2016 dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat RM108 juta berbanding dengan kerugian RM70

juta pada suku sebelumnya. Ia diraih daripada pendapatan yang meningkat 10 peratus kepada RM4.140 bilion berbanding RM3.755 bilion suku sebelumnya.

Malahan, pendapatan untuk tempoh setengah tahun itu meningkat 14 peratus kepada RM7.895 bilion. Saya percaya FGV memerlukan seorang pengurus untuk mengetuai organisasi yang semakin dinamik ini. Sudah disebut bahawa sebanyak 2,700 daripada 8,470 unit kediaman projek perumahan generasi kedua FELDA dijangka siap hujung tahun 2016 ini. Manakala, baki 5,770 unit lagi akan siap suku pertama tahun hadapan. Malahan, FELDA sendiri sudah memperuntukkan kira-kira RM500 juta bagi melaksanakan projek itu di 38 tanah rancangan miliknya di seluruh negara. Tahniah buat Yang Amat Berhormat Pekan kerana projek ini adalah hasil cetusan idea beliau untuk memberikan keselesaan kepada peneroka dan kini mula dilaksanakan di beberapa lokasi. Sebahagian daripadanya boleh disiapkan selewat-lewatnya hujung tahun ini. Apa yang pasti, FELDA memenuhi tujuan asal penubuhannya sejak 60 tahun yang lalu dan yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan memastikan legasi Allahyarham Tun Abdul Razak untuk menubuhkan FELDA akan terus menjaga kebajikan peneroka. Cuma, saya ingin membangkitkan adalah mana-mana projek terbengkalai perumahan di tanah rancangan FELDA supaya dapat dipulihkan segera seperti di kawasan saya FELDA Bukit Sagu 1. Kebanyakan rumah amat penting dan keperluan untuk generasi kedua ini boleh membantu mereka dalam menstabilkan ekonomi dan masa depan masing-masing.

Dengan kata-kata itu, dengan lafadz *Bismillaahi Rahmaani Rahiim*, saya dengan ini menyokong pembentangan Bajet 2017 dengan jayanya. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibu.

#### **10.07 mlm.**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan saya peluang untuk membahaskan dalam perbahasan Bajet 2017 ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Sarawak saya amat prihatin terhadap apa yang sedang berlaku di *Spratly Islands* atau *nine-dash line* yang dituntut oleh pihak Kerajaan China. Saya difahamkan bahawa kalau kita kehilangan kawasan *Spratly Islands* atau *nine-dash line* ini, Sarawak akan hilang lebih kurang 75 peratus hasil petroleumnya. Saya tidak faham bahawa mengapa Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf keputusan *Permanent Court of Arbitration, The Hague*, yang memutuskan bahawa China tidak ada hak ke atas tuntutan *nine-dash line*.

Saya rasa keputusan *court The Hague* ini merupakan satu keputusan yang penting supaya kita boleh menggunakannya dalam perundingan dengan pihak China. Adakah kita takut terhadap pihak negeri China, sambil kita takut untuk mengiktiraf hasil keputusan *court The Hague*. Saya harap kerajaan boleh memberikan satu penjelasan. Selain itu, saya ingin tahu bahawa sama ada wakil daripada Kerajaan Negeri Sarawak ada dalam perundingan dengan pihak-pihak yang menduduki *Spratly Islands* ini. Kalau tiada, mengapa tidak ada wakil kerajaan dari negeri Sarawak? Bolehkah kerajaan menjelaskan?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini *Territorial Sea Act* 2012 yang menentukan bahawa hak negeri Sarawak ke atas kawasan perairannya hanya terhad kepada 3 *nautica miles*. Ini telah menimbulkan ketidakpuashati rakyat Sarawak. Mereka berasa *sovereignty* negeri Sarawak sudah terancam. Kerajaan Negeri Sarawak juga menyatakan bahawa Kerajaan Sarawak tidak bersetuju dengan *Territorial Sea Act* 2012 ini dan mereka tidak diberitahu tentang pembubaran undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak pada Jun yang lalu, Ketua Menteri Sarawak - Adenan Satem, beliau akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya *Territorial Sea Act* ini yang bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia haruslah dimansuhkan.

Kalau undang-undang ini dilaksanakan, kebanyakan hak petroleum negeri Sarawak akan hilang. Adakah ini merupakan konspirasi Kerajaan Persekutuan supaya untuk mendapatkan hak minyak negeri Sarawak? Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah perundingan Kerajaan Negeri Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pasti ada banyak kampung di kawasan pinggir Sibu tidak ada bekalan air dan bekalan elektrik. Kebanyakan kampung ini adalah di sepanjang sungai sempadan ikan. Contohnya, Kampung Tutus, Kampung Rasau, Kampung Sungai Pinang, Kampung Bunga Besar dan Kampung Bunga Kecil. Saya ingin tahu, bilakah bekalan air dan bekalan elektrik akan disambungkan ke sana? Mereka amat memerlukan, terutamanya bekalan air yang konsisten. Sekarang apabila musim kemarau walaupun kerajaan ada membekalkan tangki air tetapi dengan tiadanya turun hujan, mereka masih menghadapi kekurangan air minum yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru difahamkan bahawa projek lampu jalan kampung yang dilancarkan oleh Kementerian Luar Bandar tidak meliputi kawasan P.212 Sibu. Saya ingin menerangkan di Dewan yang mulia ini bahawa banyak lagi di kawasan pinggir bandar Sibu juga ketinggalan dari segi infrastruktur. Kawasan semi hulu di Sibu tidak banyak beza berbanding dengan kawasan pedalaman di bandar Katapi. Kebanyakan kampung di pinggir bandar Sibu juga miskin. Jadi, saya berharap

Kementerian Luar Bandar boleh merangkumkan kawasan pinggir bandar Sibu dalam projek lampu jalan kampung yang dilancarkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan isu Empangan Baleh penjana hidroelektrik di dalam soalan lisan dalam sidang kali ini. Akan tetapi soalan lisan saya ditolak. Dewan ini mengatakan bahawa ia adalah hal ehwal negeri Sarawak, jadi dia tolakkan soalan lisan saya.

**■2210**

Saya amat hairan mengapa Empangan Bakun yang dulu, apabila dibina, *EIA report* tidak ada ia sudah dibina. Jadi kali ini Empangan Baleh juga dikatakan *EIA report* belum lagi disiapkan, tetapi Kerajaan Negeri Sarawak sudah mahu membina Empangan Baleh pada tahun depan.

Jadi saya ingin tahu, apakah status *EIA report* bagi Empangan Baleh pada masa kini? Ini menyebabkan *EIA report* merupakan satu tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Jadi ia bukan langsung semua kepada kerajaan negeri, ia juga merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Jadi saya harap Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar boleh memberikan satu penjelasan mengapa *EIA report* belum disiapkan tetapi projek Empangan Baleh ini boleh mula dibina pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2017 ini saya tidak nampak banyak peruntukan kepada negeri Sarawak. Jadi, bolehkah kerajaan secara spesifik menerangkan berapakah peruntukan kepada negeri Sarawak pada tahun 2017. Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem telah menyatakan di Dewan Undangan Negeri bahawa peruntukan *Pan-Borneo Highway* merupakan sebahagian daripada peruntukan tahunan Sarawak. Adakah ini benar?

Kementerian Kerja Raya menyatakan bahawa peruntukan *Pan-Borneo Highway* sebanyak RM5 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi negeri Sarawak. Jadi, adakah RM5 bilion ini merupakan sebahagian peruntukan yang diperuntukkan untuk Kerajaan Negeri Sarawak pada Rancangan Malaysia Ke-11? Saya harap kementerian boleh beri satu penjelasan yang terang, adakah apa yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Sarawak itu adalah salah. Kalau salah, cakap salah. Jangan pusing-pusing tidak ada beri penerangan yang jelas. Saya mahu tahu, apakah *Pan-Borneo Highway* kos itu adalah sebahagian daripada peruntukan tahunan untuk negeri Sarawak atau merupakan sebahagian dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang memang untuk negeri Sarawak, bukan satu projek yang baru.

Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ada satu soalan yang saya hendak tumpang Yang Berhormat. Saya ada satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri tentang *Pan-Borneo Highway* di mana pada tahun 2016, peruntukan *Pan-Borneo Highway* dikatakan adalah *RM800 million*. Akan tetapi soalan yang saya beri Menteri iaitu daripada *RM800 million* ini pada 2016, berapakah yang betul-betul sudah sampai kepada kontraktor? Soalan itu tidak dijawab. Apakah pendapat Yang Berhormat? Kenapakah soalan saya tidak dijawab? Terima kasih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Okey, masukkan ucapan Yang Berhormat Stampin ke dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin tahu ialah *Capitation Grant Act 2002* sudah lama tidak ada semakan. Jadi, bilakah *Capitation Grant Act 2002* adakan semakan yang baru? Saya ingin tahu kalau tidak ada semakan, berapa kerugian bagi negeri Sarawak untuk mendapatkan peruntukan tahunan?

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2017 merupakan *Visit Sibu Year*. Pelbagai acara telah dirancang oleh SMC Sibu. Saya diberitahu bahawa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak ada sebarang peruntukan kepada SMC Sibu supaya Tahun Melawat Sibu boleh dijalankan dengan lebih berjaya. Sekarang Sibu tidak ada lagi banyak kayu balak seperti dahulu. Aktiviti ekonomi baharu sekarang adalah amat bergantung terhadap bidang kelapa sawit, tetapi harga minyak kelapa sawit ini selalu turun dan naik mengikut harga pasaran dunia. Oleh yang demikian, adalah penting untuk membangunkan Sibu kepada satu tempat pelancongan yang popular. Saya harap Kerajaan Persekutuan boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya 'Jom Jengah Sarawak' seperti Sibu boleh ada perancangan pembangunan pelancongan tersendiri supaya dalam 10 tahun atau 20 tahun kemudian kawasan 'Jom Jengah Sarawak' juga akan mempunyai lebih banyak tempat pelancongan dan fasiliti pelancongan yang lebih menyeluruh.

Itulah sahaja perbahasan saya. Saya ingin menolak Bajet 2017 ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibuti.

#### 10.16 mlm.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam mesra, salam sejahtera, salam transformasi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk

membahaskan Bajet 2017 kita yang '*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Seluruhnya*'.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan dengan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana di bawah kepimpinannya, kita kali ini dapat meneruskan program pembangunan di bawah bajet yang dibentangkan. Kita juga sangat bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan menitik beratkan pelajaran sehingga hendak membaik pulih sekolah-sekolah yang daif di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kawasan saya, dalam perancangan sebanyak 120 buah dan lebih kurang 30 buah akan dibina dengan cara IBS. Saya sejak dahulu lagi konsisten mencadangkan kaedah ini, kaedah IBS ini untuk sekolah-sekolah yang daif terutama sekali di kawasan saya. Terima kasih kerana sudah diuji IBS ini setelah enam buah sekolah dibina pada Bajet 2016. Terima kasih kepada pihak kerajaan.

Kita selalu mendengar bahawa bajet ini tidak akan membawa sesuatu yang besar ataupun projek-projek mega tetapi kita mendapat fahaman bahawa banyak bantuan yang akan dihulurkan oleh kerajaan kepada kita, rakyat di luar bandar. Seperti yang saya maksudkan tadi, sekiranya diberi peluang di Parlimen Sibuti, antara sekolah-sekolah yang dibina, akan dibina dengan IBS itu, saya cadangkan SK Kelapa Sawit No. 2, SK Tanjung Belipat dan SK Rumah Tinggi yang merupakan antara puluhan sekolah daif dalam kawasan Parlimen Sibuti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada membina keseluruhan sekolah melalui kaedah IBS bagi memberi kemudahan persekolahan moden kepada pelajar di luar bandar, saya berharap agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan penggunaan IBS juga bagi infrastruktur sekolah usang seperti asrama, kuarters guru, bilik kelas tambahan atau blok pentadbiran di sesebuah sekolah.

## ■2220

Selain masalah sekolah daif, salah satu cabaran besar buat pelajar dan ibu bapa pada masa kini adalah keadaan jalan menuju sekolah banyak di Sarawak khususnya buat masa ini sangat berterima kasih atas komitmen kerajaan membina jalan-jalan perhubungan dalam ratusan kilometer tetapi masih juga terdapat satu dua jalan yang masih tidak sempurna. Saya mengharapkan agensi-agensi akan mengambil tindakan kepada yang disebut saya di atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) adalah satu badan yang menggalakkan generasi dalam satu program di bawah Agensi Inovasi (AIM) yang begitu baik dan efektif bagi menambah baik sistem pelajaran di negara ini di mana ia dapat dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *focus on teaching student design thinking a*

*crucial marketing skill that helps tailoring businesses towards the needs of the end user.* Oleh yang demikian, saya memohon supaya program ini dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara khususnya di kawasan Parlimen saya Sibuti. Saya juga memohon peruntukan dipanjangkan kepada AIM supaya program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

*i-THINK* adalah program yang menarik perhatian saya kerana program ini membawa pemikiran yang kreatif kepada sistem persekolahan di Malaysia. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya program ini diperluaskan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan diberi peruntukan yang lebih supaya ia dapat dilaksanakan. Saya juga memohon supaya ia dilaksanakan di sekolah-sekolah di kawasan Parlimen saya Sibuti.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan besar pada saya untuk bajet kali ini peruntukan sebanyak 30 buah bina semula sekolah satu atau dua buah sekolah melalui keadaan IBS ini dapat dilaksanakan di Parlimen Sibuti, antara cadangan yang saya sebut di atas tadi. Tuan Yang di-Pertua, selain masalah sekolah daif, saya tekankan di sini cabaran besar buat pelajar dan ibu bapa di masa kini menuju ke sekolah, maka rakyat sangat-sangat memerlukan peruntukan-peruntukan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam kita cuba berhemah untuk melaksanakan bajet negara, kerajaan perlu diberi pujian kerana komitmen untuk meneruskan program-program seperti bantuan makanan asrama sebanyak RM1.1 bilion dan diharap tidak berlaku pelajar-pelajar tidak cukup makan di asrama. Kerajaan juga akan membelanjakan RM300 juta bagi rancangan makanan tambahan. Terima kasih kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan dan ucapan saya ketika Parlimen bersidang yang sering kali membangkitkan isu berkaitan kemudahan perkhidmatan kesihatan bagi rakyat di kawasan luar bandar. Kita berterima kasih kerana kerajaan mempunyai satu hospital di Miri yang diberi jenama baru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Regional Hospital untuk *northern region*. Akan tetapi kita memohon agar keseluruhan hospital itu dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan mesin yang baik, mesin yang baru, doktor-doktor yang mencukupi, *nurses* yang mencukupi dan ubat-ubatan yang terkini untuk pesakit-pesakit kerana Regional Hospital itu adalah dari kawasan Baram pergi ke hospital sana, dari keseluruhan Miri dan dari kawasan Sibuti di mana rakyat di kawasan itu tidak kurang daripada 350,000 menggunakan hospital, hanya satu hospital.

Oleh yang demikian, saya merayu kerana telah diluluskan pada beberapa tahun lepas untuk mengadakan klinik yang baru untuk kawasan saya Sibuti sebab

sudah dinaiktarafkan sebagai sebuah daerah baru, Daerah Subis. Maka kami memerlukan hospital itu kerana untuk pergi dari kawasan saya ke Miri tidak kurang daripada 60 kilometer perjalanananya. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Sibuti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom bangun Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Boleh saya, Tenom? Belakang, sini. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Tenom, Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Kenal Tenom?

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibutii]:** Oh, Tenomlah, ya.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan daripada Sibuti tadi. Yang Berhormat Sibuti, berkenaan dengan kesihatan luar bandar tadi, setujukah Ahli Yang Berhormat, selain daripada pembinaan hospital, klinik di luar bandar kerana baru-baru ini saya melihat bahawa kerajaan telah menamatkan perkhidmatan doktor udara. Saya fikir di Sarawak pun perlu juga perkhidmatan doktor udara. Setujuan Ahli Yang Berhormat Sibuti perkhidmatan doktor udara ini perlu diteruskan seperti mana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga, di kawasan Beluran, saya percaya perkhidmatan doktor udara ini amat penting supaya perkhidmatan ini dapat dicapai ke luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, buat makluman Yang Berhormat, perkhidmatan doktor udara telah berhenti tetapi ganti dengan klinik desa.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya Yang Berhormat Sibuti, kalau boleh gantikan juga dengan klinik desa ini.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibutii]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon agar ucapan dia dimasukkan dalam ucapan saya. *[Ketawa]* Lagi, biarlah pihak Yang Berhormat Menteri menjawab nanti. Kita pun memerlukan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tenom tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyambungkan— saya dah lari ini Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan ketawa]* Saya mengharapkan pihak kerajaan dapat memperuntukkan kuota pekerja yang diberhentikan oleh pihak PETRONAS kerana kekurangan hasil minyak. Jika mereka diberi sedikit peruntukan ataupun ganti rugi, kita memohon agar wang yang mereka dapat itu jangan kena *tax* supaya mereka dapat berlebihan sedikit untuk mereka meneruskan penghidupan dalam masa enam bulan selepas mereka diberhentikan. Kalau boleh, janganlah ada *tax* untuk mereka ataupun

kita memberi sedikit apa yang mereka boleh mulakan untuk penghidupan baru ataupun *start up business* kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi saya hendak cakap ini tetapi saya tengok jam cemburu kepada saya. *[Dewan ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua, boleh tak saya sambung esok sahajalah? *[Dewan ketawa]* Sebab saya tengok...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya nak tunggu jam 10.30 Yang Berhormat ya.

**Seorang Ahli:** Seminit lagi, seminit lagi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Oh, saya ingat saya sudah lepas tadi, sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh sambung esok Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Oh, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa][Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 1 November 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.30 malam]***